KEUTAMAAN ILMU & PARA ULAMA

Berdasarkan Keterangan Hadis-Hadis Sahih

Drs. Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris

Sesungguhnya martabat ilmu itu sangat tinggi kedudukannya dalam pandangan Islam, bahkan iman dan amal tidak sah tanpa ilmu. Oleh sebab itu, Islam mewajibkan umatnya yang mukallaf supaya belajar dan mengajar, paling tidak mengenai fardhu ain. Ayat pertama diturunkan ialah mengenai ilmu. Dengan tingginya kedudukan ilmu, maka dengan sendirinya para ilmuan itu tinggi martabatnya. Malah mereka (ilmuan) merupakan pewaris Nabi s.a.w.

Dalam rangka mempertingkatkan lagi penghayatan dan pengalaman, penulis bekesempatan menyusun buku ini yang berjudul "Hadith-Hadith mengenai Keutamaan Ilmu Dan Para Ulama" sebagai usaha bagi mengajak umat Islam mengkaji dan menambahkan lagi ilmu hadith mengenai kelebihan ilmu dan ulama (para ilmuan)

BERILMU, BERAMAL, BERAKHLAK

ahidayah@tm.net.my.

HADITH-HADITH MENGENAI KEUTAMAAN ILMU DAN PARA ULAMA

Oleh:
Drs. Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris

HADITH-HADITH MENGENAI KEUTAMAAN ILMU DAN PARA ULAMA

Cetakan Pertama 2000

Diterbitkan oleh:

ILMU CAHAYA KEHIDUPAN

AL-HIDAYAH PUBLISHERS
3-1, Komplek Udarama,
Jalan 1/64A Off Jalan Ipoh,
50350 Kuala Lumpur.
Fax: 03-4444733

KATA PENERBIT

SEGALA puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda.

Dalam usaha untuk menambahkan buku-buku bacaan dikalangan masyarakat sekarang dengan rasa syukur dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan limpahan rahamtNya kami dapat menerbitkan sebuah lagi buku yang bertajuk ***Hadith-Hadith Mengenai Keutamaan Ilmu Dan Para Ulama.***

Sebagai penerbit, besar harapan kami semoga buku ini akan memberi manfaat dan bimbingan kepada pembaca sekalian. Segala amalan yang baik ini semoga mendapat keredhaan Allah SWT.

Segala kesilapan dan kekurangan adalah kelemahan daripada kami, oleh itu jika terdapat sebarang kesilapan harap mohon maaf. Teguran membinan amatlah dialukan untuk membetulkan kesilapan pada cetakan yang akan datang.

Sekian. Wabillahi Taufiq Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Penerbit,
Al-Hidayah Publishers

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ.

اَلْحَمْدُلِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ.

SEGALA puji dan syukur kehadhirat Allah SWT Tuhan semesta alam. Selawat dan salam dipanjatkan kepada junjungan Nabi besar Muhammad SAW yang dengan perutusannya membawa rahmat seluruh alam

Dalam rangka mempertingkatkan lagi penghayatan dan pengamalan, dengan inayah dan hidayah Allah SWT penulis berkesempatan menyusun sebuah lagi buku ***Hadith-Hadith Mengenai Keutamaan Ilmu Dan Para Ulama*** sebagai usaha bagi mengajak umat Islam mengkaji dan menambahkan lagi ilmu hadith mengenai keutamaan ilmu dan ulama.

Sesungguhnya kedudukan ilmu sangat tinggi nilainya dalam pandangan Islam, bahkan iman dan amal tidak sah tanpa ilmu. Maka oleh kerana itulah Islam mewajibkan umatnya yang mukallaf supaya belajar dan mengajar, sekurang-kurangnya mengenai fardhu 'ain. Ayat Al-Quran yang mula-mula diturunkan ialah mengenai ilmu dan Al-Quran itu sendiri adalah merupakan buku induk segala ilmu yang bermanfaat. Dan oleh kerana tingginya martabat ilmu maka tinggi pulalah martabat para ilmuan (ulama) bahkan

para ulama adalah pewaris Nabi SAW.

Sebagai Rasul yang diutuskan untuk menyampaikan wahyu Allah (Al-Quran) dan menjelaskannya maka Rasulullah SAW telah menerangkan kepada umat manusia mengenai keutamaan ilmu ini dan kedudukan para ulama serta lain-lain perkara yang bersangkutan dengannya. Keterangan Rasul itu terkandung dalam Hadith yang termuat dalam berpuluh-puluh jenis dan beratus-ratus kitab Hadith yang disusun oleh para ulama Hadith.

Oleh kerana hadith-hadith tersebut tersimpan dalam khazanahnya yang sangat besar dan banyak dan kadang-kadang bercampur baur antara yang sahih dan tidak sahih, maka dengan segala rendah diri dan serba kekurangan saya cuba mengumpulkannya dan memisahkan antara yang sahih dan yang tidak sahih bagi memudahkan para pembaca.

Pembahagian ini sangat penting bagi membezakan antara hadith-hadith yang diamalkan dan yang wajib ditinggalkan, dan supaya orang ramai tidak terjebak dengan hadith-hadith yang tidak halal itu sebagaimana yang sering kejadian dalam masyarakat kita, bukan sahaja di kalangan orang awam malahan di kalangan para ilmuan juga.

Oleh kerana itu setiap orang yang hendak menggunakan hadith baik dalam pengajarannya, tulisannya dan ucapannya wajiblah merujukkan setiap hadith yang hendak digunakan itu kepada sumber-sumbernya yang muktabar supaya terhindar dari ancaman Nabi yang disebutkan atau sekurangnya-kurangnya tidak terjebak dengan mengajar ilmu salah yang akan menerima habuannya sampailah hari

kiamat, walaupun terlepas dari hukuman dunia.

Buku ini adalah sebahagian kecil dari usaha untuk menjauhkan umat Islam dari kebohongan dan kesesatan yang lahir dari tidak celek hadith. Mudah-mudahan ia akan memberi manfaat kepada umum.

Segala kebenaran adalah daripada Allah SWT dan segala kekurangan dan kelemahan adalah datang daripada saya sendiri, jika terdapat salah dan silap saya bersedia menerima teguran dan pembetulan demi untuk kebaikan bersama.

Semoga buku ini dapat memberi banyak faedah kepada pembaca. Hanya kepada Allah jua sama-sama kita memohon hidayah dan semoga memperolehi keredhaan dan limpa kurniaNya.

Sekian,

Drs. Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris

KANDUNGAN

MUQADDIMAH

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ.

إِنَّ الْحَمْدَ لِلّٰهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُوْرِ أَنْفُسِنَا ، وَسَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُظْلِلِ فَلاَ هَادِيَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلٰهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. "يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلاَ تَمُوْتُنَّ إِلاَّ وَأَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ." "يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوْا رَبَّكُمُ الَّذِيْ خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالاً كَثِيْراً وَنِسَاءً وَاتَّقُوْا اللّٰهَ الَّذِيْ تَسَاءَلُوْنَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللّٰهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيْبًا." "يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللّٰهَ وَقُوْلُوْا قَوْلاً سَدِيْداً يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللّٰهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزاً عَظِيْمًا. وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى رَسُوْلِ اللّٰهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَوَالاَهُ. أَمَّا بَعْدُ.

SESUNGGUHNYA kedudukan ilmu sangat tinggi nilainya dalam pandangan Islam, bahkan iman dan amal tidak sah tanpa ilmu. Maka oleh kerana itulah Islam mewajibkan umatnya yang mukallaf supaya belajar dan mengajar, sekurang-kurangnya mengenai fardhu 'ain. Ayat Al-Quran yang mula-mula diturunkan ialah mengenai ilmu dan Al-Quran itu sendiri adalah merupakan buku induk segala ilmu yang bermanfaat. Dan oleh kerana tingginya martabat ilmu maka tinggi pulalah martabat para ilmuan (ulama) bahkan para ulama adalah pewaris Nabi SAW.

Allah berfirman:

يَرْفَعِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنكُمْ وَٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ دَرَجَٰتٍ

Ertinya:

"Allah mengangkat orang-orang yang beriman dari kamu dan orang-orang yang diberikan ilmu beberapa darjat."

(Al-Mujadilah: 11)

Ertinya:

"Sesungguhnya yang takutkan Allah dari para hambanya tidak lain daripada para ulama."

(Fathir: 28)

Dan Rasulullah SAW bersabda:

وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الأَنْبِيَاءِ.

Ertinya:

"Dan sesungguhnya para ulama itu adalah pewaris-pewaris para Nabi."

(Riwayat At-Tirmizi, Abu Daud, Ibnu Majah, Ahmad, An-Nasai, Ibnu Hibban dan Ad-Darimi)

Sebagai Rasul yang diutuskan untuk menyampaikan wahyu Allah (Al-Quran) dan menjelaskannya maka Rasulullah SAW telah menerangkan kepada umat manusia mengenai keutamaan ilmu ini dan kedudukan para ulama serta lain-lain perkara yang bersangkutan dengannya. Keterangan Rasul itu terkandung dalam Hadith yang termuat dalam berpuluh-puluh jenis dan beratus-ratus kitab Hadith yang disusun oleh para ulama Hadith.

Oleh kerana hadith-hadith tersebut tersimpan dalam khazanahnya yang sangat besar dan banyak dan kadang-kadang bercampur baur antara yang sahih dan tidak sahih, maka dengan segala rendah diri dan serba kekurangan penulis cuba mengumpulkannya dan memisahkan antara yang sahih dan yang bukan sahih bagi memudahkan orang ramai.

Isi kandungan buku ini terbahagi kepada dua bahagian asas:

1. Hadith-hadith sahih mengenai keutamaan ilmu dan para ilmuan (ulama).
2. Hadith-hadith yang tidak sahih mengenai keutamaan ilmu dan para ilmuan (ulama). Termasuk dalam bahagian ini

ialah hadith-hadith dha'if, mungkar, matruk (sangat dha'if), hadith-hadith La Asla Lahu dan hadith-hadith maudhu'

Penggolongan ini sangat penting bagi membezakan antara hadith-hadith yang diamalkan dan yang wajib ditinggalkan, dan supaya orang ramai tidak terjebak dengan hadith-hadith yang tidak halal itu sebagaimana yang sering kejadian dalam masyarakat kita, bukan sahaja di kalangan orang awam malahan di kalangan para ilmuan juga.

Adalah diperhatikan bahawa dalam buku-buku, majalah, risalah-risalah, surat khabar-surat khabar, pengajian-pengajian, syarahan-syarahan, forum-forum dan sebagainya sering ditonjolkan hadith-hadith yang tidak sahih itu. Sering kejadian yang bukan sabda Nabi, bahkan kalam manusia dikatakan sabda Nabi kerana isinya sangat menarik dan kerana taqlid buta yang menjadi penyakit kronik sebahagian besar ulat Islam, termasuklah sebahagian para ilmuannya.

Sesungguhnya berdusta kepada Nabi adalah satu dosa besar yang terang-terang diancam dengan azab neraka tetapi kerana penyakit taqlid dan merasa berpada-pada dengan apa yang ada ia sangat kurang disedari dan diperhatikan orang.

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَقَوَّلَ عَلَىَّ مَا لَمْ أَقُلْ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

Ertinya:

"Barangsiapa mengatakan ke atasku apa yang aku tidak

katakan maka bersedialah mengambil tempatnya dari bahagian neraka."

(Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah)

إِنَّ الْكَذِبَ عَلَيَّ لَيْسَ كَكَذِبٍ عَلَى أَحَدٍ فَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

Ertinya:

"Sesungguhnya berdusta ke atasku tidaklah serupa dengan berdusta ke atas seorang yang lain, maka barangsiapa yang sengaja berdusta ke atasku, maka bersedialah mengambil tempatnya dari bahagian neraka."

(Riwayat Muslim)

Dan sabda baginda:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

Ertinya:

"Barangsiapa yang sengaja berdusta ke atasku maka bersedialah mengambil tempatnya dari bahagian neraka."

(Hadith Mutawatir riwayat Al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, At-Tirmizi, Ahmad, Ad-Darimi, Ibnu Majah dan lain-lain)

Oleh kerana itu setiap orang yang hendak menggunakan hadith baik dalam pengajarannya, tulisannya dan ucapannya wajiblah merujukkan setiap hadith yang hendak digunakan itu kepada sumber-sumbernya yang muktabar supaya terhindar dari ancaman Nabi yang disebutkan atau sekurangnya-kurangnya tidak terjebak dengan mengajar ilmu salah yang akan menerima habuannya sampailah hari

kiamat, walaupun terlepas dari hukuman dunia.

Buku ini adalah sebahagian kecil dari usaha untuk menjauhkan umat Islam dari kebohongan dan kesesatan yang lahir dari tidak celek hadith. Mudah-mudahan ia akan memberi manfaat kepada umum, atau sekurang-kurangnya kepada penyusunnya sendiri.

Semua kebenaran datangnya dari Allah dan salah silap daripada penyusun sendiri.

Wallahua 'alam bish-shawab

Ar-Raji ila ghufrani rabbih,
Drs. Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris

Kota Bharu, Kelantan.
12hb. Rabiul Awal 1418
17hb. Julai 1997.

1

Hadith-hadith Shahih Mengenai Keutamaan Ilmu Dan Para Ilmuan (Ulama)

HADITH-HADITH SHAHIH MENGENAI KEUTAMAAN ILMU DAN PARA ILMUAN (ULAMA)

A. KEUTAMAAN ILMU

1. Ibnu Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللّٰهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِى الدِّيْنِ. (صحيح)

"Barangsiapa yang dikehendaki kebaikan oleh Allah untuknya nescaya diberikannya kefahaman dalam agama."

Hadith ini sahih[1]

2. Mu'awiah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللّٰهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِى الدِّيْنِ وَلَا تَزَالُ عِصَابَةٌ مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ يُقَاتِلُوْنَ عَلَى الْحَقِّ ظَاهِرِيْنَ عَلَى مَنْ نَاوَأَهُمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ. (صحيح)

"Barangsiapa yang dikehendaki kebaikan oleh Allah untuknya nescaya diberikannya kefahaman dalam agama, dan sentiasalah ada satu kumpulan dari kaum muslimin yang

(1) HR. At-Tirmizi 2/108 dan Ad-Darimi 2/281. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 3/1194/191.

memerangi dan mengalahkan orang-orang yang menentang mereka sampailah hari kiamat."

Hadith ini sahih[2]

3. Dalam riwayat lain Mu'awiah r.a. meriwayat bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللّٰهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّيْنِ وَإِنَّ هٰذَا الْمَالَ حُلْوٌ خَضِرٌ فَمَنْ يَأْخُذْهُ بِحَقِّهِ يُبَارَكْ لَهُ فِيْهِ وَإِيَّاكُمْ وَالتَّمَادُحَ فَإِنَّهُ الذَّبْحُ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang dikehendaki Allah kebaikan untuknya nescaya diberikannya kefahaman dalam agama. Dan sesungguhnya harta ini adalah manis lagi hijau (menarik dan mempesonakan), maka barangsiapa yang mengambilnya secara hak nescaya ia diberkati padanya. Dan janganlah kamu saling memuji kerana ianya adalah satu penyembelehan."

Hadith ini sahih[3]

4. Mu'awiah bin Abu Sufian r.a. meriwayatkan katanya: "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللّٰهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّيْنِ، وَإِنَّمَا أَنَا قَاسِمٌ وَاللّٰهُ يُعْطِيْ، وَلَنْ تَزَالَ هٰذِهِ الْأُمَّةُ قَائِمَةً عَلَى أَمْرِ اللّٰهِ لَا يَضُرُّهُمْ مَنْ خَالَفَهُمْ حَتّٰى يَأْتِيَ أَمْرُ اللّٰهِ.

(صحيح)

(2) HR. Ahmad 4/93, Ibnu Abdil-Barri 1/20, Muslim 6/53, 54. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 3/193.

(3) HR. Ath-Thahawi dalam Masykalul-Athar 2/279, Ahmad 4/92, 93, 98, 99. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 3/1196/194.

"Barangsiapa yang dikehendaki Allah kebaikan untuknya nescaya diberikannya kefahaman dalam agama. Dan sesungguhnya aku hanyalah pembahagi sedangkan Allahlah yang Memberi. Dan sentiasalah umat tegak berdiri atas perintah Allah dan mereka tidak dibahayakan oleh orang yang melawan mereka sehingga datanglah perintah Allah."

Hadith ini sahih[4]

5. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan katanya: "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلاَّ مِنْ ثَلاثٍ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُولَهُ.

(صحيح)

"Apabila anak Adam meninggal dunia maka terputuslah amalannya melainkan dari tiga perkara; sedekah jariah atau ilmu yang memberi manfaat atau anak soleh yang berdoa untuknya."

Hadith ini sahih[5]

6. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ الْانْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلاَّ مِنْ ثَلاثٍ، صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُولَهُ.

(صحيح)

---

(4) HR. Al-Bukhari 1/25, 26, 4/49, 8/149, Ath-Thahawi dalam Masykalul-Athar 2/278. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 3/1195/195.

(5) HR. Muslim. Riadhush-Shalihin hal. 451, Shahih At-Targhib wat Tarhib 75.

"Apabila seorang manusia mati maka terputuslah amalannya melainkan dari tiga perkara; sedekah jariah atau ilmu yang memberi manfaat ataupun anak yang soleh yang berdoa untuknya."

Hadith ini sahih[6]

7. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَلَكَ طَرِيْقًا يَلْتَمِسُ فِيْهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيْقًا إِلَى الْجَنَّةِ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang menjalani satu jalan untuk mencari ilmu padanya nescaya Allah memudahkan baginya jalan ke syurga."

Hadith ini sahih[7]

8. Safwan bin 'Assas Al-Muradi meriwayatkan katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ خَارِجٍ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ إِلاَّ وَضَعَتْ لَهُ الْمَلاَئِكَةُ أَجْنِحَتَهَا رِضًا بِمَا يَصْنَعُ.

(صحيح)

"Tiada di antara yang keluar dari rumahnya dalam menuntut ilmu melainkan para Malaikat menebarkan sayap-sayapnya

(6) HR. Muslim (Talkhis Sahih Imam Muslim 2/1/1183), Mukhtashar Sahih Muslim 1001, Al-Bukhari dalam al-Adabul-Mufrad hal. 5, Abu Daud 2/15, An-Nasai 2/129, Ath Thahawi dalam Masykalul-Athar 1/85, Al-Baihaqi 6/278, Ahmad 2/372, Al-Irwa' 1080, Ahkamul-Janaiz 176, Al-Misykat 203, Shahih Al-Jamiush-Shaghir 793.

(7) Hadith riwayat Muslim, At-Tirmizi dan Ibnu Majah. Sahih Sunan At-Tirmizi 2797-2134, Sahih Sunan Ibnu Majah 225, Riadhush-Shalihin 450.

kerana redha dengan apa yang dilakukannya."

***Hadith ini sahih*[8]**

9. 'Aisyah r.a. meriwayatkan katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّوَجَلَّ أَوْحَى إِلَيَّ اَنَّهُ مَنْ سَلَكَ مَسْلَكًا فِي طَلَبِ الْعِلْمِ سَهَّلْتُ لَهُ طَرِيْقَ الْجَنَّةِ وَمَنْ سَلَبْتُ كَرِيْمَتِهِ أَثْبَتُهُ عَلَيْهِمَا الْجَنَّةَ وَفَضْلٌ فِي عِلْمٍ خَيْرٌ مِنْ فَضْلٍ فِيْ عِبَادَةٍ وَمِلاَكُ الدِّيْنِ الْوَرَعُ.

(صحيح)

"Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla mewahyukan kepadaku bahawa barangsiapa yang menjalani satu jalan dalam menuntut ilmu nescaya Aku permudahkan baginya jalan ke syurga. Dan barangsiapa yang Aku rampas dua biji matanya nescaya Aku memberikan kedua-duanya pahala syurga. Dan kelebihan ilmu adalah lebih baik daripada ibadat dan tonggak agama ialah wara'."

***Hadith ini sahih*[9]**

10. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا خَرَجَ رَجُلٌ مِنْ بَيْتِهِ يَطْلُبُ عِلْمًا إِلاَّ سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيْقًا إِلَى الْجَنَّةِ.

(صحيح)

"Tiada keluar seseorang lelaki dari rumahnya kerana

(8) Hadith riwayat Ibnu Majah (Sahih Sunan Ibnu Majah 226-185), At-Ta'liq ar-Raghib 1/62, Takhrijul-Ilmi 5.

(9) HR. Al-Baihaqi. Al-Misykat 269.

menuntut ilmu melainkan Allah memudahkan baginya jalan ke syurga."

Hadith ini sahih[10]

11. Safwan bin 'Assala r.a. meriwayatkan katanya: Aku mendengar Rasul SAW bersabda:

مَا مِنْ خَارِجٍ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ إِلاَّ وَضَعَتْ لَهُ الْمَلاَئِكَةُ أَجْنِحَتَهَا رِضًا بِمَا يَصْنَعُ حَتَّى يَرْجِعَ.

(صحيح)

"Tiada seorang yang keluar dari rumahnya dalam mencari ilmu melainkan para Malaikat menebarkan sayap-sayapnya untuknya kerana redha dengan apa yang dilakukannya sehinggalah ia kembali."

Hadith ini sahih[11]

12. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ رَجُلٍ يَسْلُكُ طَرِيقًا يَطْلُبُ فِيهِ عِلْمًا إِلاَّ سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقَ الْجَنَّةِ، وَمَنْ أَبْطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ.

(صحيح)

"Tiada di antara lelaki yang menjalani satu jalan untuk menuntut ilmu padanya melainkan Allah permudahkan baginya jalan ke syurga. Barangsiapa yang dilambatkan oleh

(10) HR. Riwayat Muslim, manakala Abu Daud, Ibnu Majah dan Ibnu Hibban meriwayatkannya daripada Abu Darda'. Muslim 8/71, Sahih At-Targhib wat-Tarhib 67, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 5617.

(11) HR. Ahmad, Ibnu Majah, Ibnu Hibban dan al-Hakim. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 81, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 5702.

amalannya tidaklah akan dipercepatkan oleh keturunannya."

Hadith ini sahih[12]

13. Safwan bin Assal r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْمَلاَئِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا لِطَالِبِ الْعِلْمِ رِضًا بِمَا يَطْلُبُ.

(صحيح)

"Sesungguhnya pada Malaikat menebarkan sayap-sayapnya untuk pelajar ilmu kerana redha dengan apa yang dituntutnya."

Hadith ini sahih[13]

14. Safwan bin 'Assal Al-Muradi r.a. meriwayatkan katanya:

أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ مُتَّكِئٌ عَلَى بُرْدٍ لَهُ أَحْمَرَ فَقُلْتُ لَهُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنِّي جِئْتُ أَطْلُبُ الْعِلْمَ. فَقَالَ: مَرْحَبًا بِطَالِبِ الْعِلْمِ، إِنَّ طَالِبَ الْعِلْمِ تَحُفُّهُ الْمَلاَئِكَةُ بِأَجْنِحَتِهَا ثُمَّ يَرْكَبُ بَعْضُهُمْ بَعْضًا حَتَّى يَبْلُغُوا السَّمَاءَ الدُّنْيَا مِنْ مَحَبَّتِهِمْ لِمَا يَطْلُبُ.

(حسن)

"Aku datang menemui Nabi SAW di kala beliau sedang bertelekan di atas kain burud (kain yang bercorak beragi-ragi panjang) berwarna merah kepunyaannya. Aku berkata:

---

(12) HR. Abu Daud dan al-Hakim. Sahih Sunan Abu Daud 3097, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 5715.

(13) HR. Ath-Thayalisi. Sahih At-Targhib 68, Sahih Al-Jamiush- Shaghir 1956.

Saya datang ini untuk mencari ilmu, maka beliau bersabda: Selamat datang untuk pelajar ilmu. Sesungguhnya pelajar ilmu itu akan dikelilingi para Malaikat dengan sayap-sayapnya, kemudian sebahagian mereka menaiki sebahagian yang lain sehingga sampai ke langit dunia kerana kasihnya mereka kepada apa yang dituntut oleh pelajar."

Hadith ini sahih(14)

15. Mu'awiah bin Abu Sufian r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

أَلْخَيْرُ عَادَةٌ وَالشَّرُّ لُجَاجَةٌ وَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْراً لُفَقِّهْهُ فِي الدِّيْنِ.

(صحيح)

"Kebaikan itu adalah kebiasaan dan kejahatan itu adalah musuh, dan sesiapa yang dikehendaki Allah kebaikan untuknya nescaya diberikannya kefahaman dalam agama."

Hadith ini sahih(15)

16. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ جَاءَ مَسْجِدِيْ هَذَا لَمْ يَأْتِهِ إِلاَّ لِخَيْرٍ يَتَعَلَّمُهُ أَوْ يُعَلِّمُهُ فَهُوَ بِمَنْزِلَةِ الْمُجَاهِدِ فِيْ سَبِيْلِ اللَّهِ وَمَنْ جَاءَ لِغَيْرِ ذَلِكَ فَهُوَ بِمَنْزِلَةِ الرَّجُلِ يَنْظُرُ إِلَى مَتَاعِ غَيْرِهِ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang datang ke masjidku ini kerana semata-

(14) HR. Ahmad, Ath-Thabrani, Ibnu Hibban dan Al-Hakim. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 69.

(15) HR. Ibnu Majah 221-181, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 651, Ar-Raudhun-Nadhir 1160.

mata mempelajari kebaikan atau mengajarkannya maka dia serupalah dengan mujahid di jalan Allah. Dan barangsiapa yang datang kerana selain itu adalah bagaikan seorang lelaki yang melihat kepada mata benda orang lain."

Hadith ini sahih[16]

17. Abdullah bin Abu Qatadah meriwayatkan daripada bapanya, katanya: Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُمَا يُخَلِّفُ الرَّجُلُ مِنْ بَعْدِهِ ثَلاَثٌ: وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُولَهُ وَصَدَقَةٌ تَجْرِى يَبْلُغُهُ أَجْرُهَا وَعِلْمٌ يُعْمَلُ بِهِ مِنْ بَعْدِهِ.

(صحيح)

"Sebaik-baik perkara yang ditinggalkan oleh seorang lelaki sesudahnya ialah tiga perkara: Anak yang soleh yang berdoa untuknya, sedekah jariah yang pahalanya sampai kepadanya dan ilmu yang diamalkan sesudahnya."

Hadith ini sahih[17]

18. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مِمَّا يَلْحَقُ الْمُؤْمِنَ مِنْ عَمَلِهِ وَحَسَنَاتِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ عِلْمًا عَلَّمَهُ وَنَشَرَهُ وَوَلَدًا صَالِحًا تَرَكَهُ وَمُصْحَفًا وَرَّثَهُ أَوْ مَسْجِدًا بَنَاهُ أَوْ بَيْتًا لاِبْنِ السَّبِيْلِ بَنَاهُ أَوْ نَهْرًا أَجْرَاهُ أَوْ صَدَقَةً أَخْرَجَهَا مِنْ مَالِهِ فِى

(16) HR. Ibnu Majah 227-186, Sahih At-Targhib wat-Tarhib 83.

(17) HR. Ibnu Majah 241-197, Ibnu Hibban dalam Sahihnya 84, 85, Ath-Thabarani dalam Al-Mu'jamush-Shaghir hal. 99, Ibnu Abdil-Barri dalam Jamiu' Bayanil-Ilmi 1/15. At-Ta'liq Ar-Raghib 1/85, Al-Ahkam 176, Ar-Raudhun-Nadhir 1013.

صِحَّتِهِ وَحَيَاتِهِ يَلْحَقُهُ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ.

(حسن)

"Sesungguhnya di antara amalan dan kebajikan seseorang mukmin yang sampai pahalanya kepadanya selepas matinya ialah; ilmu yang diajarnya dan yang disebarkannya, anak yang soleh yang ditinggalkannya, mushaf (Al-Quran) yang diwariskannya, atau masjid yang dibinanya, atau rumah yang dibinanya untuk orang musafir, atau sungai yang dialirkannya (digalinya) atau sedekah yang dikeluarkannya dari sebahagian hartanya pada masa sihat dan hidupnya yang pahalanya akan sampai kepadanya selepas matinya."

Hadith ini hasan(18)

19. Abu Umamah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ غَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ لاَ يُرِيْدُ إِلاَّ أَنْ يَتَعَلَّمَ خَيْرًا أَوْ يُعَلِّمَهُ كَانَ لَهُ كَأَجْرِ حَاجٍّ تَامًّا حَجَّتُهُ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang berpagi-pagi ke masjid, tiada keinginannya kecuali berjalan sesuatu kebaikan atau mengajarkannya, maka ia mendapat pahala orang yang mengerjakan haji yang sempurna hajinya."

Hadith ini sahih(19)

(18) HR. Ibnu Majah 242-198, Al-Baihaqi dan Ibnu Khuzaimah. Al-Misykat 254, Al-Irwa' 6/29, Al-Ahkam 176, 177, Ar-Raudhun-Nadhir 1013, At-Ta'liq Ar-Raghib Sahih Al-Jamiush-Shaghir 2231.

(19) HR. Ath-Thabarani dalam al-Kabir. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 82.

20. Abu Musa r.a. meriwayatkan katanya: Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مَثَلَ مَا بَعَثَنِى اللّٰهُ بِهِ مِنَ الْهُدَى وَالْعِلْمِ كَمَثَلِ غَيْثٍ أَصَابَ أَرْضًا. فَكَانَتْ مِنْهَا طَائِفَةٌ طَيِّبَةٌ قَبِلَتِ الْمَاءَ وَأَنْبَتَتِ الْكَلأَ وَالْعُشْبَ الْكَثِيْرَ، وَكَانَ مِنْهَا أَجَادِبُ اَمْسَكَتِ الْمَاءَ فَنَفَعَ اللّٰهُ بِهَا النَّاسَ، فَشَرِبُوا مِنْهَا وَسَقَوا وَزَرَعُوا. وَأَصَابَ طَائِفَةً أُخْرَى مِنْهَا اِنَّمَا هِيَ قِيْعَانٌ لاَ تُمْسِكُ مَاءً وَلاَ تُنْبِتَ كَلأً فَذَلِكَ مَثَلُ مَنْ فَقُهَ فِى دِيْنِ اللّٰهِ تَعَالَى وَنَفَعَهُ مَا بَعَثَنِى اللّٰهُ بِهِ فَعَلِمَ وَعَلَّمَ: وَمَثَلُ مَنْ لَمْ يَرْفَعْ بِذَلِكَ رَأْسًا وَلَمْ يَقْبَلْ هُدَى اللّٰهِ الَّذِىْ أُرْسِلْتُ بِهِ.

(صحيح)

"Sesungguhnya perumpamaan petunjuk dan ilmu yang diutuskan Allah kepadaku adalah bagaikan hujan yang menimpa bumi. Di antaranya ada kumpulan yang baik yang menerima air lalu ia menumbuhkan rumput rampai yang banyak. Di antaranya pula ada bumi yang keras yang memegang air lalu Allah memberi manfaat dengannya kepada manusia, mereka meminumnya, menyirami dan menanam. Dan hujan itu pula menimpa sebahagian bumi yang lain. Ianya tidak lain melainkan tanah gersang yang licin yang tidak memegang air dan tidak menumbuhkan rumput. Demikian itulah perumpamaannya orang yang faham dalam agama Allah dan apa yang Allah utuskan aku membawanya memberi manfaat kepadanya, lalu ia belajar

dan mengajar, dan perumpamaan orang yang tidak mengangkat kepalanya dengan demikian dan ia tidak menerima petunjuk."

Allah yang diutuskan aku membawanya.

Hadith ini Sahih[20]

21. Abu Umamah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَرْبَعَةٌ تَجْرِي عَلَيْهِمْ أُجُورُهُمْ بَعْدَ الْمَوْتِ، رَجُلٌ مَاتَ مُرَابِطًا فِي سَبِيلِ اللّٰهِ وَرَجُلٌ عَلَّمَ عِلْمًا فَأَجْرُهُ يَجْرِي عَلَيْهِ مَا عُمِلَ بِهِ وَرَجُلٌ أَجْرَى صَدَقَةً فَأَجْرُهَا لَهُ مَا جَرَتْ وَرَجُلٌ تَرَكَ وَلَدًا صَالِحًا يَدْعُو لَهُ.

(صحيح)

"Empat perkara yang akan mengalir pahalanya kepada orang mati selepas mereka mati, iaitu: Orang yang mati kerana bersiap siaga (berkawal) diperbatasan negeri di jalan Allah, orang yang mengajar ilmu akan mengalir pahala kepadanya selama ilmu itu diamalkan, orang yang memberi satu sedekah jariah pahalanya akan mengalir kepadanya selama sedekah itu wujud dan seorang lelaki yang meninggalkan anak yang soleh lalu berdoa untuknya"

Hadith ini sahih[21]

22. Salman r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

(20) HR. Al-Bukhari dan Muslim. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 73.

(21) HR. Ahmad, Ath-Thabrani. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 110, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 877.

أَرْبَعٌ مِنْ عَمَلِ الْأَحْيَاءِ تَجْرِي لِلْأَمْوَاتِ: رَجُلٌ تَرَكَ عَقِبًا صَالِحًا يَدْعُوْلَهُ يَنْفَعُهُ دُعَاؤُهُمْ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ جَارِيَةٍ مِنْ بَعْدِهِ لَهُ أَجْرُهَا مَا جَرَتْ بَعْدَهُ. وَرَجُلٌ عَلَّمَ عِلْمًا فَعُمِلَ بِهِ مِنْ بَعْدِهِ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ مَنْ عَمِلَ بِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجْرِ مَنْ يَعْمَلُ بِهِ شَيْءٌ.

(حسن)

"Empat dari amalan orang-orang yang masih hidup akan mengalir kepada orang-orang yang telah mati, iaitu: seorang lelaki yang meninggalkan anak pihak yang soleh yang berdoa untuknya, doa mereka akan memberi manfaat kepada mereka. Seorang lelaki yang memberikan satu sedekah jariah sesudahnya. Pahala sedekah itu akan mengalir kepadanya selama sedekah itu masih mengalir. Seorang lelaki yang mengajarkan satu ilmu lalu diamalkan sesudahnya, maka baginya pahala serupa dengan pahala orang yang mengerjakannya tanpa mengurangkan sedikitpun pahala orang yang mengerjakannya."

Hadith ini hasan[22]

23. Abu r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلدُّنْيَا مَلْعُوْنَةٌ، مَلْعُوْنٌ مَا فِيْهَا إِلاَّ ذِكْرُ اللّٰهِ وَمَا وَالاَهُ وَعَالِمًا أَوْ مُتَعَلِّمًا.

(حسن)

(22) Disebutkan oleh As-Suyuthi dalam Al-Jamiush-Shaghir. Sahih al-Jamiush-Shaghir 888.

"Dunia ini adalah terkutuk dan apa yang ada padanya terkutuk kecuali zikrullah dan taat kepada Allah, orang alim dan pelajar."

Hadith ini hasan[23]

24. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ نَفَّسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ الدُّنْيَا نَفَّسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ، يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ. وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ. وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلاَّ نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ، وَحَفَّتْهُمُ الْمَلاَئِكَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ، وَمَنْ أَبْطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang menghilangkan dari seorang muslim akan satu kesusahan dunianya nescaya Allah menghilangkan satu kesusahan akhirat darinya pada hari kiamat. Barangsiapa yang melindungi seorang muslim nescaya Allah melindunginya di dunia dan akhirat. Barangsiapa yang memudahkan ke atas orang susah nescaya Allah

(23) Hadith riwayat Ibnu Majah dan al-Baihaqi. Sahih Sunan Ibnu Majah 3320.

memudahkan ke atasnya di dunia dan akhirat. Dan Allah akan menolong hambanya selama hambanya menolong saudaranya. Dan barangsiapa yang menjalani satu jalan kerana mencari ilmu padanya nescaya Allah permudahkan baginya jalan ke syurga. Tiada berkumpul satu kaum dalam sebuah rumah dari rumah-rumah Allah untuk membaca kitab Allah dan mempelajarinya di antara mereka melainkan para malaikat mengelilingi mereka, sakinah turun ke atas mereka dan diliputi rahmat, dan Allah menyebutkan mereka dalam golongan orang yang di sisinya. Dan barangsiapa yang dilambatkan oleh amalannya tidaklah akan dipercepatkan oleh keturunannya."

Hadith ini sahih(24)

25. Huzaifah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَضْلُ الْعِلْمِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ فَضْلِ الْعِبَادَةِ وَخَيْرُ دِيْنِكُمْ الْوَرَعُ.
(صحيح)

"Keutamaan ilmu lebih aku sukainya daripada kelebihan ibadat dan sebaik-baik agama kamu ialah warak."

Hadith ini sahih(25)

26. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خِيَارُكُمْ فِي الْجَاهِلِيَّةِ خِيَارُكُمْ فِي الْاسْلَامِ إِذَا فَقِهُوْا. (صحيح)

(24) HR. Muslim (Talkhis Sahih Imam Muslim 2/1/1183), Abu Daud 1308, Ibnu Majah 225-184, Ahmad dan At-Tirmizi. Sahih At-Targhib Wat-Tarhib 1/31/67, At-Ta'liq Ar-Raghib 1/52, Takhrij Al-Ilmi 17, Al-Miaykat 204, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 6577.

(25) HR. Al-Bazzar, Ath-Thabarani dalam Al-Ausath, dan Al-Hakim. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 4214, Ar-Raudhun-Nadhir 1/440.

"Orang-orang yang terpilih di antara kamu pada masa jahiliah adalah orang-orang yang terpilih di antara kamu dalam Islam apabila mereka faham dalam agama."

Hadith ini sahih[26]

27. Dalam riwayat lain Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ إِسْلاَمًا أَحَاسِنُكُمْ أَخْلاَقًا إِذَا فَقِهُوا.

(صحيح)

"Orang yang terbaik di antara kamu dari segi Islamnya ialah orang yang paling baik akhlaknya di antara kamu apabila mereka faham dalam agama."

Hadith ini sahih[27]

28. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلنَّاسُ مَعَادِنُ كَمَعَادِنِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ، خِيَارُهُمْ فِى الْجَاهِلِيَّةِ خِيَارُهُمْ فِى الْاِسْلاَمِ وَالْأَرْوَاحُ جُنُودٌ مُجَنَّدَةٌ فَمَا تَعَارَفَ مِنْهَا ائْتَلَفَ وَمَا تَنَاكَرَ مِنْهَا اخْتَلَفَ.

(صحيح)

"Manusia itu adalah lombong-lombong bagaikan lombong-lombong emas dan perak. Yang terbaik di antara mereka pada zaman jahiliah adalah yang terbaik di antara mereka dalam Islam apabila mereka faham dalam agama. Dan roh-

(26) HR. Al-Bukhari dan Muslim. Mukhtasar Muslim 1615, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 3267.

(27) HR. Ahmad dan Al-Bukhari dalam al-Adabul-Mufrad. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 3546, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 3312.

roh itu bagaikan tentera yang banyak, ia bertemu di dunia lalu mereka berjinak-jinak dan berselisih antara satu sama lain. Roh yang baik akan condong kepada roh yang baik dan roh yang jahat akan menyukai dan condong kepada roh yang jahat."

Hadith ini sahih[28]

B. ILMU YANG BERMANFAAT

29. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa di antara doa Rasulullah SAW ialah:

اَللَّهُمَّ إِنِّى أَعُوْذُبِكَ مِنْ عِلْمٍ لاَ يَنْفَعُ وَمِنْ دُعَاءٍ لاَ يُسْمَعُ وَمِنْ قَلْبٍ لاَ يَخْشَعُ وَمِنْ نَفْسٍ لاَ تَشْبَعُ.

(صحيح)

"Wahai Tuhanku: Aku minta berlindung denganmu dari ilmu yang tidak berguna, dari doa yang tidak mustajab, dari hati yang tidak khusyuk dan dari nafsu yang tidak kenyang-kenyang."

Hadith ini sahih[29]

30. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW berdoa:

اَللَّهُمَّ انفَعْنِى بِمَا عَلَّمْتَنِى وَعَلِّمْنِى مَا يَنْفَعُنِى وَزِدْنِى عِلْمًا.

(صحيح)

"Wahai Tuhanku: Berilah aku manfaat dari ilmu yang Engkau ajarkannya kepadaku dan ajarkanlah aku akan ilmu

(28) HR. Ahmad 2/539, Muslim (Mukhtasar Muslim 1772), Sahih Al-Jamisuh-Shaghir 6797.
(29) HR. Abu Daud 1385, Ibnu Majah 250-202, Takhrijul-Ilmi Ibnu Abi Khaithamah 165.

yang memberi manfaat kepadaku dan tambahkanlah ilmu kepadaku."

Hadith ini sahih(30)

31. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW berdoa:

اَللّٰهُمَّ انْفَعْنِى بِمَا عَلَّمْتَنِى وَعَلِّمْنِى مَا يَنْفَعُنِى وَزِدْنِى عِلْمًا وَأَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنْ عَذَابِ النَّارِ.

(صحيح)

"Wahai Tuhanku! Berilah manfaat kepadaku dengan ilmu yang Engkau ajarkannya kepadaku, dan ajarkanlah kepadaku ilmu yang akan memberi manfaat kepadaku, dan tambahlah ilmuku dan aku berlindung dengan Allah dari azab neraka."

Hadith ini sahih(31)

32. Jabir r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

سَلُوا اللّٰهَ عِلْمًا نَافِعًا وَتَعَوَّذُوْا بِاللّٰهِ مِنْ عِلْمٍ لاَ يَنْفَعُ.

(حسن)

"Mintalah dari Allah ilmu yang bermanfaat dan berlindunglah dengan Allah dari ilmu yang tidak berguna."

Hadith ini hasan(32)

33. Ibnu Mas'ud r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

---

(30) HR. Ibnu Majah 251-203. Al-Misykat 2493.
(31) HR. Ibnu Majah 3833-3090.
(32) HR. Ibnu Abi Syaibah dalam al-Mushannaf 12/605, Ibnu Majan 3843, Abdun bin Hamid dalam Al-Muntakhabu minal-Musnad 1/118/Q, Al-Fakihi 2/34/2.

عِلْمٌ لاَ يَنْفَعُ كَكَنْزٍ لاَ يُنْفَقُ مِنْهُ.

(صحيح)

"Ilmu yang tidak bermanfaat bagaikan khazanah yang tidak dibelanjakan darinya."

Hadith ini sahih(33)

34. Ibnu Umar r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عِلْمٌ لاَ يُقَالُ بِهِ كَكَنْزٍ لاَ يُنْفَقُ مِنْهُ. (صحي)

"Ilmu yang tidak diajarkan bagaikan khazanah yang tidak dibelanjakan darinya."

Hadith ini sahih(34)

35. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَثَلُ الَّذِى يَتَعَلَّمُ الْعِلْمَ ثُمَّ لاَ يُحَدِّثُ بِهِ كَمَثَلِ الَّذِى يَكْنِزُ فَلاَ يُنْفِقُ مِنْهُ.

(صحيح)

"Bandingan orang yang mempelajari ilmu kemudian ia tidak menyampaikannya kepada orang lain adalah bagaikan orang yang melonggokkan harta lalu ia tidak membelanjakan dari hartanya itu."

Hadith ini sahih(35)

---

(33) HR. Ibnu Asakir, Al-Qudha'iy, Ahmad, Ath-Thabarani, Abdul-Barri 1/122, Sahih At-Targhib wat-Tarhib 118, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 4023.

(34) HR. Al-Qudha'iy. Sahih At-Targhib 118, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 4024.

(35) HR. Ath-Thabarani, Ahmad, Ad-Darimi, Abu Nu'aim dalam Al-Hilyah, Ibnu Adiy dan Ibnu Abdil-Barri. Takhrij At-Targhib 1/74, Al-Ilmu Abu Khaikhamah 162, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 5835.

36. Anas, Ibnu Amru dan Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW berdoa:

اَللَّهُمَّ إِنِّى أَعُوذُبِكَ مِنْ قَلْبٍ لاَ يَخْشَعُ وَمِنْ دُعَاءٍ لاَ يُسْمَعُ وَمِنْ نَفْسٍ لاَ تَشْبَعُ وَمِنْ عِلْمٍ لاَ يَنْفَعُ وَأَعُوذُبِكَ مِنْ هَؤُلاَءِ الأَرْبَعِ.

(صحيح)

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku berlindung denganmu dari hati yang tidak khusyuk, dari doa yang tidak mustajab, dari nafsu yang tidak kenyang dan dari ilmu yang berguna, aku berlindung denganmu dari empat perkara ini."

Hadith ini sahih[36]

37. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ عِلْمًا لاَ يُنْتَفَعُ بِهِ كَكَنْزٍ لاَ يُنْفَقُ مِنْهُ فِى سَبِيْلِ اللّٰهِ.

(صحيح)

"Ilmu yang tidak memberi manfaat adalah seperti khazanah yang tidak dibelanjakan darinya di jalan Allah."

Hadith ini sahih[37]

C. MEMPELAJARI ILMU KERANA DUNIA

38. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَعَلَّمَ عِلْمًا مِمَّا يُبْتَغَى بِهِ وَجْهُ اللّٰهِ عَزَّوَجَلَّ لاَ يَتَعَلَّمُهُ إِلاَّ

(36) HR. At-Tirmizi, An-Nasai, Abu Daud, Ibnu Majah, Ahmad, Al-Hakim. Sahih At-Targhib Wat-Tarhib 119, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 1297.

(37) HR. Ibnu Asakir. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 2112.

لِيُصِيبَ بِهِ عَرَضًا مِنَ الدُّنْيَا لَمْ يَجِدْ عَرْفَ الْجَنَّةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، يَعْنِي رِيحَهَا.

(صحيح)

"Barangsiapa mencari ilmu dari ilmu yang dengannya dicari keredhaan Allah, tetapi ia tidak mempelajarinya kecuali untuk mendapatkan kepentingan dunia ia tidak akan mendapat bau syurga pada hari qiamat."

Hadith ini sahih[38]

39. Ibnu Umar r.a. meriwayatkan bahawa SAW bersabda:

مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ لِيُمَارِيَ بِهِ السُّفَهَاءَ أَوْ لِيُبَاهِيَ بِهِ الْعُلَمَاءَ أَوْ لِيُصْرِفَ وُجُوهَ النَّاسِ إِلَيْهِ فَهُوَ فِي النَّارِ. (حسن)

"Barangsiapa menuntut ilmu untuk bertengkar dengan orang-orang bodoh atau untuk bermegah-megah dengannya akan para ulama ataupun untuk menarik perhatian manusia kepadanya maka dia dalam neraka."

Hadith ini sahih[39]

40. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَعَلَّمَ الْعِلْمَ لِيُبَاهِيَ الْعُلَمَاءَ أَوْ يُمَارِيَ بِهِ السُّفَهَاءَ أَوْ يُصْرِفُ بِهِ وُجُوهَ النَّاسِ إِلَيْهِ أَدْخَلَهُ اللَّهُ جَهَنَّمَ.

(صحيح)

(38) HR. Abu Daud 3112, Ibnu Majah 252-204, Ahmad dan Al-Hakim. Al-Misykat 227, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 6159.

(39) HR. Ibnu Majah 253-205, Al-Misykat 225, 226, At-Ta'liq Ar-Raghib 1/68.

"Barangsiapa mempelajari ilmu untuk bermegah-megah dengannya akan para ulama, atau untuk bertengkar dengan orang-orang bodoh atau untuk menarik perhatian manusia kepadanya nescaya Allah memasukkannya ke Jahannam."

Hadith ini sahih(40)

41. Ka'ab bin Malik r.a. meriwayatkan katanya: Aku mendengar Rasul SAW bersabda:

مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ لِيُجَارِيَ بِهِ الْعُلَمَاءَ أَوْ لِيُمَارِيَ بِهِ السُّفَهَاءَ، أَوْ يَصْرِفَ بِهِ وُجُوهَ النَّاسِ إِلَيْهِ أَدْخَلَهُ اللَّهُ النَّارَ.

(حسن)

"Barangsiapa menuntut ilmu untuk menandingi para ulama, untuk bertengkar dengan orang-orang bodoh dan untuk menarik perhatian orang ke arahnya nescaya Allah memasukkannya ke neraka."

Hadith ini hasan(41)

42. Jabir bin Abdullah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ تَعَلَّمُوا الْعِلْمَ لِتُبَاهُوا بِهِ الْعُلَمَاءَ أَوْ لِتُمَارُوا بِهِ السُّفَهَاءَ وَلاَ تَخَيَّرُوا بِهِ الْمَجَالِسَ فَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ فَالنَّارُ فَالنَّارُ.

(صحيح)

"Janganlah kamu mempelajari ilmu untuk menyaingi pada ulama, dan tidak pula untuk bertengkar dengan orang-orang bodoh dan tidak pula untuk kamu memilih majlis-majlis,

(40) HR. Ibnu Majah 260-209.

(41) HR. At-Tirmizi 2805-2138, Al-Misykat 225, At-Ta'liq Ar-Raghib 1/68.

maka barangsiapa berbuat demikian maka nerakalah, nerakalah."

Hadith ini sahih[42]

43. Buzaifah r.a. meriwayatkan katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

لاَ تَعَلَّمُوا الْعِلْمَ لِتُبَاهُوا بِهِ الْعُلَمَاءَ أَوْ لِتُمَارُوا بِهِ السُّفَهَاءَ أَوْ لِتَصْرِفُوا وُجُوهَ النَّاسِ إِلَيْكُمْ فَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ فَهُوَ فِي النَّارِ.

(حسن)

"Janganlah kamu mempelajari ilmu untuk menyaingi para ulama atau untuk bertengkar dengan orang-orang bodoh, ataupun untuk manarik perhatian manusia kepada kamu, maka barangsiapa yang berbuat demikian nescaya ia masuk nereka."

Hadith ini hasan[43]

44. Ka'ab bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنِ ابْتَغَى الْعِلْمَ لِيُبَاهِيَ بِهِ الْعُلَمَاءَ أَوْ يُمَارِيَ بِهِ السُّفَهَاءَ أَوْ تُقْبِلَ أَفْئِدَةُ النَّاسِ إِلَيْهِ فَإِلَى النَّارِ.

(صحيح)

"Barangsiapa mencari ilmu untuk menyaingi para ulama atau supaya hati manusia mengadap kepadanya maka ia akan ke neraka."

Hadith ini sahih[44]

(42) HR. Ibnu Majah, Ibnu Hibban dan al-Hakim. Sahih Ibnu Majah 254-206, Sahih At-Targhib wat-tarhib 102, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 7370.

(43) Hadith riwayat Ibnu Majah 259-208, At-Ta'liq ar-Raghib 1/68.

(44) HR. Al-Hakim, Al-Baihaqi. Al-Misykat 225, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 5930.

D. KEWAJIPAN BELAJAR DAN MENGAJAR

45. Anas, Al-Husain bin Ali, Ibnu Abbas, Ibnu Umar, Ibnu Mas'ud, Ali dan Abu Sa'id r.a. meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ.

(صحيح)

"Menurut ilmu adalah wajib atas tiap-tiap orang muslim."

Hadith ini sahih(45)

46. Anas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ وَإِنَّ طَالِبَ الْعِلْمِ يَسْتَغْفِرُلَهُ كُلُّ شَيْءٍ حَتَّى الْحِيْتَانُ فِي الْبَحْرِ.

(صحيح)

"Menuntut ilmu wajib atas tiap-tiap orang Islam, dan sesungguhnya pelajar ilmu itu akan diminta keampunan untuknya oleh segala sesuatu sehinggalah ikan-ikan dalam laut."

Hadith ini sahih(46)

47. Muawiah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

---

(45) HR. Ibnu 'Adiy dan al-Baihaqi daripada Anas, Ath-Thabarani meriwayatkan dalam al-Mu'jamush-Shaghir dan al-Khatib meriwayatkannya daripada al-Husain bin Ali, Ath-Thabarani meriwayatkan dalam al-Mu'jamul-Ausath daripada Ibnu Abbas, Tammam meriwayatkannya daripada Ibnu Umar, Ath-Thabarani meriwayatkan dalam al-Mu'jamul-Kabir daripada Ibnu Mas'ud, Al-Khatib meriwayatkan daripada Ali, manakala Ath-Thabarani meriwayatkan dalam al-Mu'Jamul-Ausath dan al-Baihaqi meriwayatkannya daripada Abu Sa'id. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 3913, Sahih At-Targhib 70.

(46) HR. Ibnu Abdil-Barri. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 3914.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا الْعِلْمُ بِالتَّعَلُّمِ وَالْفِقْهُ بِالتَّفَقُّهِ وَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّيْنِ وَإِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ.

(حسن)

"Wahai manusia! Sesungguhnya ilmu itu hanya diperolehi dengan belajar dan fiqah itu dengan mempelajari fikah, dan barangsiapa yang dikehendaki Allah kebaikan untuknya nescaya diberikannya kefahaman dalam agama, dan sesungguhnya di antara hamba Allah yang takutkan Allah hanyalah para ulama."

Hadith ini hasan[47]

48. Kharijah bin Zaid meriwayatkan daripada bapanya katanya:

لَمَّا قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِيْنَةَ أُتِيَ بِيْ إِلَيْهِ فَقَرَأْتُ عَلَيْهِ فَقَالَ لِيْ: تَعَلَّمْ كِتَابَ الْيَهُوْدِ فَإِنِّيْ لاَ آمَنُهُمْ عَلَى كِتَابِنَا. فَمَا مَرَّ بِيْ خَمْسُ عَشَرَةَ حَتَّى تَعَلَّمْتُهُ فَكُنْتُ أَكْتُبُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَقْرَأُ كُتُبَهُمْ إِلَيْهِ.

(حسن)

"Manakala Nabi SAW datang ke Madinah, maka aku dibawakan kepada Nabi maka aku membaca untuknya, lalu beliau bersabda: Hendaklah engkau belajar tulisan orang-orang Yahudi kerana aku tidak menjamin merasa selamat dari mereka atas kitab suci kita.

(47) HR. Ath-Thabarani. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 1/606.

Bapaku berkata: Maka belumpun umur berlalu 15 tahun aku telah mempelajarinya, maka aku menulis untuk Nabi dan aku membacakan surat-surat orang-orang Yahudi itu kepada beliau."

Hadith ini hasan(48)

49. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الْعِلْمُ بِالتَّعَلُّمِ والْحِلْمُ بِالتَّحَلُّمِ ومَنْ يَتَحَرَّ الْخَيْرَ يُعْطَه ومَنْ يَتَوَقَّ الشَّرَّ يُوقَه.

(صحيح)

"Sesungguhnya ilmu itu diperolehi dengan hanya belajar, sifat penyantun dengan mempelajarinya, dan barangsiapa memilih/mencari kebaikan ia akan diberikan dan barangsiapa yang menjauhi kejahatan nescaya ia terlepas dari kejahatan."

Hadith ini sahih(49)

50. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَعَلَّمُوا مِنْ أَنْسَابِكُمْ مَا تَصِلُوْنَ بِه أَرْحَامَكُمْ فَإِنَّ صِلَةَ الرَّحِمِ مَحَبَّةٌ فِي الأَهْلِ مَثْرَاةٌ فِي الْمَالِ مَنْسَأَةٌ فِي الأَثَرِ.

(حسن)

"Hendaklah kamu mempelajari keturunan-keturunan kamu

(48) HR. Abu Daud 3645, At-Tirmizi 2/119, Al-Hakim 1/75, Ahmad 5/186, Al-Faqihi 1/14/2. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 187.

(49) HR. Al-Khatib dalam Tarikhnya 9/127, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 342.

yang dengannya kamu akan menyambungkan hubungan rahim kamu kerana silatur-rahim itu adalah kecintaan dalam keluarga, menambahkan harta dan memanjangkan umur."

***Hadith ini hasan*(50)**

51. Abu Sa'id Al-Khudri r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

سَيَأْتِيكُمْ أَقْوَامٌ يَطْلُبُونَ الْعِلْمَ فَإِذَا رَأَيْتُمُوهُمْ فَقُولُوا لَهُمْ مَرْحَبًا مَرْحَبًا بِوَصِيَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاقْنُوهُمْ.

(حسن)

"Akan datang kepada kamu beberapa kaum untuk mencari ilmu, maka apabila kamu melihat mereka hendaklah kamu katakan kepada mereka: Selamat datang, selamat datang, mengikut wasiat Rasulullah SAW dan hendaklah kamu mengajar mereka."

***Hadith ini hasan*(51)**

52. Ibnu Abbas r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَلِّمُوا وَيَسِّرُوا وَلاَ تُعَسِّرُوا وَبَشِّرُوا وَلاَ تُنَفِّرُوا وَإِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَسْكُتْ.

(صحيح)

"Hendaklah kamu mengajar, hendaklah kamu memudahkan dan jangan menyusahkan, gembirakan mereka dan janganlah

(50) HR. At-Tirmizi 1/357-358, Al-Hakim 4/161, Ahmad 2/374, As-Sam'ani dalam al-Ansab 1/5. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 276.

(51) HR. Ibnu Majah 247-201.

meliarkan mereka dan apabila seseorang kamu marah hendaklah ia diam."

Hadith ini sahih(52)

53. Saburah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَلِّمُوا الصَّبِيَّ ابْنَ سَبْعٍ وَاضْرِبُوهُ عَلَيْهَا ابْنَ عَشْرٍ.

(صحيح)

"Hendaklah kamu mengajar kanak-kanak yang berumur tujuh tahun (akan solat) dan hendaklah kamu memukul kanak-kanak yang berumur sepuluh tahun kerena meninggalkan solat."

Hadith ini sahih(53)

54. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَلِّمُوا أَوْلاَدَكُمُ الصَّلاَةَ إِذَا بَلَغُوا سَبْعًا وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا إِذَا بَلَغُوا عَشْرًا وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ.

(صحيح)

"Hendaklah kamu ajar anak-anak kamu mengerjakan solat apabila mereka sampai umur tujuh tahun dan pukullah mereka kerana meninggalkan solat apabila mereka berumur sepuluh tahun dan pisahkan di antara mereka di tempat

(52) HR. Ahmad dan al-Bukhari dalam al-Adabul-Mufrad. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 1375, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 4027.

(53) HR. Ahmad, At-Tirmizi, Ath-Thabarani, Al-Hakim, Ad-Darimi, Ibnu Khuzaimah, Ath-Thahawi, Ad-Daruquthni dan Al-Baihaqi dan Al-Baihaqi. Sahih Sunan Abu Daud 508, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 4025, Sahih At-Tirmizi 334.

tidur."

Hadith ini sahih[54]

55. Abbad bin Syurahbil meriwayatkan katanya:

أَصَابَتْنِي سَنَةٌ فَدَخَلْتُ حَائِطًا مِنْ حِيطَانِ الْمَدِينَةِ فَعَرَكْتُ سُنْبُلاً فَأَكَلْتُ وَحَمَلْتُ فِي ثَوْبِي فَجَاءَ صَاحِبُهَا فَضَرَبَنِي وَأَخَذَ ثَوْبِي فَأَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ لَهُ مَا عَلَّمْتَهُ إِذَا كَانَ جَاهِلاً وَلاَ أَطْعَمْتَهُ إِذَا كَانَ سَاغِبًا أَوْ جَائِعًا.

(صحيح)

"Aku ditimpa kemarau lalu aku memasuki satu kebun dari kebun-kebun Madinah lalu aku menggaruk beras belanda (bijian) dan memakannya dan membawanya dalam kainku. Tuan kebun datang lantas ia memukulku dan mengambil kainku. Aku datang menemui Rasulullah SAW maka Rasulullah SAW bersabda kepadanya; Mengapa engkau tidak mengajarnya jika ia jahil dan mengapa engkau tidak memberinya makan jika ia kelaparan?"

Hadith ini sahih[55]

56. Ali r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

دَلِيلُ الْخَيْرِ كَفَاعِلِه. (حسن)

"Orang yang menunjukkan kebaikan adalah seperti orang

(54) HR. Abu Daud 508, dan al-Bazzar. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 4026.

(55) HR. Abu Daud 1/408, 409, Ibnu Majah 2/44, Al-Hakim 4/133, Al-Baihaqi 2/10, Ahmad 4/166,167, Ibnu Sa'ad 7/55. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 2229.

yang melakukan kebaikan itu."

Hadith ini hasan[(56)]

57. Ibnu Mas'ud r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ دَلَّ عَلَى خَيْرٍ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ فَاعِلِهِ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang menunjukkan kebaikan maka baginya pahala seperti pahala orang yang mengerjakannya"

Hadith ini sahih[(57)]

58. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَلدَّالُّ عَلَى الْخَيْرِ كَفَاعِلِهِ.

(صحيح)

"Orang yang menunjukkan kebaikan adalah orang yang melakukannya."

Hadith ini sahih[(58)]

59. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أُجُورِ مَنْ يَتَّبِعُهُ لاَ يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا ، وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلاَلَةٍ كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِثْمِ

(56) HR. Ibnu An-Najjar. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 1660, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 3390.

(57) HR. Ahmad, Muslim, Abu Daud dan At-Tirmizi, Al-Misykat 209.

(58) HR. Al-Bazzar daripada Ibnu Mas'ud, Ath-Thabarani daripada Sahal bin Sa'ad dan Abu Mas'ud. Al-Kharaithi, Abu Nua'im dalam Al-Hilyah, dan Ibnu 'Adiy meriwayatkannya daripada Ibnu Mas'ud, dan lain-lain. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 3399.

مِثْلُ آثَامِ مَنْ يَتَّبِعُهُ لاَ يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا .

(صحيح)

"Barangsiapa yang mengajak kepada petunjuk maka baginya pahala seperti pahala orang-orang yang mengikutinya, tidak akan mengurangkan sedikitpun pahala-pahala mereka. Dan barangsiapa yang mengajak kepada kesesatan maka ia akan menerima dosanya serupa dengan dosa-dosa orang yang mengikutinya, tidak akan mengurangkan sedikitpun dari dosa-dosa mereka."

Hadith ini sahih. Lafaz ini menurut riwayat At-Tirmizi[59]

60. Dalam riwayat lain Ibnu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasul SAW bersabda:

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى كَانَ لَهُ مِنَ الأَجْرِ مِثْلُ أُجُورِ مَنِ اتَّبَعَهُ، لاَ يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا . وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلاَلَةٍ فَعَلَيْهِ مِنَ الإِثْمِ مِثْلُ آثَامِ مَنِ اتَّبَعَهُ لاَ يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا .

(صحيح)

"Barangsiapa yang mengajak kepada petunjuk maka baginya pahala seperti pahala-pahala orang yang mengikutinya, tidak akan mengurangkan sedikitpun pahala-pahala mereka. Dan barangsiapa yang mengajak kepada kesesatan maka ia mendapat dosa seperti dosa-dosa orang yang mengikutinya, tidak akan mengurangkan sedikitpun dosa-dosa mereka."

Hadith ini sahih[60]

(59) HR. Muslim, Ibnu Majah 206, At-Tirmizi 2/55. Lafaz ini menurut At-Tirmizi.

(60) HR. Muslim, Ibnu Majah dan At-Tirmizi. lafaz ini mengikut riwayat Ibnu Majah. Sahih Sunan Ibnu Majah 206-171, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 865.

61. Abu Hurairah r.a. meriwatyat bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أُجُورِ مَنْ تَبِعَهُ لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا. وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلَالَةٍ كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِثْمِ مِثْلُ آثَامِ مَنِ اتَّبَعَهُ، لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا.

(صحيح)

"Barangsiapa yang mengajak kepada pentunjuk maka baginya pahala seperti pahala-pahala orang yang mengikutinya, tidak akan mengurangkan sediktipun pahala-pahala mereka. Dan barangsiapa yang mengajak kepada kesesatan maka ia akan mendapat dosa seperti dosa-dosa orang yang mengikutinya, tidak akan mengurangkan sedikitpun akan dosa-dosa mereka."

Hadith ini sahih. Lafaz ini menurut riwayat Muslim[61]

62. Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَيُّمَا دَاعٍ دَعَا إِلَى ضَلَالَةٍ فَأُتْبِعَ فَإِنَّ لَهُ مِثْلَ أَوْزَارِ مَنِ اتَّبَعَهُ وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْئًا. وَأَيُّمَا دَاعٍ دَعَا إِلَى هُدًى فَأُتْبِعَ فَإِنَّ لَهُ مِثْلَ أُجُورِ مَنِ اتَّبَعَهُ وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا.

(صحيح)

"Mana-mana penyeru yang menyeru kepada kesesatan lalu ia diikuti, maka baginya seperti dosa-dosa orang yang

(61) HR. Muslim dan lain-lain. Sahih At-Targhiib Wat-Tarhib 114.

mengikutinya dan ia tidak akan mengurangkan sedikitpun dari dosa-dosa mereka. Dan mana-mana penyeru yang menyeru ke arah petunjuk lalu ia diikuti maka baginya seperti pahala-pahala orang yang mengikutinya dan tidak akan mengurangkan sedikitpun akan pahala-pahala mereka."

Hadith ini sahih[62]

63. Jarir bin Abdullah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَنَّ فِي الْاِسْلاَمِ سُنَّةً حَسَنَةً فَعُمِلَ بِهِ بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلاَ يَنْقُصُ مِنْ أُجُوْرِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي الْاِسْلاَمِ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعُمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ عَلَيْهِ مِثْلُ وِزْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلاَ يَنْقُصُ مِنْ اَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang mensunnahkan satu sunnah yang baik dalam Islam lalu kemudiannya ia diamalkan maka dituliskan baginya pahala seperti pahala orang yang mengerjakannya dan pahala-pahala mereka tidak akan kurang sedikitpun. Dan barangsiapa yang mensunnahkan dalam Islam satu sunnah yang jelek lalu kemudiannya ia diamalkan maka dituliskan untuknya dosa seperti dosa orang yang mengerjakannya sedangkan dosa-dosa mereka tidak kurang sedikitpun."

Hadith ini sahih[63]

---

(62) HR. Ibnu Majah 205-170.

(63) HR. Muslim 3/88, 89, 8/61, 62, An-Nasai 1/355-356, Ad-Darimi 1/126, 127, Ath-Thahawi dalam al-Masykal 1/93, 97, Al-Baihaqi 4/175, 176, Ath- Thayalisi 670, Ahmad 4/357, 358, 359, 360, 361, 362, At-Tirmizi 3/77 dan Abu Hatim dalam tafsirnya, Ahkamul-Janaiz 176.

64. Abu Juhaifah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَنَّ سُنَّةً حَسَنَةً عُمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كَانَ لَهُ أَجْرُهُ وَمِثْلُ أُجُوْرِهِمْ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أُجُوْرِهِمْ شَيْءٌ، وَمَنْ سَنَّ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعُمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَمِثْلُ أَوْزَارِهِمْ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang mensunnahkan satu sunnah yang baik lalu kemudiannya ia diamalkan orang maka ia mendapat pahalanya dan pahala seperti pahala-pahala mereka tanpa mengurangkan sedikitpun pahala mereka. Dan barangsiapa yang mensunnahkan satu sunnah yang jelek lalu kemudiaannya ia diamalkan orang maka ia menerima dosanya dan dosa seperti dosa-dosa orang yang melakukannya tanpa mengurangkan sedikitpun dosa mereka."

Hadith ini sahih[64]

65. Jarir bin Abdullah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَنَّ فِي الْاسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أُجُوْرِهِمْ شَيْءٌ، وَمَنْ سَنَّ فِي الْاسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ

(64) HR. Ibnu Majah 207-172. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 1/48, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 6306.

مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang mensunnahkan dalam Islam satu sunnah yang baik maka baginya pahalanya dan pahala yang serupa dengan pahala-pahala orang yang mengerjakannya kemudiannya tanpa mengurangkan sedikitpun pahala mereka. Dan barangsiapa yang mensunnahkan satu sunnah yang jelek maka ia akan menanggung dosanya dan dosa yang serupa dengan dosa-dosa orang yang melakukannya kemudiannya tanpa mengurangkan sedikitpun dosa mereka."

Hadith ini sahih(65)

66. Jarir bin Abdullah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَنَّ سُنَّةَ خَيْرٍ فَأُتْبِعَ عَلَيْهَا فَلَهُ أَجْرُهُ وَمِثْلُ أُجُورِ مَنِ اتَّبَعَهُ غَيْرَ مَنْقُوصٍ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا، وَمَنْ سَنَّ سُنَّةَ شَرٍّ فَأُتْبِعَ عَلَيْهَا كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهُ وَمِثْلُ أَوْزَارِ مَنِ اتَّبَعَهُ غَيْرَ مَنْقُوصٍ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْئًا.

(صحيح)

"Barangsiapa mensunnahkan satu sunnah yang baik lalu sunnah itu diikuti orang maka ia mendapat pahala dan pahala yang serupa dengan pahala-pahala orang yang mengikutinya tanpa kurang sedikitpun pahala mereka. Dan barangsiapa yang mensunnahkan satu sunnah yang jelek lalu ia diikuti

(65) HR. Ahmad, Muslim (Mukhtasar Muslim 533), At-Tirmizi 2827-2156, An-Nasai 2394, Ibnu Majah 203, Sahih At-Targhib wat-Tarhib 60, Ahkamul-Janaiz 176, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 6305.

orang maka ia memikul dosanya dan dosa yang serupa dengan dosa-dosa mereka yang mengikutinya tanpa mengurangkan sediktipun dosa-dosa mereka."

Hadith ini sahih. Lafaz ini menurut riwayat At-Tirmizi[66]

67. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ اسْتَنَّ خَيْرًا فَاسْتُنَّ بِهِ كَانَ لَهُ أَجْرُهُ كَامِلاً وَمِنْ أُجُورِ مَنِ اسْتَنَّ بِهِ وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا وَمَنْ اسْتَنَّ سُنَّةً سَيِّئَةً فَاسْتُنَّ بِهِ فَعَلَيْهِ وِزْرُهُ كَامِلاً وَمِنْ أَوْزَارِ الَّذِي اسْتَنَّ بِهِ وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْئًا.

(صحيح)

"Barangsiapa mensunnahkan satu sunnah yang baik lalu ia diamalkan orang maka baginya pahala yang sempurna dan pahala-pahala orang yang mengikutinya dan ia tidak mengurangkan sedikitpun pahala-pahala mereka. Dan barangsiapa yang mensunnahkan satu sunnah yang jelek lalu ia diamalkan orang maka ia akan tanggung dosanya yang sempurna berserta dengan dosa-dosa orang-orang yang mengamalkan sunnahnya itu dan tidak mengurangkan sedikitpun dosa-dosa mereka."

Hadith ini sahih[67]

68. Sahal Bin Sa'ad r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda kepada Ali r.a.:

---

(66) HR. Muslim, Ibnu Majah 203 dan At-Tirmizi 2827-2156.

(67) HR. Ibnu Majah 204-169. At-Ta'liq Ar-Raghib 1/48.

فَوَاللّٰهِ لَأَنْ يَهْدِيَ اللّٰهُ بِكَ رَجُلاً وَاحِدًا خَيْرٌلَكَ مِنْ حُمُرِ النَّعَمِ.

(صحيح)

"Demi Allah, jika Allah memberikan hidayah kepada seseorang lelaki keranamu adalah lebih baik daripada harta yang banyak."

Hadith ini sahih[68]

E. LARANGAN MENYEMBUNYIKAN ILMU

69. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سُئِلَ عَنْ عِلْمٍ فَكَتَمَهُ أُلْجِمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِلِجَامٍ مِنْ نَارٍ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang ditanya mengenai satu ilmu lalu ia menyembunyikannya nescaya pada hari kiamat ia akan dikekang dengan pengekang dari api neraka."

Hadith ini sahih[69]

70. Menurut satu riwayat lain Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ رَجُلٍ يَحْفَظُ عِلْمًا فَيَكْتُمُهُ إِلاَّ أُتِيَ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مُلْجَمًا بِلِجَامٍ مِنَ النَّارِ.

(حسن)

"Tiada seorang lelaki yang menghafaz satu ilmu lalu ia

(68) HR. Al-Bukhari dan Muslim. Riadhush-Shalihin 450. Al-Lu'-lu-u wal-Marjan 1557,

(69) HR. Abu Daud 3658-3106, Ibnu Majah 266-213, At-Tirmizi 2729-2135, Ibnu Hibban dalam kitab Sahihnya, Al-Baihaqi dan al-Hakim.

menyembunyikannya melainkan ia didatangkan pada hari kiamat dengan keadaan dikekang dengan kekangan dari neraka."

Hadith ini hasan[70]

71. Abdullah bin Amru r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَتَمَ عِلْمًا أَلْجَمَهُ اللّٰهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِلِجَامٍ مِنْ نَارٍ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang menyembunyikan satu ilmu nescaya Allah mengekangnya dengan kekangan dari neraka pada hari kiamat."

Hadith ini sahih[71]

72. Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سُئِلَ عَنْ عِلْمٍ فَكَتَمَهُ أُلْجِمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِلِجَامٍ مِنْ نَارٍ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang ditanya mengenai satu ilmu lalu ia menyembunyikan nescaya pada hari kiamat ia dikekang dengan kekangan dari neraka."

Hadith ini sahih[72]

73. Dalam satu riwayat lain daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasul SAW bersabda:

---

(70) HR. Ibnu Majah 261-210, Sahih At-Targhib wat-Tarhib 116/52.

(71) HR. Ibnu Hibban dalam kitab Sahihnya dan Al-Hakim. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 117.

(72) HR. Ibnu Majah 264-212, Al-Misykat 223,224, Ar-Raudhun-Nadhir 1150-1152, At-Ta'liq ar-Raghib 1/73.

مَنْ سُئِلَ عَنْ عِلْمٍ يَعْلَمُهُ فَكَتَمَهُ أُلْجِمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِلِجَامٍ مِنْ نَارٍ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang ditanya mengenai satu ilmu yang diketahuinya lalu ia menyembunyikannya nescaya ia dikekang dengan kekangan dari neraka pada hari kiamat."

Hadith ini sahih[73]

74. Ibnu Mas'ud dan Ibnu Amru r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَتَمَ عِلْمًا عَنْ أَهْلِهِ أُلْجِمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لِجَامًا مِنْ نَارٍ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang menyembunyikan satu ilmu dari ahlinya nescaya ia dikekang dengan kekangan dari neraka pada hari kiamat."

Hadith ini sahih[74]

75. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan katanya:

وَاللّٰهِ! لَوْلَا آيَتَانِ فِي كِتَابِ اللّٰهِ تَعَالَى مَا حَدَّثْتُ عَنْهُ (يعني عن النبي) شَيْئًا أَبَدًا. لَوْلَا قَوْلُ اللّٰهِ "إِنَّ الَّذِيْنَ يَكْتُمُوْنَ مَا أَنْزَلَ اللّٰهُ مِنَ الْكِتَابِ" إِلَى آخِرِ الْآيَتَيْنِ.

(صحيح)

"Demi Allah, jika tidaklah kerana dua ayat dalam kitab Allah Ta'ala tentulah aku tidak meriwayatkan daripadanya

(73) HR. Ibnu Majah 265-213, At-Ta'liq Ar-Raghib 1/73.

(74) HR. Ibnu 'Adiy, Ibnu Hibban dan Al-Hakim. Sahih at-Targhib wat-Tarhib 1/73, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 6517.

(Nabi SAW) sesuatu sama sekali, iaitu jika tidaklah kerana firman Allah (sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa-apa yang telah diturunkan Allah dari Al-Kitab) sampai akhir ayat."*

Hadith ini sahih(75)

76. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَثَلُ الَّذِى يَتَعَلَّمُ الْعِلْمَ ثُمَّ لاَ يُحَدِّثُ بِهِ كَمَثَلِ الَّذِى يَكْنِزُ الْكَنْزَ ثُمَّ لاَ يُنْفِقُ مِنْهُ.

(حسن)

"Perumpamaan orang yang mempelajari ilmu kemudian tidak meriwayatkannya adalah bagaikan orang yang melonggokkan harta kemudian ia tidak membelanjakan sebahagian darinya."

Hadith in hasan(76)

F. TIDAK MENGAMALKAN ILMU:

77. Zaid bin Arqam r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَللَّهُمَّ إِنِّى أَعُوذُبِكَ مِنْ عِلْمٍ لاَ يَنْفَعُ وَمِنْ قَلْبٍ لاَ يَخْشَعُ وَمِنْ نَفْسٍ لاَ تَشْبَعُ وَمِنْ دَعْوَةٍ لاَ يُسْتَجَابُ لَهَا.

(صحيح)

"Wahai Tuhanku: Sesungguhnya aku berlindung denganMu

(75) HR. Al-Bukhari, Ibnu Majah 262-211.

(76) HR. Ath-Thabarani dalam al-Ausath. Sahih At-Targhib 118. ( ) (Al-Baqarah: 174-175)

dari ilmu yang tidak berguna, dari hati yang khusyu', dari nafsu yang tidak kenyang dari doa yang tidak mustajab."

Hadith ini sahih(77)

78. 'Imran bin Hushain r.a. meriwayatkan katanya: Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَخْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ بَعْدِى كُلُّ مُنَافِقٍ عَلِيْمِ اللِّسَانِ.

(صحيح)

"Sesungguhnya perkara yang aku paling takuti lahir sesudahku ialah tiap-tiap orang munafik yang alim lidahnya."

Hadith ini sahih(78)

79. Jundub bin Abdullah Al-Azdi r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَثَلُ الَّذِى يُعَلِّمُ النَّاسَ الْخَيْرَ وَيَنْسَى نَفْسَهُ كَمَثَلِ السِّرَاجِ يُضِيْءُ لِلنَّاسِ وَيَحْرُقُ نَفْسَهُ.

(صحيح)

"Perumpamaan orang yang mengajar manusia akan kebaikan tetapi ia lupa akan dirinya sendiri adalah bagaikan lampu yang menerangi manusia dan ia membakar dirinya."

Hadith ini sahih(79)

80. Abu Barzah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

---

(77) HR. Muslim, At-Tirmizi dan An-Nasai. Sahih At-Targhib wat-tarhib 119.

(78) HR. Ath-Thabarani dalam al-Kabir dan al-Bazzar. Ahmad meriwayatkannya daripada Umar bin Al-Khattab, manakala Adh-Dhia' meriwayatkan dalam al-Mukhtarah 255.

(79) HR. Ath-Thabari dalam Al-Kabir. Sahih At-Targhib Wat-Tarhib 127.

مَثَلُ الَّذِى يُعَلِّمُ النَّاسَ الْخَيْرَ وَيَنْسَى نَفْسَهُ مَثَلُ الْفَتِيلَةِ تُضِيْءُ عَلَى النَّاسِ وَتَحْرُقُ نَفْسَهَا.

(صحيح)

"Perumpamaan orang yang mengajar manusia akan kebaikan sedangkan ia melupakan dirinya sendiri adalah bagaikan sumbu pelita yang menerangi manusia tetapi membakar dirinya sendiri."

Hadith ini sahih[80]

81. Usamah bin Zaid r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يُجَاءُ بِالرَّجُلِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَيُلْقَى فِى النَّارِ فَتَنْدَلِقُ أَقْتَابُهُ فَيَدُوْرُ بِهَا كَمَا يَدُوْرُ الْحِمَارُ بِرَحَاهُ، فَتَجْتَمِعُ أَهْلُ النَّارِ عَلَيْهِ فَيَقُوْلُوْنَ: يَا فُلاَنُ مَا شَأْنُكَ؟ أَلَسْتَ كُنْتَ تَأْمُرُ بِالْمَعْرُوْفِ وَتَنْهَى عَنِ الْمُنْكَرِ؟ فَيَقُوْلُ: كُنْتُ آمُرُكُمْ بِالْمَعْرُوْفِ وَلاَ آتِيْهِ وَأَنْهَاكُمْ عَنِ الشَّرِّ وَآتِيْهِ.

(صحيح)

"Pada hari kiamat dibawa datang seorang lelaki (yang amalannya berlawanan dengan ilmunya) lalu ia dicampakkan ke dalam neraka lantas segera keluar ususnya dan ia berpusing dengan ususnya itu bagaikan hemar berpusing dikisarannya. Penghuni neraka berkumpul dikelilingnya seraya berkata: Hai si fulan, bagaimana keadaanmu? Bukankah engkau menyuruh berbuat ma'ruf dan mencegah

(80) HR. Al-Bazzar. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 126.

munkar? Lelaki itu menjawab: Aku menyuruh kamu berbuat yang ma'ruf tetapi aku tidak melakukannya dan aku mencegah kamu dari melakukan kejahatan tetapi aku melakukannya."

Hadith ini sahih[81]

82. Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَرَرْتُ لَيْلَةَ أُسْرِىَ بِىْ بِأَقْوَامٍ تُقْرَضُ شِفَاهُهُمْ بِمَقَارِيْضَ مِنْ نَارٍ، قُلْتُ: مَنْ هَؤُلَاءِ يَا جِبْرِيْلُ؟ قَالَ: خُطَبَاءُ أُمَّتِكَ الَّذِيْنَ يَقُوْلُوْنَ مَالَا يَفْعَلُوْنَ.

(صحيح)

"Pada malam aku diisra'kan, aku melalui beberapa kaum yang menggunting bibir mulut mereka dengan gunting-gunting dari neraka. Aku berkata: Siapakah mereka ini hai Jibril? Jibril menjawab: Mereka adalah pemidato-pemidato umatmu yang mengatakan apa yang mereka tidak kerjakannya."

Hadith ini sahih[82]

Dalam riwayat Ibnu Abi Ad-Dunya dan Al-Baihaqi ada tambahan:

وَيَقْرَؤُوْنَ كِتَابَ اللّٰهِ وَلَا يَعْمَلُوْنَ بِهِ.

"Dan mereka membaca Kitab Allah tetapi mereka tidak

(81) AH. Ahmad dan Al-Bukhari dan Muslim. Al-Bukhari 2/319, Muslim 8/224, Ahmad 5/205,207,209. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 1/292, Sahih At-Targhib wat-Tarhib 120.

(82) HR. Ibnu Abi Ad-Dunya, Ibnu Hibban, Al-Baihaqi, Al-Bukhari dan Muslim. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 121/54.

mengamalkannya."

83. Abu Barzah al-Aslami r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ تَزُولُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَ أَفْنَاهُ؟ وَعَنْ عِلْمِهِ فِيمَ فَعَلَ فِيهْ؟ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَ أَنْفَقَهُ وَعَنْ جِسْمِهِ فِيمَ أَبْلاَهُ؟

(صحيح)

"Belum lagi bergerak dua kaki seorang hamba Allah pada hari kiamat sehingga ia disoal mengenai umurnya dalam perkara apakah ia habiskan umurnya? Mengenai ilmunya, dalam perkara apakah ia lakukannya? Mengenai hartanya dari manakah ia mendapatkannya dan pada perkara apakah ia belanjakannya? Dan mengenai tubuhnya, dalam perkara apakah ia uji tubuhnya itu?

Hadith ini sahih[83]

84. Mu'az bin Jabal r.a. meriwayatkan katanya: Rasulullah SAW bersabda:

مَا تَزَالُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ أَرْبَعٍ، عَنْ عُمُرِهِ فِيمَ أَفْنَاهُ؟ وَعَنْ شَبَابِهِ فِيمَ أَبْلاَهُ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَ أَنْفَقَهُ وَعَنْ عِلْمِهِ مَاذَا عَمِلَ فِيهِ؟.

(صحيح)

(83) HR. At-Tirmizi 2545-1970, Takhrij Iqtidhaul-Ilmi Al-Amal 1/15, Sahih At-Targhib wat-Tarhib 122.

"Belumpun lagi dua kaki hamba Allah digerakkan pada hari kiamat sehingga ia ditanya dari empat perkara: Mengenai umurnya, dalam perkara apakah ia habiskan umurnya? Mengenai masa mudanya, dalam perkara apakah ia uji masa mudanya? Dan mengenai hartanya, dari manakah ia memperolehinya dan dalam perkara apakah ia belanjakan hartanya? Dan mengenai ilmunya apakah yang ia lakukan padanya?"

Hadith ini sahih[84]

85. Ibnu Mas'ud r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ يَزُوْلُ قَدَمَا ابْنِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ خَمْسٍ، عَنْ عُمُرِهِ فِيْمَ أَفْنَاهُ؟ وَعَنْ شَبَابِهِ فِيْمَ أَبْلاَهُ؟ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيْمَ أَنْفَقَهُ؟ وَمَاذَا عَمِلَ فِيْمَا عَلِمَ. (حسن)

"Belumpun bergerak dua kaki anak Adam sehinggalah ia ditanya mengenai lima perkara: Mengenai umurnya, dalam perkara apakah ia habiskan umurnya? Mengenai masa mudanya, dalam perkara apakah ia uji masa mudanya? Mengenai hartanya, dari manakah ia mendapatkannya dan dalam perkara apakah ia belanjakannya? Dan apakah yang ia lakukan dalam ilmu yang ia ketahuinya."

Hadith ini hasan[85]

(84) Hadith riwayat Al-Baihaqi dan lain-lain. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 123.

(85) HR. At-Tirmizi 2544-1969, At-Ta'liq Ar-Raghib 1/75, Ar-Raudhun-Nadhir 648, Sahih At-Targhib wat-Tarhib 124, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 7299, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 946.

86. Luqman bin 'Amir meriwayatkan daripada Abu Darda' yang berkata:

إِنَّمَا أَخْشَى مِنْ رَبِّى يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَنْ يَدْعُونِى عَلَى رُؤُوسِ الْخَلاَئِقِ فَيَقُولُ لِى: يَا عُوَيْمِرُ! فَأَقُولُ: لَبَّيْكَ رَبِّى. فَيَقُولُ. مَا عَمِلْتَ فِيمَا عَلِمْتَ؟

((صحي))

"Sesungguhnya aku takut dari kemarahan Tuhanku pada hari kiamat yang memanggilku di depan khalayak ramai: Wahai 'Uwaimir: Aku menyahut: Wahai Tuhanku. lalu Ia berfirman: Apakah yang engkau buat pada ilmu yang engkau ketahui?"

Hadith ini sahih(86)

G. ALIM MENGENAI DUNIA, JAHIL MENGENAI AKHIRAT

87. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَبْغَضُ كُلَّ عَالِمٍ بِالدُّنْيَا جَاهِلٍ بِالْآخِرَةِ.

(صحيح)

"Sesungguhnya Allah membenci tiap-tiap orang yang alim dengan dunia, jahil dengan akhirat."

Hadith ini sahih(87)

(86) HR. Al-Baihagi, Ad-Darimi 1/82, Ibnu Abdil-Barri 2/2,3, Ibnul-Mubarak Dalam Az-Zuhdu. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 125.

(87) HR. Al-Hakim dalam Tarikhnya dan Ad-Dailami. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 1879, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 195.

88. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يَبْغَضُ كُلَّ جَعْظَرِيٍّ جَوَّاظٍ سَخَّابٍ فِي الْأَسْوَاقِ، جِيْفَةٍ بِاللَّيْلِ حِمَارٍ بِالنَّهَارِ عَالِمٍ بِالدُّنْيَا جَاهِلٍ بِالْآخِرَةِ.

(صحيح)

"Sesungguhnya Allah Taala membenci tiap-tiap orang yang bercakap kasar lagi takabbur dan pengumpul lagi kikir, tukang becek di pasar-pasar, bangkai di malam hari dan hemar di waktu siang, alim dengan dunia tetapi jahil dengan akhirat."

Hadith ini sahih[88]

H. CARA DAN TEKNIK MENGAJAR:

89. Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَسِّرُوْا وَلَا تُعَسِّرُوْا وَبَشِّرُوْا وَلَا تُنَفِّرُوْا.

(صحيح)

"Permudahkan dan janganlah memayahkan, dan gembirakan dan janganlah meliarkan!"

Hadith ini sahih[89]

90. Abu Musa r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

---

(88) HR. Ibnu Hibban dalam kitab Sahihnya 1957 dan Al-Baihaqi. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 195, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 1878.

(89) HR. Ahmad, Al-Bukhari, Muslim dan An-Nasai. Al-Bukhari 4/26, 5/108, 7/101, 8/114, Muslim 5/141, Ath-Thayalisi 496/67, Ahmad 4/412, 417,

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا وَبَشِّرُوا وَلَا تُنَفِّرُوا وَتَطَاوَعَا وَلَا تَخْتَلِفَا.

(صحيح)

"Permudahkan dan janganlah menyusahkan, gembirakan dan janganlah kamu meliarkan, hendaklah kamu berdua saling menyetujui dan janganlah kamu berdua berselisih."

Hadith ini sahih(90)

91. Ibnu Mas'ud r.a. meriwayatkan katanya:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَخَوَّلُنَا بِالْمَوْعِظَةِ فِي الأَيَّامِ كَرَاهِيَّةَ السَّآمَةِ عَلَيْنَا.

(صحيح)

"Adalah Nabi SAW menjaga waktu pada hari-hari untuk memberi pengajaran kepada kami kerana takut kami merasa jemu."

Hadith ini sahih(91)

92. Anas r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا وَسَكِّنُوا وَلَا تُنَفِّرُوا.

(صحيح)

"Permudahkan dan jangan memayahkan, tenangkan dan jangan meliarkan orang."

Hadith ini sahih(92)

---

(90) HR. Ahmad, Al-Bukhari, Muslim dan An-Nasai. Al-Bukhari 4/26, 5/108, 7/101, 8/114, Muslim 5/141, Ath-Thayalisi 496/67, Ahmad 4/412, 417,

(91) HR. Al-Bukhari dan Muslim. Mukhtasar al-Bukhari 62, Talkhis Sahih Imam Muslim 2/ 4/2/1186.

(92) HR. Al-Bukhari 7/101, Muslim 5/141, Ahmad 3/13, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 3/ 142.

93. Ibnu Abbas r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَلِّمُوا وَيَسِّرُوا وَلاَ تُعَسِّرُوا وَبَشِّرُوا وَلاَ تُنَفِّرُوا وَإِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَسْكُتْ.

(صحيح)

"Ajarlah dan permudahkan, jangan memayahkan, gembirakan dan jangan meliarkan, dan apabila seseorang kamu marah maka hendaklah ia diam."

Hadith ini sahih dengan syahid-syahidnya[93]

94. Anas r.a. meriwayatkan katanya:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا تَكَلَّمَ بِكَلِمَةٍ أَعَادَهَا ثَلاَثًا حَتَّى تُفْهَمَ عَنْهُ وَإِذَا أَتَى عَلَى قَوْمٍ فَسَلَّمَ عَلَيْهِمْ سَلَّمَ عَلَيْهِمْ ثَلاَثًا.

(صحيح)

"Adalah Nabi SAW apabila beliau mengucapkan sesuatu kalimah, beliau ulanginya tiga kali sehingga ia difahami, dan apabila beliau mendatangi satu kaum beliau memberi salam tiga kali kepada mereka."

Hadith ini sahih[94]

95. Syaqiq r.a. meriwayatkan katanya:

كَانَ عَبْدُاللّٰهِ بْنُ مَسْعُوْدٍ يُذَكِّرُ النَّاسَ فِي كُلِّ خَمِيْسٍ فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ: يَا أَبَا عَبْدِ الرَّحْمَنِ لَوَدِدْتُ أَنَّكَ ذَكَّرْتَنَا فِي كُلِّ يَوْمٍ. قَالَ: أَمَا إِنَّهُ

(93) HR. Al-Bukhari dalam al-Adabul-Mufrad 1230, Ahmad 1/239,283,365, Al-Qudha'iy dalam Musnadusy-syihab 1/66Q.

(94) HR. Al-Bukhari. Al-Misykat 208.

يَمْنَعُنِي مِنْ ذَلِكَ أَنِّي أَكْرَهُ أَنْ أُمِلَّكُمْ، وَإِنِّي أَتَخَوَّلُكُمْ بِالْمَوْعِظَةِ
كَمَا كَانَ رَسُولُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَخَوَّلُنَا بِهَا مَخَافَةَ
السَّآمَةِ عَلَيْنَا. (صحيح)

"Adalah Abdullah bin Mas'ud mengajar manusia pada tiap-tiap Khamis, maka seorang lelaki bertanya: Hai Abu Abdur-Rahman, saya sangat suka jika anda mengajar kami pada tiap-tiap hari. Ibnu Mas'ud menjawab: Tidak ada apa-apa yang menghalangiku berbuat demikian kecuali aku tidak mahu menjemukan kamu, dan sesungguhnya aku sangat menjaga dengan memberi pengajaran kepada kamu sebagaimana Rasulullah SAW sangat menjaga mengenai masa memberi pengajaran kerana takut kami merasa jemu."

Hadith ini sahih[95]

I. KEUTAMAAN BELAJAR DAN MENGAJAR AL-QURAN

96. Uthman bin 'Affan r.a. meriwayatkan katanya: Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ. (صحيح)

"Orang yang paling baik di antara kamu ialah orang yang belajar dan mengajar Al-Quran."

Hadith ini sahih[96]

(95) HR. Al-Bukhari dan Muslim. Al-Misykat 207.

(96) HR. Al-Bukhari 6/108, Abu Daud 1/226, At-Tirmizi 2/149, Ad-Darimi 2/437, Ibnu Nashr dalam Qiamullail hal. 71, Ibnu Majah 1/92,93, Ath-Thayalisi 73/13, Ahmad 1/412,413,500, Al-Khatib 4/109 dan 11/35. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 1173.

97. Mush'ab bin Sa'ad meriwayatkan daripada bapanya katanya: Rasulullah SAW bersabda:

خِيَارُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ.

(صحيح)

"Orang yang terpilih/terbaik di antara kamu ialah orang yang belajar dan mengajar Al-Quran."

Hadith ini hasan sahih(97)

98. Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ لِلَّهِ أَهْلِيْنَ مِنَ النَّاسِ. قَالُوا: يَا رَسُوْلَ اللَّهِ! مَنْ هُمْ؟ قَالَ: هُمْ أَهْلُ الْقُرْآنِ أَهْلُ اللَّهِ وَخَاصَّتُهُ.

(صحيح)

"Sesungguhnya Allah mempunyai ahli-ahli dari golongan manusia. Mereka bertanya: Siapakah mereka ya Rasulullah? Beliau bersabda: Mereka ialah ahlul-Quran (penghafaz dan pengamal Al-Quran), mereka adalah wali-wali Allah dan orang-orang pilihannya."

Hadith ini sahih(98)

99. Abu Sa'id al-Khudri r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَعَلَّمُوا الْقُرْآنَ وَسَلُوا اللَّهَ بِهِ الْجَنَّةَ قَبْلَ أَنْ يَتَعَلَّمَهُ قَوْمٌ يَسْأَلُوْنَ بِهِ الدُّنْيَا فَإِنَّ الْقُرْآنَ يَتَعَلَّمُهُ ثَلَاثَةٌ: رَجُلٌ يُبَاهِي بِهِ وَرَجُلٌ يَسْتَأْكِلُ بِهِ

(97) HR. Ad-Darimi 2/437, Ibnu Majah 1/93. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 1172.

(98) HR. Ibnu Majah 215-178. At-Ta'liq Ar-Raghib 2/210.

وَرَجُلٌ يَقْرَأُهُ لِلّٰهِ.

(صحيح)

"Belajarlah kamu akan Al-Quran dan mohonkan dengannya syurga dari Allah sebelum ia dipelajari oleh kaum yang meminta dunia dengannya kerana Al-Quran itu akan dipelajari oleh tiga orang; seorang lelaki yang bermegah-megah dengannya, seorang lelaki yang mencari makan dengannya dan seorang lelaki yang membacanya kerana Allah."

Hadith ini sahih(99)

100. 'Imran bin Hushain r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ فَلْيَسْأَلِ اللّٰهَ بِهِ فَإِنَّهُ سَيَجِيْءُ أَقْوَامٌ يَقْرَأُوْنَ الْقُرْآنَ يَسْأَلُوْنَ بِهِ النَّاسَ.

(صحيح)

"Barangsiapa membaca Al-Quran maka hendaklah ia meminta dengannya kepada Allah kerana akan datang beberapa kaum yang membaca Al-Quran untuk meminta kepada manusia dengannya."

Hadith ini sahih(100)

101. Mu'awiah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اِقْرَؤُوا الْقُرْآنَ وَلَا تَأْكُلُوا بِهِ وَلَا تَسْتَكْثِرُوا بِهِ وَلَا تَجْفُوا عَنْهُ وَلَا

(99) HR. Ibnu Nashr dalam Qiamullail hal. 74. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 258.

(100) HR. Ahmad 4/432,433,439, At-Tirmizi 4/55. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 258.

تَغْلُوا فِيْهِ. (صحيح)

"Hendaklah kamu membaca Al-Quran dan janganlah kamu (mencari) makan dengannya, dan janganlah kamu meminta sesuatu yang banyak dengannya dan janganlah kamu meninggalkan membacanya dan janganlah kamu melampaui padanya."

Hadith ini sahih[101]

102. Abu Sahal al-Qaththan meriwayatkan daripada Abu Malik al-Asyja'iy, daripada bapanya bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ عَلَّمَ آيَةً مِنْ كِتَابِ اللّٰهِ عَزَّوَجَلَّ كَانَ لَهُ ثَوَابُهَا مَا تُلِيَتْ.

(حسن)

"Barangsiapa yang mengajarkan satu ayat dari Kitabullah 'Azza wa Jalla maka ia akan mendapat pahala selama ianya dibaca orang."

Hadith ini hasan[102]

103. 'Aisyah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَرَةِ وَالَّذِى يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيْهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ. (صحيح)

"Orang yang mahir dengan Al-Quran bersama-sama dengan

(101) HR. Ath-Thahawi dalam Syarhul-Ma'ani 2/10, Ahmad 3/428,444, Ath-Thabarani dalam al-Ausath 1/142,2/170/2, Ibnu Asakir 9/486/2, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 1/260/465,466.

(102) HR. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 3/1335/323-324.

para penulis (Malaikat) yang mulia lagi berbakti. Dan orang yang membaca Al-Quran dan ia mengulang-ngulangkan padanya kerana tidak kena bacaannya dan ia merasa susah atas bacaannya itu, maka baginya dua pahala."

Hadith ini sahih(103)

104. Ibnu Mas'ud r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا، لاَ أَقُولُ الم حَرْفٌ. أَلِفٌ حَرْفٌ، وَلاَمٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ.

(صحيح)

"Barangsiapa membaca satu huruf dari Kitabullah maka baginya satu kebajikan dan satu kebajikan dibalas dengan sepuluh kali ganda. Aku tidak mengatakan Alif Lam Mim satu huruf, tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf."

Hadith ini sahih(104)

105. Uthman bin 'Affan r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَفْضَلَكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ.

(صحيح)

"Sesungguhnya orang yang paling utama di antara kamu ialah orang yang mempelajari Al-Quran dan mengajar-

(103) HR. Al-Bukhari, Muslim, At-Tirmizi dan Abu Daud. Al-Misykat 1/2112, Mukhtasar Sahih Muslim 2105, Al-Bukhari 4937, Sahih Sunan At-Tirmizi 2325-3080, Sahih Sunan Abu Daud 1307.

(104) HR. At-Tirmizi dan Ad-Darimi. Sahih Sunan At-Tirmizi 2327-3087, Al-Misykat 2137, Takhrij Ath-Thahawiah 139.

kannya."

Hadith ini sahih(105)

106. Abu Musa al-Asy'ari meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِى يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الأُتْرُجَّةِ رِيْحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا طَيِّبٌ، وَمَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِى لاَ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ التَّمْرَةِ لاَ رِيْحَ لَهَا وَطَعْمُهَا حُلْوٌ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِى يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَثَلُ الرَّيْحَانَةِ رِيْحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِى لاَ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْحَنْظَلَةِ لَيْسَ لَهَا رِيحٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ.

(صحيح)

"Perumpamaan orang mukmin yang membaca Al-Quran adalah bagaikan utrujjah (sejenis limau), baunya harum dan rasanya enak, dan perumpamaan orang mukmin yang tidak membaca Al-Quran adalah seperti buah tamar yang tidak mempunyai bau dan rasanya manis. Dan bandingan orang munafiq yang membaca Al-Quran adalah seperti tumbuh-tumbuhan yang harum, baunya wangi dan rasanya pahit, manakala perumpamaan orang munafiq yang tidak membaca Al-Quran adalah seperti buah peria yang tidak berbau dan rasanya pahit."

Hadith ini sahih(106)

107. Menurut riwayat Al-Bukhari lafaz Hadith ini

(105) Mukhtashar Sahih Al-Bukhari 1818, Ahmad 1/405, Al-Khatib 5/129, Ibnu Majah 174-211, 175-212.

(106) HR. Al-Lu'-lu-u wal-Marjan 460.

berbunyi:

اَلْمُؤْمِنُ الَّذِى يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيَعْمَلُ بِهِ كَالْأُتْرُجَّةِ طَعْمُهَا طَيِّبٌ وَرِيْحُهَا
طَيِّبٌ، وَالْمُؤْمِنُ الَّذِىْ لاَ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيَعْمَلُ بِهِ كَالتَّمْرَةِ طَعْمُهَا
طَيِّبٌ وَلاَ رِيْحَ لَهَا ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِىْ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَالرَّيْحَانَةِ
رِيْحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِىْ لاَ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ
كَالْحَنْظَلَةِ طَعْمُهَا مُرٌّ وَخَبِيْثٌ وَرِيْحُهَا مُرٌّ.

(صحيح)

"Orang mukmin yang membaca Al-Quran dan mengamalkannya adalah seperti utrujjah (sejenis limau), rasanya enak dan baunya harum dan orang mukmin yang tidak membaca Al-Quran dan tidak mengamalkannya adalah seperti buah tamar, rasanya enak dan tidak berbau. Dan bandingan orang munafiq yang membaca Al-Quran adalah seperti pohon yang berbau wangi, baunya harum dan rasanya pahit, dan bandingan orang munafiq yang tidak membaca Al-Quran adalah seperti buah peria, rasanya pahit dan buruk dan baunya pahit."

Hadith ini sahih[107]

108. Dalam satu riwayat lain Hadith ini berbunyi:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِىْ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَثَلُ الْأُتْرُجَّةِ رِيْحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا
طَيِّبٌ، وَمَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِىْ لاَ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ التَّمْرَةِ طَعْمُهَا

(107) HR. Al-Bukhari. Mukhtasar Sahih Al-Bukhari 1826.

طَيِّبٌ وَلاَ رِيْحَ لَهَا ، وَمَثَلُ الْفَاجِرِ الَّذِى يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الرَّيْحَانَةِ رِيْحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ ، وَمَثَلُ الْفَاجِرِ الَّذِى لاَ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْحَنْظَلَةِ طَعْمُهَا مُرٌّ وَلاَ رِيْحَ لَهَا . وَمَثَلُ الْجَلِيْسِ الصَّالِحِ كَمَثَلِ صَاحِبِ الْمِسْكِ إِنْ لَمْ يُصِبْكَ مِنْهُ شَيْءٌ أَصَابَكَ مِنْ رِيْحِهِ ، وَمَثَلُ جَلِيْسِ السُّوْءِ كَمَثَلِ صَاحِبِ الْكِيْرِ إِنْ لَمْ يُصِبْكَ مِنْ سَوَادِهِ أَصَابَكَ مِنْ دُخَانِهِ. (صحيح)

"Perumpamaan orang mukmin yang membaca Al-Quran adalah serupa utrujjah (sejenis limau), baunya harum dan rasanya enak, dan perumpamaan orang mukmin yang tidak membaca Al-Quran adalah serupa buah tamar, rasanya enak dan ia tidak berbau. Perumpamaan orang jahat yang membaca Al-Quran adalah serupa pohon yang berbau harum, baunya wangi dan rasanya pahit, dan perumpamaan orang jahat yang tidak membaca Al-Quran adalah serupa buah peria, rasanya pahit dan tidak berbau. Dan perumpamaan orang yang mempunyai kawan yang baik adalah seperti orang yang mempunyai kasturi, jikapun ia tidak mengenai engkau sedikitpun namun ia akan mendapat baunya, dan perumpamaan orang yang berkawan dengan orang jahat adalah seperti orang yang mempunyai dapur (tukang besi), jikapun warna hitamnya tidak mengenaimu namun engkau akan mengenai asapnya."

Hadith ini sahih. Lafaz menurut riwayat Abu Daud[108]

(108) HR. Al-Bukhari, Muslim, An-Nasai 4665 dan Abu Daud 4829-4042.

109. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلْمِرَاءُ فِي الْقُرْآنِ كُفْرٌ.

(صحيح)

"Berbantah-bantahan pada Al-Quran adalah kufur."

Hadith ini sahih(109)

110. Ibnu 'Amru r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ تُجَادِلُوْا فِي الْقُرْآنِ فَإِنَّ جِدَالاً فِيْهِ كُفْرٌ.

(صحيح)

"Janganlah kamu berbantah-bantahan pada Al-Quran kerana berbantah-bantahan pada Al-Quran itu adalah kufur."

Hadith ini sahih(110)

111. Ziad bin Hudair r.a. meriwayatkan katanya: Umar r.a. berkata kepadaku:

هَلْ تَعْرِفُ مَا يَهْدِمُ الاِسْلاَمَ؟ قَالَ: قُلْتُ: لاَ. قَالَ يَهْدِمُهُ زَلَّةُ الْعَالِمِ وَجِدَالُ الْمُنَافِقِ بِالْكِتَابِ وَحُكْمُ الأَئِمَّةِ الْمُضِلِّيْنَ.

(صحيح)

"Tahukah engkau apakah yang akan meruntuhkan Islam? Aku menjawab: Tidak. Beliau berkata: Islam akan runtuh oleh kesalahan para ulama, perbantahan/perdebatan orang munafiq dengan Al-Kitab dan pemerintahan iman-iman yang

(109) HR. Abu Daud 3847, Al-Hakim. Al-Misykat 336, Ar-Raudhun-Nadhir 1124, 1125, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 6687.

(110) HR. Ath-Thayalisi dan al-Baihaqi. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 7223.

menyesatkan."

Hadith ini sahih(111)

112. Ibnu 'Amru r.a. meriwayatkan katanya:

نَهَى عَنِ الْجِدَالِ فِي الْقُرْآنِ.

(صحيح)

"Rasulullah SAW melarang berbantah-bantahan pada Al-Quran."

Hadith ini sahih(112)

J. MENGAJAR AL-QURAN DENGAN UPAH:

113. 'Ubadah bin Ash-Shamit r.a. meriwayatkan katanya:

عَلَّمْتُ نَاسًا مِنْ أَهْلِ الصُّفَّةِ الْكِتَابَ وَالْقُرْآنَ فَأَهْدَى إِلَيَّ رَجُلٌ مِنْهُمْ قَوْسًا فَقُلْتُ: لَيْسَتْ بِمَالٍ وَأَرْمِي عَنْهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ عَزَّوَجَلَّ وَلَآتِيَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَأَسْأَلَنَّهُ فَأَتَيْتُهُ فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ رَجُلٌ أَهْدَى إِلَيَّ قَوْسًا مِمَّنْ كُنْتُ أُعَلِّمُهُ الْكِتَابَ وَالْقُرْآنَ وَلَيْسَتْ بِمَالٍ وَأَرْمِي عَنْهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ؟ قَالَ: إِنْ كُنْتَ تُحِبُّ أَنْ تُطَوَّقَ طَوْقًا مِنْ نَارٍ فَاقْبَلْهَا.

(صحيح)

"Aku mengajar orang-orang dari penghuni suffah (serambi masjid Nabi SAW) menulis dan Al-Quran, maka seorang

(111) HR. Ad-Darimi. Al-Misykat 269.

(112) HR. As-Sijzi daripada Abu Sa'id dan Ath-Thayalisi daripada Ibnu Amru. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 2419, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 6873.

lelaki dari antara mereka menghadiahkan kepadaku busur panah. Akupun berkata: Ianya bukanlah harta dan aku akan memanah dengannya ke jalan Allah. Aku akan mendatangi Rasulullah SAW dan akan bertanya mengenainya. Akupun datang kepada Rasulullah SAW lalu bertanya: Ya Rasulullah, seorang lelaki di antara yang saya mengajarnya menulis dan Al-Quran menghadiahkan kepada saya satu busur panah, ianya bukan harta dan saya akan memanah dengannya di jalan Allah. Rasulullah SAW lantas bersabda: Jika engkau suka supaya dikalongkan dengan api neraka terimalah dia."

Hadith ini sahih(113)

114. Abu Darda' r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَخَذَ عَلَى تَعْلِيمِ الْقُرْآنِ قَوْسًا قَلَّدَهُ اللّٰهُ قَوْسًا مِنْ نَارٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

(صحيح)

"Barangsiapa mengambil satu busur panah kerana upah mengajar Al-Quran nescaya Allah mengkalongkannya dengan busur panah dari api neraka."

Hadith ini sahih(114)

115. Abu Darda' r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَخَذَ عَلَى تَعْلِيمِ الْقُرْآنِ قَوْسًا قَلَّدَهُ اللّٰهُ مَكَانَهَا قَوْسًا مِنْ نَارٍ

(113) HR. Abu Daud 2/237, Ibnu Majah 2/8, Ath-Thahawi 2/10, Abu Nu'aim dalam Akhbar Asbihan 2/82, Al-Hakim 2/41, Al-Baihaqi 6/125, Ahmad 5/315, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 1/459.

(114) HR. Abu Muhammad al-Mukhalladi dalam al-Fawaid 1/268Q.

جَهَنَّمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

(صحيح)

"Barangsiapa mengambil satu busur panah sebagai upah mengajar Al-Quran nescaya Allah mengkalongkan ditempatnya satu busur dari neraka Jahannam pada hari kiamat."

Hadith ini sahih(115)

116. Ubay bin Ka'ab r.a. meriwayatkan katanya:

عَلَّمْتُ رَجُلاً الْقُرْآنَ فَاَهْدَى اِلَيَّ قَوْسًا فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنْ اَخَذْتَهَا اَخَذْتَ قَوْسًا مِنْ نَارٍ فَرَدَدْتُهَا.

(صحيح)

"Aku mengajar Al-Quran kepada seorang lelaki lalu ia menghadiahkan satu busur panah kepadaku. Aku memberitahu mengenainya kepada Rasulullah SAW maka beliau bersabda: Jika engkau mengambilnya bererti engkau mengambil satu busur panah dari neraka. Akupun menolak hadiah itu."

Hadith ini sahih(116)

117. Ibnu Abbas r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَحَقُّ مَا أَخَذْتُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا كِتَابُ اللَّهِ.

(صحيح)

(115) HR. Abu Nu'aim dalam al-Hilyah dan al-Baihaqi. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 256, Sahih al-Jamiush-Shaghir 5982.

(116) HR. Ibnu Majah 2158 dan Al-Baihaqi 6/125,126, Al-Irwa' 1493.

"Sesuatu yang lebih patut engkau ambil sebagai upah ialah (membaca/mengajar) Kitabullah."

Hadith ini sahih(117)

K. PENGHAFALAN, PENYAMPAIAN DAN PENULISAN AL-HADITH

118. Ibnu Amru r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً وَحَدِّثُوا عَنْ بَنِي اسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ، وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

(صحيح)

"Hendaklah kamu sampaikan dariku walaupun satu ayat, dan riwayatkanku dari Bani Israil dan tiada dosanya, dan barangsiapa yang dengan sengaja berdusta terhadapku maka bersedialah mengambil tempatnya dari bahagian neraka."

Hadith ini sahih(118)

119. Ibnu Mas'ud r.a. meriwayatkan katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

نَضَّرَ اللّٰهُ امْرَأً سَمِعَ مِنَّا شَيْئًا فَبَلَّغَهُ كَمَا سَمِعَهُ، فَرُبَّ مُبَلَّغٍ أَوْعَى مِنْ سَامِعٍ.

(صحيح)

"Allah telah memberi nikmat kepada seseorang yang

(117) HR. Al-Bukhari 4/61, Ad-Daruquthni 316, Ibnu Hibban 1131, Al-Baihaqi 6/124, Al-Irwa' 1494.

(118) HR. Al-Bukhari, Ahmad, At-Tirmizi 2150, Ar-Raudhun-Nadhir 582, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 2837.

mendengar sesuatu dari kami lalu ia menyampaikannya kepada orang lain seperti yang didengarnya, kadang-kadang orang yang disampaikan itu lebih dapat menerima dan menghafalnya daripada orang yang mendengarnya."

Hadith ini sahih(119)

120. Zaid bin Thabit r.a. meriwayatkan katanya: Rasulullah SAW bersabda:

نَضَّرَ اللَّهُ امْرَأً سَمِعَ مَقَالَتِي فَبَلَّغَهَا ، فَرُبَّ حَامِلِ فِقْهٍ غَيْرِ فَقِيهٍ وَرُبَّ حَامِلِ فِقْهٍ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ.

(صحيح)

"Allah telah memberi nikmat kepada seseorang yang mendengar perkataanku lalu ia menyampaikannya kepada orang lain. Kadang-kadang orang yang membawa fekah bukanlah fakih. Kadang-kadang pembawa fekah menyampaikan kepada orang yang lebih fakih daripadanya."

Hadith ini sahih(120)

121. Abdur-Rahman bin Abdullah meriwayatkan daripada bapanya bahawa Rasulullah SAW bersabda:

نَضَّرَ اللَّهُ امْرَأً سَمِعَ مِنَّا حَدِيثًا فَبَلَّغَهُ فَرُبَّ مُبَلَّغٍ أَحْفَظُ مِنْ سَامِعٍ.

(صحيح)

"Allah telah memberi nikmat kepada seseorang yang mendengar sesuatu daripada kita lalu ia menyampaikan

---

(119) HR. Ahmad, Ibnu Hibban, At-Tirmizi 2140, Sahih At-Targhib 84, Sahih al-Jamiush-Shaghir 6764.

(120) HR. Ibnu Majah 230-187, At-Ta'liq Ar-Raghib, Ar-Raudhun-Nadhir 279, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 404. Hadith ini diriwayatkan juga oleh Ibnu Majah daripada Muhammad bin Jubair bin Muth'im daripada bapanya (231-188)

kepada orang lain. Kadang-kadang orang yang disampaikan adalah lebih hafaz daripada yang mendengar."

Hadith ini sahih[121]

122. Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

نَضَّرَ اللّٰهُ عَبْدًا سَمِعَ مَقَالَتِي فَوَعَاهَا ثُمَّ بَلَّغَهَا عَنِّي، فَرُبَّ حَامِلِ فِقْهٍ غَيْرِ فَقِيْهٍ وَرُبَّ حَامِلِ فِقْهٍ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ.

(صحيح)

"Allah telah memberi nikmat kepada seorang hambanya yang mendengar perkataanku lalu ia menghafalnya kemudian ia menyampaikannya daripadaku. Kadang-kadang pembawa fekah tidak fakih dan kadang-kadang pembawa fekah menyampaikannya kepada orang yang lebih fakih daripadanya."

Hadith ini sahih[122]

123. Zaid bin Thabit r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

نَضَّرَ اللّٰهُ امْرَأً سَمِعَ مِنَّا حَدِيْثًا فَحَفِظَهُ حَتَّى يُبَلِّغَهُ غَيْرَهُ فَرُبَّ حَامِلِ فِقْهٍ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ وَرُبَّ حَامِلِ فِقْهٍ لَيْسَ بِفَقِيْهٍ.

(صحيح)

"Allah telah memberi nikmat kepada seseorang yang mendengar satu Hadith dari kita lalu ia menghafaznya sampai ia menyampaikannya kepada orang lain. Kadang-

(121) HR. Ibnu Majah 232-189, Al-Misykat 230, At-Ta'liq Ar-Raghib 1/63.

(122) HR. Ibnu Majah 236-193, At-Ta'liq Ar-Raghib 1/63.

kadang pembawa fekah menyampaikan kepada orang yang lebih fakih daripadanya dan kadang-kadang pembawa fekah bukanlah seorang fakih."

***Hadith ini sahih*[(123)]**

124. Ibnu Umar r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لِيُبَلِّغْ شَاهِدُكُمْ غَائِبَكُمْ لاَ تُصَلُّوا بَعْدَ الْفَجْرِ إِلاَّ سَجْدَتَيْنِ.

(صحيح)

"Hendaklah yang hadir di antara kamu menyampaikan kepada yang tidak hadir, janganlah kamu bersolat selepas fajar melainkan dua rakaat."

***Hadith ini sahih*[(124)]**

125. Abu Bakrah r.a. meriwayatkan katanya:

خَطَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ النَّحْرِ فَقَالَ: لِيُبَلِّغْ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ فَإِنَّهُ رُبَّ مُبَلِّغٍ يُبَلِّغُهُ أَوْعَى لَهُ مِنْ سَامِعٍ.

(صحيح)

"Rasulullah SAW berkhutbah pada hari Raya Qurban, maka beliau bersabda: Orang yang menyaksikan/hadir hendaklah menyampaikannya kepada yang tidak hadir, kadang-kadang orang yang disampaikan adalah lebih hafaz daripada yang mendengar."

***Hadith ini sahih*[(125)]**

---

(123) HR. At-Tirmizi 2807-2139, Ibnu Majah 230, Adh-Dhia' dan Ibnu Hibban. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 403, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 6763, Ar-Raudhun-Nadhir 276.

(124) HR. Abu Daud 1159, Ibnu Majah, Al-Irwa' 478, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 5353.

(125) HR. Ibnu Majah 233-190.

126. Bahaz bin Hakim r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَلاَ لِيُبَلِّغِ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ.

(صحيح)

"Ketahuilah! Orang yang hadir hendaklah menyampaikannya kepada yang tidak hadir."

Hadith ini sahih(126)

127. Ibnu Umar r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لِيُبَلِّغْ شَاهِدُكُمْ غَائِبَكُمْ.

(صحيح)

"Orang yang hadir di antara kamu hendaklah menyampaikan kepada yang tidak hadir."

Hadith ini sahih(127)

128. Jubair bin Muth'im, Zaid bin Thabit dan Ibnu Mas'ud r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

نَضَّرَ اللَّهُ عَبْدًا سَمِعَ مَقَالَتِي فَوَعَاهَا وَحَفِظَهَا ثُمَّ أَدَّاهَا إِلَى مَنْ لَمْ يَسْمَعْهَا ، فَرُبَّ حَامِلِ فِقْهٍ غَيْرُ فَقِيهٍ، وَرُبَّ حَامِلِ فِقْهٍ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ. ثَلاَثٌ لاَ يَغِلُّ عَلَيْهِنَّ قَلْبُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ: اخْلاَصُ الْعَمَلِ لِلَّهِ وَالنُّصْحُ لأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِيْنَ وَلُزُوْمُ جَمَاعَتِهِمْ فَإِنَّ دَعْوَتَهُمْ تَحُوْطُ

(126) HR. Al-Bukhari dan Muslim. Sahih Sunan Ibnu Majah 234-191.

(127) HR. Abu Daud 1159, Ibnu Majah 235-192, Al-Irwa' 2/233,234.

مَنْ وَرَاءَهُمْ. (صحيح)

"Allah telah memberi nikmat kepada seorang hambanya yang mendengar perkataanku lalu ia mengingati dan menghafaznya, kemudian ia menyampaikan kepada orang yang tidak mendengarnya. Kadang-kadang pembawa fekah bukan seorang fakih dan kadang-kadang pembawa fekah menyampaikan kepada orang yang lebih fakih daripadanya. Ada tiga perkara dimana hati seorang muslim tidak akan merasa iri, iaitu; mengikhlaskan amalan kerana Allah, memberi nasihat kepada iman-iman kaum muslimin dan tetap dalam jamaah mereka kerana doa mereka menjaga orang-orang yang di belakang mereka."

Hadith ini sahih[128]

129. Dalam riwayat yang diriwayatkan oleh Abdur-Rahman bin Aban bin Uthman daripada bapanya ada tambahan dalam Hadith ini, iaitu:

نَضَّرَ اللَّهُ امْرَأً سَمِعَ مِنَّا حَدِيْثًا فَحَفِظَهُ حَتَّى يُبَلِّغَهُ غَيْرَهُ فَإِنَّهُ رُبَّ حَامِلِ فِقْهٍ لَيْسَ بِنَقِيْهٍ وَرُبَّ حَامِلِ فِقْهٍ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ. ثَلاَثُ خِصَالٍ لاَ يَغِلُّ عَلَيْهِنَّ قَلْبُ مُسْلِمٍ أَبَداً: إِخْلاَصُ الْعَمَلِ لِلَّهِ وَمُنَاصَحَةُ وَلاَةِ الأَمْرِ وَلُزُومُ الْجَمَاعَةِ فَإِنَّ دَعْوَتَهُمْ تُحِيْطُ مِنْ وَرَائِهِمْ. وَقَالَ: مَنْ كَانَ هَمَّهُ الأَخِرَةَ جَمَعَ اللَّهُ شَمْلَهُ وَجَعَلَ غِنَاهُ فِيْ قَلْبِهِ وَأَتَتْهُ

(128) HR. Ahmad, Ibnu Majah, At-Tirmizi. Sahih Ibnu Majah 230-187, Ar-Raudhun-Nadhir 276, At-Ta'liq Ar-Raghib, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 404, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 6766.

الدُّنْيَا وَهِيَ رَاغِمَةٌ، وَمَنْ كَانَتْ نِيَّتُهُ الدُّنْيَا فَرَّقَ اللَّهُ عَلَيْهِ ضَيْعَتَهُ وَجَعَلَ فَقْرَهُ بَيْنَ عَيْنَيْهِ وَلَمْ يَأْتِهِ مِنَ الدُّنْيَا إِلاَّ مَا كُتِبَ لَهُ.

(صحيح)

"Allah telah memberi nikmat kepada seseorang yang mendengar satu Hadith dari kita lalu ia menghafaznya sampai ia menyampaikannya kepada orang lain, kerana sesungguhnya kadang-kadang orang yang membawa fekah bukanlah seorang fakih dan kadang-kadang pembawa fekah menyampaikannya kepada orang yang lebih fakih daripadanya. Ada tiga perkara yang hati orang muslim tidak akan merasa iri hati buat selama-lamanya, iaitu; mengikhlaskan amal kerana Allah, menasihati para pemerintah dan tetap dalam jamaah kerana doa mereka menjaga dari belakang mereka. Dan sabdanya lagi: Barangsiapa yang cita-citanya ialah akhirat nescaya Allah mengumpulkan perhimpunannya dan menjadikan kekayaannya dalam hatinya dan dunia datang kepadanya dalam keadaan terpaksa, dan barangsiapa yang niatnya ialah dunia nescaya Allah mencerai-beraikan mata pencariannya dan menjadikan kemiskinannya di depan matanya dan dunia tidak akan datang kepadanya melainkan apa yang telah ditentukan baginya."

Hadith ini sahih. Lafaz ini menurut riwayat Ahmad(129)

130. Abu Syauraih r.a. meriwayatkan katanya:

(129) HR. Ahmad 5/183, Ad-Darimi 1/75, Ibnu Hibban 72/73, Ibnu Abdil-Barri dalam Al-Jami' 1/38,39, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 404.

سَمِعْتُ رَسُولَ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْفَتْحِ يَقُولُ قَوْلاً سَمِعَتْهُ أُذُنَايَ وَوَعَاهُ قَلْبِي وَأَبْصَرَتْهُ عَيْنَايَ حِينَ تَكَلَّمَ بِهِ، حَمِدَ اللّٰهَ تَعَالَى وَأَثْنَى عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ: إِنَّ مَكَّةَ حَرَّمَهَا اللّٰهُ تَعَالَى وَلَمْ تُحَرِّمْهَا النَّاسُ فَلاَ يَحِلُّ لاِمْرِئٍ يُؤْمِنُ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ أَنْ يَسْفِكَ بِهَا دَمًا وَلاَ يَعْضِدَ بِهَا شَجَرَةً فَإِنْ أَحَدٌ تَرَخَّصَ لِقِتَالِ رَسُولِ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيهَا فَقُولُوا إِنَّ اللّٰهَ تَعَالَى قَدْ أَذِنَ لِرَسُولِهِ وَلَمْ يَأْذَنْ لَكُمْ وَإِنَّمَا أَذِنَ لِي سَاعَةً مِنْ نَهَارٍ ثُمَّ عَادَتْ حُرْمَتُهَا الْيَوْمَ كَحُرْمَتِهَا بِالأَمْسِ، وَلْيُبَلِّغِ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ.

(صحيح)

"Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda pada hari pembukaan kota Mekah dengan dua telingaku, diingati oleh hatiku dan dilihat oleh dua mataku, iaitu di kala beliau bersabda beliau memuja dan memuji Allah, dan kemudian beliau bersabda: Sesungguhnya Mekah ini diharamkan oleh Allah, dan ia bukan diharamkan oleh manusia. Maka tidak halal bagi seseorang yang beriman dengan Allah dan hari akhirat untuk menumpahkan darah padanya, dan tidak boleh mencabut pokoknya. Jika seseorang membolehkan memerangi Rasulullah SAW padanya maka katakanlah: Sesungguhnya Allah telah mengizinkan kepada RasulNya dan ia memberi izin kepada kamu. Hanya diizinkan kepadaku satu waktu dari waktu sianghari, kemudian keharamannya yang ada pada hari ini kembali seperti

keharamannya kelmarin. Hendaklah yang hadir menyampaikan kepada yang tidak hadir."

Hadith ini sahih[130]

131. 'Ubadah bin Ash-Shamit r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنِّى أُحَدِّثُكُمْ الْحَدِيْثَ فَلْيُحَدِّثْ الْحَاضِرُ مِنْكُمُ الْغَائِبَ.

(صحيح)

"Aku akan menyampaikan Hadith maka orang yang hadir di antara kamu hendaklah menyampaikannya kepada yang tidak hadir."

Hadith ini sahih[131]

132. Abu Bakrah r.a. meriwayatkan katanya:

قَعَدَ عَلَيْهِ السَّلاَمُ عَلَى بَعِيْرِهِ وَأَمْسَكَ انْسَانٌ بِخِطَامِهِ أَوْ بِزِمَامِهِ ثُمَّ قَالَ: أَيُّ يَوْمٍ هَذَا ؟ فَسَكَتْنَا حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ سَيُسَمِّيْهِ سِوَى اسْمِهِ، قَالَ: أَلَيْسَ يَوْمَ النَّحْرِ ؟ قُلْنَا : بَلَى. قَالَ: فَأَيُّ شَهْرٍ هَذَا ؟ فَسَكَتْنَا حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ سَيُسَمِّيْهِ بِغَيْرِ اسْمِهِ. فَقَالَ: أَلَيْسَ بِذِى الْحِجَّةِ؟ قُلْنَا : بَلَى، قَالَ: فَإِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَعْرَاضَكُمْ بَيْنَكُمْ حَرَامٌ كَحُرْمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا فِى شَهْرِكُمْ هَذَا فِى بَلَدِكُمْ هَذَا، لِيُبَلِّغِ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ فَإِنَّ الشَّاهِدَ عَسَى أَنْ يُبَلِّغَ مَنْ هُوَ أَوْعَى لَهُ مِنْهُ.

(صحيح)

(130) HR. Al-Bukhari dan Muslim. Mukhtasar Al-Bukhari 89, Al-Lu'-lu-u wal-Marjan 860.

(131) HR. Ath-Thabarani dan Ad-Dailami. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 2446. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 1721.

"Rasulullah SAW duduk di atas untanya dan ada seseorang yang memegang tali tengkok unta itu atau tali kekang-nya, kemudian beliau bersabda: Hari apakah ini? Kami diam sehingga kami menyangka bahawa beliau akan menamakannya dengan nama selainnya. Beliau bersabda: Bukankah hari ini hari Raya Qurban? Kami menjawab: Bahkan. Beliau bersabda: Bulan apakah ini? Kami diam sehingga kami menyangka bahawa beliau akan menamakannya dengan bukan namanya. Beliau bersabda: Bukankah ini bulan Zul-Hijjah? Kami menjawab: Bahkan. Beliau bersabda: Sesungguhnya darah kamu, harta benda kamu dan kehormatan kamu adalah haram di antara kami bagaikan keharaman hari kamu ini, di bulan kamu ini, di negeri kamu ini. Hendaklah yang hadir di antara kamu menyampaikan kepada yang tidak hadir kerana orang yang hadir boleh jadi ia menyampaikan kepada orang yang lebih hafal daripadanya."

Hadith ini sahih[132]

L. LARANGAN BERBOHONG KE ATAS NABI SAW:

133. Abu Qatadah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِيَّاكُمْ وَكَثْرَةَ الْحَدِيْثِ عَنِّي، فَمَنْ قَالَ عَلَيَّ فَلْيَقُلْ حَقًّا أَوْ صِدْقًا، وَمَنْ تَقَوَّلَ عَلَيَّ مَالَمْ أَقُلْ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

(صحيح)

(132) HR. Al-Bukhari. Mukhtasar al-Bukhari 61.

"Janganlah kamu membanyakkan riwayat Hadith daripadaku, maka barangsiapa yang mengatakan kepadaku (mengatakan aku bersabda) hendaklah ia berkata yang hak atau benar. Barangsiapa yang berbuat kata ke atasku apa yang aku tidak katakan maka bersedialah mengambil tempatnya dari bahagian neraka."

Hadith ini sahih[133]

134. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan katanya:

إِنَّ النَّاسَ يَقُولُوْنَ أَكْثَرَ أَبُوْ هُرَيْرَةَ وَلَوْ لاَ آيَتَانِ فِيْ كِتَابِ اللَّهِ مَا حَدَّثْتُ حَدِيْثًا ، ثُمَّ يَتْلُوْ "ثُمَّ يَتْلُوْ" إِنَّ الَّذِيْنَ يَكْتُمُوْنَ مَا أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَالْهُدَى إِلَى قَوْلِهِ "الرَّحِيْمِ" إِنَّ اِخْوَانَنَا مِنَ الْمُهَاجِرِيْنَ كَانَ يَشْغَلُهُمُ الصَّفْقُ بِالْأَسْوَاقِ، وَإِنَّ اِخْوَانَنَا مِنَ الْأَنْصَارِ كَانَ يَشْغَلُهُمُ الْعَمَلُ فِي أَمْوَالِهِمْ، وَإِنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ كَانَ يَلْزَمُ رَسُوْلَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِشِبَعِ بَطْنِهِ، وَيَحْضُرُمَا لاَ يَحْضُرُوْنَ وَيَحْفَظُ مَا لاَ يَحْفَظُوْنَ. (صحيح)

"Sesungguhnya orang ramai mengatakan bahawa Abu Hurairah membanyakkan riwayat Hadith. Jika tidaklah kerana dua ayat dalam Kitabullah tidaklah aku meriwayatkan sebuah Hadithpun. Kemudian ia membaca: "Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa-apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk

(133) HR. Al-Hakim, Ad-Darimi, Ibnu Majah, Ath-Thahawi. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 1753, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 2684.

sampai kepada firman Allah Yang Maha Penyayang (Al-Baqarah: 159-160). Sesungguhnya saudara-saudara kami dari kaum Muhajirin mereka sibuk dengan berjual beli di pasar-pasar, manakala saudara-saudara kami dari golongan Anshar sibuk dengan kerja mengurus harta benda mereka, sedangkan Abu Hurairah senantiasa bersama-sama Rasulullah SAW bagi mengenyangkan perutnya. ia hadir di mana mereka tidak hadir dan ia hafaz apa yang mereka tidak hafaz."

Hadith ini sahih[134]

135. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

سَيَكُوْنُ فِي آخِرِ الزَّمَانِ نَاسٌ مِنْ أُمَّتِي يُحَدِّثُوْنَكُمْ بِمَالَمْ تَسْمَعُوا بِهِ أَنْتُمْ وَلَا آبَاؤُكُمْ فَإِيَّاكُمْ وَإِيَّاهُمْ.

(صحيح)

"Pada akhir zaman akan ada orang dari umatku yang meriwayatkan kamu apa yang kamu dan datuk nenek kamu tidak mendengarnya. Hati-hatilah terhadap mereka!"

Hadith ini sahih[135]

136. Abu Hurairah , Abu Qatadah dan Usamah bin Zaid meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَقَوَّلَ عَلَيَّ مَالَمْ أَقُلْ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

(صحيح)

"Barangsiapa mengatakan ke atasku apa yang aku tidak

(134) HR. Al-Bukhari. Mukhtasar al-Bukhari 98. (Al-Baqarah 159-160).

(135) HR. Muslim. sahih Al-Jamiush-Shaghir 3667.

katakan maka bersedialah mengambil tempatnya dari bahagian neraka."

Hadith ini sahih[136]

137. Ali r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ تَكْذِبُوا عَلَيَّ فَإِنَّ الْكَذِبَ عَلَيَّ يُولِجُ النَّارَ.

(صحيح)

"Janganlah kamu berdusta ke atasku kerana berdusta ke atasku akan memasukkan ke neraka."

Hadith ini sahih[137]

138. Dalam riwayat lain Ali r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ تَكْذِبُوا عَلَيَّ فَإِنَّهُ مَنْ يَكْذِبْ عَلَيَّ فَلْيَلِجِ النَّارَ.

(صحيح)

"Janganlah kamu berdusta ke atasku kerana barangsiapa berdusta ke atasku hendaklah ia masuk neraka."

Hadith ini sahih[138]

139. Sa'id bin Zaid r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ كَذِبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَكَذِبٍ عَلَى أَحَدٍ، فَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

(صحيح)

(136) HR. Ibnu Majah, Ahmad, Ath-Thabarani. Al-Misykat 5940, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 6161.

(137) Hadith riwayat Ibnu Majah 31-29, Al-Bukhari dan Muslim.

(138) HR. Ahmad, Al-Bukhari, Muslim dan At-Tirmizi. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 7437.

"Sesungguhnya berdusta ke atasku bukanlah seperti berdusta ke atas seseorang yang lain, maka barangsiapa yang sengaja berdusta ke atasku maka bersedialah mengambil tempatnya dari bahagian neraka."

Hadith ini sahih[139]

140. Ibnu Umar r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الَّذِي يَكْذِبُ عَلَيَّ يُبْنَى لَهُ بَيْتٌ فِي النَّارِ.

(صحيح)

"Sesungguhnya orang yang berdusta ke atasku akan dibinakan baginya sebuah rumah dalam neraka."

Hadith ini sahih[140]

141. Ali r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ تَكْذِبُوا عَلَيَّ فَإِنَّهُ مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

(صحيح)

"Janganlah kamu berdusta ke atasku kerana barangsiapa yang berdusta terhadapku bersedialah mengambil tempatnya dari bahagian neraka."

Hadith ini sahih[141]

142. Salamah bin Al-Akwa' r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

---

(139) HR. Al-Bukhari dan Muslim, Abu Ya'la. Mukhtasar Muslim 862, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 2142.

(140) HR. Ahmad 2/22,103,144, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 1618.

(141) HR. Al-Bukhari. Mukhtasar Al-Bukhari 90.

مَنْ يَقُلْ عَلَيَّ مَالَمْ أَقُلْ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

(صحيح)

"Barangsiapa mengatakan apa yang aku tidak katakan maka bersedialah mengambil tempatnya dari bahagian neraka."

Hadith ini sahih[(142)]

143. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَسَمَّوْا بِاسْمِي وَلاَ تَكَنَّوْا بِكُنْيَتِي، وَمَنْ رَآنِي فِي الْمَنَامِ فَقَدْ رَآنِي فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لاَ يَتَمَثَّلُ فِي صُورَتِي وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّداً فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

(صحيح)

"Hendaklah kamu namakan dengan namaku dan janganlah kamu memakai kuniahku. Barangsiapa melihatku dalam mimpi maka sesungguhnya ia telah melihatku kerana syaitan tidak boleh menjelma dalam rupaku. Dan barangsiapa yang sengaja berdusta ke atasku maka bersedialah mengambil tempatnya dari bahagian neraka."

Hadith ini sahih[(143)]

144. Ali, Al-Mughirah bin Syu'bah dan Samurah bin Jundub r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ حَدَّثَ عَنِّي بِحَدِيثٍ وَهُوَ يَرَى أَنَّهُ كَذِبٌ فَهُوَ أَحَدُ الْكَاذِبِينَ.

(صحيح)

(142) HR. Al-Bukhari. Mukhtasar Al-Bukhari 91.

(143) HR. Al-Bukhari. Mukhtasar Al-Bukhari 92.

"Barangsiapa meriwayatkan daripadaku Hadith yang ia nampak ianya dusta maka ia salah seorang dari pendusta-pendusta."

Hadith ini sahih(144)

145. Ali r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ حَدَّثَ عَنِّى بِحَدِيْثٍ وَهُوَ يَرَى أَنَّهُ كَذِبٌ فَهُوَ أَحَدُ الْكَاذِبِيْنَ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang meriwayatkan Hadith daripadaku yang dipandang dusta maka ia termasuk salah seorang pendusta."

Hadith ini sahih(145)

146. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَذَبَ عَلَىَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang sengaja berdusta terhadapku, maka hendaklah ia bersedia mengambil tempatnya dari bahagian neraka."

Hadith ini sahih lagi mutawatir(146)

(144) HR. Muslim dan Ibnu Majah. Sahih Sunan Ibnu Majah 39-37, 40-38, 41-39.

(145) HR. Muslim dan Ibnu Majah. Sahih Sunan Ibnu Majah 38-36.

(146) HR. Ahmad, Al-Bukhari, Muslim, At-Tirmizi, An-Nasai dan Ibnu Majah daripada Anas. HR. riwayat Ahmad, Al-Bukhari, Abu Daud, An-Nasai dan Ibnu Majah daripada Az-Zubair. HR. Muslim daripada Abu Hurairah. HR. At-Tirmizi daripada Ali. HR. Ahmad dan Ibnu Majah daripada Jabir, dan Abu Sa'id. HR. At-Tirmizi dan Ibnu Majah daripada Ibnu Mas'ud. HR. Ahmad dan al-Hakim daripada Khalid bin 'Arfathah, dan Zaid bin Arqam. HR. Ahmad daripada Salamah bin al-Akwa', 'Uqbah bin 'Amer dan Mu'awiah bin Abu Sufian. HR. Ath-Thabarani daripada As-Saib bin Yazid, Sulaiman bin Khalid al-Khuza'iy, Shuhaib, Thariq bin Asyim, Thalhah bin Ubaidullah, Ibnu Abbas, Ibnu Umar, 'Uthbah bin Ghazwan, Ursu bin 'Umairah, 'Ammar bin Yasir, 'Imran bin Hushain, 'Amru bin Huraith, 'Amru bin 'Absah, 'Amru bin Murrah al-Juhani, Al-Mughirah bin

Bersambung muka 85 —>

M. PENULISAN AL-HADITH

147. Abu Sa'id r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ تَكْتُبُوا عَنِّي شَيْئًا إِلاَّ الْقُرْآنَ فَمَنْ كَتَبَ عَنِّي غَيْرَ الْقُرْآنِ فَلْيَمْحُهُ، وَحَدِّثُوا عَنِّي وَلاَ حَرَجَ وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ. (صحيح)

"Janganlah kamu menuliskan sesuatu daripadaku melainkan Al-Quran, maka sesiapa yang menulis daripadaku selain Al-Quran hendaklah ia menghapuskannya. Riwayatkanlah Hadith dariku tiada dosa, dan barangsiapa yang dengan sengaja berdusta terhadapku maka bersedialah mengambil tempatnya dari bahagian neraka."

Hadith ini sahih[147]

148. Abdullah bin 'Amru r.a. meriwayatkan katanya:

كُنْتُ أَكْتُبُ كُلَّ شَيْءٍ أَسْمَعُهُ مِنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Syu'bah, Ya'la bin Marrah, Abu 'Ubaidah al-Jarrah, Abu Musa al-Asy'ari, HR. Ath-Thabarani dalam al-Ausath daripada Al-Barra', Mu'az bin Jabal, Nabith bin Syarith, Abu Maimun, HT. Ad-Daruquthni dalam Al-Afrad daripada Abu Ramthah, Ibnu Az-Zubair, Abu Rafi', Ummu Aiman. HR. Al-Khatib daripada Salman Al-Farisi dan Abu Umamah. HR. Ibnu Asakir daripada Rafi' bin Khadij, Yazid bin Asad, 'Aisyah. HR. Ibnu Sha'id daripada Abu Bakar Ash-Shiddiq, Umar bin al-Khattab, Sa'ad bin Abu Waqqash, Huzaifah bin Usaid, Huzaifah bin al-Yaman, Abu Mas'ud meriwayatkan daripada Uthman bin 'Affan. HR. Daripada Sa'id bin Zaid. HR. Ibnu 'Adiy daripada Usamah bin Zaid, Buraidah, Safinah, Abu Qatadah. HR. Abu Nua'im dalam al-Ma'rifah daripada Jundu' bin 'Amru, Sa'ad bin al-Midhas, Abdullah bin Zaghab. Hr. Ibnu Qani' daripada Abdullah bin Abi Aufa. HR. Al-Hakim dalam Al-Madkhal daripada 'Affan bin Habib. Al-'Uqaili meriwayatkan daripada Ghazwan, Abu Kabsyah. Ibnul-Jauzi dalam Muqaddimah Al-Maudhu'at meriwayatkan daripada Abu Zarr dan Abu Musa Al-Ghafiqi.

(147) HR. Ahmad dan Muslim. Mukhtasar Muslim 1861, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 7434,

أُرِيْدُ حِفْظَهُ فَنَهَتْنِي قُرَيْشٌ وَقَالُوْا: اَتَكْتُبُ كُلَّ شَيْءٍ وَرَسُوْلُ اللّٰه بَشَرٌ يَتَكَلَّمُ فِي الْغَضَبِ وَالرِّضَا فَأَمْسَكْتُ عَنِ الْكِتَابِ فَذَكَرْتُ لِرَسُوْلِ اللّٰه صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَوْمَأَ بِأُصْبُعِهِ إِلَى فِيْهِ وَقَالَ: أُكْتُبْ، فَوَالَّذِي نَفْسِيْ بِيَدِهِ مَا يَخْرُجُ مِنْهُ إِلاَّ حَقًّا.

(صحيح)

"Aku menulis semua yang aku dengar daripada Rasulullah SAW untuk menghafaznya, maka orang Quraisy melarangku seraya berkata: Adakah engkau menulis segala sesuatu pada hal Rasulullah itu adalah seorang manusia yang bercakap dalam masa marah dan di kala beliau redha (tidak marah). Akupun berhenti menulis. Kemudian aku memberitahu kepada Rasulullah SAW mengenainya maka beliau menunjukkan ke mulutnya dengan anak jarinya seraya bersabda: Tulislah, Demi Allah yang jiwaku di tangannya tidak akan keluar darinya melainkan yang hak."

Hadith ini sahih[148]

149. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan katanya:

أَنَّهُ لَمَّا فَتَحَ اللّٰهُ عَلَى رَسُوْلِهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَكَّةَ قَامَ الرَّسُوْلُ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَخَطَبَ فِي النَّاسِ فَقَامَ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْيَمَنِ يُقَالُ لَهُ أَبُوْ شَاةٍ فَقَالَ: يَا رَسُوْلُ اللّٰه: أُكْتُبُوْا لِيْ: فَقَالَ: أُكْتُبُوْا لَهُ.

(صحيح)

---

(148) HR. Abu Daud 2/124,125, Ad-Darimi 1/25, Al-Hakim 1/105-106, Ahmad 2/162,192. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 4/1532.

"Manakala Allah membuka Mekah kepada RasulNya SAW maka Rasulullah bangun berkhutbah kepada manusia. Seorang lelaki dari Yaman yang dipanggil Abu Syah bangun lalu berkata: Ya Rasulullah, tuliskanlah untuk saya! Maka Rasulullah SAW bersabda: Tuliskanlah untuknya!"

Hadith ini sahih(149)

150. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan katanya:

لَمَّا فَتَحَ اللّٰهُ عَلَى رَسُوْلِهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَكَّةَ قَامَ فِى النَّاسِ فَحَمِدَ اللّٰهَ وَأَثْنَى عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ: إِنَّ اللّٰهَ حَبَسَ عَنْ مَكَّةَ الْفِيْلَ وَسَلَّطَ عَلَيْهَا رَسُوْلَهُ وَالْمُؤْمِنِيْنَ، فَإِنَّهَا لاَ تَحِلُّ لأَحَدٍ قَبْلِى وَلاَ تَحِلُّ لأَحَدٍ بَعْدِى، أَلاَ وَإِنَّهَا حَلَّتْ لِى سَاعَةً مِنْ نَهَارٍ، وَإِنَّهَا لاَ تَحِلُّ لأَحَدٍ بَعْدِى، فَلاَ يُنَفَّرُ صَيْدُهَا وَلاَ يُخْتَلَى شَوْكُهَا وَلاَ تَحِلُّ سَاقِطَتُهَا إِلاَّ لِمُنْشِدٍ. وَمَنْ قُتِلَ لَهُ قَتِيْلٌ فَهُوَ بِخَيْرِ النَّظَرَيْنِ إِمَّا أَنْ يُفْدَى وَإِمَّا أَنْ يُقِيْدَ. فَقَالَ الْعَبَّاسُ: إِلاَّ الإِذْخِرَ فَإِنَّهُ نَجْعَلُهُ لِقُبُوْرِنَا وَبُيُوْتِنَا. فَقَالَ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِلاَّ الإِذْخِرَ. فَقَامَ أَبُوْ شَاةٍ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْيَمَنِ فَقَالَ: أُكْتُبُوْا لِى يَا رَسُوْلَ اللّٰهِ! فَقَالَ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أُكْتُبُوْا لأَبِى شَاةٍ. (صحيح)

"Manakala Allah membuka untuk RasulNya kota Mekah, maka beliau bangun berkhutbah di antara manusia. Beliau

(149) Musnad Imam Ahmad 12/232, Fathul-Bari 1/217, Jamiu' Bayanil-Ilmi 1/70, Taqyidul-Ilmi hal. 86.

memuja dan memuji Allah dan kemudian beliau bersabda: Sesungguhnya Allah menahan gajah (tentera bergajah) dari memasuki Mekah, dan Allah menguasakan Rasul dan orang-orang mukmin ke atas Mekah. Sesungguhnya Mekah itu tidak halal bagi seseorangpun sebelumku dan sesungguhnya ia dihalalkan untukku satu waktu dari waktu sianghari dan sesungguhnya ia tidaklah halal bagi seseorangpun sesudahku. Makan oleh kerana itu tidak boleh meliarkan buruannya, tidak boleh dicabut durinya dan tidak halal barang yang jatuh/hilang melainkan bagi yang mencarinya (mengenalinya). Dan barangsiapa yang terbunuh seorang warisnya maka ia mempunyai dua pilihan; samada ia menerima tebusan ataupun ia mengambil qishash. Al-'Abbas berkata: Melainkan izkhar (pokok yang berbau harum) ya Rasulullah? Seorang penduduk Yaman yang digelar Abu Syah berkata: Tuliskan untuk saya wahai Rasulullah! Rasulullah SAW bersabda: Tulislah untuk Abu Syah!

Hadith ini sahih(150)

151. Menurut riwayat Abu Daud lafaz hadith ini berbunyi demikian:

لَمَّا فَتَحَ اللّٰهُ تَعَالَى عَلَى رَسُوْلِهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَكَّةَ قَامَ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيْهِمْ فَحَمِدَ اللّٰهَ وَأَثْنَى عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ: إِنَّ اللّٰهَ حَبَسَ عَنْ مَكَّةَ الْفِيْلَ وَسَلَّطَ عَلَيْهَا رَسُوْلَهُ وَالْمُؤْمِنِيْنَ، وَإِنَّمَا أُحِلَّتْ لِيْ سَاعَةً مِنَ النَّهَارِ ثُمَّ هِيَ حَرَامٌ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ، لاَ

(150) HR. Al-Bukhari, Muslim dan Abu Daud. Al-Lu' lu-u wal-Marjan 861, Mukhtasar Sahih Al-Bukhari 93, Sahih Sunan Abu Daud 2017-1776.

يُعْضَدُ شَجَرُهَا وَلاَ يُنَفَّرُ صَيْدُهَا وَلاَ تُحِلُّ لُقَطَتَهَا إِلاَّ لِمُنْشِدٍ. فَقَامَ عَبَّاسٌ أَوْ قَالَ الْعَبَّاسُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ الاَّ الإِذْخِرَ فَإِنَّهُ لِقُبُورِنَا وَبُيُوتِنَا. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِلاَّ الاذْخِرَ. فَقَامَ أَبُوْ شَاةٍ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْيَمَنِ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أُكْتُبُوالِي. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أُكْتُبُوا لأَبِيْ شَاةٍ. قُلْتُ لِلأَوْزَاعِيِّ: مَا قَوْلُهُ أُكْتُبُوا لأَبِيْ شَاةٍ؟ قَالَ: هَذِهِ الْخُطْبَةَ الَّتِيْ سَمِعَهَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

(صحيح)

"Manakala Allah telah membuka kota Mekah kepada RasulNya SAW maka beliau bangun di antara mereka, memuja dan memuji Allah dan kemudian beliau bersabda: Sesungguhnya Allah telah menahan tentera bergajah dari memasuki kota Mekah dan menguasakan RasulNya dan orang-orang mukmin ke atasnya. Sesungguhnya ia hanya dihalalkan untukku sesaat dari waktu sianghari, kemudian ia haram sampailah pada hari kiamat. Tidak boleh dicabut pohonnya, tidak boleh diliarkan buruannya, dan tidak halal barang hilang padanya melainkan bagi yang mencarinya. 'Abbas bangun, atau Abbas berkata: Ya Rasulullah, melainkan izkhar kerana ianya untuk kuburan kita dan untuk rumah-rumah kita. Rasulullah SAW bersabda: Melainkan izkhar. Abu Syah, iaitu seorang penduduk Yaman bangun seraya berkata: Tuliskan untuk saya, wahai Rasulullah!

Rasulullah SAW lalu bersabda: Hendaklah kamu menuliskannya untuk Abu Syah! Aku berkata kepada al-Auza'iy: Apakah maksud sabdanya: Hendaklah kamu menuliskannya untuk Abu Syah? Ia menjawab: Ialah Khutbah ini yang didengarnya daripada Rasulullah SAW."

Hadith ini sahih[151]

152. Menurut riwayat Al-Bukhari lafaz hadith ini berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ حَبَسَ عَنْ مَكَّةَ الْفِيْلَ أَوِ الْقَتْلَ وَسَلَّطَ عَلَيْهِمْ رَسُوْلُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْمُؤْمِنُوْنَ. أَلاَ فَإِنَّهَا لاَ تَحِلُّ لأَحَدٍ قَبْلِيْ وَلاَ تَحِلُّ لأَحَدٍ بَعْدِيْ، أَلاَ وَإِنَّهَا حَلَّتْ لِيْ سَاعَةً مِنْ نَهَارٍ، أَلاَ وَإِنَّهَا سَاعَتِيْ هَذِهِ حَرَامٌ لاَ يُخْتَلَى شَوْكُهَا وَلاَ يُعْضَدُ شَجَرُهَا وَلاَ تُلْتَقَطُ سَاقِطَتُهَا إِلاَّ لِمُنْشِدٍ، فَمَنْ قُتِلَ فَهُوَ بِخَيْرِ النَّظَرَيْنِ امَّا أَنْ يُعْقَلَ وَإِمَّا أَنْ يُقَادَ أَهْلُ الْقَتِيْلِ. فَجَاءَ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْيَمَنِ فَقَالَ: أُكْتُبْ لِيْ يَا رَسُوْلَ اللَّهِ. فَقَالَ: أُكْتُبُوْا لأَبِيْ فَلاَنٍ. فَقَالَ رَجُلٌ مِنْ قُرَيْشٍ: إِلاَّ الْاِذْخِرَ يَا رَسُوْلَ اللَّهِ فَإِنَّا نَجْعَلُهُ فِيْ بُيُوْتِنَا وَقُبُوْرِنَا. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِلاَّ الْاِذْخِرَ.

(صحيح)

"Sesungguhnya Allah telah menahan tentera bergajah dari memasuki kota Mekah, atau Allah menahan pembunuhan

(151) Sahih Sunan Abu Daud 2017-1776.

di kota Mekah dan Allah telah menguasakan RasulNya dan orang-orang mukmin ke atas penduduknya. Ketahuilah, bahawa ianya tidak halal bagi seseorangpun sebelumku dan sesudahku. Ketahuilah bahawa sesungguhnya ia telah dihalalkan untukku sesaat dari sianghari. Ketahuilah bahawa ianya haram di waktuku ini, tidak boleh dicabut durinya, tidak boleh dicabut pohonnya, dan tidak boleh diambil barang hilangnya kecuali bagi yang mencarinya (yang kehilangannya). Barangsiapa ahli warisnya terbunuh maka ia mempunyai dua pilihan, iaitu samada ia memilih tebusan ataupun qishash. Seorang lelaki dari penduduk Yaman datang dan berkata: Ya Rasulullah, tuliskanlah untuk saya. Rasulullah SAW lalu bersabda: Tuliskankah untuk Abu Syah! Seorang lelaki dari kaum Quraisy berkata: Melainkan izkhar ya Rasulullah kerana ianya kami gunakan di rumah dan di kubur kita. Rasulullah SAW bersabda: Melainkan izkhar."

Hadith ini sahih[152]

N. MENGELUARKAN FATWA TANPA ILMU

153. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أُفْتِيَ بِفُتْيَا غَيْرِ ثَبْتٍ فَإِنَّمَا عَلَى مَنْ أَفْتَاهُ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang diberikan fatwa-fatwa yang tidak kekeh (benar) maka dosanya ditanggung oleh orang yang

(152) Mukhtasar Sahih al-Bukhari 93.

memberinya fatwa."

Hadith ini hasan[153]

154. Dalam satu riwayat lain Abu Hurairah meriwayat bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أُفْتِيَ بِغَيْرِ عِلْمٍ كَانَ اِثْمُهُ عَلَى مَنْ أَفْتَاهُ، وَمَنْ أَشَارَ عَلَى أَخِيهِ بِأَمْرٍ يَعْلَمُ أَنَّ الرُّشْدَ فِي غَيْرِهِ فَقَدْ خَانَهُ.

(حسن)

"Barangsiapa yang diberikan fatwa-fatwa yang tidak kekeh (benar) maka dosanya ditanggung oleh orang yang memberinya fatwa. Dan sesiapa yang menunjukkan kepada saudaranya atas sesuatu yang ia tahu bahawa yang benar (petunjuk) pada selainnya maka ia telah mengkhianati saudaranya."

Hadith ini sahih[154]

155. Abdullah bin Mas'ud r.a. berkata:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ مَنْ عَلِمَ شَيْئًا فَلْيَقُلْ بِهِ وَمَنْ لَمْ يَعْلَمْ فَلْيَقُلْ: اَللّٰهُ أَعْلَمُ، فَإِنَّ مِنَ الْعِلْمِ أَنْ تَقُولَ لِمَا لاَ تَعْلَمُ: اَللّٰهُ أَعْلَمُ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى لِنَبِيِّهِ: "قُلْ مَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُتَكَلِّفِينَ."

(صحيح) (ص: 86)

"Wahai manusia! Barangsiapa yang mengetahui sesuatu maka hendaklah ia memperkatakannya, dan barangsiapa

(153) HR. Riwayat Ibnu Majah 53-47, Al-Hakim. Al-Misykat 242, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 6070.

(154) HR. Abu Daud 3105, Ad-Darimi 1/57. Al-Misykat 242,

yang tidak ketahui hendaklah ia berkata: Allahi a'lam (Allah Yang Maha Mengetahui), kerana sebahagian ilmu ialah engkau berkata dalam perkara yang engkau tidak tahu: Allah Maha Mengetahui. Allah berfirman kepada Nabinya: "Katakanlah: Aku tidak meminta upah sedikitpun kepada kamu atas dakwahku dan bukanlah aku termasuk orang-orang yang mengada-ngadakan." (Shad:86)

Hadith ini sahih[155]

O. KEUTAMAAN PARA ILMUAN (ULAMA)

156. Abu Umamah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِي عَلَى أَدْنَاكُمْ. ثُمَّ قَالَ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَأَهْلَ السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضِ حَتَّى النَّمْلَةَ فِي جُحْرِهَا وَحَتَّى الْحُوْتَ لَيُصَلُّوْنَ عَلَى مُعَلِّمِي النَّاسِ الْخَيْرَ. (صحيح)

"Kelebihan orang alim (ulama) atas orang abid (ahli ibadat) adalah seperti kelebihanku atas orang yang paling rendah di antara kamu. Kemudian beliau bersabda lagi: Sesungguhnya para Malaikat dan penduduk langit dan bumi hinggakan semut di dalam lubangnya dan ikan berselawat (berdoa) untuk orang-orang yang mengajar kebaikan kepada manusia."

Hadith ini sahih[156]

(155) HR. Al-Bukhari dan Muslim. Al-Misykat 272.

(156) HR. At-Tirmizi 2162. Riadhush-Shalihih 451, Sahih At-Targhib wat-Tarhib 78.

157. Abu Darda' r.a. meriwayatkan katanya: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَلَكَ طَرِيْقًا يَلْتَمِسُ فِيْهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللّٰهُ لَهُ طَرِيْقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِنَّ الْمَلاَئِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا لِطَالِبِ الْعِلْمِ رِضًا بِمَا يَصْنَعُ وَإِنَّ الْعَالِمَ لَيَسْتَغْفِرُلَهُ مَنْ فِي السَّموَاتِ وَمَنْ فِي الأَرْضِ حَتَّى الحِيْتَانُ فِي الْمَاءِ، وَفَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ، وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الأَنْبِيَاءِ، إِنَّ الأَنْبِيَاءَ لَمْ يُوَرِّثُوا دِيْنَارًا وَلاَ دِرْهَمًا إِنَّمَا وَرَّثُوا الْعِلْمَ فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحَظٍّ وَافِرٍ.

(صحيح)

"Barangsiapa yang menjalani satu jalan untuk mencari ilmu nescaya Allah mempermudahkan baginya jalan ke syurga. Dan sesungguhnya para Malaikat akan menebarkan sayapnya untuk pelajar ilmu kerana redha dengan apa yang dilakukannya. Dan sesungguhnya orang alim itu akan meminta ampun oleh penghuni langit dan penghuni bumi serta ikan dalam air. Dan kelebihan orang alim atas abid adalah seperti kelebihan bulan atas segala bintang dan sesungguhnya para ulama itu adalah pewaris-pewaris Nabi, dan para Nabi tidak mewariskan dinar dan dirham, mereka hanyalah mewariskan ilmu. maka barangsiapa yang mengambilnya bererti ia telah mengambil bahagian yang banyak."

Hadith ini sahih[157]

(157) HR. Abu Daud 3096, At-Tirmizi 2835-2159, Ibnu majah 223-182, Ad-Darimi. Al-Misykat 212. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 6297, Sahih at-Targhib wat-Tarhib 68.

158. Dalam riwayat lain lafaz Hadith ini berbunyi:

مَنْ سَلَكَ طَرِيْقًا يَلْتَمِسُ فِيْهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيْقًا إِلَى الْجَنَّةِ. وَإِنَّ الْمَلاَئِكَةَ لَتَضَعُ اَجْنِحَتَهَا رِضًا لِطَالِبِ الْعِلْمِ. وَإِنَّ طَالِبَ الْعِلْمِ يَسْتَغْفِرُلَهُ مَنْ فِي السَّمَاءِ وَالأَرْضِ حَتَّى الْحِيْتَانُ فِي الْمَاءِ. وَإِنَّ فَضْلَ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ. إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الأَنْبِيَاءِ. إِنَّ الأَنْبِيَاءَ لَمْ يُوَرِّثُوا دِيْنَارًا وَلاَ دِرْهَمًا اِنَّمَا وَرَّثُوا الْعِلْمَ فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحَظٍّ وَافِرٍ.

(صحيح)

"Barangsiapa menjalani satu jalan untuk mencari ilmu padanya nescaya Allah permudahkan baginya jalan ke syurga. Dan sesungguhnya para Malaikat akan menebarkan sayapnya kerana redha kepada pelajar ilmu. Dan sesungguhnya pelajar ilmu itu akan diminta ampun oleh penghuni langit dan bumi hinggalah ikan dalam air. Dan sesungguhnya kelebihan orang alim atas orang abid adalah bagaikan kelebihan bulan atas semua bintang. Sesungguhnya para ulama itu adalah pewaris-pewaris Nabi, dan para Nabi tidak mewariskan dinar dan dirham, mereka hanyalah mewariskan ilmu. Maka barangsiapa yang mengambilnya bererti ia telah mengambil bahagian yang banyak."

Hadith ini sahih[158]

159. Dalam satu riwayat lain Hadith ini berbunyi:

---

(158) HR. Ibnu Majah 223-182, Sahih At-Targhib wat-Tarhib 1/33/68.

مَنْ سَلَكَ طَرِيْقًا يَطْلُبُ فِيْهِ عِلْمًا سَلَكَ اللّٰهُ بِهِ طَرِيْقًا مِنْ طُرُقِ الْجَنَّةِ. وَإِنَّ الْمَلاَئِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا لِطَالِبِ الْعِلْمِ رِضًا بِمَا يَصْنَعُ. وَإِنَّ الْعَالِمَ لَيَسْتَغْفِرُلَهُ مَنْ فِى السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِى الْأَرْضِ، وَالْحِيْتَانُ فِى جَوْفِ الْمَاءِ. وَإِنَّ فَضْلَ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ. وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُوَرِّثُوْا دِيْنَارًا وَلاَ دِرْهَمًا إِنَّمَا وَرَّثُوا الْعِلْمَ فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحَظٍّ وَافِرٍ. (صحيح)

"Barangsiapa yang menjalani satu jalan untuk menuntut ilmu padanya nescaya Allah menjalankannya satu jalan dari jalan-jalan syurga. Dan sesungguhnya para Malaikat akan menebarkan sayap-sayapnya untuk pelajar ilmu kerana redha dengan apa yang dilakukannya. Dan sesungguhnya orang alim itu akan diminta ampun oleh orang yang di langit dan orang yang di bumi dan oleh ikan-ikan dalam perut air. Dan sesungguhnya kelebihan orang alim atas orang abid adalah bagaikan kelebihan bulan malam purnama atas semua bintang, dan sesungguhnya para ulama itu adalah pewaris para Nabi, dan para Nabi tidak mewariskan dinar dan tidak juga dirham, mereka hanyalah mewariskan ilmu, maka barangsiapa yang mengambilnya bererti ia telah mengambil bahagian yang banyak."

Hadith ini sahih[159]

(159) HR. Ahmad, An-Nasai, Abu Daud, At-Tirmizi, Ibnu Majah dan Ibnu Hibban. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 68. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 6297.

160. Abu Darda' r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّهُ لَيَسْتَغْفِرُ لِلْعَالِمِ مَنْ فِي السَّمٰوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ حَتَّى الْحِيْتَانُ فِي الْبَحْرِ. (صحيح)

"Sesungguhnya orang-orang yang di langit dan di bumi hinggakan ikan-ikan dalam laut akan meminta ampun untuk orang alim."

Hadith ini sahih(160)

161. Sahal bin Mu'az bin Anas meriwayatkan daripada bapanya bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ عَلَّمَ عِلْمًا فَلَهُ أَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهِ لاَ يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الْعَامِلِ. (حسن)

"Barangsiapa yang mengajar satu ilmu maka baginya pahala orang yang mengamalkannya sedangkan ia tidak akan mengurangkan sedikitpun akan pahala orang yang mengerjakannya."

Hadith ini hasan(161)

162. Abu Umamah al-Bahili r.a. meriwayatkan katanya:

ذُكِرَ لِرَسُوْلِ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلاَنِ أَحَدُهُمَا عَابِدٌ وَالْآخَرُ عَالِمٌ فَقَالَ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِي عَلَى أَدْنَاكُمْ. ثُمَّ قَالَ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ

(160) HR. Ibnu Majah 239-195, At-Ta'liq Ar-Raghib 1/56-60.

(161) HR. Ibnu Majah 240-196, Sahih At-Targhib wat-Tarhib 77, At-Ta'liq Ar-Raghib 1/59.

وَسَلَّمَ: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَأَهْلَ السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضِ حَتَّى النَّمْلَةَ فِي جُحْرِهَا وَحَتَّى الْحُوْتَ لَيُصَلُّوْنَ عَلَى مُعَلِّمِ النَّاسِ الْخَيْرَ.

(صحيح)

"Telah disebutkan kepada Rasulullah SAW dua orang lelaki, yang seorang abid manakala yang seorang lagi alim maka beliau bersabda: Kelebihan orang alim atas orang abid adalah seperti kelebihanku atas orang yang paling kurang di antara kamu. Kemudian Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya Allah dan para Malaikat, penduduk langit dan penduduk bumi hinggakan semut dalam lubangnya dan ikan akan berdoa kepada orang yang mengerjakan kebaikan kepada manusia."

Hadith ini sahih(162)

163. Jabir, 'Aisyah dan Abu Umamah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مُعَلِّمُ الْخَيْرِ يَسْتَغْفِرُلَهُ كُلُّ شَيْءٍ حَتَّى الْحِيْتَانُ فِي الْبَحْرِ.

(صحيح)

"Orang yang mengajar kebaikan kepada manusia akan diminta ampun oleh segala sesuatu, hinggakan ikan-ikan dalam laut."

Hadith ini sahih(163)

164. Abu Umamah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

(162) HR. At-Tirmizi 2838-2161, Al-Misykat 213, At-Ta'liq Ar-Raghib 1/60, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 4213.

(163) HR. Ath-Thabarani dalam al-Ausath, Al-Bazzar dan at-Tirmizi. Sahih At-Targhib wat Tarhib 79, Sahih al-Jamiush-Shaghir 5883.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلاَئِكَتَهُ حَتَّى النَّمْلَةَ فِي جُحْرِهَا وَحَتَّى الْحُوْتَ فِي الْبَحْرِ لَيُصَلُّوْنَ عَلَى مُعَلِّمِ النَّاسِ الْخَيْرَ.

(صحيح)

"Sesungguhnya Allah dan para Malaikat, hinggakan semut dalam lubangnya dan ikan dalam laut akan berdoa untuk orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia."

Hadith ini sahih(164)

165. 'Aisyah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مُعَلِّمُ الْخَيْرِ يَسْتَغْفِرُلَهُ كُلُّ شَيْءٍ حَتَّى الْحِيْتَانُ فِي الْبَحْرِ.

(صحيح)

"Orang yang mengajar kebaikan itu akan diminta ampun baginya oleh segala sesuatu hinggakan ikan-ikan dalam laut."

Hadith ini sahih(165)

166. Ibnu Mas'ud r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ حَسَدَ إِلاَّ فِي اثْنَتَيْنِ رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَا لاَ فَسَلَّطَهُ عَلَى هَلَكَتِهِ فِي الْحَقِّ وَرَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ الْحِكْمَةَ فَهُوَ يَقْضِي بِهَا وَيُعَلِّمُهَا.

(صحيح)

"Tiada dengki (irihati) kecuali pada dua orang: Seorang

(164) HR. Ath-Thabarani, Adh-Dhia' dan At-Tirmizi. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 78, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 1838.

(165) HR. Al-Bazzar. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 79.

lelaki yang didatangkan Allah harta lalu ia menghabiskannya dalam perkara yang hak, dan seorang lelaki yang Allah berikan Hikmat (ilmu pengetahuan) maka ia memutuskan dengannya dan mengajarkannya."

Hadith ini sahih[166]

167. Ibnu Umar r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ حَسَدَ إِلاَّ فِى اثْنَتَيْنِ: رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ الْقُرْآنَ فَهُوَ يَقُوْمُ بِهِ آنَاءَ اللَّيْلِ وَآنَاءَ النَّهَارِ، وَرَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالاً فَهُوَ يُنْفِقُهُ آنَاءَ اللَّيْلِ وَآنَاءَ النَّهَارِ. (صحيح)

"Tiada hasad dengki melainkan pada dua orang: Seorang yang didatangkan Allah Al-Quran padanya, maka ia membacanya pada waktu-waktu malam hari dan waktu-waktu sianghari, dan seorang lelaki yang didatangkan harta oleh Allah lalu membelanjakannya di waktu-waktu sianghari dan malam hari."

Hadith ini sahih[167]

168. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ حَسَدَ إِلاَّ فِى اثْنَتَيْنِ: رَجُلٌ عَلَّمَهُ اللَّهُ الْقُرْآنَ فَهُوَ يَتْلُوْهُ آنَاءَ اللَّيْلِ وَآنَاءَ النَّهَارِ فَسَمِعَهُ جَارٌ لَهُ فَقَالَ: لَيْتَنِى أُوْتِيْتُ مِثْلَ مَامَا

(166) HR. Ahmad, Al-Bukhari, Muslim, At-Tirmizi, Ibnu Majah. Ahmad 1/383,432, Al-Bukhari 1/30, Muslim 2/201, Ibnu Majah 4208. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 7488.

(167) HR. Ahmad, Al-Bukhari, Muslim, At-Tirmizi, Ibnu Majah. Ahmad 2/9, 36, Al-Bukhari 4/491, Mukhtasar Muslim 2108, Ibnu Majah 4209.

أُوتِيَ فُلاَنٌ فَعَمِلْتُ مِثْلَ مَا يَعْمَلُ، وَرَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالاً فَهُوَ يُهْلِكُهُ فِي الْحَقِّ فَقَالَ رَجُلٌ: لَيْتَنِي أُوتِيتُ مِثْلَ مَا أُوتِيَ فُلاَنٌ فَعَمِلْتُ مِثْلَ مَا يَعْمَلُ. (صحيح)

"Tiada hasad dengki melainkan pada dua orang: Seorang lelaki yang diajarkan Allah Al-Quran kepadanya lalu ia membacanya di waktu-waktu malam dan waktu-waktu sianghari. Maka seorang jirannya mendengarnya lalu berkata: Mudah-mudahan aku diberikan seperti yang diberitahukan kepada si fulan, aku akan amalkan seperti yang ia amalkan. Dan seorang lelaki yang diberikan harta oleh Allah lalu ia membelanjakannya dalam perkara yang hak, maka seorang lelaki berkata: Mudah-mudahan akupun diberikan seperti apa yang diberikan kepada si anu, lalu aku akan kerjakan seperti apa yang dikerjakannya."

Hadith ini sahih(168)

169. 'Aisyah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلْخَلْقُ كُلُّهُمْ يُصَلُّوْنَ عَلَى مُعَلِّمِ الْخَيْرِ حَتَّى نِيْنَانُ الْبَحْرِ.

(صحيح)

"Semua makhluk berdoa untuk orang yang mengajar kebaikan, hinggakan ikan-ikan di laut."

Hadith ini sahih(169)

(168) HR. Ahmad, Al-Bukhari, Ahmad 2/479, Al-Bukhari 4/409,410. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 7489.

(169) HR. Ibnu 'Adiy 1/64, Al-Jurjani 22, Ad-Dailami 2/136, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 1852.

170. Anas r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مُعَلِّمُ الْخَيْرِ يَسْتَغْفِرُ لَهُ كُلُّ شَيْءٍ حَتَّى الْحِيْتَانُ فِي الْبَحْرِ.

(صحيح)

"Orang yang mempunyai ilmu akan diminta ampun oleh segala sesuatu hinggakan ikan dalam perut."

Hadith ini sahih(170)

171. Mu'az r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ.

(صحيح)

"Kelebihan orang alim atas orang abid adalah seperti kelebihan bulan malam purnama atas segala bintang."

Hadith ini sahih(171)

172. 'Ubadah bin Ash-Shamit r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَيْسَ مِنْ أُمَّتِي مَنْ لَمْ يُجِلَّ كَبِيْرَنَا وَيَرْحَمْ صَغِيْرَنَا وَيَعْرِفْ لِعَالِمِنَا .

(صحيح)

"Bukanlah dari golongan kita orang yang tidak menghormati orang yang lebih tua daripada kita, tidak kasihan kepada anak kecil kita dan tidak mengenal hak orang alim kita."

Hadith ini sahih(172)

(170) HR. Al-Bazzar. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 79.

(171) HR. Abu Nu'aim dalam al-Hilyah. Al-Misykat 2/2, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 4212.

(172) HR. Ahmad dan Al-Hakim. Sahih At-Targhib wat-Tarhib 96.

173. Abu Mas'ud 'Uqbah bin 'Amru al-Badri Al-Anshari meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَؤُمُّ الْقَوْمَ أَقْرَؤُهُمْ لِكِتَابِ اللّٰهِ فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءً فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنَّةِ فَإِنْ كَانُوا فِي السُّنَّةِ سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ هِجْرَةً فَإِنْ كَانُوا فِي الْهِجْرَةِ سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ سِنًّا وَلَا يَؤُمَّنَّ الرَّجُلُ الرَّجُلَ فِي سُلْطَانِهِ وَلَا يَقْعُدُ فِي بَيْتِهِ عَلَى تَكْرِمَتِهِ إِلَّا بِإِذْنِهِ.

(صحيح)

"Hendaklah orang yang lebih pandai membaca Kitabullah menjadi imam satu kaum. Jika mereka sama pandai dalam bacaan Kitabullah, maka hendaklah yang lebih alim dengan As-Sunnah menjadi imam. Dan jika mereka sama alim dengan As-Sunnah maka hendaklah yang lebih dahulu berhijrah menjadi imam. Dan jika sama-sama dahulu berhijrah maka hendaklah yang lebih tua antara mereka menjadi imam. Janganlah seorang lelaki menjadi imam dalam kekuasaan seseorang lelaki lain, dan janganlah ia duduk dirumahnya di atas yang khusus untuk tuan rumah melainkan dengan izinnya."

Hadith ini sahih[173]

174. Jabir r.a. meriwayatkan katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَجْمَعُ بَيْنَ الرَّجُلَيْنِ فِي قَتْلَى أُحُدٍ يَعْنِي فِي الْقَبْرِ ثُمَّ يَقُولُ أَيُّهُمَا أَكْثَرُ أَخْذًا لِلْقُرْآنِ فَإِذَا أُشِيرَ إِلَى أَحَدِهِمَا قَدَّمَهُ فِي اللَّحْدِ.

(صحيح)

(173) HR. Riwayat Muslim.

"Bahawasanya Nabi SAW mengumpulkan di antara dua orang lelaki yang terbunuh dalam peperangan Uhud, iaitu dalam kubur, kemudian beliau bersabda: Di antara dua orang ini yang manakah yang lebih banyak hafaz Al-Quran? Apabila beliau ditunjukkan kepada salah seorang di antara keduanya, maka beliau mendahulukannya dalam lahad.

Hadith ini sahih(174)

175. Abu Musa r.a. meriwayatkan katanya: Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مِنْ اِجْلاَلِ اللّٰهِ تَعَالَى اِكْرَامُ ذِى الشَّيْبَةِ الْمُسْلِمِ وَحَامِلِ الْقُرْآنِ غَيْرِ الْغَالِى فِيْهِ وَالْجَافِى عَنْهُ وَاِكْرَامِ ذِى السُّلْطَانِ الْمُقْسِطِ.

(صحيح)

"Sesungguhnya sebahagian dari mengagungkan Allah Taala ialah memuliakan orang yang beruban yang muslim dan penghafaz Al-Quran yang tidak melampau dan yang tidak meninggalkan bacaan Al-Quran, dan memuliakan penguasa yang adil."

Hadith ini sahih(175)

176. Abu Sa'id r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

إِذَا كَانُوا ثَلاَثَةً فَلْيَؤُمُّهُمْ أَحَدُهُمْ وَأَحَقُّهُمْ بِالْاِمَامَةِ أَقْرَؤُهُمْ.

(صحيح)

"Jika mereka bertiga orang hendaklah salah seorang dari mereka menjadi imam/ketua dan yang lebih berhak menjadi

(174) HR. Al-Bukhari. Riadhush-Shalihin 159.

(175) HR. Abu Daud, Riadhush-Shalihin 160, Sahih Sunan Abu Daud 4053.

imam ialah yang lebih pandai membaca dari antara mereka."

***Hadith ini sahih*[176]**

P. PENARIKAN ILMU TANDA KIAMAT

177. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ لاَ يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ وَلَكِنْ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ حَتَّى إِذَا لَمْ يُبْقِ عَالِمًا اتَّخَذَ النَّاسُ رُؤُسَاءَ جُهَّالاً فَسُئِلُوا فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا.

(صحيح)

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengambil ilmu dengan cara menariknya daripada manusia, tetapi ia mengambil ilmu itu dengan mengambil/ mematikan para ulama, sehingga apabila ia tidak meninggalkan lagi seorang ulama maka manusia mengambil ketua-ketua yang jahil-jahil. Mereka ditanya lalu mereka mengeluarkan fatwa tanpa ilmu lalu mereka menjadi sesat dan menyesatkan."

***Hadith ini sahih*[177]**

178. Anas r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يُرْفَعَ الْعِلْمُ وَيَثْبُتَ الْجَهْلُ وَيُشْرَبَ الْخَمْرُ وَيَظْهَرَ الزِّنَا.

(صحيح)

(176) HR. Ahmad, Muslim dan An-Nasai 754, 810 Sahih Al-Jamiush-Shaghir 773.

(177) HR. Al-Bukhari, Muslim, At-Tirmizi. Mukhtasar Sahih. Al-Bukhari 86, Talkhis Sahih Imam Muslim 2/2/1187, Sahih Sunan At-Tirmizi 2803-2136, Al-Lu'-lu-u wal-Marjan 1712, Sahih Sunan Ibnu Majah 52-46, Ar-Raudhun-Nadhir 579.

"Bahawa di antara tanda-tanda kiamat ialah diangkatnya ilmu, ditetapkan kejahilan, diminum khamar dan lahir zina"

Hadith ini sahih(178)

179. Anas r.a. meriwayatkan katanya:

لأُحَدِّثَنَّكُمْ حَدِيْثًا لاَ يُحَدِّثُكُمْ أَحَدٌ بَعْدِي، سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ: إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يَقِلَّ الْعِلْمُ وَيَظْهَرَ الْجَهْلُ وَيَظْهَرَ الزِّنَا وَتَكْثُرَ النِّسَاءُ وَيَقِلَّ الرِّجَالُ حَتَّى يَكُوْنَ لِلْخَمْسِيْنَ امْرَأَةً الْقَيِّمُ الْوَاحِدُ. (صحيح)

"Akan ku ceritakan kepada kamu satu Hadith yang tidak akan diceritakan oleh seseorangpun kepada kamu sesudahku. Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Bahawasanya di antara tanda-tanda kiamat ialah ilmu kurang, lahir kejahilan, timbul zina, banyaknya wanita dan kurangnya lelaki sehingga untuk seorang lelaki lima puluh orang wanita."

Hadith ini sahih(179)

180. Anas bin Malik r.a. meriwayatkan katanya: Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يُرْفَعَ الْعِلْمُ وَيَظْهَرَ الْجَهْلُ وَيَفْشُوَ الزِّنَا وَيُشْرَبَ الْخَمْرُ وَيَذْهَبُ الرِّجَالُ وَيَبْقَى النِّسَاءُ حَتَّى يَكُوْنَ لِخَمْسِيْنَ امْرَأَةً قَيِّمٌ وَاحِدٌ. (صحيح)

(178) HR. Al-Bukhari. Mukhtasar Sahih Al-Bukhari 71.

(179) HR. Al-Bukhari dan Muslim. Mukhtasar Sahih Al-Bukhari 72, Talkhis Sahih Imam Muslim 2/6/9/1186-1187.

"Bahawasanya di antara tanda-tanda kiamat ialah diangkatnya ilmu, lahir kejahilan, merebaknya zina, diminum arak, lelaki hilang dan wanita kekal sehingga seorang lelaki bagi lima puluh orang wanita."

Hadith ini sahih(180)

181. Abu Musa dan Ibnu Mas'ud r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ بَيْنَ يَدَى السَّاعَةِ أَيَّامًا يُرْفَعُ فِيْهَا الْعِلْمُ وَيَنْزِلُ فِيْهَا الْجَهْلُ وَيَكْثُرُ فِيْهَا الْهَرْجُ وَالْهَرْجُ الْقَتْلُ. (صحيح)

"Sesungguhnya ada beberapa hari sebelum kiamat di mana akan diangkat padanya ilmu dan diturunkan padanya kejahilan dan padanya banyak haraj iaitu pembunuhan."

Hadith ini sahih(181)

182. Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَتَقَارَبُ الزَّمَنُ وَيُقْبَضُ الْعِلْمُ وَتَظْهَرُ الْفِتَنُ وَيُلْقَى الشُّحُّ وَيَكْثُرُ الْهَرَجُ. قَالُوا: وَمَا الْهَرَجُ؟ قَالَ: الْقَتْلُ.

(صحيح)

"Zaman kiamat berdekatan dan akan diangkat ilmu, lahir fitnah, dicampakkan kebakhilan dalam hati manusia dan banyaknya haraj. Mereka bertanya: Apakah haraj itu? Beliau

(180) HR. Al-Bukhari, Muslim, Ibnu Majah. Al-Lu'-lu-u war-Marjan 1709, Talkhis Sahih Imam Muslim 2/6/1186-1187. Sahih Sunan Ibnu Majah 4045-3269.

(181) HR. Al-Bukhari, Muslim, Ibnu Majah. Talkhis Sahih Muslim 2/6/10/1187, Sahih Sunan Ibnu Majah 4051-3275.

bersabda: Pembunuhan."

Hadith ini sahih[182]

183. Abu Hurairah r.a, meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ تَقُوْمُ السَّاعَةُ حَتَّى يُقْبَضَ الْعِلْمُ وَتَكْثُرَ الزَّلاَذِلُ وَيَتَقَارَبُ الزَّمَانُ وَتَظْهَرَ الْفِتَنُ وَيَكْثُرَ الْهَرَجُ وَهُوَ الْقَتْلُ. (صحيح)

"Tidak akan berlaku kiamat sebelum diangkat ilmu, banyaknya gempa, zaman berdekatan, lahirnya fitnah dan banyaknya haraj iaitu pembunuhan."

Hadith ini sahih[183]

184. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لاَ يَنْزِعُ الْعِلْمَ مِنْكُمْ بَعْدَمَا أَعْطَاكُمُوْهُ انْتِزَاعًا وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعُلَمَاءَ بِعِلْمِهِمْ، وَيَبْقَى جُهَّالٌ فَيَسْأَلُوْنَ فَيُفْتُوْنَ فَيَضِلُّوْنَ وَيُضِلُّوْنَ. (صحيح)

"Sesungguhnya Allah tidak akan menarik ilmu pada kamu setelah Ia memberinya kepada kamu dengan cara menariknya, tetapi dengan mematikan para ulama dengan ilmu mereka dan tinggallah orang-orang jahil, lalu mereka bertanya kepadanya maka mereka mengeluarkan fatwa lantas mereka menjadi sesat dan menyesatkan."

Hadith ini sahih[184]

(182) HR. Al-Bukhari, Muslim dan Ibnu Majah. Talkhis Sahih Imam Muslim 2/6/11/1187. Sahih Sunan Ibnu Majah 4052-3276.

(183) HR. Ahmad, Al-Bukhari, Ibnu Majah. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 7428.

(184) HR. Ath-Thabarani. Sahih Al-Jamiush-Shaghir 1861, Mujma'uz-Zawaid 1/201.

185. Abu Umaiah al-Jumhi r.a. meriwayatkan bahawa Rasululah SAw bersabda:

إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يُلْتَمَسُ الْعِلْمُ عِنْدَ الْأَصَاغِرِ.

(صحيح)

"Sesungguhnya di antara tanda-tanda kiamat ialah ilmu dicari di sisi ahli-ahli bid'ah."

Hadith ini sahih(185)

186. Abu Musa r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مِنْ وَرَائِكُمْ أَيَّامًا يَنْزِلُ فِيْهَا الْجَهْلُ وَيُرْفَعُ فِيْهَا الْعِلْمُ وَيَكْثُرُ فِيْهَا الْهَرَجُ: الْقَتْلُ.

(صحيح)

"Sesungguhnya di belakang kamu ada beberapa hari yang akan turun padanya kejahilan, akan diangkat ilmu dan berlaku haraj padanya iaitu pembunuhan."

Hadith ini sahih(186)

187. Abdullah bin Mas'ud r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَكُوْنُ بَيْنَ يَدَى السَّاعَةِ أَيَّامٌ يُرْفَعُ فِيْهَا الْعِلْمُ وَيَنْزِلُ فِيْهَا الْجَهْلُ، وَيَكْثُرُ فِيْهَا الْهَرَجُ وَالْهَرَجُ الْقَتْلُ.

(صحيح)

(185) HR. Ath-Thabarani, Ibnul-Mubarak, Abu Umar Ad-Dani, Al-Laklakai. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 695.

(186) HR. Al-Bukhari, Muslim, At-Tirmizi dan Ibnu Majah. Al-Bukhari 4/368, Muslim 8/58,59, Ibnu Majah 4051-3275.

"Akan ada beberapa hari sebelum kiamat di mana padanya ilmu akan diangkat, diturunkan padanya kejahilan dan padanya banyak haraj. Haraj ialah pembunuhan."

Hadith ini sahih(187)

188. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَتَقَارَبُ الزَّمَانُ وَيَنْقُصُ الْعِلْمُ وَيُلْقَى الشُّحُّ وَتَظْهَرُ الْفِتَنُ وَيَكْثُرُ الْهَرَجُ. قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ وَمَا الْهَرَجُ؟ قَالَ: اَلْقَتْلُ.

(صحيح)

"Masa berhampiran di mana ilmu akan berkurangan, akan dicampakkan kebakhilan dalam hati manusia, fitnah-fitnah akan zahir dan banyak haraj. Mereka bertanya: Ya Rasulullah SAW, apakah harak? Beliau bersabda: Pembunuhan."

Hadith ini sahih(188)

Q:LAIN-LAIN HADITH MENGENAI ILMU

189. Anas, Ibnu 'Amru meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

قَيِّدُوا الْعِلْمَ بِالْكِتَابِ. (صحيح)

"Hendaklah kamu ikat ilmu dengan tulisan."

Hadith ini sahih(189)

190. Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah

(187) HR. Al-Bukhari, Muslim dan Ibnu Majah 4050-3274, Al-Lu'-lu-u wal-Marjan 1710.

(188) HR. Al-Bukhari, Muslim dan Ibnu Majah 4052-5276.

(189) HR. Al-Hakim, Ath-Thabarani, Abu Nu'aim, Al-Khatib dan Ar-Ramahurmuzi. Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 2026, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 4434.

SAW bersabda:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا يَسْمَعُ.

(صحيح)

"Cukupkan seseorang itu berdosa ia menceritakan semua yang didengarnya."

Hadith ini sahih.(190)

191. Ibnu Abbas r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنِ اقْتَبَسَ عِلْمًا مِنَ النُّجُومِ اقْتَبَسَ شُعْبَةً مِنَ السِّحْرِ.

(حسن)

"Barangsiapa mengambil satu ilmu dari bintang bererti ia mengambil satu cabang dari sihir."

Hadith ini hasan(191)

192. Ibnu Sirin berkata:

إِنَّ هَذَا الْعِلْمَ دِيْنٌ فَانْظُرُوا عَمَّنْ تَأْخُذُوْنَ دِيْنَكُمْ.

(صحيح)

"Sesungguhnya ilmu ini (Hadith) adalah agama, maka hendaklah kamu perhatikan daripada siapakah kamu mengambil agama kamu.?"

Hadith ini sahih(192)

193. Ibnu 'Amru, 'Uqbah bin 'Amer, Abdullah bin Abbas

---

(190) HR. Abu Daud, Al-Hakim, Ibnul-Mubarak, Al-Baihaqi dan al-Qudha'iy. Sahih Sunan Abu Daud 4177, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 2025, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 4480.

(191) HR. Abu Daud 3905, Ibnu Majah 3727, Ahmad 1/227,311, Al-Harbi dalam al-Gharib 1/195/5, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 793.

(192) HR. Muslim. Al-Misykat 273.

dan 'Ishmah bin Malik r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَكْثَرُ مُنَافِقِي أُمَّتِي قُرَّاؤُهَا. (صحيح)

"Kebanyakan orang-orang munafik umatku ialah qari-qarinya (pembaca/ penghafaz Al-Quran)

Hadith ini sahih[193]

194. Abu Hurairah dan Anas r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ تُقَصُّ الرُّؤْيَا إِلاَّ عَلَى عَالِمٍ أَوْ نَاصِحٍ. (صحيح)

"Janganlah diceritakan mimpi melainkan kepada orang alim atau penasihat."

Hadith ini sahih[194]

195 Abu Musa r.a. meriwayatkan katanya: Rasulullah SAW bersabda:

ثَلاَثَةٌ لَهُمْ أَجْرَانِ: رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ آمَنَ بِنَبِيِّهِ وَآمَنَ بِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَالْعَبْدُ الْمَمْلُوكُ إِذَا أَدَّى حَقَّ اللَّهِ تَعَالَى وَحَقَّ مَوَالِيهِ وَرَجُلٌ كَانَتْ عِنْدَهُ أَمَةٌ يَطَؤُهَا فَأَدَّبَهَا فَأَحْسَنَ تَأْدِيبَهَا وَعَلَّمَهَا فَأَحْسَنَ تَعْلِيمَهَا فَتَزَوَّجَهَا فَلَهُ أَجْرَانِ.

(صحيح)

(193) HR. Ibnul-Mubarak dalam az-Zuhdu 451, Ahmad 2/175, Ibnu Battah dalam al-Ibanah 2/48/5, Al-Bukhari dalam at-Tarikh al-Kabir 1/1/257/822, Al-Firyabi dalam Sifatul-Munafiq 53-54.

(194) HR. At-Tirmizi, Ad-Darimi, Ath-Thabarani, Al-Asy-Syaikh dan al-Hakim. Sahih Sunan at-Tirmizi 1859, Silsilatul-Ahadith Ash-Shahihati 119-1120, Sahih Al-Jamiush-Shaghir 7396.

"Ada tiga orang yang mempunyai dua pahala, iaitu: Seorang lelaki Ahlul-Kitab yang beriman dengan Nabinya dan beriman dengan Muhammad SAW. Seorang hamba sahaya apabila ia menunaikan hak Allah Taala dan hak maulanya, dan seorang lelaki yang mempunyai seorang hamba wanita yang ditidurinya, lalu ia memberinya/mengajarnya adab dengan sebaik-baiknya, ia mengajarnya dengan sebaik-baiknya dan kemudian ia mengahwininya, maka baginya dua pahala."

Hadith ini sahih(195)

196. Ummu Salamah r.a. meriwayatkan katanya:

جَاءَتْ أُمُّ سُلَيْمٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لاَ يَسْتَحْيِي مِنَ الْحَقِّ فَهَلْ عَلَى الْمَرْأَةِ مِنْ غُسْلٍ إِذَا احْتَلَمَتْ؟ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا رَأَتِ الْمَاءَ. فَغَطَّتْ أُمُّ سَلَمَةَ - يَعْنِي وَجْهَهَا - وَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَيَحْتَلِمُ الْمَرْأَةُ؟ قَالَ: نَعَمْ، تَرِبَتْ يَمِينُكِ فَبِمَا يُشْبِهُهَا وَلَدُهَا؟.

(صحيح)

"Ummu Sulaim r.a. datang kepada Nabi SAW lalu berkata: Ya Rasulullah, Allah tidak malu dari kebenaran. Adakah wanita wajib mandi apabila bermimpi? Nabi SAW bersabda: Apabila ia nampak air (mani). Ummu Salamah menutup mukanya dan berkata: Wahai Rasulullah, adakah wanita bermimpi? Rasulullah SAW bersabda: Ya, beruntungkah

(195) HR. Al-Bukhari. Mukhtasar al-Bukhari 83.

engkau, jika tidak maka dengan anak menyerupai (ibu)nya.?"

Hadith ini sahih[196]

197. Ali r.a. meriwayatkan katanya:

كُنْتُ رَجُلاً مَذَّاءً فَأَمَرْتُ الْمِقْدَادَ أَنْ يَسْأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ فَسَأَلَهُ فَقَالَ: فِيْهِ الْوُضُوْءُ.

(صحيح)

"Aku seorang yang banyak keluar mazi maka aku menyuruh Miqdad supaya bertanya Nabi SAW lalu iapun bertanya. Rasulullah SAW bersabda: Padanya wuduk."

Hadith ini sahih[197]

198. Abu Said r.a. meriwayatkan katanya:

قَالَتِ النِّسَاءُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: غَلَبَنَا عَلَيْكَ الرِّجَالُ
فَاجْعَلْ لَنَا يَوْمًا مِنْ نَفْسِكَ، فَوَعَدَهُنَّ يَوْمًا لَقِيَهُنَّ فِيْهِ فَوَعَظَهُنَّ
وَأَمَرَهُنَّ، فَكَانَ فِيْمَا قَالَ لَهُنَّ: مَا مِنْكُنَّ تُقَدِّمُ ثَلاَثَةً مِنْ وَلَدِهَا إِلاَّ
كَانَ لَهَا حِجَابٌ مِنَ النَّارِ، فَقَالَتِ امْرَأَةٌ مِنْهُنَّ: وَاثْنَيْنِ، قَالَ: وَاثْنَيْنِ.
وَفِي رِوَايَةٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ لَمْ يَبْلُغُوا الْحِنْثَ.

(صحيح)

"Kaum wanita berkata kepada Nabi SAW: Kami dikalahkan oleh kaum lelaki untuk menemui anda, maka tetapkanlah

---

(196) HR. Al-Bukhari. Mukhtasar al-Bukhari 106.

(197) HR. Al-Bukhari. Mukhtasar al-Bukhari 105.

untuk kami satu hari dari kemurahan anda, maka Rasulullah menjanjikan mereka satu hari di mana beliau bertemu padanya dengan kaum wanita. Beliau memberi mereka pengajaran dan memberikan mereka arahan.

Di antara sabda beliau kepada mereka ialah: Tiada di antara kamu yang kematian tiga orang bayinya lalu ia bersabar dan mengharapkan pahala dari Allah melainkan bayi itu menjadi pendindingnya dari neraka. Seorang wanita di antara mereka bertanya: Dua orang? Beliau bersabda: Dua orang. Dalam riwayat lain daripada Abu Hurairah r.a. "Yang belum baligh."

Hadith ini sahih(198)

199. Ubay bin Ka'ab r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

قَامَ مُوسَى النَّبِيُّ خَطِيبًا فِي بَنِي اِسْرَائِيلَ فَسُئِلَ أَيُّ النَّاسِ أَعْلَمُ؟ فَقَالَ: أَنَا أَعْلَمُ. فَعَتَبَ اللَّهُ عَلَيْهِ إِذْ لَمْ يَرُدَّ الْعِلْمَ إِلَى اللَّهِ. فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَيْهِ إِنْ عَبْدًا مِنْ عِبَادِي بِجَمْعِ الْبَحْرَيْنِ هُوَ أَعْلَمُ مِنْكَ. قَالَ: يَا رَبِّ وَكَيْفَ بِهِ؟ فَقِيلَ لَهُ: أَحْمِلْ حُوتًا فِي مِكْتَلٍ فَإِذَا فَقَدْتَهُ فَهُوَ ثَمَّ. فَانْطَلَقَ وَانْطَلَقَ بِفَتَاهُ يُوشَعَ بْنِ نُونٍ وَحَمَلاَ حُوتًا فِي مِكْتَلٍ، حَتَّى كَانَا عِنْدَ الصَّخْرَةِ وَضَعَا رُؤُوسَهُمَا فَنَامَا ، فَانْسَلَّ الْحُوتُ مِنَ الْمِكْتَلِ فَاتَّخَذَ سَبِيلَهُ فِي الْبَحْرِ سَرَبًا . وَكَانَ لِمُوسَى وَفَتَاهُ عَجَبًا ،

(198) HR. Al-Bukhari. Mukhtasar al-Bukhari 87.

فَانْطَلَقَا بَقِيَّهَ لَيْلَتِهِمَا وَيَوْمِهِمَا. فَلَمَّا أَصْبَحَ قَالَ مُوْسَى لِفَتَاهُ: آتِنَا غَدَاءَنَا لَقَدْ لَقِيْنَا مِنْ سَفَرِنَا هَذَا نَصَبًا. وَلَمْ يَجِدْ مُوْسَى مَسًّا مِنَ النَّصَبِ حَتَّى جَاوَزَ الْمَكَانَ الَّذِيْ أُمِرَ بِه. فَقَالَ لَهُ فَتَاهُ: أَرَأَيْتَ إِذْ أَوَيْنَا إِلَى الصَّخْرَةِ فَإِنِّيْ نَسِيْتُ الْحُوْتَ، قَالَ مُوْسَى: ذَلِكَ مَا كُنَّا نَبْغِيْ فَارْتَدَّا عَلَى آثَارِهِمَا قَصَصًا. فَلَمَّا انْتَهَيَا إِلَى الصَّخْرَةِ إِذْ رَجُلٌ مُسَجًّى بِثَوْبٍ أَوْ قَالَ: تَسَجَّىْ بِثَوْبِه فَسَلَّمَ مُوْسَى، فَقَالَ الْخَضِرُ: وَأَنَّى بِأَرْضِكَ السَّلاَمُ. فَقَالَ: أَنَا مُوْسَى. فَقَالَ: مُوْسَى بَنِيْ إِسْرَائِيْلَ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: هَلْ اَتَّبِعُكَ عَلَى أَنْ تُعَلِّمَنِيْ مِمَّا عُلِّمْتَ رَشَدًا؟ قَالَ: إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيْعَ مَعِيَ صَبْرًا. يَا مُوْسَى إِنِّيْ عَلَى عِلْمٍ مِنْ عِلْمِ اللّٰهِ عَلَّمَنِيْهِ لاَ تَعْلَمُهُ أَنْتَ وَأَنْتَ عَلَى عِلْمٍ عَلَّمَكَهُ اللّٰهُ لاَ أَعْلَمُهُ. قَالَ: سَتَجِدُنِيْ إِنْ شَاءَ اللّٰهُ صَابِرًا وَلاَ أَعْصِيْ لَكَ أَمْرًا. فَانْطَلَقَا يَمْشِيَانِ عَلَى سَاحِلِ الْبَحْرِ لَيْسَ لَهُمَا سَفِيْنَةٌ. فَمَرَّتْ بِهِمَا سَفِيْنَةٌ فَكَلَّمُوْهُمْ أَنْ يَحْمِلُوْهُمَا فَعُرِفَ الْخَضِرُ فَحَمَلُوْهُمَا بِغَيْرِ نَوْلٍ. فَجَاءَ عُصْفُوْرٌ فَوَقَعَ عَلَى حَرْفِ السَّفِيْنَةِ فَنَقَرَ نَقْرَةً أَوْ نَقْرَتَيْنِ مِنَ الْبَحْرِ. فَقَالَ الْخَضِرُ: يَا مُوْسَى مَا نَقَصَ عِلْمِيْ وَعِلْمُكَ مِنْ عِلْمِ اللّٰهِ إِلاَّ كَنَقْرَةِ هَذَا الْعُصْفُوْرِ فِي الْبَحْرِ. فَعَمَدَ الْخَضِرُ إِلَى لَوْحٍ مِنْ

اَلْوَاحِ السُّفِيْنَةِ فَنَزَعَهُ. فَقَالَ مُوْسَى: قَوْمٌ حَمَلُوْنَا بِغَيْرِ نَوْلٍ عَمَدْتَ إِلَى سَفِيْنَتِهِمْ فَخَرَقْتَهَا لِتُغْرِقَ أَهْلَهَا ؟ قَالَ: أَلَمْ اَقُلْ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيْعَ مَعِيَ صَبْرًا. قَالَ: لاَ تُؤَاخِذْنِي بِمَا نَسِيْتُ وَلاَ تُرْهِقْنِي مِنْ أَمْرِي عُسْرًا. فَكَانَتِ الأُوْلَى مِنْ مُوْسَى نِسْيَانًا. فَانْطَلَقَا فَإِذَا بِغُلاَمٍ يَلْعَبُ مَعَ الغِلْمَانِ فَأَخَذَ الْخَضِرُ بِرَأْسِهِ مِنْ أَعْلاَهُ فَاقْتَلَعَ رَأْسَهُ بِيَدِهِ. فَقَالَ مُوْسَى: أَقَتَلْتَ نَفْسًا زَكِيَّةً بِغَيْرِ نَفْسٍ؟. قَالَ: اَلَمْ أَقُلْ لَكَ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيْعَ مَعِيَ صَبْرًا. فَانْطَلَقَا حَتَّى أَتَيَا أَهْلَ قَرْيَةٍ اسْتَطْعَمَا أَهْلَهَا فَأَبَوْا أَنْ يُضَيِّفُوْهُمَا، فَوَجَدَا فِيْهَا جِدَارًا يُرِيْدُ أَنْ يَنْقَضَّ، قَالَ الْخَضِرُ بِيَدِهِ فَأَقَامَهُ. فَقَالَ مُوْسَى: لَوْ شِئْتَ لاَتَّخَذْتَ عَلَيْهِ أَجْرًا. قَالَ: هَذَا فِرَاقُ بَيْنِي وَبَيْنِكَ. قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَرْحَمُ اللَّهُ مُوْسَى لَوَدِدْنَا لَوْ صَبَرَ حَتَّى يُقَصَّ عَلَيْنَا مِنْ أَمْرِهِمَا.

(صحيح)

"Nabi Musa a.s. bangun berpidato pada Bani Israil lalu beliau ditanya: Manusia manakah yang lebih alim? Beliau menjawab: Aku. Maka Allah mencercanya kerana beliau tidak mengembalikan ilmu kepada Allah. Allah mewahyukan kepadanya bahawa salah seorang hambaku yang berada di antara pertemuan dua laut adalah lebih alim daripadamu.

"Musa bertanya: Ya Tuhanku, bagaimana hendak

mendapatkannya? Dikatakan kepadanya: Bawalah ikan dalam sebuah raga, apabila ikan itu hilang maka engkau akan mendapatkannya di situ. Musa lalu pergi bersama-sama dengan pembantunya seorang pemuda yang bernama Yusya' bin Nun dan kedua-duanya membawa ikan dalam raga, sehingga apabila kedua-duanya sampai di sisi sebuah batu besar mereka berdua meletakkan kepala lalu tidur.

"Ikan itu menyusup dari raga lalu mengambil jalan ke laut. Kejadian itu dipandang Musa dan pembantunya adalah seperkara yang ajaib. Maka berjalanlah kedua-duanya sepanjang malam dan siang. Manakala datang pagi berkatalah Musa kepada pembantunya: Hidangkan sarapan kita, kita merasa penat dari perjalanan kita ini. Sebenarnya Musa tidak merasa penat sehinggalah ia meliwati tempat yang ia diperintahkan.

"Maka berkatalah pembantunya: Tahukah anda bahawa ketika kita berhenti di batu besar itu saya lupa akan ikan itu. Musa berkata: Itulah yang kita mahu, lalu kedua-duanya kembali melalui jalan yang dilaluinya itu. Manakala mereka berdua sampai kepada batu besar itu tiba-tiba terdapat seorang lelaki yang berselubung dengan kain, atau beliau bersabda: Sedang berselubung dengan kainnya, maka Musapun memberi salam.

"Khaidir menjawab: Dari manakah tidak ada salam di bumimu? Musa menjawab: Akulah Musa. Khaidir berkata: Musa Bani Israil? Musa menjawab: Ya. Kata Musa: Bolehkah saya mengikuti anda supaya anda ajarkanku petunjuk Allah yang diajarkan kepada anda? Khaidir

menjawab:

"Sesungguhnya engkau sekali-kali tidak dapat bersabar bersama-samaku. Wahai Musa aku mempunyai ilmu dari ilmu Allah yang diajarkannya kepadaku yang anda tidak mengetahuinya dan anda mempunyai ilmu yang Allah ajarnya kepada anda yang aku tidak mengetahuinya. Musa menjawab: Insyaallah anda akan dapati saya seorang yang sabar dan saya tidak akan melanggar perintah anda.

"Maka kedua-duanyapun berjalanlah di pantai. Kedua mereka tidak mempunyai perahu. Sebuah perahu melewati mereka berdua lalu mereka berdua bercakap kepada mereka supaya membawa mereka berdua. Khaidir lalu dikenali dan kedua-duanya dibawa ke atas perahu tanpa tambang/ upah. Tiba-tiba seekor burung hinggap ditepi perahu lalu mematuk satu patukan atau dua patukan dari laut (minum air laut). Khaidir berkata:

"Wahai Musa, tiada kurang ilmu anda dan ilmuku dari ilmu Allah ialah seperti patukan burung ini dalam laut. Maka Khaidir mencabut sekeping papan dari papan-papan perahu. Melihat itu berkatalah Musa: Kaum ini telah membawa kita tanpa bayaran, sekarang anda menebuk perahu mereka supaya penumpangnya karam? Khaidir berkata: Bukankah aku telah katakan bahawa anda tidak dapat bersabar bersama-samaku?

Musa menjawab: Janganlah anda mempersalahkanku kerana kelupaanku dan janganlah engkau membebani aku dengan sesuatu kesulitan dalam urusanku. Memang sebenarnya Musa lupa. Kemudian kedua-duanya berjalan

tiba-tiba terdapat seorang kanak-kanak yang sedang bermain dengan kanak-kanak yang lain, maka Khaidir memegang kepalanya dari atasnya lalu kepala kanak-kanak itu tercabut. Musa berkata:

"Adakah anda membunuh satu jiwa yang suci tanpa pembalasan jiwa? Khaidir berkata: Bukankah telah aku katakan bahawa anda sama sekali tidak dapat bersabar bersama-samaku. Mereka berdua berjalan lagi sehingga apabila sampai kepada penduduk sebuah kampung kedua-duanya minta makan dari penduduk kampung itu tetapi mereka enggan menjamu mereka berdua.

"Mereka berdua menjumpai satu dinding yang hendak runtuh, maka Khaidir menegakkan dinding itu dengan tangannya. Melihat itu Musa berkata: Andaikata anda suka anda boleh mengambil atasnya; Khaidir berkata: Inilah perpisahan di antaraku dan anda. Rasulullah SAW bersabda: Semoga Allah memberi rahmat kepada Musa, kami ingin jika beliau tetap bersabar banyak cerita dari urusan kedua-duanya.

Hadith ini sahih[199]

Hanya sekianlah Hadith-hadith sahih yang dapat saya kumpulkan dari pelbagai sumber dan dari berpuluh-puluh kitab Hadith yang mu'tabar. Mungkin ada lagi Hadith-hadith lain yang tidak terjangkau oleh penulis yang serba kekurangan ini, akan tetapi saya yakin bahawa yang terkumpul di sini kalau tidak semuanya akan merupakan

(199) HR. Al-Bukhari dan Muslim. Mukhtasar Sahih Al-Bukhari 102, Al-Lu'-lu-u wal-Marjan 1539.

sebahagian besarnya.

Hanya inilah Hadith-hadith yang wajib disebar dan diamalkan dalam perkara yang bersangkutan dengan ilmu ini. Adapun lain-lain Hadith yang termuat dalam bahagian "B" semuanya tidak halal disebar dan diamalkan, akan tetapi ianya lebih tersebar dan masyhur dalam masyarakat kita, bahkan pada sebahagian masyarakat Islam diseluruh dunia.

2

Hadith-hadith Tidak Shahih Mengenai Keutamaan Ilmu Dan Para Ilmuan (Ulama)

HADITH-HADITH TIDAK SHAHIH MENGENAI KEUTAMAAN ILMU DAN PARA ILMUAN (ULAMA)

1. Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أُطْلُبُوا الْعِلْمَ وَلَوْ بِالصِّيْنِ فَإِنَّ طَلَبَ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ.
(موضوع)

"Tuntutlah ilmu walaupun ke negeri Cina kerana menuntut ilmu itu wajib atas tiap-tiap muslim."

Hadith ini maudhu'[(1)]

2. Dalam riwayat lain Hadith ini berbunyi:

أُطْلُبُوا الْعِلْمَ وَلَوْ بِالصِّيْنِ فَإِنَّ طَلَبَ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ.
إِنَّ الْمَلاَئِكَةَ تَضَعُ أَجْنِحَتَهَا لِطَالِبِ الْعِلْمِ رِضًا بِمَا يَطْلُبُ. (موضوع)

"Tuntutlah ilmu walaupun ke negeri Cina kerana menuntut ilmu itu wajib atas tiap-tiap muslim. Sesungguhnya para Malaikat akan menebarkan sayap-sayapnya kepada pelajar ilmu kerana reda dengan apa yang dituntutnya."

Hadith ini maudhu'[(2)]

---

(1) HR. Ibnu 'Adiy 2/207, Abu Nu'iam dalam akhbar Asbihan 2/106, Ibnu 'Alyak An-Nisaburi dalam al-Fawaid 2/241, Abu al-Qasim al-Qusyairi dalam al-Arba'in 2/151, Al-Khathieb dalam at-Tarikh 9/364 dan dalam kitab ar-Rihlah 1/2, Ibnu Abdil-Barri dalam Jami'u Bayanil-ilmi 1/7-8, Adh-Dhia' dalam al-mustaqa 1/28, Silsilatul-Ahadith.Adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1/416, Al-Maudhuat 1/215, Al-Fawaidul-Majmu'ah 1/272, Al-Maqashidul-Hasanah 125/83.

(2) Silsilatul-Ahadith Adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1/46.

3. Dalam satu riwayat lain lagi Hadith ini hanya disebutkan dengan lafaz:

أُطْلُبُوا الْعِلْمَ وَلَوْ بِالصِّيْنِ. (موضوع)

"Tuntutlah ilmu walaupun ke negeri Cina."

Hadith ini maudhu'[3]

4. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ. وَوَاضِعُ الْعِلْمِ عِنْدَ غَيْرِ أَهْلِهِ كَمُقَلِّدِ الْخَنَازِيْرِ الْجَوْهَرَ وَاللُّؤْلُؤَ وَالذَّهَبَ.

(ضعيف جدا)

"Menuntut ilmu itu wajib atas tiap-tiap muslim, dan orang yang meletakkan ilmu itu di sisi orang yang bukan ahlinya adalah bagaikan orang yang mengelengkan permata, mutiara dan emas kepada babi-babi."

Hadith ini sangat dhaif[4]

5. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ وَمُسْلِمَةٍ.

(لا أصل له)

"Menuntut ilmu itu wajib atas tiap-tiap orang lelaki dan perempuan Islam."

Hadith ini tiada asalnya[5]

---

(3) Mizanul-Iktidal 1/421/106-108.

(4) HR. Ibnu Majah. Dha'if Sunan Ibnu Majah 224-42/17, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3626, Al-Misykat 218.

(5) Al-Maqashidul-Hasanah 660/282-284.

6. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ أَفْضَلُ عِنْدَ اللهِ مِنَ الصَّلاَةِ وَالصِّيَامِ وَالْحَجِّ وَالْجِهَادِ فِي سَبِيْلِ اللهِ عَزَّوَجَلَّ. (موضوع)

"Menuntut ilmu itu lebih utama di sisi Allah daripada solat, puasa, haji dan jihad fi sabilillah."

Hadith ini maudhu'[6]

7. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ سَاعَةً خَيْرٌ مِنْ قِيَامِ لَيْلَةٍ وَطَلَبُ الْعِلْمِ يَوْمًا خَيْرٌ مِنْ صِيَامِ ثَلاَثَةِ أَيَّامٍ. (موضوع)

"Menuntut ilmu sesaat lebih baik daripada qiamullail satu malam dan menuntut ilmu satu hari lebih baik daripada puasa tiga hari."

Hadith ini maudhu'[7]

8. Diriwayatkan daripada Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ سَاعَةً خَيْرٌ مِنْ قِيَامِ لَيْلَةٍ وَطَلَبُ الْعِلْمِ يَوْمًا خَيْرٌ مِنْ صِيَامِ ثَلاَثَةِ أَشْهُرٍ. (موضوع)

"Menuntut ilmu satu saat adalah lebih baik daripada

(6) Dha'if Al-Jamiush-Shaghir 3632, Silsilatul-Ahadith Adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 3827, Tanzihusy-Syariah 1/99/279.

(7) Tanzihusy-Syari'ah 1/90/278. Hadith riwayat Abu Asy-Syaikh.

Qiamullail satu malam dan menuntut ilmu satu hari lebih baik daripada puasa tiga bulan."

Hadith ini maudhu'(8)

9. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَالِبُ الْعِلْمِ لِلّٰهِ أَفْضَلُ عِنْدَ اللّٰهِ مِنَ الْمُجَاهِدِ فِيْ سَبِيْلِ اللّٰهِ.

(موضوع)

"Orang yang menuntut ilmu kerana Allah adalah lebih utama di sisi Allah daripada mujahid di jalan Allah."

Hadith ini maudhu'(9)

10. Diriwayatkan daripada Ziad bin Al-Harith ash-Shadai r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ تَكَفَّلَ اللّٰهُ لَهُ بِرِزْقِهِ.

(موضوع)

"Barangsiapa menuntut ilmu nescaya Allah menjamin rezekinya."

Hadith ini maudhu'(10)

11. Diriwayatkan daripada Sakhbarah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ كَانَ كَفَّارَةً لِمَا مَضَى.

(موضوع)

(8) HR. Ad-Dailami. Silsilatul-Ahadith Adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 3828, Dha'if Al-Jamiush-Shaghir 3624.

(9) HR. Ad-Dailami. Dha'if Al-Jamiush-Shaghir 3611, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 3823.

(10) HR. Al-Khatib. Dha'if Al-Jamiush-Shaghir 5684, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 4620.

"Barangsiapa menuntut ilmu maka ilmu itu menjadi kifarat kepada kesalahannya yang telah lalu."

Hadith ini maudhu'[11]

12. Diriwayatkan daripada Abu Sa'id bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ غَدَا أَوْرَاحَ فِي تَعْلِيْمِ دِيْنِهِ فَهُوَ فِي الْجَنَّةِ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang berulang alik pagi atau petang dalam mengajar agamanya maka ia dalam syurga."

Hadith ini maudhu'[12]

13. Diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَعَلَّمَ بَابًا مِنَ الْعِلْمِ لِيُعَلِّمَهُ النَّاسَ ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللّٰهِ أَعْطَاهُ اللّٰهُ أَجْرَ سَبْعِيْنَ نَبِيًّا.

(موضوع)

"Barangsiapa yang mempelajari satu bab ilmu untuk mengajarnya kepada manusia kerana mengharapkan keredhaan Allah nescaya Allah memberikannya pahala tujuh puluh orang nabi."

Hadith ini maudhu'[13]

14. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

---

(11) HR. At-Tirmizi. Al-Misykat 221. At-Targhib 1/55, Dha'if Al-Jamiush-Shaghir 5686, Dha'if Sunan At-tirmizi 2799-495.

(12) HR. Abu Nu'aim dalam Al-Hilyah. Dha'if Al-Jamiush-Shaghir 5712, Silsilatul-Ahadith Adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 4624.

(13) HR. Al-Hakim. Al-Fawaidul-Majmu'ah 34/284, Tanzihusy-Syari'ah 1/74.

مَنْ تَعَلَّمَ بَابًا مِنَ الْعِلْمِ عَمِلَ بِهِ أَوْ لَمْ يَعْمَلْ كَانَ أَفْضَلَ مِنْ صَلَاةِ أَلْفِ رَكْعَةٍ فَإِنْ هُوَ عَمِلَ بِهِ أَوْ عَلَّمَهُ كَانَ لَهُ ثَوَابُهُ وَثَوَابُ مَنْ عَمِلَ بِهِ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang mempelajari satu bab ilmu sama ada ia mengamalkannya ataupun tidak adalah lebih utama daripada solat seribu rakaat, jika ia mengamalkannya ataupun ia mengajarkannya maka ia mendapat pahalanya dan pahala orang yang mengamalkannya sampailah kiamat."

Hadith ini maudhu'(14)

15. Diriwayatkan daripada Malik bin Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ عَمِلَ بِمَا يَعْلَمُ وَرَّثَهُ اللَّهُ عِلْمَ مَا لَمْ يَعْلَمْ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang mengamalkan ilmu yang diketahuinya nescaya Allah mewariskannya ilmu yang tidak diketahuinya."

Hadith ini maudhu'(15)

16. Ibnul-Jauzi menyebutkan dalam al-Maudhu'at daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَعَلَّمَ الْعِلْمَ وَهُوَ شَابٌّ كَانَ بِمَنْزِلَةِ وَسْمٍ فِي حَجَرٍ وَمَنْ تَعَلَّمَهُ

(14) HR. Ibnu An-Najjar. Tanzihusy-Syari'ah 1/91.

(15) HR. Abu Nu'aim. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 422.

بَعْدَمَا كَبُرَ فَهُوَ بِمَنْزِلَةِ كِتَابٍ عَلَى ظَهْرِ الْمَاءِ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang belajar ilmu di kala ia masih belia adalah seperti lukisan di atas batu dan barangsiapa yang belajar ilmu sesudah ia besar/ tua maka dia adalah seperti tulisan atas muka air."

***Hadith ini maudhu'*[16]**

17. Diriwayatkan daripada Ali bin Abu Thalib r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ لِلّٰهِ لَمْ يُصِبْ مِنْهُ بَابًا إِلاَّ ازْدَادَ بِهِ فِى نَفْسِهِ ذُلاًّ وَفِى النَّاسِ تَوَاضُعًا وَلِلّٰهِ خَوْفًا وَفِى الدُّنْيَا اجْتِهَادًا ، فَذَلِكَ الَّذِى يَنْتَفِعُ بِالْعِلْمِ فَيَتَعَلَّمُهُ. وَمَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ لِلدُّنْيَا وَالْمَنْزِلَةَ عِنْدَ النَّاسِ وَالْحَظْوَةَ عِنْدَ السُّلْطَانِ لَمْ يُصِبْ مِنْهُ بَابًا إِلاَّ ازْدَادَ بِهِ فِى نَفْسِهِ عَظَمَةً وَبِاللّٰهِ اغْتِرَارًا وَفِى الدِّيْنِ جَفَاءً فَذَلِكَ الَّذِى لاَ يَنْتَفِعُ بِالْعِلْمِ فَلْيَكُفَّ عَنِ الْحُجَّةِ عَلَى نَفْسِهِ وَالنَّدَامَةِ وَالْخِزْىَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

(موضوع)

"Barangsiapa menuntut ilmu kerana Allah, maka ia tidak akan menemui satu bab melainkan Allah menambahkan keindahan diri pada dirinya dan tawadhu' pada manusia, takut kepada Allah, kesungguhan dalam agama, yang demikian itulah orang yang mendapat manfaat dengan ilmu,

(16) Al-Maudhu'at 1/218, Silsilatul-Ahadith ad-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 2/619.

maka hendaklah ia mempelajarinya. Dan sesiapa yang mencari ilmu kerana dunia, kedudukan di sisi manusia dan untuk mendapat kehormatan di sisi penguasa, maka ia tidak menemui satu bab ilmu melainkan bertambah kebesaran dirinya, terpedaya dengan Allah, bertambah kasar dalam agamanya, maka itulah orang yang tidak mendapat manfaat dari ilmunya, maka hendaklah ia berhenti dari berhujjah ke atas dirinya dan pada hari kiamat ia akan mendapat penyesalan dan kehinaan."

Hadith ini maudhu'[17]

18. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَرَادَ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللّٰهُ عِلْمًا بِغَيْرِ تَعَلُّمٍ وَهُدًى بِغَيْرِ هِدَايَةٍ فَلْيَزْهَدْ فِي الدُّنْيَا. (موضوع)

"Barangsiapa yang ingin supaya Allah mendatangkannya ilmu tanpa belajar dan petunjuk tanpa hidayah maka hendaklah ia berzuhud di dunia."

Hadith ini tiada asalnya[18]

19. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ عَبَدَ اللّٰهَ بِجَهْلٍ كَانَ مَا يُفْسِدُ أَكْثَرَ مِمَّا يُصْلِحُ. (لا أصل له)

"Barangsiapa yang berabdi kepada Allah dengan kejahilan, maka kerosakannya adalah lebih banyak daripada kebaikannya."

Hadith ini tiada asalnya[19]

(17) HR. Ibnu Mardawaih. Al-Maudhu'at 1/231,
(18) Al-Fawaidul-Majmu'ah 45/286.
(19) Al-Fawaidul-Majmu'ah 67/290.

20. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَلَّدَ عَالِمًا لَقِيَ اللهَ سَالِمًا.

(لا أصل له)

"Barangsiapa yang bertaqlid (mengikut) orang alim nescaya ia menemui Allah dalam keadaan selamat."

Hadith ini tidak berasal[20]

21. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَعَلَّمَ بَابًا مِنَ الْعِلْمِ وَعَمِلَ بِهِ حَشَرَهُ اللهُ تَعَالَى يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ الْمُتَقَدِّمِيْنَ الأَخْيَارِ الأَبْرِيَاءِ الأَتْقِيَاءِ وَلَهُ فِي الْجَنَّةِ سَبْعُوْنَ قَهْرَمَانًا بِيَدِ كُلِّ وَاحِدٍ مِثْلُ الدُّنْيَا مَسِيْرَةَ أَلْفِ عَامٍ وَخَمْسِمَائَةِ عَامٍ عَرْضًا وَطُوْلاً.

(موضوع)

"Barangsiapa mempelajari satu bab ilmu dan ia mengamalkannya nescaya Allah Taala bangkitkannya pada hari kiamat bersama-sama dengan orang-orang terdahulu yang terpilih lagi orang-orang yang berbakti dan bertakwa. Dan untuknya dalam syurga tujuh puluh orang pegawai yang menjaga urusan keluar masuk, di tangan tiap-tiap orang seperti dunia, luas dan panjangnya perjalanan seribu lima ratus tahun."

Hadith ini maudhu'[21]

(20) Silsilatul-Ahadith Adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 2/551.

(21) HR. Ad-Dailami. Tanzihusy-Syari'ah 1/73/275.

22. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ خَرَجَ فِى طَلَبِ الْعِلْمِ حَفَّتْهُ الْمَلاَئِكَةُ بِأَجْنِحَتِهَا وَصَلَّتْ عَلَيْهِ الطَّيْرُ فِى السَّمَاءِ وَالْحِيْتَانُ فِى الْبِحَارِ وَنُزِّلَ فِى السَّمَاءِ مَنَازِلَ سَبْعِيْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ. (موضوع)

"Barangsiapa keluar menuntut satu bab ilmu maka ia dikelilingi oleh para Malaikat dengan sayap-sayap mereka, dan burung-burung di langit, ikan-ikan dalam lautan berdoa untuknya dan ia ditempatkan di tempat tujuh puluh orang syahid di bahagian langit."

Hadith ini maudhu'[22]

23. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ حَلَقَ رَأْسَهُ أَرْبَعِيْنَ أَرْبَعَاءَ صَارَ فَقِيْهًا. (لا أصل له)

"Barangsiapa yang mencukur kepalanya empat puluh kali Rabu jadilah ia seorang fakih."

Hadith ini tiada asalnya[23]

24. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ جَهِلَ شَيْئًا عَادَاهُ. (موضوع)

"Barangsiapa yang jahil mengenai sesuatu nescaya ia memusuhinya."

Hadith ini tiada asalnya[24]

(22) HR. Al-Khatib. Al-Fawaidul-Majmu'ah 33/284.
(23) Kasyful-Khafa' 2/2471.
(24) Kasyful-Khafa' 2/2457.

25. Diriwayatkan daripada Imran bin Hushain r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ خَرَجَ يَطْلُبُ بَابًا مِنَ الْعِلْمِ لِيَنْتَفِعَ بِهِ وَيُعَلِّمَهُ غَيْرَهُ كَتَبَ اللّٰهُ لَهُ عِبَادَةَ أَلْفِ سَنَةٍ. (موضوع)

"Barangsiapa yang keluar untuk menuntut satu bab ilmu supaya ia mendapat manfaatnya dengannya dan untuk mengajar orang lain nescaya Allah menuliskan untuknya bagi tiap-tiap langkah ibadat seribu tahun."

Hadith ini maudhu'[25]

26. Diriwayatkan dari Abu Said bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ غَدَا يَطْلُبُ الْعِلْمَ صَلَّتْ عَلَيْهِ الْمَلَائِكَةُ وَبُورِكَ لَهُ فِي مَعِيشَتِهِ وَلَمْ يُنْقَصْ مِنْ رِزْقِهِ وَكَانَ مُبَارَكًا عَلَيْهِ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang keluar di pagi hari untuk menuntut ilmu nescaya para Malaikat berdoa untuknya dan ia diberkati dalam penghidupannya dan rezekinya tidak dikurangkan dan ia diberkati."

Hadith ini maudhu'[26]

27. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ بَثَّ بَابَ فِقْهٍ فِي سَبِيلِ اللّٰهِ أُعْطِيَ بِكُلِّ حَرْفٍ مِثْلَ رَمْلٍ عَالِجٍ

(25) HR. Ibnu 'Adiy. Tanzihusy-Syari'ah 1/104/280.
(26) HR. Al-'Uqaili. Tanzihusy-Syari'ah 1/100/279.

حَسَنَاتٍ وكَانَ لَهُ كَأَجْرِ مَنْ عَمِلَ بِهِ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَإِنَّ مَنْ أَنْشَأَ بَابًا مِنَ الْخَيْرِ فِي سَبِيْلِ اللّٰهِ فَكَذَلِكَ.

(موضوع)

"Barangsiapa menebarkan satu bab fekah di jalan Allah nescaya ia diberikan kebajikan-kebajikan bagaikan timbunan pasir bagi tiap-tiap huruf, dan ia mendapat pahala seperti pahala orang yang mengamalkannya sampailah ke hari kiamat, dan demikian pula orang yang mengadakan satu bab dari kebaikan di jalan Allah."

Hadith ini maudhu'[27]

28. Diriwayatkan daripada Abu Bakar Ash-Shiddiq r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَتَبَ عَنِّيْ عِلْمًا أَوْ حَدِيْثًا لَمْ يَزَلْ يُكْتَبُ لَهُ الأَجْرُ مَا بَقِيَ ذَلِكَ الْعِلْمُ أَوِ الْحَدِيْثُ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang menuliskan dariku satu ilmu atau satu Hadith sentiasalah dituliskan pahala untuknya selama ilmu atau Hadith itu masih kekal."

Hadith ini maudhu'[28]

29. Diriwayatkan daripada al-Qasim bin Muhammad r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَتَبَ عَنِّيْ عِلْمًا فَكَتَبَ مَعَهُ صَلاَةً عَلَيَّ لَمْ يَزَلْ فِي أَجْرٍ مَا قُرِئَ

(27) HR. Ad-Dailami. Tanzihusy-Syari'ah 1/112/282.
(28) HR. Al-Hakim. Al-Fawaidul-Majmu'ah 2/272.

ذَلِكَ الْكِتَابُ أَوْ عُمِلَ بِذَلِكَ الْعِلْمِ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang menuliskan dariku satu ilmu maka ia menulis bersama-samanya selawat ke atasku senantiasalah ia dalam pahala selama tulisan itu masih dibaca ataupun ilmu itu masih diamalkan."

Hadith ini maudhu'[29]

30.Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ فِي كِتَابٍ لَمْ تَزَلِ الْمَلاَئِكَةُ تَسْتَغْفِرُلَهُ مَا دَامَ اسْمِي فِي ذَلِكَ الْكِتَابِ.

(موضوع)

"Barangsiapa berselawat ke atasku dalam kitab/ tulisan sentiasalah para Malaikat memohon keampunan untuknya selama namaku ada dalam kitab/ tulisan itu."

Hadith ini maudhu'[30]

31. Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ زَارَ عَالِمًا فَكَمَنْ زَارَنِي وَمَنْ صَافَحَ عَالِمًا فَكَمَنْ صَافَحَنِي، وَمَنْ جَالَسَ عَالِمًا فَكَمَنْ جَالَسَنِي وَمَنْ جَالَسَنِي فِي دَارِ الدُّنْيَا أَجْلَسَهُ اللَّهُ مَعِي غَدًا فِي الْجَنَّةِ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang menziarahi orang alim adalah bagaikan

(29) HR. Ibnu Adiy. Al-Maudhu'at 1/228, Al-Fawaidul-Majmu'ah 2/272.

(30) HR. Ath-Thabarani. Al-Maudhu'at 1/228.

orang yang menziarahiku. Barangsiapa berjabat tangan dengan seorang alim adalah seperti orang yang berjabat tangan denganku. Barangsiapa yang duduk bersama-sama orang alim adalah seperti orang yang duduk bersama-samaku, dan barangsiapa yang duduk bersama-samaku di negeri dunia nescaya Allah mendudukkannya bersama-samaku esok di dalam syurga."

Hadith ini maudhu'[31]

32. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ زَارَ الْعُلَمَاءَ فَكَأَنَّمَا زَارَنِي وَمَنْ صَافَحَ الْعُلَمَاءَ فَكَأَنَّمَا صَافَحَنِي وَمَنْ جَالَسَ الْعُلَمَاءَ فَكَأَنَّمَا جَالَسَنِي وَمَنْ جَالَسَنِي فِي الدُّنْيَا أُجْلِسَ إِلَيَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

(موضوع)

"Barangsiapa menziarahi ulama maka seakan-akan ia menziarahiku dan barangsiapa berjabat tangan dengan para ulama adalah seperti ia berjabat tangan denganku. Barangsiapa duduk bersama-sama para ulama maka seakan-akan ia duduk bersama-samaku, dan barangsiapa yang duduk bersama-sama denganku di dunia nescaya ia didudukkan oleh Tuhanku bersama-sama denganku di dalam syurga pada hari kiamat."

Hadith ini maudhu'[32]

---

(31) HR. Ibnu An-Najjar. Tanzihusy-Syari'ah 1/57/277.

(32) HR. Abu Nu'aim. Al-Maudhu'at al-Kubra 490. Tanzihusy-Syari'ah 1/59/277-279, Al-Fawaidul-Majmu'ah 39/258.

33. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ جَالَسَ عَالِمًا فَكَأَنَّمَا جَالَسَ نَبِيًّا.

(لا أصل له)

"Barangsiapa duduk bersama-sama dengan orang alim seakan-akan ia duduk bersama-sama dengan seorang Nabi."

Hadith ini tiada asalnya[33]

34. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ جَلَسَ فَوْقَ عَالِمٍ بِغَيْرِ إِذْنِهِ فَكَأَنَّمَا جَلَسَ عَلَى الْمُصْحَفِ.

(لا أصل له)

"Barangsiapa yang duduk lebih tinggi daripada orang alim tanpa izinnya maka seakan-akan ia duduk di atas Mushaf."

Hadith ini tiada asalnya[34]

35. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ خَاضَ فِي الْعِلْمِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَكَأَنَّمَا أَعْتَقَ سَبْعِينَ أَلْفِ رَقَبَةٍ وَكَأَنَّمَا تَصَدَّقَ بِأَلْفِ دِينَارٍ وَكَأَنَّمَا حَجَّ أَرْبَعِينَ أَلْفِ حَجَّةٍ.

(موضوع)

"Barangsiapa mengharungi ilmu pada hari Jumaat maka seakan-akan ia membebaskan tujuh puluh ribu hamba sahaya dan seakan-akan ia memberi sedekah seribu dinar dan seakan-akan ia mengerjakan empat puluh ribu kali haji."

Hadith ini maudhu'[35]

36. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa

---

(33) Al-Maqashidul-Hasanah 1104/406.

(34) Kasyful-Khafa' 2/2456.

(35) Kasyful-Khafa' 2/2480.

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ اَكْرَمَ عَالِمًا فَقَدْ أَكْرَمَ سَبْعِيْنَ نَبِيًّا ، وَمَنْ أَكْرَمَ مُتَعَلِّمًا فَقَدْ أَكْرَمَ سَبْعِيْنَ شَهِيْدًا ، وَمَنْ أَحَبَّ الْعِلْمَ وَالْعُلَمَاءَ لَمْ تَكْتَبْ عَلَيْهِ خَطِيْئَةٌ أَيَّامَ حَيَاتِهِ. (موضوع)

"Barangsiapa yang memuliakan orang alim maka sesungguhnya ia telah memuliakan tujuh puluh orang Nabi. Barangsiapa memuliakan seorang pelajar maka sesungguhnya ia telah memuliakan tujuh puluh orang syahid. Dan barangsiapa mengasihi ilmu dan para ulama nescaya tidak akan dituliskan kesalahan ke atasnya dalam masa hidupnya."

Hadith ini maudhu'(36)

37. Diriwayatkan daripada Aisyah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ وَقَّرَ عَالِمًا فَقَدْ وَقَّرَ رَبَّهُ عَزَّوَجَلَّ وَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ اسْتَوْجَبَ الثَّوَابُ عَلَى رَبِّهِ عَزَّوَجَلَّ. (موضوع)

"Barangsiapa menghormati orang alim maka sesungguhnya ia telah menghormati Tuhannya Azza wa Jalla, dan barangsiapa yang berbuat demikian maka Tuhannya Azza wa Jalla mewajibkan pahala ke atasnya."

Hadith ini maudhu'(37)

38. Diriwayatkan daripada Ali r.a. bahawa Rasulullah

(36) HR. Ibnul-Jauzi dalam al-Wahiat. Tanzihusy-Syari'ah 1/102/279.

(37) HR. Ad-Dailami. Tanzihusy-Syari'ah 1/70/274.

SAW bersabda:

مَنِ ازْدَادَ عِلْمًا وَلَمْ يَزْدَدْ فِى الدُّنْيَا زُهْدًا لَمْ يَزْدَدْ مِنَ اللّٰهِ إِلاَّ بُعْدًا .

(ضعيف جدا)

"Barangsiapa yang bertambah ilmunya tetapi tidak bertambah zuhudnya di dunia nescaya tidak bertambah dari Allah melainkan jauh."

Hadith ini sangat dhaif[38]

39. Diriwayatkan daripada Abdul Aziz bin Said daripada ayahnya bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ غَضَّ صَوْتَهُ عِنْدَ الْعُلَمَاءِ كَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ الَّذِيْنَ امْتَحَنَ اللّٰهُ قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوَى مِنْ أَصْحَابِى وَلاَ خَيْرَ فِى التَّمَلُّقِ وَالتَّوَاضُعِ إِلاَّ مَا كَانَ فِى اللّٰهِ أَوْ فِى طَلَبِ الْعِلْمِ.

(منكر)

"Barangsiapa yang merendahkan suaranya di sisi ulama maka pada hari kiamat ia bersama-sama dengan orang-orang yang Allah telah uji hati-hati mereka oleh Allah untuk takwa dari para sahabatku, dan tiada kebaikan pada sifat membujuk dan tawadhuk kecuali sesuatu yang mengenai urusan Allah ataupun dalam mencari ilmu."

Hadith ini munkar[39]

40. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ لَمْ يَنْفَعْهُ عِلْمُهُ ضَرَّهُ جَهْلُهُ.

(لا أصل له)

---

(38) HR. Ad-Dailami. Dha'if Al-Jamiush-Shaghir 5393, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 4541.

(39) HR. Ad-Dailami. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1/383/382.

"Barangsiapa yang tidak mendapat manfaat dari ilmunya maka ia dibahayakan oleh kejahilannya."

Hadith ini tiada asalnya[40]

41. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يَنْظُرَ إِلَى عُتَقَاءِ اللّٰهِ فَلْيَنْظُرْ إِلَى الْمُتَعَلِّمِيْنَ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang ingin melihat kepada orang-orang yang dibebaskan Allah dari neraka maka hendaklah ia melihat kepada pelajar-pelajar."

Hadith ini maudhu'[41]

42. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ بَاهَى بِعِلْمِهِ فَأَخْصِمُوْهُ وَمَنْ سَبَّ وَالِدَيْهِ فَاضْرِبُوْهُ وَمَنْ ضَرَبَهُمَا فَاقْتُلُوْهُ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang bermegah-megah dengan ilmunya maka tundukkan/kalahkan dia dan barangsiapa mencela ibu-bapanya maka pukullah dia dan barangsiapa yang memukul ibu-bapanya maka bunuhlah dia."

Hadith ini maudhu'[42]

43. Diriwayatkan daripada Abu Said r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ نَظَرَ نَظْرَةً إِلَى وَجْهِ عَالِمٍ فَفَرِحَ بِهِ خَلَقَ اللّٰهُ تَعَالَى مِنْ تِلْكَ

(40) Maudhu'at Kubra 530.

(41) Kasyful-Khafa' 2/2355.

(42) HR. Ad-Dailami. Tanzihusy-Syari'ah 1/71/274.

النَّظْرَةِ وَالْفَرَحِ مَلَكًا يَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِصَاحِبِهِ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang memandang sekali pandang kepada orang alim merasa sukacita dengannya maka Allah menciptakan dengan pandangan dan sukacita itu seorang Malaikat yang memohon ampun untuknya sampailah ke hari kiamat."

Hadith ini maudhu'[(43)]

44. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ عَلَّمَ عَبْدًا آيَةً مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَهُوَ لَهُ عَبْدٌ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang mengajar hamba Allah dengan satu ayat dari Kitabullah, maka orang itu adalah hamba baginya."

Hadith ini maudhu'[(44)]

45. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ عَلَّمَ أَخَاهُ آيَةً مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَقَدْ مَلَكَ رِقَّهُ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang mengajar saudaranya satu Ayat dari Kitab Allah nescaya ia memiliki perhambaannya."

Hadith ini maudhu'[(45)]

46. Raja al-Ghanawi meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

(43) HR. Ibnu Asakir. Tanzihusy-Syari'ah 1/108/281.

(44) Al-Fawaidul-Majmu'ah 28/283.

(45) Maudhu'at Kubra 510. Tanzihusy-Syari'ah 1/119/284.

مَنْ أَعْطَاهُ اللَّهُ حِفْظَ كِتَابِهِ فَظَنَّ أَنَّ أَحَداً أُعْطِيَ أَفْضَلَ مِمَّا أُعْطِيَ فَقَدْ غَمَطَ أَعْظَمَ النِّعَمِ.

(ضعيف جدا)

"Barangsiapa yang dikurniakan Allah Taala menghafaz KitabNya, kemudian ia menyangka seseorang telah diberikan yang lebih utama daripada yang diberikan kepadanya maka sesungguhnya ia telah tidak menghargai nikmat yang terbesar."

Hadith ini sangat dhaif(46)

47. Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَعَلَّمَ آيَةً مِنْ كِتَابِ اللَّهِ وَعَلَّمَهَا وَأَحَلَّ حَلاَلَهَا وَحَرَّمَ حَرَامَهَا كَانَ كَمَنْ جَهَّزَ نَاقَةً عَشْرَاءَ فِي سَبِيْلِ اللَّهِ.

(موضوع)

"Barangsiapa mempelajari satu Ayat dari Kitab Allah dan ia mengajarkannya, menghalalkan yang dihalalkannya dan mengharamkan yang diharamkannya maka dia adalah seperti orang yang menyediakan seekor unta yang mengandung sepuluh bulan untuk jalan Allah."

Hadith ini maudhu'(47)

48. Diriwayatkan daripada Ashim r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

---

(46) HR. Al-Bukhari dalam Al-Tarikh dan al-Baihaqi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5454. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1811.

(47) HR. Ad-Dailami. Tanzihusy-Syari'ah 1/72/275.

مَنْ حَفِظَ عَلَى أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيْثًا دَخَلَ الْجَنَّةَ.

(باطل)

"Barangsiapa yang menghafaz empat puluh Hadith untuk umatku nescaya ia masuk syurga."

Hadith ini batil[48]

49. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ حَفِظَ عَلَى أُمَّتِي أَرْبَعِيْنَ حَدِيْثًا لَقِيَ اللّٰهَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَقِيْهًا عَالِمًا.

(موضوع)

"Barangsiapa menghafaz empat puluh Hadith untuk umatku, nescaya pada hari kiamat ia menemui Allah sebagai seorang fakih."

Hadith ini maudhu'[49]

50. Diriwayatkan daripada Abu Sa'id r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَتَمَ عِلْمًا مِمَّا يَنْفَعُ اللّٰهُ بِهِ النَّاسَ فِي أَمْرِ الدِّيْنِ أَلْجَمَهُ اللّٰهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِلِجَامٍ مِنَ النَّارِ.

(ضعيف جدا)

"Barangsiapa menyembunyikan satu ilmu yang Allah memberi manfaat dengannya dalam urusan manusia, urusan agama nescaya Allah mengekangkan pada hari kiamat dengan pengekang dari neraka."

Hadith ini sangat dhaif[50]

(48) HR. Abdul-Rahman bin Muhammad al-Asadi. Al-Mizan 4/7435/446.

(49) Al-Fawaidul-Majmu'ah 69/290.

(50) HR. Ibnu Majah. Dha'if Sunan Ibnu Majah 265-56, Dha'if Al-Jamiush-Shaghir 5814, At-Ta'liq ar-Raghib 1/73.

51. Diriwayatkan daripada Wathilah bin al-Asqa' bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ فَأَدْرَكَهُ كَانَ لَهُ كِفْلاَنِ مِنَ الأَجْرِ فَإِنْ لَمْ يُدْرِكْهُ كَانَ لَهُ كِفْلٌ مِنَ الأَجْرِ.

(ضعيف جدا)

"Barangsiapa yang menuntut ilmu dan ia mendapatnya maka baginya dua bahagian pahala dan jika ia tidak mendapatkannya maka ia mendapat satu bahagian pahala."

Hadith ini sangat dhaif(51)

52. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ مَشَى فِيْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ.

(موضوع)

"Barangsiapa menuntut ilmu nescaya ia berjalan di taman syurga."

Hadith ini maudhu'(52)

53. Diriwayatkan daripada Jabir r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ اَكْرَمَ الْعُلَمَاءَ فَقَدْ اَكْرَمَ اللّٰهَ وَرَسُوْلَهُ.

(موضوع)

"Barangsiapa memuliakan para ulama maka sesungguhnya ia telah memuliakan Allah dan RasulNya."

Hadith ini maudhu'(53)

(51) HR. Ad-Darimi. Al-Misykat 1/253/84.

(52) Al-Mizan 3/5372/407.

(53) Al-Mizan 3/3930/37.

54. Diriwayatkan daripada Aisyah r.a. bahwa Rasulullah SAW Bersabda:

مَنْ وَقَّرَ عَالِمًا فَقَدْ وَقَّرَ رَبَّهُ وَمَنْ فَعَلَ فَقَدِ اسْتَوْجَبَ الْمَآبَ عَلَى اللَّهِ. (موضوع)

"Barangsiapa menghormati alim maka sesungguhnya ia telah menghormati Tuhannya, dan sesiapa yang berbuat demikian maka wajiblah Allah menyediakan tempat kembalinya."

Hadith ini maudhu'(54)

55. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلصَّلاَةُ خَلْفَ الْعَالِمِ بِأَرْبَعَةِ الْآفٍ وَأَرْبَعمِائَةٍ وَأَرْبَعِيْنَ صَلاَةً.

(باطل)

"Bersolat di belakang orang alim adalah sama dengan 4440 solat."

Hadith ini batil(55)

56. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَلَّى خَلْفَ عَالِمٍ تَقِيٍّ فَكَأَنَّمَا صَلَّى خَلْفَ نَبِيٍّ.

(لا أصل له)

"Barangsiapa yang bersolat di belakang orang alim yang bertakwa seakan-akan ia bersolat dibelakang seorang Nabi."

Hadith ini tidak berasal.

57. Diriwayatkan daripada 'Auf bin Malik r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

(54) HR. Al-Bukhari dalam Adh-Dhu'afa'. Al-Mizan 2/2180/95.

(55) Al-Maqashidul-Hasanah 629, Al-Fawaidul-Majmu'at 48/286.

مَنْ تَعَلَّمَ مَسْئَلَةً وَاحِدَةً قَلَّدَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ قِلاَدَةً مِنْ نُوْرٍ وَغُفِرَلَهُ أَلْفُ ذَنْبٍ وَبَنَى لَهُ مَدِيْنَةً مِنْ ذَهَبٍ وَكَتَبَ لَهُ بِكُلِّ شَعْرَةٍ عَلَى جَسَدِهِ ثَوَابَ حَجَّةٍ وَعُمْرَةٍ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang belajar satu masalah sahaja nescaya Allah mengkalongkannya pada hari kiamat dengan kalong dari cahaya dan memberinya keampunan dari seribu kesalahan, dibinakan untuknya sebuah bandar dari emas dan dituliskan untuknya pahala sekali haji dan umrah bagi tiap-tiap urat bulu yang ada di atas jasadnya."

Hadith ini maudhu'[56]

58. Ja'far bin Nasthur Ar-Rumi meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ مَشَى إِلَى خَيْرٍ حَافِيًا فَكَأَنَّمَا مَشَى عَلَى أَرْضِ الْجَنَّةِ تَسْتَغْفِرُلَهُ الْمَلاَئِكَةُ وَتُسَبِّحُ أَعْضَاؤُهُ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang berjalan dengan berkaki ayam kepada kebaikan maka seakan-akan ia berjalan di atas bumi syurga, para Malaikat beristighfar untuknya dan anggota-anggotanya bertasbih."

Hadith ini maudhu'[57]

59. Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

---

(56) HR. Ibnu An-Najjar. Tanzihusy-Syari'ah 1/52/272.

(57) Ibnul-Jauzi dalam Al-Maudhu'at 1/217.

مَنْ رَفَعَ قِرْطَاسًا مِنَ الْأَرْضِ فِيْهِ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ إِجْلَالاً أَنْ يُدَاسَ كُتِبَ عِنْدَ اللهِ مِنَ الصِّدِّيْقِيْنَ وَخُفِّفَ عَنْ وَالِدَيْهِ وَإِنْ كَانَا مُشْرِكَيْنِ وَمَنْ كَتَبَ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ فَجَوَّدَهُ تَعْظِيْمًا لِلّهِ غُفِرَلَهُ. (موضوع)

"Barangsiapa mengangkat satu kertas dari bumi yang ada padanya "بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ" kerana memuliakannya supaya ia tidak diinjak, maka ia dicatatkan di sisi Allah dari golongan ash-Shiddiqin dan diringankan siksa atas dua ibu-bapanya walaupun kedua-duanya orang musyrik. Dan barangsiapa menuliskan "بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ" lalu ia membaguskannya kerana mengagungkan Allah nescaya ia diampuni."

Hadith ini maudhu'[58]

60. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَخَذَ عَلَى الْقُرْآنِ أَجْرًا فَذَاكَ حَظُّهُ مِنَ الْقُرْآنِ.

(موضوع)

"Barangsiapa mengambil upah atas Al-Quran maka itulah bahagiannya dari Al-Quran."

Hadith ini maudhu'[59]

61. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa

(58) Silsilatul-Ahadith Adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 268.

(59) HR. Abu Nu'aim. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1421.

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَخَذَ عَلَى الْقُرْآنِ أَجْرًا فَقَدْ تَعَجَّلَ حَسَنَاتِهِ فِي الدُّنْيَا وَالْقُرْآنُ يُخَاصِمُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

(منكر)

"Barangsiapa mengambil upah atas Al-Quran maka sesungguhnya ia telah bersegera mengambil kebajikan-kebajikannya di dunia sedangkan Al-Quran memusuhinya pada hari kiamat."

Hadith ini munkar(60)

62. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ فَسَّرَ الْقُرْآنَ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ كُتِبَتْ عَلَيْهِ خَطِيئَةٌ لَوْ قُسِّمَتْ بَيْنَ الْعِبَادِ لَوَسِعَتْهُمْ وَإِنْ أَخْطَأَ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang menafsirkan Al-Quran dengan fikirannya lalu ia betul maka dituliskan saru kesalahan ke atasnya yang kalau dibahagikan di antara para hamba Allah nescaya meliputi semuanya, dan jika ia salah maka bersedialah mengambil tempatnya dari neraka."

Hadith ini maudhu'(61)

63. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

(60) HR. Abu Nu'aim. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1422.

(61) HR. Ad- Dailami. Tanzihusy-Syari'ah 1/68/274.

مَنْ فَسَّرَ الْقُرْآنَ بِرَأْيِهِ وَهُوَ عَلَى وُضُوْءٍ فَلْيُعِدْ وُضُوْءَهُ.

(موضوع)

"Barangsiapa menafsirkan Al-Quran dengan fikirannya sedangkan ia ada wuduk maka hendaklah ia mengulangi wudhu'nya."

Hadith ini maudhu'(62)

64. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ حَدَّثَ حَدِيْثًا فَعُطِسَ عِنْدَهُ فَهُوَ حَقٌّ.

(باطل)

"Barangsiapa meriwayatkan satu Hadith lalu orang bersin di sisinya maka Hadith itu adalah benar."

Hadith ini batil(63)

65. Diriwayatkan daripada Aisyah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنِ انْتَعَلَ لِيَتَعَلَّمَ عِلْمًا غُفِرَلَهُ قَبْلَ أَنْ يَخْطُوَ.

(موضوع)

"Barangsiapa memakai selipar untuk belajar ilmu nescaya Allah mengampuni sebelum lagi ia melangkah."

Hadith ini maudhu'(64)

66. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

(62) HR. Ad-Dailami. Tanzihusy-Syari'ah 1/69/274.

(63) HR. Tamam, Al-Hakim At-Tirmizi. Abu Ya'la, Ath-Thabarani dan Ibnu Syahin. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1/136.

(64) HR. Asy-Syirazi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5489.

مَنْ رَأَيْتُمُوهُ يُنْشِدُ شِعْرًا فِي الْمَسْجِدِ فَقُولُوا: فَضَّ اللّٰهُ فَاكَ (ثَلَاثًا)
وَمَنْ رَأَيْتُمُوهُ يُنْشِدُ ضَالَّةً فِي الْمَسْجِدِ فَقُولُوا: لَا وَجَدْتَهَا (ثَلَاثًا).
وَمَنْ رَأَيْتُمُوهُ يَبِيعُ أَوْ يَبْتَاعُ فِي الْمَسْجِدِ فَقُولُوا: لَا أَرْبَحَ اللّٰهُ
تِجَارَتَكَ.

(ضعيف جدا)

"Barangsiapa yang kamu melihatnya membaca syair dalam masjid maka katakanlah: Allah merobekkan mulutmu (tiga kali), dan bila kamu melihatnya seorang mencari barang kehilangannya dalam masjid maka katakan: Engkau tidak akan jumpainya (tiga kali). Dan barangsiapa yang kamu lihatnya membeli atau menjual dalam masjid maka katakan kepadanya: Allah tidak akan memberi untung kepada perniagaanmu."

***Hadith ini sangat dhaif*[65]**

67. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَتَبَ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ وَلَمْ يُعَوِّرِ الْهَاءَ الَّتِي فِي اللّٰهِ
كَتَبَ اللّٰهُ لَهُ أَلْفَ حَسَنَةٍ وَمَحَا عَنْهُ أَلْفَ سَيِّئَةٍ وَرَفَعَ لَهُ أَلْفَ دَرَجَةٍ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang menuliskan "بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ" dan ia tidak mengecengnya huruf Ha' yang ada pada kalimah

(65) HR. At-Tirmizi dan An-Nasai. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5592, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 2131.

Allah nescaya Allah menuliskan untuknya seribu kebajikan dan menghapuskan darinya seribu kejahatan dan diangkatkan seribu darjat untuknya."

Hadith ini maudhu'[66]

وَعظُ أنف فَذَاكَ فِي الدَّرْكِ الرَّابِعِ مِنَ النَّارِ. وَمِنَ الْعُلَمَاءِ مَنْ نَصَبَ نَفْسَهُ لِلْفُتْيَا فَيُفْتِي بِالْخَطَأِ وَاللَّهُ يُبْغِضُ الْمُتَكَلِّفِيْنَ فَذَاكَ فِي الدَّرْكِ الْخَامِسِ مِنَ النَّارِ. وَمِنَ الْعُلَمَاءِ مَنْ يَتَعَلَّمُ مِنَ الْيَهُوْدِ وَالنَّصَارَىْ لِيَغْزُرَ عِلْمُهُ فَذَاكَ فِي الدَّرْكِ السَّادِسِ مِنَ النَّارِ. وَمِنَ الْعُلَمَاءِ مَنْ يَتَّخِذُ عِلْمَهُ مُرُوْءَةً وَنَبْلاً وَذِكْرَىً فِي النَّاسِ فَذَاكَ فِي الدَّرْكِ السَّابِعِ مِنَ النَّارِ. بِالصَّمْتِ فِيْهِ يَغْلِبُ الشَّيْطَانَ، وَإِيَّاكَ أَنْ تَضْحَكَ مِنْ غَيْرِ عَجَبٍ أَوْ تَمْشِيْ فِيْ غَيْرِ أَرَبٍ.

(موضوع)

"Bahawasanya di antara fitnah orang alim ialah bahawa bercakap lebih disukainya daripada mendengar. Pada percakapan itu ada bunga-bunganya (perhiasan) dan tokok tambah yang tidak akan menjamin keselamatan orang yang bercakap dari kesalahan. Dalam diam itu ada keselamatan. Di antara ulama ada yang menyimpan ilmunya dan dia tidak suka ilmu itu ada pada orang lain, yang demikian itu berada di tingkat pertama dari neraka. Di antara ulama ada orang yang kedudukan ilmu padanya bagaikan kedudukan Sultan, jika sesuatu dari perkataannya ditolak ia marah, maka ulama yang begini berada di tingkat kedua dari neraka. Di antara ulama ada orang yang menjadikan kata-katanya dan ilmunya yang aneh-aneh pada orang-orang mulia dan orang-orang senang dan ia memandang orang-orang yang berhajat kepadanya tidak layak dengan ilmunya, maka ia berada di tingkat ketiga dari neraka.

Di antara manusia ada yang dipengaruhi oleh kesombongan dan 'ujub, maka apabila ia memberi pengajaran dia berlaku kasar dan apabila ia dinasihati ia benci, maka dia di tingkat keempat neraka.

Di antara ulama ada orang yang melantik dirinya sendiri untuk membuat fatwa lalu dia berfatwa dengan fatwa yang salah sedangkan Allah membenci orang-orang yang mencampuri sesuatu yang bukan perkaranya, maka dia itu berada di tingkat kelima dari neraka.

Di antara ulama ada orang yang belajar dari ilmu Yahudi dan Nasrani supaya banyak ilmunya, maka dia berada di tingkat keenam dari neraka.

Di antara ulama ada pula orang yang menjadikan ilmunya sebagai muruah, kepintaran dan sebutan pada manusia, maka dia berada di tingkat neraka yang ketujuh.

"Hendaklah engkau berdiam diri kerana dengannya engkau akan mengalahkan syaitan, dan janganlah engkau ketawa tanpa sesuatu yang menarik untuk ketawa ataupun engkau berjalan tanpa sesuatu hajat."

Hadith ini maudhu' (149)

151. Ibnul-Jauzi meriwayatkan dalam kitab al-Maudhu'at daripada Anas ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

أَلاَ أُحَدِّثُكُمْ عَنْ أَجْرِ ثَلاَثَةٍ؟ فَقِيْلَ: مَنْ هُمْ يَا رَسُوْلَ اللهِ؟ قَالَ: أَجْرُ الْمُعَلِّمِيْنَ وَالْمُؤَذِّنِيْنَ وَالأَئِمَّةِ حَرَامٌ.

(موضوع)

(149) Al-Maudhu'at 1/265, Al-Fawaidul-Majmu'ah 57/283.

"Mahukah aku khabarkan kepad kamu mengenai upah tiga orang? Rasulullah ditanya: Siapakah mereka wahai Rasulullah? Beliau bersabda: Upah para guru, para muazzin dan para imam adalah haram."

Hadith ini maudhu'[150]

152. Diriwayatkan daripada Anas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَلاَ أُخْبِرُكُمْ بِأَجْوَدِ الأَجْوَدِيْنَ؟ قَالُوْا: بَلَى يَا رَسُوْلَ اللهِ. قَالَ: فَإِنَّ اللهَ أَجْوَدُ الأَجْوَدِيْنَ، وَأَنَا أَجْوَدُ وَلَدِ آدَمَ وَأَجْوَدُهُمْ مِنْ بَعْدِى رَجُلٌ عَلَّمَ عِلْمًا فَنَشَرَ عِلْمَهُ فَيُبْعَثُ يَوْمَ القِيَامَةِ أُمَّةً وَحْدَهُ كَمَا يُبْعَثُ النَّبِيُّ أُمَّةً وَحْدَهُ.

(منكر باطل لا آصل له)

"Mahukah aku khabarkan kepada kamu satu perkara yang terbaik dari perkara yang terbaik? Mereka menjawab: Bahkan, ya Rasulullah. Beliau bersabda: Sesungguhnya Allah adalah yang terbaik dari perkara yang terbaik itu, dan aku adalah anak Adam yang terbaik, dan orang yang terbaik sesudahku ialah seorang laki-laki yang mempelajari satu ilmu lalu ia sebarkan ilmunya, maka pad hari kiamat ia dibangkitkan sebagai seorang lelaki yang bersendirian dengan agamanya sebagaimana nabi dibangkitkan dengan seorang dirinya dengan membawa agama.

Hadith ini munkar lagi batil[151]

(150) Al-Maudhu'at 1/229, Tanzihusy-Syari'ah 1/17/255, Al-Fawaidul-Majmu'ah 24/277.
(151) HR. Ibnu Hibban. Al-Maudhu'at 1/230, Al-Fawaidul-Majmu'ah 3/273.

153. Diriwayatkan bahawa Ali ra. berkata:

أَنَّ رَسُوْلَ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرَ فَضْلَ الْعُلَمَاءِ فَقَالَ: قُلُوْبُهُمْ مَلأَى مِنَ الدَّاءِ وَلاَ دَاءَ أَشَرُّ مِنْ حُبِّ الدُّنْيَا وَلاَ دَوَاءَ أَكْثَرَ مِنْ تَرْكِهَا فَاتْرُكُوا الدُّنْيَا تَصِلُوا إِلَى رَوْحِ الآخِرَةِ.

(موضوع)

"Bahawasanya Rasulullah SAW. menyebut kelebihan para ulama seraya bersabda: Hati-hati mereka penuh dengan penyakit, dan tiada penyakit yang lebih jelek daripada cinta dunia, dan tiada ubat yang lebih mujarrab daripada meninggalkan dunia, maka oleh kerana itu tinggalkanlah dunia nescaya kamu sampai kepada/mencapai kerehatan akhirat."

Hadith ini maudhu'(152)

154. Diriwayatkan daripada Anas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَيُّمَا مُؤَدِّبٍ وَلِيَ تَعْلِيْمَ ثَلاَثَةِ صِبْيَانٍ مِنْ أُمَّتِيْ ثُمَّ لَمْ يُعَلِّمْهُمْ بِالسَّوِيَّةِ وَلَمْ يَعْدِلْ بَيْنَهُمْ حُشِرَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ قَتَلَةِ الأَنْفُسِ إِلَى نَارِ جَهَنَّمَ.

(موضوع)

"Mana-mana pendidik atau guru yang mengurus pengajaran tiga orang kanak-kanak dari umatku, kemudian ia tidak mengajar mereka dengan sama rata dan ia tidak berlaku adil di antara mereka nescaya ia dibangkitkan pada hari kiamat

(152) HR. Ad-Dailami

bersama-sama dengan pembunuh jiwa ke neraka."

Hadith ini maudhu'[(153)]

155. Diriwayatkan daripada Abu Umamah ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَبْعَدُ الْخَلْقَ مِنَ اللهِ عَزَّوَجَلَّ رَجُلاَنِ رَجُلٌ يُجَالِسُ الأُمَرَاءَ فَمَا قَالُوا مِنْ جَوْرٍ صَدَّقَهُمْ عَلَيْهِ وَمُعَلِّمُ الصِّبْيَانِ لاَ يُوَاسِي بَيْنَهُمْ وَلاَ يُرَاقِبُ اللهَ فِي الْيَتِيْمِ. (موضوع)

"Makhluk yang paling jauh dari Allah Taala ialah dua orang lelaki yang duduk bersama-sama dengan para umara'. Apa yang mereka lakukan dari kezaliman ia membenarkan mereka dan guru kanak-kanak yang tidak berlaku dan ia tidak memerhatikan atau mengawasi Allah pada anak-anak yatim."

Hadith ini maudhu'[(154)]

156. Diriwayatkan daripada Ali ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَلاَ أُنَبِّئُكُمْ بِالْفَقِيْهِ؟ قَالُوا: بَلَى. قَالَ: مَنْ لاَ يُقْنِطُ النَّاسَ مِنْ رَحْمَةِ اللهِ وَلاَ يُؤَيِّسُهُمْ مِنْ رَوْحِ اللهِ وَلاَ يُؤَمِّنُهُمْ مِنْ مَكْرِ اللهِ، وَلاَ يَدَعُ الْقُرْآنَ رَغْبَةً عَنْهُ إِلَى مَا سِوَاهُ. أَلاَ لاَ خَيْرَ فِي عِبَادَةٍ لَيْسَ فِيْهَا تَفَقُّهٌ وَلاَ فِي عِلْمٍ لَيْسَ فِيْهِ تَفَهُّمٌ وَلاَ قِرَاءَةَ لَيْسَ فِيْهَا تَدَبُّرٌ. (منكر)

(153) HR. Ibnu Fanjawaih.

(154) HR. Ibnu Fanjawaih.

"Mahukah aku khabarkan kepada kamu mengenai fakih? Mereka menjawab: Bahkan. Beliau bersabda: Orang fakih ialah orang yang tidak memutuskan harapan manusia dari rahmat Allah, tidak memutusasakan mereka dari kurniaan Allah, tidak mengamankan mereka dari azan Allah dan tidak meninggalkan al-Quran kerana mengharapkan kepada selain Allah. Ketahuilah, tiada kebaikan pada ilmu yang tidak mempunyai kefahaman dan tiada kebaikan pada bacaan yang tiada tadabbur."

Hadith ini mungkar[155]

157. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

آفَةُ الدِّيْنِ ثَلاَثَةٌ: فَقِيْهٌ فَاجِرٌ وَإِمَامٌ جَائِرٌ وَمُجْتَهِدٌ جَاهِلٌ.

(موضوع)

"Penyakit agama ada tiga: Orang fakih yang jahat, imam yang zalim dan mujtahid yang jahil."

Hadith ini maudhu'[156]

158. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَكْثَرُ النَّاسِ عِلْمًا أَهْلُ الْعِرَاقِ وَأَقَلُّهُمْ انْتِفَاعًا بِهِ. (موضوع)

"Manusia yang paling banyak ilmu ialah penduduk 'Iraq dan merekalah yang paling kurang mendapat manfaat dengan ilmu itu."

Hadith ini maudhu'[157]

(155) HR. Ibnu Wahab. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 734.
(156) HR. Abu Nu'aim.
(157) Al-Maudhu'at 1/216,

159. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الأنبياء قادة والفقهاء سادة ومجالستهم زيادة.

(موضوع)

"Para Anbia' adalah pemimpin-pemimpin dan para fuqaha' adalah penghulu-penghulu dan duduk bersama-sama mereka adalah satu tambahan."

Hadith ini maudhu'[158]

160. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إنكم في زمان ألهمتم فيه العمل وسيأتي قوم يلهمون الجدل.

(لا أصل له)

"Sesungguhnya kamu berada dalam zaman di mana kamu sangat gemar untuk bekerja padanya dan akan datang satu kaum yang sangat sukakan perdebatan."

Hadith ini tidak berasal[159]

161. Diriwayatkan daripada Ali ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

ألا أدلكم على الخلفاء مني ومن أصحابي ومن الأنبياء قبلي؟ هم حفظة القرآن والأحاديث عني وعنهم في الله ولله.

(موضوع)

"Mahukah aku tunjukkan kepada kamu kepada para khulafa' dariku, dari para sahabatku dan dari para Nabi-Nabi sebelumku? Mereka ialah penghafaz-penghafaz al-Quran dan

(158) Al-Fawaidul-Majmu'ah 30/284.

(159) Al-Mughni 'an Hamlil-Asfar 1/111/30.

al-Hadith daripadaku dan daripada mereka mengenai Allah dan kerana Allah."

Hadith ini maudhu'[160]

162. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلْحِكْمَةُ عَشَرَةُ أَجْزَاءٍ تِسْعَةٌ مِنْهَا فِى الْعُزْلَةِ وَوَاحِدٌ فِى الصَّمْتِ.

(ضعيف جدا)

"Hikmah itu ada sepuluh bahagian, sembilan darinya dalam 'uzlah dan satu bahagian berada pada diam."

Hadith ini sangat dha'if[161]

163. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلشَّيْخُ فِى بَيْتِهِ كَالنَّبِىِّ فِى أُمَّتِهِ. (موضوع)

"Seorang asy-Syaikh di rumahnya bagaikan Nabi dalam umatnya."

Hadith ini maudhu'[162]

164. Dalam riwayat lain disebutkan bahawa Rasululah SAW bersabda:

اَلشَّيْخُ فِى جَمَاعَتِهِ كَالنَّبِىِّ فِى قَوْمِهِ يَتَعَلَّمُوْنَ مِنْ عِلْمِهِ وَيَتَأَدَّبُوْنَ مِنْ أَدَبِهِ. (موضوع)

"Seorang syaikh dalam jamaahnya adalah seperti Nabi dalam

(160) HR. Abu Nu'aim, Al-Khatib. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 855.

(161) HR. Ibnu 'Adiy dan Ibnu Lal. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 2787, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 3526.

(162) Maudhu'at Kubra 253/231. HR. Ibnu Hibban. Dha'if Al-Jamiush-Shaghir 3452.

umatnya, mereka mempelajari ilmunya dan mereka beradab dengan adabnya."

Hadith ini maudhu'[163]

165. Diriwayatkan daripada Anas ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

أَصْدَقُ الْحَدِيْثِ مَا عُطِسَ عِنْدَهُ. (موضوع)

"Hadith yang paling benar ialah yang dibersinkan di sisinya."

Hadith ini maudhu'[164]

166. Diriwayatkan daripada Ali ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

آفَةُ الْحَدِيْثِ الْكَذِبُ وَآفَةُ الْعِلْمِ النِّسْيَانُ وَآفَةُ الْحِلْمِ السَّفَهُ وَآفَةُ الْعِبَادَةِ الْفَتْرَةُ وَآفَةُ الظَّرْفِ الصَّلَفُ وَآفَةُ الشَّجَاعَةِ الْبَغْيُ وَآفَةُ السَّمَاحَةِ الْمَنُّ وَآفَةُ الْجَمَالِ الْخُيَلاَءُ. (موضوع)

"Penyakit hadith ialah dusta, penyakit ilmu ialah lupa, penyakit kesantunan ialah kebodohan, penyakit ibadat ialah bermusim, penyakit kecerdikan ialah pujian diri berlebih-lebihan, penyakit keberanian ialah penganiayaan, penyakit kedermawanan ialah ungkitan dan penyakit kecantikan ialah kesombongan."

Hadith ini maudhu'[165]

(163) Maudhu'at Kubra 253/231. HR. Ibnu Hibban. Dha'if Al-Jamiush-Shaghir 3452.

(164) HR. Ath-Thabarani. Dha'if Al-Jamiush-Shaghir 886, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 137.

(165) HR. Ath-Thabarani, al-Qudha'iy. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifat 1302.

167. Ibnu an-Najjar meriwayatkan daripada Ibnu Umar ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

اَللّٰهُمَّ اغْنِنِي بِالْعِلْمِ وَزَيِّنِّي بِالْحِلْمِ وَاَكْرِمْنِي بِالتَّقْوَى وَجَمِّلْنِي بِالْعَافِيَةِ.

(ضعيف)

"Wahai Tuhanku, perkayakan aku dengan ilmu, hiaskan aku dengan kesantunan, muliakan aku dengan taqwa dan perindahkan aku dengan afiat."

Hadith ini dha'if[166]

168. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُعَلِّمِيْنَ ثَلاَثًا وَأَطِلْ أَعْمَارَهُمْ وَبَارِكْ لَهُمْ فِي كَسْبِهِمْ.

(موضوع)

"Wahai Tuhan kami ampunilah para guru (tiga kali), panjangkan umur mereka dan berkatilah usaha mereka."

Hadith ini maudhu'[167]

169. Diriwayatkan daripada Anas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُعَلِّمِيْنَ وَأَطِلْ أَعْمَارَهُمْ تَحْتَ ظِلِّكَ فَإِنَّهُمْ يُعَلِّمُوْنَ كِتَابَكَ الْمُنَزَّلَ.

(موضوع)

"Wahai Tuhan kami, ampunilah para guru, dan panjangkan umur mereka dan lindungilah mereka di bawah bayang-bayangMu kerana mereka mengejar kitabMu yang

(166) Dha'if al-Jamiush-Shaghir 1179.

(167) HR. Al-Khatib. Al-Maudhu'at 1/221, Al-Fawaidul-Majmu'ah 17/276.

diturunkan (kepada Muhammad)"

Hadith ini maudhu'(168)

170. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِبْنَ آدَمَ أَطِعْ رَبَّكَ تُسَمَّى عَاقِلاً وَلاَ تَعْصِهِ تُسَمَّى جَاهِلاً.

(باطل/موضوع)

"Wahai anak Adam, taatlah kepada Tuhanmu nescaya engkau dinamakan orang alim dan janganlah engkau menderhakainya nanti engkau dipanggil orang jahil."

Hadith ini maudhu'(169)

171. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اِحْذَرُوا الشَّهْوَةَ الْخَفِيَّةَ: اَلْعَالِمُ يُحِبُّ أَنْ يُجْلَسَ إِلَيْهِ.

(ضعيف جدا)

"Berwaspadalah kamu terhadap syahwat yang tersembunyi iaitu orang alim yang suka diduduki bersama-samanya."

Hadith ini sangat dha'if(170)

172. Diriwayatkan daripada Abdullah bin Miswar katanya:

أَنَّ رَجُلاً أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُوْلَ اللَّه عَلِّمْنِي مِنْ غَرَائِبِ الْعِلْمِ. قَالَ: مَا فَعَلْتَ فِي رَأْسِ الْعِلْمِ فَتَطْلُبُ

(168) HR. Al-Khatib. Al-Maudhu'at 1/221, Al-Fawaidul-Majmu'ah 17/276.

(169) HR. Al-Khatib. Al-Mizan 3/5100/342.

(170) HR. Ad-Dailami. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 193, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 2002.

الْغَرَائِبَ؟ قَالَ: وَمَا رَأْسُ الْعِلْمِ؟ قَالَ: هَلْ عَرَفْتَ الرَّبَّ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: فَمَا صَنَعْتَ فِي حَقِّهِ؟ قَالَ: مَا شَاءَ اللَّهُ. قَالَ: عَرَفْتَ الْمَوْتَ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: مَا أَعْدَدْتَ لَهُ؟ قَالَ: مَا شَاءَ اللَّهُ. قَالَ: انْطَلِقْ فَأَحْكُمْ مَا هَهُنَا ثُمَّ تَعَالَ أُعَلِّمْكَ غَرَائِبَ الْعِلْمِ.

(موضوع)

"Bahawasanya seorang lelaki datang kepada Nabi SAW seraya berkata: Ajarkan kepada saya dari ilmu yang aneh-aneh. Rasulullah SAW bersabda: Apakah yang kamu telah buat pada kepala ilmu lalu engkau hendak mencari ilmu yang aneh-aneh? Orang itu bertanya: Apakah dia kepala ilmu? Rasulullah SAW lalu bersabda: Adakah engkau mengenal Tuhan? Orang itu menjawab: Ya. Rasulullah bersabda: Apakah yang engkau lakukan pada haknya? Orang itu menjawab: Apa-apa yang dikehendaki Allah. Rasulullah SAW. bersabda: Pergilah, aku akan putuskan sesuatu di sini, kemudian datanglah kemari, aku akan ajarkan kepadamu akan ilmu yang pelik-pelik."

Hadith ini maudhu'[(171)]

173. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَبْغَضُ الْخَلْقِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى الْعَالِمُ يَزُورُ الْعُمَّالَ.

(موضوع)

"Makhluk yang paling dibenci kepada Allah Ta'ala ialah

(171) HR. Abu Nu'aim. Tanzihusy-Syari'ah 1/89/277.

orang alim yang menziarahi pekerja-pekerja."

Hadith ini maudhu' seperti yang dikatakan oleh al-Albani. [172]

174. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

أَشَدُّ النَّاسِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَالِمٌ لَمْ يَنْفَعْهُ عِلْمُهُ.

(ضعيف جدا)

"Manusia yang paling keras azabnya pada hari kiamat ialah orang alim yang tidak mengambil manfaat dari ilmunya."

Hadith ini sangat dha'if [173]

175. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَشَدُّ النَّاسِ يَعْنِي عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَنْ قَتَلَ نَبِيًّا أَوْ قَتَلَهُ نَبِيٌّ أَوْ قَتَلَ أَحَدَ وَالِدَيْهِ وَالْمُصَوِّرُوْنَ وَعَالِمٌ لَمْ يَنْتَفِعْ بِعِلْمِهِ.

(ضعيف جدا)

"Manusia yang paling keras azabnya pada hari kiamat ialah orang yang membunuh seorang Nabi ataupun ia dibunuh oleh seorang Nabi, atau ia membunuh salah seorang ibu bapanya, tukang gambar dan orang alim yang tidak mengambil manfaat dari ilmunya."

Hadith ini sangat dhai'if [174]

176. Diriwayatkan daripada Anas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

(172) HR. Ibnu Lal.

(173) HR. Ath-Thabarani, Ibnu 'Adiy dan al-Baihaqi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 868, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1634.

(174) HR. Abu Al-Qasim Al-Hamdani. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1617.

اَلطَّمَعُ يُذْهِبُ الْحِكْمَةَ مِنْ قُلُوْبِ الْعُلَمَاءِ.

(موضوع)

"Tamak itu akan menghilangkan hikmat dari hati para ulama."

Hadith ini maudhu' (175)

177. Diriwayatkan daripada Uthman ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

أَوَّلُ مَنْ يَشْفَعُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الْأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الْعُلَمَاءُ ثُمَّ الشُّهَدَاءُ.

(موضوع)

"Orang yang mula-mula memberi syafaat pad hari kiamat ialah para Nabi, kemudian ulama dan kemudian syuhada'."

Hadith ini maudhu' (176)

178. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلدَّاعِىْ وَالْمُؤَمِّنُ شَرِيْكَانِ فِى الْأَجْرِ وَالْقَارِئُ وَالْمُسْتَمِعُ فِى الْأَجْرِ شَرِيْكَانِ وَالْعَالِمُ وَالْمُتَعَلِّمُ فِى الْأَجْرِ شَرِيْكَانِ.

(موضوع)

"Orang yang berdoa dan orang yang mengaminkan kedua-duanya bersekutu pada pahala doa, pembaca dan pendengar bersekutu pada pahalanya, dan orang alim dan pelajar kedua-keduanya bersekutu pada pahalanya."

Hadith ini maudhu' (177)

---

(175) HR. As-Sim'an. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3659.

(176) HR. Al-Murhibi dan al-Khatib. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 2148.

(177) HR. Ad-Dailami. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 2996.

179. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَنَا مَدِيْنَةُ الْعِلْمِ وَعَلِيٌّ بَابُهَا فَمَنْ أَرَادَ الْعِلْمَ فَلْيَأْتِ الْبَابَ.

(موضوع)

"Aku adalah kota ilmu dan Ali adalah pintunya, maka barangsiapa yang menghendaki ilmu hendaklah mendatangi pintunya."

Hadith ini maudhu' (178)

180. Diriwayatkan daripada Ali ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَنَا دَارُ الْحِكْمَةِ وَعَلِيٌّ بَابُهَا. (موضوع)

"Aku adalah Darul-Hikmah dan Ali adalah pintunya."

Hadith ini maudhu' (179)

181. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أُكْتُبُوْا هَذَا الْعِلْمَ مِنَ الْفَقِيْرِ كَمَا تَكْتُبُوْنَ مِنَ الْغَنِيِّ فَإِنَّ مَثَلَ الْعُلَمَاءِ كَمَثَلِ الْقُرْآنِ فِيْهِ سُوَرٌ طِوَالٌ وَقِصَارٌ فَكَذَلِكَ الْعُلَمَاءُ وَلَا تَسْمَعُوْا قَوْلَ بَعْضِهِمْ فِيْ بَعْضٍ.

(موضوع)

"Tulislah ilmu ini daripada orang miskin sebagaimana kamu menulisnya daripada orang kaya kerana perumpamaan ulama itu adalah seperti al-Quran yang padanya ada surah-

(178) HR. Al-Uqaili, Ibnu 'Adiy, Ath-Thabarani dan al-Hakim. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 1322.

(179) HR. At-Tirmizi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 1313.

surah yang panjang dan ada pula surah-surah yang pendek, maka demikian pulalah para ulama, dan janganlah kamu mendengar perkataan sebahagian mereka pada sebahagian yang lain."

Hadith ini maudhu' (180)

182. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِتَّبِعُوْا حَمَلَةَ الْقُرْآنِ فَمَنْ أَكْرَمَهُمْ فَقَدْ أَكْرَمَ اللَّهَ، أَلاَ فَلاَ تَنْقُصُوْا حَمَلَةَ الْقُرْآنِ حُقُوْقَهُمْ فَإِنَّهُمْ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ، كَادَ حَمَلَةُ الْقُرْآنِ أَنْ يَكُوْنُوْا أَنْبِيَاءَ إِلاَّ أَنَّهُ لاَ يُوْحَى إِلَيْهِمْ. (منكر)

"Hendaklah kamu muliakan pembawa/penghafal al-Quran, maka sesiapa yang memuliakan mereka sesungguhnya ia telah memuliakan Allah. Ingatlah, janganlah kamu mengurangkan hak-hak penghafal al-Quran kerana kedudukan tinggi mereka di sisi Allah. Hampir-hampir penghafal al-Quran itu menjadi nabi kecuali tidak diturunkan wahyu kepada mereka."

Hadith ini munkar (181)

183. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلنَّاسُ كُلُّهُمْ مَوْتَى إِلاَّ الْعَالِمُوْنَ وَالْعَالِمُوْنَ كُلُّهُمْ هَلْكَى إِلاَّ الْعَامِلُوْنَ وَالْعَامِلُوْنَ كُلُّهُمْ غَرْقَى إِلاَّ الْمُخْلِصُوْنَ وَالْمُخْلِصُوْنَ عَلَى خَطَرٍ عَظِيْمٍ.

(موضوع)

(180) HR. Ad-Dailami. Tanzihusy-Syari'ah 1/113/283.

(181) HR. Ad-Dailami. Tanzihusy-Syari'ah 1/80/276.

"Manusia semuanya orang mati melainkan orang-orang alim, dan orang-orang alim semuanya binasa melainkan orang-orang yang beramal, dan orang-orang yang beramal semuanya tenggelam melainkan orang-orang yang ikhlas dan orang-orang yang ikhlas berada dalam bahaya yang besar."

Hadith ini maudhu'(182)

184. Diriwayatkan daripada Kathir bin Abdullah, daripada bapanya, daripada datuknya bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِتَّقُوْا زَلَّةَ الْعَالِمِ وَانْتَظِرُوْا فَيْئَتَهُ. (ضعيف)

"Takutlah kamu akan kesilapan orang alim dan tunggulah ia kembali dari kesalahannya."

Hadith ini sangat dha'if(183)

185. Diriwayatkan daripada Mu'az bin Jabal ra. katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِيْنَ بَعَثَهُ إِلَى الْيَمَنِ قَالَ لَهُ: كَيْفَ تَقْضِي إِذَا عُرِضَ لَكَ قَضَاءٌ؟ قَالَ: أَقْضِي بِمَا فِي كِتَابِ اللّٰهِ. قَالَ: فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي كِتَابِ اللّٰهِ؟ قَالَ: بِسُنَّةِ رَسُوْلِ اللّٰهِ. قَالَ: فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي سُنَّةِ رَسُوْلِ اللّٰهِ؟ قَالَ: أَجْتَهِدُ رَأْيِي لاَ آلُوْ، قَالَ: فَضَرَبَ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدْرَهُ وَقَالَ: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي وَفَّقَ

(182) Risalah fil-Ahadith al-Maudhu'ah 39/96, Kasyful-Khafa' 2/2796/415, al-Fawaidul-Majmu'ah 123/257. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1/76/102.

(183) HR. Ibnu Adiy, al-Baihaqi dan ad-Dailami. Silsilatul-Ahadith adh Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1700.

رَسُوْلَ رَسُوْلِ اللّٰهِ لِمَا يَرْضَى رَسُوْلَ اللّٰهِ.

(منكر)

"Bahawasanya Nabi SAW di kala mengutuskannya ke Yaman bersabda kepadanya: Apabila dikemukakan kepadamu urusan kehakiman bagaimanakan engkau hendaklah memutuskannya? Ia berkata: Aku akan memutuskan dengan apa yang ada dalam Kitabullah. Beliau bersabda: Jika tidak ada dalam Kitabullah? Ia berkata: Aku memutuskannya dengan sunnah Rasulullah SAW Rasulullah SAW bersabda: Jika tidak ada dalam sunnah Rasulullah SAW? Kata Mu'az: Saya berijtihad dengan fikiran saya dan saya tidak akan berhenti.

Rasulullah SAW lantas menepuk dadanya seraya bersabda: Segala pujian bagi Allah yang telah memberikan taufiq kepada utusan Rasulullah kepada apa yang menyukakan Rasulullah."

Hadith ini munkar(184)

186. Diriwayatkan daripada Ali ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَللّٰهُمَّ ارْحَمْ خُلَفَائِي الَّذِيْنَ يَأْتُوْنَ بَعْدِي يَرْوُوْنَ أَحَادِيْثِي وَسُنَّتِي وَيُعَلِّمُوْنَهَا النَّاسَ.

(باطل)

"Wahai Tuhanku, berilah rahmat kepada para khalifah yang akan datang sesudahku yang akan meriwayatkan hadith-

(184) HR. Abu Daud Ath-Thayalisi, Abu Daud, At-Tirmizi, Ibnu Sa'ad, al-'Uqaili, al-Khatib, al-Baihaqi, Ibnu Abdil-Barri, Ibnu Hazmin. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 881.

hadith dan sunnahku dan mengajarkannya kepada manusia."

Hadith ini batil[185]

187. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ سَبْعُوْنَ دَرَجَةً، مَا بَيْنَ الدَّرَجَتَيْنِ مِائَةُ عَامٍ حَضْرِ الْفَرَسِ السَّرِيْعِ.

(ضعيف جدا/موضوع)

"Kelebihan orang alim atas orang abid ialah tujuh puluh darjat. Di antara dua darjat ialah 100 tahun larian kuda yang pantas."

Hadith ini sangat dha'if ataupun maudhu'[186]

188. Diriwayatkan daripada Abu Ja'far bahawa Rasulullah SAW bersabda:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ مِفْتَاحُ كُلِّ كِتَابٍ.

(ضعيف جدا)

"(بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ) adalah pembuka segala kitab/surat."

Hadith ini sangat dha'if[187]

189. Diriwayatkan daripada Anas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُوْلِ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُوْلَ اللّٰهِ

(185) HR. Ar-Ramahurmuzi, Abu Nu'aim, al-Khatib, al-Harawi, al-Qadhi 'Iyadh, Abdul-Ghani al-Maqdisi, adh-Dhia' dan Muhammad bin Thulun. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 854.

(186) Al-Mizan 3/459/214.

(187) HR. al-Khatib. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 2332, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1741.

أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: الْعِلْمُ بِاللّٰهِ. قَالَهُ ثَلاَثًا. قَالَ: يَا رَسُوْلَ اللّٰهِ أَسْأَلُكَ عَنِ الْعَمَلِ وَتُخْبِرُنِيْ عَنِ الْعِلْمِ. فَقَالَ: قَلِيْلُ الْعَمَلِ يَنْفَعُ مَعَ الْعِلْمِ وَكَثِيْرُ الْعَمَلِ لاَ يَنْفَعُ مَعَ الْجَهْلِ.

(موضوع)

"Seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW seraya berkata: Ya Rasulullah, manakah amalan yang lebih utama? Beliau bersabda: Ilmu dengan Allah 'Azza wa jalla. Orang itu berkata lagi: Ya Rasulullah, manakah amalan yang lebih utama? Rasulullah SAW bersabda: Ilmu dengan Allah. Orang itu bertanya lagi: Ya Rasulullah, saya bertanya anda mengenai amalan sedangkan anda memberitahu saya mengenai ilmu. Rasulullah SAW bersabda: Sedikit amalan beserta ilmu memberi manfaat dan banyak amalan bersama kejahilan tidak memberi manfaat."

Hadith ini maudhu'(188)

190. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَنَاصَحُوْا فِي الْعِلْمِ فَإِنَّ خِيَانَةَ أَحَدِكُمْ فِي عِلْمِهِ أَشَدُّ مِنْ خِيَانَتِهِ فِي مَالِهِ وَإِنَّ اللّٰهَ عَزَّوَجَلَّ مُسَائِلُكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

(موضوع)

"Hendaklah kamu saling menasihati dalam ilmu kerana pengkhianatan seseorang kamu dalam ilmunya adalah lebih dahsyat daripada pengkhianatannya dalam hartanya, dan

(188) HR. Ibnu Abdil-Barri. Tanzihusy-Syari'ah 1/92/278.

sesungguhnya Allah Azza wa Jalla akan bertanya kamu pada hari kiamat."

Hadith ini maudhu'[189]

191. Diriwayatkan daripada Umar bin al-Khaththab ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

جَاءَ رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ إِلَى رَسُولِ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللّٰهِ إِذَا حَضَرَتْ جَنَازَةٌ وَحَضَرْتُ مَجْلِسَ عِلْمٍ أَيُّهُمَا أَحَبُّ إِلَيْكَ أَنْ أَشْهَدَ؟ فَقَالَ: إِنْ كَانَ لِلْجَنَازَةِ مَنْ يَتْبَعُهَا وَيُدْفِنُهَا فَإِنَّ حُضُورَ مَجْلِسِ عَالِمٍ خَيْرٌ مِنْ حُضُورِ أَلْفِ جَنَازَةٍ تُشَيِّعُهَا وَمِنْ حُضُورِ أَلْفِ مَرِيضٍ تَعُودُهُ وَمِنْ قِيَامِ أَلْفِ لَيْلَةٍ لِلصَّلَاةِ وَمِنْ أَلْفِ يَوْمٍ تَصُومُهَا وَمِنْ أَلْفِ دِرْهَمٍ تَتَصَدَّقُ بِهِ وَمِنْ أَلْفِ حَجَّةٍ سِوَى الْفَرْضِ وَمِنْ أَلْفِ غَزْوَةٍ سِوَى الْوَاجِبِ، وَأَيْنَ تَقَعُ هٰذِهِ الْمَشَاهِدُ مِنْ مَشْهَدِ عَالِمٍ، أَمَا عَلِمْتَ أَنَّ اللّٰهَ تَعَالَى يُطَاعُ بِالْعِلْمِ وَيُعْبَدُ بِالْعِلْمِ وَخَيْرَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ بِالْعِلْمِ وَشَرَّ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ مِنَ الْجَهْلِ. وَقَالَ رَجُلٌ: قِرَاءَةُ الْقُرْآنِ؟ قَالَ: وَيْحَكَ وَمَا قِرَاءَةُ الْقُرْآنِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَمَا الْحَجُّ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَمَا الْجُمُعَةُ بِغَيْرِ عِلْمٍ، أَمَا عَلِمْتَ أَنَّ السُّنَّةَ تَقْضِيْ عَلَى الْقُرْآنِ وَأَنَّ الْقُرْآنَ لَا يَقْضِيْ عَلَى السُّنَّةِ؟

(موضوع)

(189) HR. Ath-Thabarani. Al-Maudhu'at 1/231, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 783.

"Seorang lelaki Anshar datang kepada Nabi SAW seraya berkata: Ya Rasulullah, jika saya menghadiri jenazah dan menghadiri majlis orang alim manakah yang lebih anda sukainya saya hadir?

Rasulullah SAW. bersabda: Jika jenazah ada orang yang mengikutinya dan mengkebumikannya maka sesungguhnya menghadiri majlis orang alim lebih baik daripada menghadiri dan mengiringi seribu jenazah dan daripada menghadiri seribu orang sakit untuk melawatnya, dan lebih baik daripada qiamullail seribu malam untuk solat, dan lebih baik daripada berpuasa seribu hari, dan lebih baik daripada bersedekah seribu dirham, dan lebih baik daripada seribu kali haji selain haji wajib, dan lebih baik daripada seribu peperangan selain peperangan yang wajib. Di manakah letaknya kelebihan perhimpunan-perhimpunan manusia tersebut berbanding dengan perhimpunan orang alim? Tidakkah engkau tahu bahawa Allah dipatuhi dengan ilmu? Allah disembah dengan ilmu? Kebaikan dunia dan akhirat datangnya dari ilmu? Manakala kejahatan dunia dan akhirat datangnya dari kejahilan? Seorang lelaki berkata: Bagaimana bacaan al-Quran?

Rasulullah SAW. bersabda:

Kasihan engkau ini! Tiada bacaan al-Quran tanpa ilmu. Tiada haji tanpa ilmu. Tiada Jumaat tanpa ilmu. Tidakkah engkau tahu bahawasanya as-Sunnah menghukum atas al-Quran, dan al-Quran tidak menghukum atas as-Sunnah?"

Hadith ini maudhu'[190]

---

(190) Al-Maudhu'at 1/233, Tanzihusy-Syari'ah 1/11/253-254.

192. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: مَا تَقُوْلُ فِي حِرْفَتِيْ؟ قَالَ: وَمَا حِرْفَتُكَ؟ قَالَ: أُعَلِّمُ الصِّبْيَانَ. فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ لِلَّهِ تَعَالَى فِي السَّمَاءِ الرَّابِعَةِ مَلاَئِكَةً لاَ يَعْلَمُ عَدَدَهُمْ إِلاَّ اللَّهَ يَسْتَغْفِرُوْنَ لِلْمُعَلِّمِيْنَ وَالصِّبْيَانِ. وَقَالَ عَلَيْهِ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ نَفَقَةُ الضَّيْفِ وَنَفَقَةُ الْمُتَعَلِّمِ وَنَفَقَةُ الْمُعَلِّمِ وَنَفَقَةُ الْحَجِّ وَنَفَقَةُ شَهْرِ رَمَضَانَ لاَ يُحَاسِبُ اللَّهُ الْعَبْدَ عَلَيْهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ. وَقَالَ: خِدْمَةُ الْعُلَمَاءِ زَيْنٌ وَمُجَالَسَتُهُمْ كَرَمٌ وَالنَّظَرُ إِلَيْهِمْ عِبَادَةٌ وَالْمَشْيُ مَعَهُمْ فَخْرٌ وَمُخَالَطَتُهُمْ دَوَاءٌ، تَنْزِلُ عَلَيْهِمْ ثَلاَثُوْنَ رَحْمَةً وَعَلَى غَيْرِهِمْ رَحْمَةٌ وَاحِدَةٌ، هُمْ أَوْلِيَاءُ اللَّهِ عَزَّوَجَلَّ طُوْبَى لِمَنْ خَالَطَهُمْ، خَلَقَهُمُ اللَّهُ شِفَاءً لِلنَّاسِ، فَمَنْ حَفِظَهُمْ لَمْ يَنْدَمْ وَمَنْ خَذَلَهُمْ نَدِمَ.

(موضوع)

"Seorang lelaki datang kepada Nabi SAW seraya berkata: Bagaimana pendapat anda mengenai pekerjaan saya? Rasulullah SAW bersabda: Apakah pekerjaanmu? Orang itu menjawab: Saya mengajar kanak-kanak. Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya Allah mempunyai para malaikat di langit yang keempat yang tidak diketahui jumlah mereka

melainkan Allah, mereka beristighfar kepada para guru dan kanak-kanak.

Rasulullah SAW bersabda: Belanja dha'if dan belanja pelajar dan belanja guru, belanja haji dan belanja bulan Ramadhan tidak akan dihisab oleh Allah akan seseorang pada hari kiamat. Dan beliau bersabda: Berkhidmat kepada para ulama adalah satu perhiasan dan duduk bersama-sama mereka adalah satu kemuliaan, melihat kepada mereka adalah satu ibadat, berjalan bersama-sama mereka adalah adalah satu kemegahan dan bergaul dengan mereka adalah ubat. Diturunkan ke atas mereka 30 rahmat manakala ke atas orang lain satu rahmat sahaja. Mereka adalah para wali Allah Azza Wa Jalla. Kebahagiaanlah bagi orang yang bergaul dengan mereka. Allah menciptakan mereka sebagai penawar kepada manusia. Tidak menyesal orang yang menjaga mereka tetapi sebaliknya akan menyesal orang yang menghina mereka."

Hadith ini maudhu' (191)

193.Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. bahawa rasulullah SAW Bersabda:

تَوَاضَعُوا لِمَنْ تَعَلَّمُوْنَ مِنْهُ وَتَوَاضَعُوا لِمَنْ تُعَلِّمُوْنَهُ وَلَا تَكُوْنُوا جَبَابِرَةَ الْعُلَمَاءِ.

(ضعيف جدا)

"Hendaklah kamu merendahkan diri terhadap orang kamu belajar darinya dan hendaklah kamu merendahkan diri

(191) HR. Ibnu An-Najjar. Tanzihusy-Syari'ah 1/101/279.

kepada orang yang kamu mengajarnya, dan janganlah kamu menjadi para ulama yang jahat."

Hadith ini sangat dha'if[192]

194. Diriwayatkan daripada Umar ra bahawa Rasulullah SAW bersabda:

حُضُوْرُ مَجْلِسِ عَالِمٍ أَفْضَلُ مِنْ صَلاَةِ أَلْفِ رَكْعَةٍ.

(موضوع)

"Menghadiri majlis orang alim adalah lebih utama daripada solat 1000 rakaat."

Hadith ini maudhu'[193]

195. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ وَعَلِّمُوْهُ النَّاسَ فَإِنَّهُ نِصفُ الْعِلْمِ وَهُوَ أَوَّلُ شَيْءٍ يُنْزَعُ مِنْ أُمَّتِيْ.

(ضعيف جدا)

"Hendaklah kamu belajar ilmu faraidh dan ajarkanlah kepada manusia kerana dia adalah setengah ilmu dan dialah sesuatu yang mula-mula dicabut daripada umatku."

Hadith ini sangat dha'if[194]

196. Diriwayatkan daripada Anas r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَعَلَّمُوا الْعِلْمَ فَإِنَّ تَعَلُّمَه لِلّٰهِ خَشْيَةٌ وَطَلَبُهُ عِبَادَةٌ وَمُدَارَسَتُهُ تَسْبِيْحٌ

(192) HR. Al-Khatib. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 2494.

(193) Maudh'at Kubra 176.

(194) HR. Ibnu Majah dan al-Hakim. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 2451,

وَالْبَحْثُ عَنْهُ جِهَادٌ وَتَعْلِيْمُهُ مَنْ لاَ يَعْلَمُهُ صَدَقَةٌ وَبَذْلُهُ لأَهْلِهِ قُرْبَةٌ، لأَنَّهُ مَعَالِمُ الْحَلاَلِ وَالْحَرَامِ وَمَنَارُ سُبُلِ الْجَنَّةِ وَالْأُنْسُ فِى الْوَحْشَةِ وَالصَّاحِبُ فِى الْغُرْبَةِ وَالدَّلِيْلُ عَلَى السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالسِّلاَحُ عَلَى الْأَعْدَاءِ وَالْقُرَبُ عِنْدَ الْغُرَبَاءِ وَالزَّيْنُ عِنْدَ الْأَخِلاَّءِ، يَرْفَعُ اللّٰهُ بِهِ أَقْوَامًا فَيَجْعَلُهُمْ فِى الْخَيْرِ قَادَةً يُقْتَدَىْ بِهِمْ وَأَئِمَّةً فِى الْخَيْرِ تُقْتَفَى آثَارُهُمْ، وَتُرْمَقُ أَعْمَالُهُمْ وَيُنْتَهَىْ إِلَى رَأْيِهِمْ، تَرْغَبُ الْمَلاَئِكَةُ فِى خُلَّتِهِمْ وَبِأَجْنِحَتِهَا تَمْسَحُهُمْ وَفِىْ صَلاَتِهَا تَسْتَغْفِرُلَهُمْ، حَتَّى كُلُّ رَطْبٍ وَيَابِسٍ يَسْتَغْفِرُلَهُمْ، حَتَّى الْحِيْتَانُ فِى الْبَحْرِ وَهَوَامُّهُ وَسِبَاعُ الْبَرِّ وَأَنْعَامُهُ وَالسَّمَاءُ وَنُجُوْمُهَا إِنَّ الْعِلْمَ حَيَاةُ الْقَلْبِ مِنَ الْجَهْلِ وَمَصَابِيْحُ الْأَبْصَارِ فِى الظُّلَمِ وَقُوَّةُ الْأَبْدَانِ فِى الضَّعْفِ، يَبْلُغُ بِهِ الْعَبْدُ مَنَازِلَ الْأَبْرَارِ، وَمَجَالِسَ الْمُلُوْكِ وَالدَّرَجَاتِ الْعُلَى فِى الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالْفِكْرُ فِيْهِ يَعْدِلُ بِالصِّيَامِ وَمُدَارَسَتُهُ بِالْقِيَامِ، بِهِ يُطَاعُ اللّٰهُ، وَبِهِ يُعْبَدُ، وَبِهِ يُعْمَلُ الْخَيْرُ وَبِهِ تُوْصَلُ الْأَرْحَامُ وَبِهِ يُعْرَفُ الْحَلاَلُ وَالْحَرَامُ، يُلْهِمُهُ السُّعَدَاءُ وَيُحْرِمُهُ الْأَشْقِيَاءُ.

(موضوع)

"Hendaklah kamu belajar ilmu kerana dengan mempelajarinya adalah satu ketakutan kepada Allah. Mencari ilmu adalah satu ibadat. Mengulangkaji ilmu adalah

tasbih. Membahasnya adalah jihad. Mengajarkannya kepada yang tidak mengetahuinya adalah sedekah.

"Memberikannya kepada ahlinya adalah satu pendekatan diri kepada Allah, kerana dialah batu tanda halal dan haram. Dia adalah mercusuar jalan-jalan syurga. Dia adalah kesenangan dalam kesunyian. Dia adalah kawan dalam perantauan. Dia adalah penunjuk dalam kesenangan dan kesengsaraan. Dia adalah senjata ke atas musuh.

"Dia adalah kawan rapat di sisi orang asing. Dia adalah perhiasan di sisi kawan-kawan rapat, dengannya Allah mengangkat beberapa kaum lain menjadikan mereka pemimpin-pemimpin dalam kebajikan, menjadikan mereka ikutan, menjadikan mereka imam-imam dalam kebaikan yang diikuti jejak mereka, yang diperhatikan kerja-kerja mereka yang diterima pendapat mereka.

"Para malaikat gemar bersahabat dengan mereka dan mengusap mereka dengan sayap-sayapnya, beristighfar kepada mereka dalam shalawat mereka, hinggakan segala yang basah dan yang kering beristighfar untuk mereka, hinggakan ikan-ikan di laut, serangga-serangga, binatang-binatang buas daratan dan binatang ternakan, langit dan bintang-bintang semuanya beristighfar untuk mereka.

Sesungguhnya ilmu itu adalah kehidupan hati dari kejahilan, lampu-lampu penglihatan dalam kegelapan, ketakutan badan dari kelemahan. Dengannya seseorang hamba Allah akan mencapai kedudukan para abrar, majlis-majlis raja-raja, dan darjat-darjat yang tinggi di dunia dan di akhirat. Berfikir pada ilmu menyamai puasa.

Mengulangkajinya menyamai qiamullail. Dengan ilmu Allah dipatuhi. Dengan ilmu Allah disembah. Dengan ilmu kebajikan dikerjakan. Dengan ilmu rahim dihubungi. Dengan ilmu dikenali halal dan haram. Ilmu itu sangat digemari oleh orang-orang yang berbahagia dan diharamkan kepada orang-orang yang malang."

Hadith ini maudhu'[195]

197. Diriwayatkan daripada Abu Juhaifah ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

جَالِسُوا الْكُبَرَاءَ وَسَائِلُوا الْعُلَمَاءَ وَخَالِطُوا الْحُكَمَاءَ.

(ضعيف جدا)

"Hendaklah kamu duduk bersama-sama para pembesar dan hendaklah kamu bertanya kepada para ulama dan hendaklah kamu bergaul dengan para hukama'."

Hadith ini sangat dha'if[196]

198. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

اَلْمُعَلِّمُوْنَ خَيْرُ النَّاسِ كُلَّمَا خَلَقَ الذِّكْرُ جَدَّدُوْهُ، عَظِّمُوْهُمْ وَلاَ تَسْتَأْجِرُوْهُمْ فَتُحْرِجُوْهُمْ فَإِنَّ الْمُعَلِّمَ إِذَا قَالَ لِلصَّبِيِّ قُلْ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ فَقَالَ الصَّبِيُّ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ كَتَبَ اللّٰهُ بَرَاءَةً لِلصَّبِيِّ وَبَرَاءَةً لِوَالِدَيْهِ وَبَرَاءَةً لِلْمُعَلِّمِ مِنَ النَّارِ.

(موضوع)

(195) HR. Al-Murhibi. Tanzihusy-Syari'ah 1/111/281.

(196) HR. Ath-Thabarani. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 2623.

"Sebaik-baik manusia ialah para guru. Setiap kali ingatan kepada Allah menjadi usang mereka memperbaharuinya. Berilah kepada mereka dan janganlah kamu mengupah mereka nanti kamu menyusahkan mereka. Sesungguhnya seorang guru itu apabila ia berkata kepada kanak-kanak بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ dan kanak-kanak itu berkata بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ maka Allah menuliskan pembebasan bagi kanak-kanak itu, ibu bapanya dan gurunya dari neraka."

***Hadith ini maudhu'*[197]**

199. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

خِيَارُ أُمَّتِي عُلَمَاؤُهَا وَخِيَارُ عُلَمَائِهَا رُحَمَاؤُهَا ، أَلاَ وَإِنَّ اللّٰهَ تَعَالَى لَيَغْفِرُ لِلْعَالِمِ أَرْبَعِيْنَ ذَنْبًا قَبْلَ أَنْ يَغْفِرَ لِلْجَاهِلِ ذَنْبًا وَاحِدًا ، أَلاَ وَإِنَّ الْعَالِمَ الرَّحِيْمَ يَجِيْئُ يَوْمَ الْقِيَامَهِ وَأَنَّ نُوْرَهُ قَدْ أَضَاءَ ، يَمْشِيْ فِيْهِ مَا بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ كَمَا يَضِيْئُ الْكَوْكَبُ الدُّرِّيُّ.

(موضوع)

"Umatku yang terbaik ialah para ulamanya, dan sebaik-baik ulamanya ialah para penyayangnya. Ingatlah bahawa Allah mengampuni orang alim empat puluh kesalahan sebelum mengampuni orang jahil satu dosa sahaja. Ketahuilah bahawasanya orang alim yang penyayang itu akan hidup pada hari kiamat dan cahayanya menyinari, ia berjalan di antara masyriq dan maghrib sebagaimana bintang

(197) HR. Ibnu Mardawaih. Al-Maudhu'at 1/220, al-Fawaidul-Majmu'ah 57/288.

yang bercahaya bagaikan mutiara menerangi cahayanya."

Hadith ini maudhu' (198)

200. Diriwayatkan daripada Abu Hanifah ra. katanya:

حَجَّجْتُ مَعَ أَبِى وَلِى سِتُّ عَشَرَةَ سَنَةً، فَمَرَرْنَا مَحَلقَةٍ فَإِذَا رَجُلٌ فَقُلْتُ مَنْ هذَا ؟ قَالُوْا: عَبْدُاللَّهِ بْنُ الْحَارِثِ بْنِ جَزْءٍ الزُّبَيْدِيٌّ فَتَقَدَّمْتُ إِلَيْهِ فَسَمِعْتُهُ يَقُوْلُ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ: مَنْ تَفَقَّهَ فِى دِيْنِ اللَّهِ كَفَاهُ اللَّهُ تَعَالَى هَمَّهُ وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لاَ يَحْتَسِبُ. (موضوع)

"Aku telah mengerjakan haji bersama-sama dengan bapaku di kala aku berumur enam belas tahun, maka kami melalui satu halaqah, tiba-tiba ada seorang lelaki lalu aku berkata: Siapakah ini? Mereka menjawab: Abdullah bin al-Harith az-Zubaidi. Aku datang kepadanya lalu mendengar ia berkata. Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang bertafaqquh dalam agama Allah nescaya Allah mencukupkan cita-citanya dan rezekinya dari arah yang tidak disangka-sangkanya."

Hadith ini maudhu' (199)

201. Diriwayatkan daripada Abu Umamah ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

حَامِلُ الْقُرْآنِ حَامِلُ رَايَةِ الْاِسْلَامِ، مَنْ أَكْرَمَهُ فَقَدْ اَكْرَمَ اللَّهَ وَمَنْ

(198) HR. Abu Nu'aim, al-Khatib dan Ibnu Asakir. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 367, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 2868.

(199) HR. Al-Hamim. Tanzihusy-Syari'ah 1/54/271, Al-Mizan 1/555/140/141.

أَهَانَهُ فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللَّهِ. (موضوع)

"Penghafaz al-Quran ialah pembawa panji-panji Islam, maka sesiapa yang memuliakannya maka sesungguhnya ia telah memuliakan Allah dan sesiapa yang menghinanya maka ia mendapat kutukan Allah."

Hadith ini maudhu'[200]

202. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

حَمَلَةُ الْعِلْمِ فِي الدُّنْيَا خُلَفَاءُ الأَنْبِيَاءِ وَفِي الآخِرَةِ مِنَ الشُّهَدَاءِ.

(موضوع)

"Pembawa ilmu di dunia adalah khalifah-khalifah para Nabi dan di akhirat termasuk golongan syuhada'."

Hadith ini maudhu'[201]

203. Dalam riwayat lain hadith ini disebutkan dengan lafaz:

حَمَلَةُ الْعِلْمِ خُلَفَاءُ الأَنْبِيَاءِ وَفِي الآخِرَةِ مِنَ الشُّهَدَاءِ.

(موضوع)

"Pembawa ilmu itu adalah khalifah-khalifah para Nabi dan di akhirat termasuk golongan syuhada'

Hadith ini maudhu'[202]

204. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

---

(200) HR. Ad-Dailami. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 2675, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 368.

(201) HR. Al-Khatib. Tanzihusy-Syari'ah 1/53/271.

(202) Tanzihusy-Syari'ah 1/53/271, al-Mizan 1/528/130.

خُذُوْا شَطْرَ دِيْنِكُمْ عَنِ الْحُمَيْرَاءِ.

(موضوع)

"Ambillah separuh agama kamu daripada al-Humaira' (Aisyah)"

Hadith ini maudhu' [203]

205. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

خَمْسٌ مِنَ الْعِبَادَةِ: قِلَّةُ الطَّعَامِ عِبَادَةٌ وَالْقُعُوْدُ فِى الْمَسَاجِدِ عِبَادَةٌ وَالنَّظَرُ فِى الْمُصْحَفِ مِنْ غَيْرِ قِرَاءَةٍ عِبَادَةٌ وَالنَّظَرُ فِى وَجْهِ الْعَالِمِ عِبَادَةٌ وَأَظُنُّهُ قَالَ: وَالنَّظَرُ فِى وَجْهِ الْوَالِدَيْنِ عِبَادَةٌ.

(ضعيف جدا)

"Lima perkara dari ibadat, iaitu; sedikit makan adalah ibadat, duduk di masjid adalah ibadat, melihat kepada Mushhaf tanpa membacanya adalah ibadat, melihat pada wajah orang alim adalah ibadat, dan aku kira beliau bersabda: Dan melihat pada wajah ibu bapa adalah ibadat."

Hadith ini sangat dha'if [204]

206. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar ra. katanya:

سُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّ النَّاسِ أَجْوَعُ؟ قَالَ: طَالِبُ الْعِلْمِ. قَالَ: فَأَيُّهُمْ أَشْبَعُ؟ قَالَ: اَلَّذِىْ لاَ يَبْتَغِيْهِ.

(موضوع)

(203) Al-Maudhu'atul-Kubra 185, al-Maqashidul-Hasanah 432.

(204) HR. 'Afifuddin Abu al-Ma'ali. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1710.

"Rasulullah SAW ditanya: Manusia manakah yang paling lapar? Beliau bersabda: Pelajar ilmu. Beliau ditanya lagi: Manusia manakah yang paling kenyang? Beliau bersabda: Orang yang tidak mencarinya."

Hadith ini maudhu' [205]

207. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ حَسَدَ وَلاَ مَلَقَ إِلاَّ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ. (موضوع)

"Tiada dengki dan tiada bermuka-muka melainkan dalam mencari ilmu."

Hadith ini maudhu' [206]

208. Diriwayatkan daripada Mu'az ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَيْسَ مِنْ أَخْلاَقِ الْمُؤْمِنِ الْمَلَقُ إِلاَّ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ. (موضوع)

"Bukanlah dari akhlak orang mukmin bermuka-muka kecuali dalam mencari ilmu."

Hadith ini maudhu' [207]

209. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

رُبَّ مُعَلِّمِ حُرُوْفِ أَبِيْ جَادٍ دَارِسٍ فِي النُّجُوْمِ لَيْسَ لَهُ عِنْدَ اللهِ خَلاَقٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ. (موضوع)

(205) HR. Ad-Dailami. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 820/224.

(206) HR. Ibnu 'Adiy dan al-Khatib. Al-Maudhu'at 1/219,

(207) HR. Ibnu 'Adiy. Al-Maudhu'ati 1/219, Al-Fawaidul-Majmu'ah 13/275, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'fati wal-Maudhu'ati 381.

"Kadang-kadang guru yang mengajar Abi Jad (Abjad), mempelajari bintang-bintang tidak mempunyai bahagiannya di akhirat."

Hadith ini maudhu'(208)

210. Diriwayatkan daripada Abu Usamah ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

رُبَّ عَابِدٍ جَاهِلٌ وَرُبَّ عَالِمٍ فَاجِرٌ فَاحْذَرُوا الْجُهَّالَ مِنَ الْعِبَادِ وَالْفُجَّارَ مِنَ الْعُلَمَاءِ فَإِنَّ أُولَئِكَ فِتْنَةُ الْفِتَنَاءِ. (موضوع)

"Kadang-kadang orang abid itu jahil dan kadang-kadang orang alim itu jahat, maka hendaklah kamu awasi terhadap para abid yang jahil dan para ulama yang jahat kerana mereka itulah fitnah tukang-tukang fitnah."

Hadith ini maudhu'(209)

211. Diriwayatkan daripada Abu Darda' r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

مَثَلُ الَّذِىْ يَتَعَلَّمُ الْعِلْمَ فِى صِغَرِهِ كَالنَّقْشِ فِى الْحَجَرِ وَمَثَلُ الَّذِىْ يَتَعَلَّمُ الْعِلْمَ فِى كِبَرِهِ كَالَّذِىْ يَكْتُبُ عَلَى الْمَاءِ. (موضوع)

"Perumpamaan orang yang belajar di kala kecilnya adalah seperti lukisan di atas batu dan perumpamaan orang yang belajar ilmu di kala tuanya adalah seperti menulis di atas air."

Hadith ini maudhu'(210)

(208) HR. Ath-Thabarani. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 417.
(209) HR. Ibnu Adiy. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 494.
(210) HR. Ath-Thabarani. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 618.

212. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

لاَ يَكُوْنُ الْمَرْءُ عَالِمًا حَتَّى يَكُوْنَ بِعِلْمِهِ عَامِلاً.

(موضوع)

"Seseorang itu tidak akan menjadi alim sehinggalah ia beramal dengan ilmunya."

Hadith ini maudhu'(211)

213. Diriwayatkan daripada Jabir ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

لاَ تَجْلِسُوْا مَعَ كُلِّ عَالِمٍ إِلاَّ عَالِمٍ يَدْعُوكُمْ مِنْ خَمْسٍ إِلَى خَمْسٍ: مِنَ الشَّكِّ إِلَى الْيَقِيْنِ وَمِنَ الْعَدَاوَةِ إِلَى النَّصِيْحَةِ وَمِنَ الْكِبْرِ إِلَى التَّوَاضُعِ وَمِنَ الرِّيَاءِ إِلَى الاخْلاَصِ وَمِنَ الرَّغْبَةِ إِلَى الزُّهْدِ.

(موضوع)

"Janganlah kamu duduk bersama-sama dengan semua orang alim melainkan orang alim yang mengajak kamu dari lima perkara kepada lima perkara: Dari syak kepada yakin, dari permusuhan kepada nasihat, dari kesombongan kepada tawadhuk, dari ria' kepada ikhlas dan dari kegemaran kepada dunia kepada zuhud."

Hadith ini maudhu'(212)

214. Dalam riwayat lain disebutkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

(211) HR. Ibnu Hibban. Al-Mughni 'an Hamlil-Asfar 1/135/37.

(212) HR. Abu Nu'iam. Al-Maudhu'at 1/257, al-Fawaidul-Majmu'ah 27/278.

لاَ تَجْلِسُوْا مَعَ كُلِّ عَالِمٍ، إِلاَّ عَالِمًا يَدْعُوكُمْ مِنْ خَمْسٍ إِلَى خَمْسٍ: مِنَ الشَّكِّ إِلَى الْيَقِيْنِ وَمِنَ الْعَدَاوَةِ إِلَى النَّصِيْحَةِ وَمِنَ الْكِبَرِ إِلَى التَّوَاضُعِ وَمِنَ الرِّيَاءِ إِلَى الاِخْلاَصِ وَمِنَ الرَّغْبَةِ إِلَى الزُّهْدِ.

(موضوع)

"Janganlah kamu duduk bersama-sama semua orang alim, kecuali orang alim yang mengajak kamu dari lima kepada lima, iaitu: Dari syak kepada yakin, dari permusuhan kepada nasihat, dari kesombongan kepada tawadhu', daripada ria' kepada ikhlas dan dari kegemaran kepada dunia kepada zuhud."

Hadith ini maudhu'(213)

215. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW. bersabda kepada Ali r.a

يَا عَلِيُّ إِتَّخِذْلَكَ نَعْلَيْنِ مِنْ حَدِيْدٍ وَأَفْنِهِمَا فِي طَلَبِ الْعِلْمِ.

(موضوع)

"Hai Ali, ambillah untukmu sepasang selipar dari besi dan rosakkan dia dalam mencari ilmu."

Hadith ini maudhu'(214)

216. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُنَّا فِي مَسْجِدٍ مَعَ أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيْقِ فَمَرَّتْ جَنَازَةٌ فَخَلَعَ أَبُوْ بَكْرٍ

(213) HR. Ibnu an-Najjar. Al-Fawaidul-Majmu'ah 27/278.

(214) Al-Fawaidul-Majmu'ah 41/285, Tanzihusy-Syari'ah 1/118/284.

نَعْلَيْهِ فَقَامَ مَعَهَا فَقُلْنَا يَا خَلِيْفَةَ رَسُوْلِ اللهِ خَلَعْتَ نَعْلَيْكَ حَيْثَ يَلْبَسُ النَّاسُ؟ قَالَ: نَعَمْ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ:أَلْمَاشِي الْحَافِي فِي طَاعَةِ اللّٰهِ عَزَّوَجَلَّ يَدْخُلُ مَنْزِلَهُ وَلَيْسَ عَلَيْهِ خَطِيْئَةٌ يُطَالِبُهُ اللّٰهُ بِهَا.

(موضوع)

"Kami sedang duduk dalam masjid bersama-sama dengan Abu Bakar ash-Shiddiq r.a maka satu jenazah melalui kami lantas Abu Bakar mencabut dua seliparnya dan bangun bersama jenazah. Kami berkata: Wahai Khalifah Rasulullah SAW, anda mencabut selipar anda di kala orang lain memakainya? Beliau menjawab: Ya. Aku mendengar Rasulullah SAW. bersabda: Orang yang berjalan dengan berkaki ayam dalam ketaatan kepada Allah, ia masuk ke rumahnya tanpa sesuatu kesalahan yang akan dituntut oleh Allah."

Hadith ini maudhu'[215]

217. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. katanya:

مَرَّ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمِرْدَاسِ الْمُعَلِّمِ فَقَالَ: إِيَّاكَ وَحَطَبَ الصِّبْيَانِ وَخُبْزَ الرِّقَاقِ وَإِيَّاكَ وَالشَّرْطَ عَلَى كِتَابِ اللّٰهِ.

(موضوع)

"Rasulullah SAW melalui mirdas (kepala) guru maka beliau bersabda: Janganlah engkau mengambil kayu api budak-

(215) Ibnul-Jauzi dalam al-Maudhu'at 1/216.

budak, roti yang lembut dan janganlah engkau meletakkan syarat (menetapkan sesuatu) pada Kitabullah."

Hadith ini maudhu' [216]

218. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a katanya:

نَهَى رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ التَّعْلِيْمِ وَالْأَذَانِ بِالْأُجْرَةِ فَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللّٰهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِيْنَ.

(موضوع)

"Rasulullah SAW. melarang mengajar dan berazan dengan upah, maka sesiapa yang berbuat demikian ia mendapat kutukan Allah, para malaikat dan manusia semuanya."

Hadith ini maudhu' [217]

219. Diriwayatkan daripada 'Aisyah ra. katanya:

سَأَلْتُ رَسُوْلَ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كَسْبِ الْمُعَلِّمِيْنَ فَقَالَ: إِنَّ أَحَقَّ مَا أَخَذَ عَلَيْهِ الأَجْرُ كِتَابُ اللّٰهِ.

(موضوع)

"Aku bertanyakan Rasulullah SAW mengenai usaha para guru, maka beliau bersabda: Bahawa yang lebih berhak kamu mengambil upah ialah pada Kitabullah."

Hadith ini maudhu' [218]

220. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

يَأْتِي عَلَى أُمَّتِي زَمَانٌ تَحْسُدُ الْفُقَهَاءُ بَعْضُهُمْ بَعْضًا وَيَغَارُ بَعْضُهُمْ

(216) Ibnul-Jauzi dalam al-Maudhu'at 1/228-229.

(217) Al-Juzqani Al-Maudhu'at 1/229.

(218) HR. Ibnu 'Adiy. Al-Maudhu'at 1/229.

عَلَى بَعْضٍ كَتَغَايُرِ التُّيُوسِ. (موضوع)

"Akan datang ke atas umatku satu zaman di mana para fuqaha' dengki antara satu sama lain dan sebahagian cemburu ke atas sebahagian yang lain bagaikan cemburunya bapak-bapak kambing."

Hadith ini maudhu'(219)

221. Diriwayatkan daripada Abu Musa ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَبْعَثُ اللّٰهُ الْعِبَادَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ يُمَيِّزُ الْعُلَمَاءَ ثُمَّ يَقُوْلُ: يَا مَعْشَرَ الْعُلَمَاءِ، إِنِّي لَمْ أَضَعْ عِلْمِي فِيْكُمْ إِلاَّ لِعِلْمِي بِكُمْ، وَلَمْ أَضَعْ عِلْمِي فِيْكُمْ لأُعَذِّبَكُمْ، إِنْطَلِقُوا فَقَدْ غَفَرْتُ لَكُمْ. (موضوع)

"Allah akan membangkitkan para hamba pada hari kiamat, kemudian Ia akan membezakan para ulama dan kemudian berfirman: Wahai para ulama, sesungguhnya aku tidak meletakkan ilmuku pada kamu melainkan kerana Aku mengetahui mengenai kamu, dan Aku tidak meletakkan ilmuKu pada kamu untuk mengazabkan kamu! Pergilah, Aku telah mengampuni kamu.

Hadith ini sangat dha'if(220)

222. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

شِرَارُ أُمَّتِي مُعَلِّمُوْهَا. (موضوع)

---

(219) Al-Maudhu'at 1/262, al-Fawaidul-Majmu'ah 74/292.

(220) HR. Ibnu 'Adiy, Ibnu Abdil-Barri. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 868.

"Orang-orang yang paling jahat dari umatku ialah para gurunya."

Hadith ini maudhu' (221)

223. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

شِرَارُكُمْ مُعَلِّمُوكُمْ أَقَلُّهُمْ رَحْمَةً عَلَى الْيَتِيمِ وَأَغْلَظُهُمْ عَلَى الْمِسْكِينِ.

(موضوع)

"Orang-orang yang paling jahat di antara kamu ialah para guru kanak-kanak kamu. Merekalah yang paling kurang kasihan ke atas anak yatim dan orang yang paling kasar sikapnya ke atas orang miskin."

Hadith ini maudhu' (222)

224. Diriwayatkan daripada Jabir ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

لأَنْ يَمْتَلِئَ جَوْفُ أَحَدِكُمْ قَيْحًا خَيْرٌ مِنْ أَنْ يَمْتَلِئَ شِعْرًا هُجِيتَ بِهِ.

(موضوع)

"Bahawa sesungguhnya seseorang memenuhkan rongganya dengan nanah adalah lebih baik daripada ia memenuhkannya dengan syair yang digunakannya untuk menyindir."

Hadith ini maudhu' (223)

225. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

بَكَتْ اَلسَّمَوَاتُ السَّبْعُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَمَنْ عَلَيْهِنَّ لِعَزِيزٍ ذَلَّ، وَغَنِيٍّ

(221) Al-Maudhu'at 1/223.

(222) Al-Maudhu'at 1/222.

(223) Al-Maudhu'at 1/260, al-Fawaidul-Majmu'ah 78/294.

افْتَقَرَ وَعَالِمٍ تَلْعَبُ بِهِ الْجُهَّالُ.

(موضوع)

"Tujuh petala langit dengan segala isinya dan tujuh petala bumi dengan segala isinya menangis kerana seorang mulia dihina, orang kaya menjadi miskin dan orang alim yang dipermainkan orang-orang jahil."

Hadith ini maudhu'[224]

226. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

يَكُوْنُ فِي آخِرِ الزَّمَانِ عُلَمَاءُ يُرَغِّبُوْنَ النَّاسَ فِي الآخِرَةِ وَلاَ يَرْغَبُوْنَ وَيُزَهِّدُوْنَ النَّاسَ فِي الدُّنْيَا وَلاَ يَزْهَدُوْنَ وَيَنْبَسِطُوْنَ عِنْدَ الْكُبَرَاءِ وَيَنْقَبِضُوْنَ عِنْدَ الْفُقَرَاءِ، وَيَنْهَوْنَ عَنْ غِشْيَانِ الأُمَرَاءِ وَلاَ يَنْتَهُوْنَ أُولَئِكَ الْجَبَّارُوْنَ عِنْدَ الرَّحْمَنِ.

(موضوع)

"Pada akhir zaman akan ada para ulama yang menggalakkan manusia kepada akhirat sedangkan mereka tidak gemar kepada dunia, mereka mengajak manusia supaya berzuhud sedangkan mereka tidak berzuhud, mereka gembira di sisi para pembesar dan berdukacita di sisi orang-orang miskin, mereka melarang orang mendatangi para umara' tetapi mereka sendiri tidak berhenti mendatangi para umara', mereka adalah penjarah-penjarah di sisi Tuhan ar-Rahman."

Hadith ini maudhu'[225]

(224) HR. Ad-Dailami. Tanzihusy-Syariah 1/263.

(225) HR. Ad-Dailami. Al-Fawaidul-Majmu'ah 64/290.

227. Diriwayatkan daripada Anas r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لِلزَّبَانِيَةِ أُسْرَعُ إِلَى فَسَقَةِ حَمَلَةِ الْقُرْآنِ مِنْهُمْ إِلَى عَبَدَةِ الأَوْثَانِ، فَيَقُولُونَ: يَبْدَاءُ بِنَا قَبْلَ عَبَدَةِ الأَوْثَانِ؟ فَيُقَالُ لَهُمْ: لَيْسَ مَنْ عَلِمَ كَمَنْ لاَ يَعْلَمُ. (موضوع)

"Malaikat Zabaniah lebih cepat kepada penghafaz-penghafaz Al-Quran yang fasiq daripada penyembah-penyembah berhala. Penghafaz-penghafaz Al-Quran itu berkata: Malaikat Zabaniah memulakan dengan kita sebelum penyembah-penyembah berhala? Lalu kepada mereka dikatakan: Orang yang mengetahui tidaklah serupa dengan orang yang tidak mengetahui."

Hadith ini maudhu'[(226)]

228. Diriwayatkan daripada Abu Umamah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ تَسْتَشِيْرُوا الْحَاكَةَ وَلاَ الْمُعَلِّمِيْنَ فَإِنَّ اللّٰهَ عَزَّوَجَلَّ سَلَبَهُمْ عُقُولَهُمْ وَنَزَعَ الْبَرَكَةَ مِنْ اكْسَابِهِمْ. (موضوع)

"Janganlah kamu bermusyawarat dengan tukang-tukang tenun dan para guru kerana Allah Taala telah merampas akal mereka dan mencabut keberkatan dari usaha mereka."

Hadith ini maudhu'[(227)]

229. Dalam riwayat lain disebutkan:

(226) Al-Maudhu'at 1/266.

(227) Al-Maudhu'at 1/224, Al-Fawaidul-Majmu'ah 18/276.

لاَ تُشَاوِرُوْا الْحَاكَّةَ وَلاَ الْحَجَّامِيْنَ وَلاَ الْمُعَلِّمِيْنَ فَإِنَّ اللّٰهَ سَلَبَهُمْ عُقُوْلَهُمْ وَمَحَقَ اكْسَابَهُمْ. (موضوع)

"Janganlah kamu bermusyawarat dengan tukang-tukang tenun dan tukang-tukang bekam dan juga para guru kerana Allah telah merampas akal mereka dan membinasakan usaha-usaha mereka."

Hadith ini maudhu'[228]

230. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. katanya:

دَخَلْتُ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ فَإِذَا أَنَا بِعَلِّى ابْنِ أَبِىْ طَالِبٍ وَحَوْلَهُ جَمَاعَةٌ مِنَ النَّاسِ إِذْ دَخَلَ رَجُلٌ مِنْ بَابٍ مِنْ أَبْوَابِ الْمَسْجِدِ يَسْعَى حَتَّى خَرَجَ مِنَ الْبَابِ الاَخِرِ فَقَالَ عَلِىٌّ: عَلَىَّ بِالرَّجُلِ فَجِيْئَ بِهِ فَقَالَ عَلِىٌّ: إِلَى أَيْنَ تُرِيْدُ؟ قَالَ: اَلْبَصْرَةَ. قَالَ: وَتَعْمَلُ مَاذَا ؟ قَالَ: أَطْلُبُ الْعِلْمَ. فَقَالَ لَهُ عَلِىٌّ: ثَكِلَتْكَ أُمُّكَ عَلِىٌّ بِالْحَضْرَةِ وَأَنْتَ تَذْهَبُ إِلَى الْبَصْرَهِ تَطْلُبُ الْعِلْمَ. أَيُّهَا الرَّجُلُ مَا حِرْفَتُكَ؟ قَالَ: أَنَا رَجُلٌ نَسَّاجٌ. قَالَ عَلِىٌّ: اللّٰهُ أَكْبَرُ، يَقُوْلُهَا ثَلاَثًا، سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ: مَنْ اَدْرَكَ مِنْكُمْ زَمَانًا تَطْلُبُ فِيْهِ الْحَاكَّةُ اَلْعِلْمَ فَالْهَرَبُ فَالْهَرَبُ، ثُمَّ أَقْبَلَ يُحَدِّثُ فَقَالَ: مَنِ اطَّلَعَ فِى طِرَازِ حَائِكٍ خَفَّ دِمَاغُهُ، وَمَنْ كَلَّمَ حَائِكًا بِخِرَ فَمُهُ وَمَنْ مَشَى مَعَ حَائِكٍ اِرْتَفَعَ

(228) Al-Maudhu'at 1/225, Tanzihusy-Syari'ah 1/12/254.

رِزْقُهُ، فَقَالُوْا: يَا أَمِيْرَ الْمُؤْمِنِيْنَ: أَلَيْسُوْا إِخْوَانُنَا فِي الْاِسْلَامِ وَشُرَكَاؤُنَا فِي الدِّيْنِ؟ قَالَ: هُمُ الَّذِيْنَ بَالُوْا فِي الْكَعْبَةِ وَسَرَقُوْا غَزْلَ مَرْيَمَ وَعِمَامَةَ يَحْيَى بْنِ زَكَرِيَا وَسَمَكَةَ عَائِشَةَ مِنَ التَّنُّوْرِ وَاسْتَدَلَّتْهُمْ مَرْيَمُ عَلَى طَرِيْقٍ فَدَلُّوْهَا عَلَى غَيْرِ الطَّرِيْقِ.

(موضوع)

"Aku masuk ke masjid al-Haram, tiba-tiba aku dapati Ali bin Abu Thalib dan di sekelilingnya ada sekumpulan orang. Sekonyong-konyong masuklah seorang lelaki melalui salah satu pintu masjid lalu berjalan sehingga ia keluar dari sebuah pintu yang lain. Ali lalu berkata: Bawalah orang itu kepadaku, maka dibawalah orang itu kepadanya. Ali berkata: Awak hendak ke mana? Lelaki itu menjawab: Saya hendak ke Bashrah. Ali bertanya untuk apa ke Bashrah? Lelaki itu menjawab: Untuk mencari ilmu. Ali bertanya: Apakah pekerjaanmu? Lelaki itu menjawab: Tukang tenun. Mendengar itu Ali bertakbir tiga kali lalu berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW. bersabda: Barangsiapa di antara kamu berada pada satu zaman di mana tukang-tukang tenun mencari ilmu hendaklah kamu lari dan lari.

Kemudian Ali terus meriwayatkan Hadith: Barangsiapa menaiki tempat tukang tenun maka kuranglah otaknya. Barangsiapa bercakap dengan tukang tenun nanti mulutnya berbau busuk. Barangsiapa berjalan dengan tukang tenun nanti terangkatlah rezekinya.

Mereka bertanya: Ya amirul mukminin, bukankah mereka itu saudara-saudara kita dan sekutu-sekutu kita dalam agama? Ali menjawab: Merekalah yang kencing dalam Kaabah, merekalah yang mencuri barang tenunan Maryam, merekalah yang mencuri serban Yahya bin Zakaria, merekalah yang mencuri ikan 'Aisyah dari dapur dan merekalah pula yang diminta supaya menunjukkan jalan oleh Maryam tetapi mereka menunjukkan jalan yang bukan jalan yang dicari."

Hadith ini maudhu'[229]

231. Diriwayatkan daripada Ali ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

نِعْمَ الرَّجُلُ الْفَقِيْهُ إِنِ احْتِيْجَ إِلَيْهِ إِنْتَفَعَ بِهِ وَإِنِ اسْتُغْنِيَ عَنْهُ أَغْنَى نَفْسَهُ. (موضوع)

"Sebaik-baik lelaki ialah orang fakih, apabila ia dikehendaki ia memberi manfaat dan jika ia tidak dikehendaki maka ia tidak memerlukan orang lain."

Hadith ini maudhu'[230]

232. Diriwayatkan daripada al-Hasan katanya:

سَأَلْتُ حُذَيْفَةَ عَنْ عِلْمِ الْبَاطِنِ مَا هُوَ؟ فَقَالَ: سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ عِلْمِ الْبَاطِنِ مَا هُوَ؟ فَقَالَ: سَأَلْتُ جِبْرِيْلَ عَنْ عِلْمِ الْبَاطِنِ مَا هُوَ؟ فَقَالَ: سَأَلْتُ اللّٰهَ عَزَّوَجَلَّ عَنْ عِلْمِ الْبَاطِنِ مَاهُوَ؟

(229) Al-Maudhu'at 1/252, Tanzihusy-Syari'ah 1/12/254.

(230) HR. Ibnu Asakir. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 712.

فَقَالَ: يَا جِبْرِيْلُ هُوَ سِرٌّ بَيْنِي وَبَيْنَ أَحِبَّائِي وَأَوْلِيَائِي وَأَصْفِيَائِي أَوْدِعُهُ فِي قُلُوْبِهِمْ لاَ يَطَّلِعُ عَلَيْهِ مَلَكٌ مُقَرَّبٌ وَلاَ نَبِيٌّ مُرْسَلٌ.

(موضوع)

"Aku bertanyakan Huzaifah mengenai ilmu batin, apakah dia? Ia menjawab: Aku telahpun bertanyakan Rasulullah SAW. mengenai ilmu batin itu, apakah dia, maka beliau bersabda: Aku telah bertanya kepada Jibril mengenai ilmu batin apakah dia? Jibril menjawab: Aku telah bertanya kepada Allah Azza Wa Jalla mengenai ilmu batin, apakah dia? Allah lalu berfirman: Hai Jibril, ilmu batin itu adalah satu rahsia di antaraKu dan kekasih-kekasihKu, para waliKu dan para pilihanku, Aku simpan nya dalam hati mereka, yang tidak diketahui oleh Malaikat Muqarrab dan tidak juga Nabi yang diutuskan."

Hadith ini maudhu'[231]

233. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

هَلاَكُ أُمَّتِي عَالِمٌ فَاجِرٌ وَعَابِدٌ جَاهِلٌ وَشِرَارُ الشِّرَارِ شِرَارُ الْعُلَمَاءِ وَخَيْرُ الْخِيَارِ خِيَارُ الْعُلَمَاءِ.

(لا أصل له)

"Kerosakan-kerosakan umatku ialah kerana alim yang jahat, abid yang jahil, dan sejahat-jahat orang jahat ialah ulama yang jahat dan manusia yang terbaik ialah ulama yang terbaik."

Hadith ini tidak berasal[232]

(231) HR. Ad-Dailami. Al-Fawaidul-Majmu'ah 32/284. Tanzihusy-Syari'ah 1/106/280.
(232) Al-Fawaidul-Majmu'ah 58/288, Maudhu'at Kubra 580/364.

234. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

مَنْ جَمَعَ الْقُرْآنَ مَتَّعَهُ اللّٰهُ بِعَقْلِهِ حَتّٰى يَمُوْتَ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang menghafaz al-Quran nescaya Allah memberinya kesenangan dengan akalnya sampai ia mati."

Hadith ini maudhu' (233)

235. Diriwayatkan daripada Ali r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

سَارِعُوْا إِلَى تَعْلِيْمِ الْعِلْمِ وَالسُّنَّةِ وَالْقُرْآنِ وَاقْتَسِبُوْهُنَّ مِنْ صَادِقٍ مِنْ قَبْلَ أَنْ يَخْرُجَ أَقْوَامٌ فِي أُمَّتِي مِنْ بَعْدِي يَدْعُوْنَكُمْ إِلَى تَأْسِيْسِ الْبِدْعَةِ وَالضَّلاَلَةِ، فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَبَابٌ مِنَ الْعِلْمِ مِنْ صَادِقٍ خَيْرٌلَكُمْ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ تُنْفِقُوْنَهَا فِي سَبِيْلِ اللّٰهِ تَعَالَى بِغَيْرِ هُدًى مِنَ اللّٰهِ، مَنْ مَشَى فِي تَعْلِيْمِ الْعِلْمِ وَالسُّنَّةِ وَالْقُرْآنِ فَعَمِلَ بِمَا أَمَرَ اللّٰهُ وَسَنَّ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَإِذَا عَمِلَ بِذَلِكَ فَلَهُ بِكُلِّ خَطْوَةٍ يَخْطُوْهَا حَسَنَةٌ وَتُحَطُّ عَنْهُ سَيِّئَةٌ وَتُرْفَعُ لَهُ دَرَجَةٌ فِي الْجَنَّةِ.

(موضوع)

"Hendaklah kamu segera mengajar ilmu, Sunnah dan al-Quran dan ambillah ia dari orang yang benar sebelum keluar satu kaum dalam umatku sesudahku yang akan mengajak

(233) HR. Abu Sa'id al-A'raabi dan Ibnu Asakir. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 271, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5544.

kamu menegakkan bid'ah dan kesesatan. Demi Allah yang jiwaku dalam tanganNya satu bab ilmu dari orang yang benar adalah lebih baik daripada emas dan perak yang kamu belanjakan di jalan Allah dengan tidak ada petunjuk dari Allah. Barangsiapa yang berjalan dalam mengajarkan ilmu, as-Sunnah dan al-Quran lalu diamalkan apa yang diperintahkan Allah dan yang disunnahkan oleh RasulNya, maka apabila diamalkan yang demikian itu nescaya diberikan kepadanya satu kebajikan bagi tiap-tiap langkah yang dilangkahinya dan digugurkan darinya satu kejahatan dan diangkat baginya satu darjat dalam syurga."

Hadith ini maudhu'(234)

236. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda kepadanya:

يَا أَبَا هُرَيْرَةَ عَلِّمِ النَّاسَ الْقُرْآنَ وَتَعَلَّمْهُ فَإِنَّكَ إِنْ مِتَّ وَأَنْتَ كَذَلِكَ زَارَتِ الْمَلاَئِكَةُ قَبْرَكَ كَمَا يُزَارُ الْبَيْتُ الْعَتِيقُ، وَعَلِّمِ النَّاسَ سُنَّتِيْ وَإِنْ كَرِهُوْا ذَلِكَ، وَإِنْ أَحْبَبْتَ أَنْ لاَ تُوْقَفُ عَلَى الصِّرَاطِ طَرْفَةَ عَيْنٍ حَتَّى تَدْخُلَ الْجَنَّةَ فَلاَ تُحَدِّثُ فِي الدِّيْنِ حَدَثًا بِرَأْيِكَ.

(موضوع)

"Wahai Abu Hurairah! Ajarlah manusia akan al-Quran dan pelajarilah dia kerana jika engkau mati dalam keadaan demikian nescaya para malaikat menziarahi kuburmu sebagaimana Baitul-'Atiq (Baitullah) diziarahi. Dan hendaklah engkau ajarkan Sunnahku kepada manusia

(234) HR. Al-Khatib. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 933.

walaupun mereka tidak menyukainya. Dan jika engkau ingin supaya engkau tidak merasa ragu di atas Shirat walaupun sekedip mata sampai engkau masuk syurga maka janganlah engkau mempercakapkan sesuatu perkara baru dalam agama Allah dengan fikiranmu."

Hadith ini maudhu' (235)

237. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَا أَبَا هُرَيْرَةَ عَلِّمِ النَّاسَ الْقُرْآنَ وَتَعَلَّمْهُ فَإِنَّكَ إِنْ مِتَّ وَأَنْتَ كَذَلِكَ زَارَتِ الْمَلاَئِكَةُ قَبْرَكَ كَمَا يُزَارُ الْبَيْتُ الْعَتِيقُ.

(ضعيف)

"Wahai Abu Hurairah! Ajarlah al-Quran dan pelajarilah dia, kerana jika engkau mati sedangkan engkau dalam keadaan demikian nescaya para malaikat berziarah ke kubur engkau sebagaimana diziarahinya Baitul-'Atiq (Baitullah al-Haram)"

Hadith ini maudhu' (236)

238. Diriwayatkan daripada Anas r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ يَخْرَفُ قَارِئُ الْقُرْآنِ. (موضوع)

"Pembaca al-Quran tidak akan rosak (nyanyuk) akalnya."

Hadith ini maudhu' (237)

---

(235) HR. Al-Khatib. Al-Maudhu'at 1/264.

(236) HR. Abu Nuaim. Tanzihusy-Syari'ah 1/49/268.

(237) HR. Abu Nu'aim dan Ibnu Asakir. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 270. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6337.

239. Diriwayatkan daripada Anas r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يُؤْتَى بِعِصَابَةٍ مِنْ أُمَّتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَهُمُ الْقُرَّاءُ فَيُقَالُ لَهُمْ: مَنْ كُنْتُمْ تَعْبُدُوْنَ؟ قَالُوْا: إِيَّاكَ رَبَّنَا. قَالَ: فَمَنْ كُنْتُمْ تَسْأَلُوْنَ؟ قَالُوْا: إِيَّاكَ رَبَّنَا. قَالَ: فَمَنْ كُنْتُمْ تَسْتَغْفِرُوْنَ؟ قَالُوْا: إِيَّاكَ رَبَّنَا، فَيَقُوْلُ: كَذَبْتُمْ عَبَدْتُمُوْنِي بِالْكَلَامِ وَاسْتَغْفَرْتُمُوْنِي بِالْأَلْسِنِ وَأَصْرَرْتُمْ بِالْقُلُوْبِ فَيُنَظَّمُوْنَ فِي سِلْسِلَةٍ ثُمَّ يُطَافُ بِهِمْ عَلَى رُؤُوْسِ الْخَلَائِفِ، فَيُقَالُ: هَؤُلَاءِ كَانُوْا قُرَّاءَ أُمَّةِ مُحَمَّدٍ.

(موضوع)

"Pada hari kiamat akan didatangkan satu kumpulan dari umatku iaitu para qari', lalu dikatakan kepada mereka: Siapakah yang kamu sembah? Mereka menjawab: Engkaulah yang kami sembah wahai Tuhan kami! Kepada mereka dikatakan: Siapakah yang kamu minta? Mereka menjawab: Kepada Engkaulah yang kami minta wahai Tuhanku! Kepada mereka dikatakan: Kepada siapakah kamu minta ampun? Mereka menjawab: Kepada Engkaulah kami meminta ampun wahai Tuhan kami.

Lalu Tuhan berfirman: Kamu berbohong! Kamu menyembah hanya dengan kata-kata, kamu memohon ampun kepadaKu hanya dengan lidah sedangkan kamu tetap engkar dengan hati kamu, lalu mereka itu disusun pada satu rantai besi dan kemudian mereka diarak di depan khalayak ramai dan dikatakan: Mereka ini adalah qari'-qari' umat

Muhammad."

Hadith ini maudhu' [(238)]

240. Diriwayatkan daripada Wathilah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ بَأْسَ بِالْحَدِيْثِ قَدَّمْتَ فِيْهِ أَوْ أَخَّرْتَ إِذَا أَصَبْتَ مَعْنَاهُ. (موضوع)

"Tidak mengapa dengan hadith yang engkau dahulukan padanya ataupun yang engkau kemudiankan engkau dapati maknanya betul."

Hadith ini maudhu' [(239)]

241. Diriwayatkan daripada Jabir ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كَلاَمِيْ لاَ يَنْسَخُ كَلاَمَ اللّٰهِ وَكَلاَمُ اللّٰهِ يَنْسَخُ كَلاَمِيْ وَكَلاَمُ اللّٰهِ يَنْسَخُ بَعْضُهُ بَعْضًا. (موضوع)

"Kalamku tidak memansukhkan kalam Allah dan kalam Allah memansukhkan kalamku, dan kalam Allah itu sebahagiannya memansukhkan sebahagian yang lain."

Hadith ini maudhu' [(240)]

242. Diriwayatkan daripada Ali ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ كِتَابٍ يُلْقَى بِمَضْيَعَةٍ مِنَ الْأَرْضِ فِيْهِ اسْمٌ مِنْ أَسْمَاءِ اللّٰهِ

(238) HR. Abu Asy-Syaikh. Tanzihusy-Syari'ah 1/273.

(239) HR. Al-Hakim at-Tirmizi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6179, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 4769.

(240) HR. Ibnu 'Adiy dan ad-Daruquthni. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4285, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 3526.

عَزَّوَجَلَّ إِلاَّ بَعَثَ اللّٰهُ وَلِيًّا مِنْ أَوْلِيَائِهِ فَيَرْفَعُهُ. (موضوع)

"Tiada satu kitab yang dicampakkan di bahagian bumi yang mungkin merosakkan, yang padanya ada nama dari nama-nama Allah Azza wa Jalla, melainkan Allah membangkitkannya sebagai seorang wali dari para waliNya lalu mengangkat kitab itu."

Hadith ini maudhu'(241)

243. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

سَيَكُوْنُ فِى أُمَّتِى قَوْمٌ يَطْلُبُوْنَ الْحَدِيْثَ فَيَنْقُلُوْنَهُ مِنْ بَلَدٍ إِلَى بَلَدٍ لِيَسْتَطْعِمُوْا بِهِ النَّاسَ أُوْلٰئِكَ هُمُ اللُّصُوْصُ فَاحْذَرُوْهُمْ. (موضوع)

"Akan ada dalam umatku satu kaum yang menuntut Hadith lalu mereka memindahkannya dari satu negeri ke satu negeri untuk mencari makan dengannya kepada manusia, mereka itu adalah pencuri-pencuri, maka jauhilah mereka."

Hadith ini maudhu'(242)

244. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

شِرَارُ النَّاسِ فَاسِقٌ قَرَأَ كِتَابَ اللّٰهِ وَتَفَقَّهَ فِى دِيْنِ اللّٰهِ ثُمَّ بَذَلَ نَفْسَهُ لِفَاجِرٍ إِذَا بَسَطَ تَفَكَّهَ بِقِرَاءَتِهِ وَمُحَادَثَتِهِ فَيَطْبَعُ اللّٰهُ عَلَى قَلْبِ الْقَائِلِ وَالْمُسْتَمِعِ. (موضوع)

(241) HR. Al-Hakim. Tanzihusy-Syari'ah 1/76/275.
(242) HR. Al-Khatib. Tanzihusy-Syari'ah 1/87/277.

"Manusia yang paling jahat ialah orang yang fasiq yang membaca Kitabullah dan mendalami agama Allah kemudian ia memberikan dirinya untuk orang-orang jahat, apabila orang jahat memberi kelapangan ia bersuka-suka dengan membaca Kitabullah dan bercakap-cakap dengan orang jahat itu, maka Allah menutup hati orang yang berkata dan yang mendengarnya."

Hadith ini maudhu'[(243)]

245. Diriwayatkan daripada Anas r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى غَيْرِهِ كَفَضْلِ النَّبِيِّ عَلَى أُمَّتِهِ. (موضوع)

"Kelebihan orang alim atas orang bukan alim adalah seperti kelebihan Nabi atas umatnya."

Hadith ini maudhu'[(244)]

246. Diriwayatkan daripada Anas r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِي عَلَى أُمَّتِي. (موضوع)

"Kelebihan orang alim atas orang abid adalah seperti kelebihanku atas umatku."

Hadith ini maudhu'[(245)]

247. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

(243) HR. Ad-Dailami. Tanzihusy-Syari'ah 1/75/275.

(244) HR. Al-Khatib. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3969, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1596.

(245) HR. Al-Khatib. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3968, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1596.

مَجَالَسَةُ الْعُلَمَاءِ عِبَادَةٌ. (ضعيف جدا)

"Duduk bersama-sama dengan para ulama adalah ibadat."

Hadith ini sangat dha'if[246]

248. Diriwayatkan daripada Anas r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

نَظْرَةٌ إِلَى وَجْهِ الْعَالِمِ أَحَبُّ إِلَى اللّٰهِ مِنْ عِبَادَةِ سِتِّيْنَ سَنَةً صِيَامًا وَقِيَامًا. (موضوع)

"Sekali pandang muka orang alim adalah lebih aku sukainya daripada ibadat enam puluh tahun; puasanya dan qiamullailnya."

Hadith ini maudhu'[247]

249. Diriwayatkan daripada Ali r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

طَلَبُ الْحَقِّ غُرْبَةٌ. (موضوع)

"Mencari kebenaran itu adalah satu ghurbah (pengembaraan)

Hadith ini maudhu'[248]

250. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا عُبِدَ اللّٰهُ بِشَيْءٍ أَفْضَلَ مِنْ فِقْهٍ فِي دِيْنٍ، وَلَفَقِيْهٌ وَاحِدٌ أَشَدُّ عَلَى

(246) HR. Ad-Dailami. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5254, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 4507.

(247) Sim'an bin Mahdi. Maudhu'at Kubra 562, al-Maqashidul-Hasanah 1251.

(248) HR. Ibnu Asakir. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3618, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 856.

الشَّيْطَانِ مِنْ أَلْفِ عَابِدٍ، وَلِكُلِّ شَيْءٍ عِمَادٌ وَعِمَادُ هَذَا الدِّيْنِ الْفِقْهُ. (موضوع)

"Tiada disembah Allah dengan sesuatu yang lebih utama daripada fikah/faham dalam agama, dan sesungguhnya seorang fakih sahaja lebih sukar bagi syaitan daripada seribu orang abid. Dan bagi tiap-tiap sesuatu ada tiangnya dan tiang agama ialah fikah."

Hadith ini maudhu'(249)

251. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَقِيْهٌ وَاحِدٌ أَشَدُّ عَلَى الشَّيْطَانِ مِنْ أَلْفِ عَابِدٍ. (موضوع)

"Seorang fakih sahaja lebih sukar ke atas syaitan daripada seribu abid."

Hadith ini maudhu'(250)

252. Pengarang kitab al-'Arus meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

كَلِمَةُ حِكْمَةٍ يَسْمَعُهَا الرَّجُلُ خَيْرٌ لَهُ مِنْ عِبَادَةِ سَنَةٍ وَجُلُوسُ سَاعَةٍ عِنْدَ مُذَاكَرَةِ الْعِلْمِ خَيْرٌ مِنْ عِتْقِ رَقَبَةٍ. (موضوع)

"Kalimah hikmah yang didengar oleh seorang lelaki adalah lebih baik daripada ibadat setahun, dan duduk satu saat di

(249) HR. Al-Baihaqi, ath-Thabarani, Al-Ajuri, Abu Nu'aim, Ad-Daruquthni, al-Qudha'iy. Al-Maqashidul-Hasanah 864, Al-Misykat 1/95, Dha'if Sunan Ibnu Majah 222-41, Dha'if Sunan at-Tirmizi 2834-503, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3987.

(250) HR. Ibnu Majah, At-Tirmizi dll. Al-Misykat 1/95, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3987, Dha'if Sunan Ibnu Majah 222-41, Dha'if Sunan at-Tirmizi 2834-503.

sisi muzakarah ilmu adalah lebih baik daripada pemerdekaan seorang hamba sahaya."

Hadith ini maudhu' [251]

253. Diriwayatkan daripada 'Aisyah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنِ انْتَعَلَ لِيَتَعَلَّمَ عِلْمًا غُفِرَلَهُ قَبْلَ أَنْ يَخْطُوَ. (موضوع)

"Barangsiapa yang berselipar untuk mempelajari satu ilmu nescaya dia diampuni sebelum lagi ia melangkah."

Hadith ini maudhu' [252]

254. Diriwayatkan daripada 'Aisyah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ جَهْلُ الْفَرَائِضِ وَالسُّنَنِ وَيَحِلُّ لَهُ جَهْلُ مَا سِوَى ذَلِكَ. (موضوع)

"Tidak halal bagi seorang muslim tidak mengetahui mengenai perkara-perkara yang fardhu dan yang sunat-sunat, dan halallah baginya tidak mengetahui selain itu."

Hadith ini maudhu' [253]

255. Diriwayatkan daripada Ali ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ يَسْتَحِي الشَّيْخُ أَنْ يَجْلِسَ إِلَى جَانِبِ الْغُلاَمِ فَيَتَعَلَّمَ مِنْهُ. (موضوع)

(251) Tanzihusy-Syari'ah 1/117/203.

(252) HR. Asy-Syirazi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5489, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 2677.

(253) HR. Al-Hakim. Maudhu'at Kubra 599.

"Janganlah hendaknya seorang orang tua malu duduk di sisi kanak-kanak untuk belajar dari kanak-kanak itu."

Hadith ini maudhu' [254]

256. Diriwayatkan daripada al-Hakam bin 'Umair bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لاَ يَسْتَحِي الشَّيْخُ أَنْ يَتَعَلَّمَ الْعِلْمَ كَمَا لاَ يَسْتَحِي أَنْ يَأْكُلَ الْخُبْزَ.

(موضوع)

"Janganlah hendaknya seorang orang tua malu hendak belajar ilmu sebagaimana ia tidak malu untuk makan roti."

Hadith ini maudhu' [255]

257. Diriwayatkan daripada Ali bin Jumhur bahawa Rasulullah SAW bersabda:

قِوَامُ الدُّنْيَا بِأَرْبَعَةٍ بِعَالِمٍ لاَ يَبْخَلُ بِعِلْمِهِ وَبِجَاهِلٍ لاَ يَسْتَنْكِفُ أَنْ يَتَعَلَّمَ وَبِجَوَادٍ لاَ يَمُنُّ بِعَطَائِهِ وَبِفَقِيرٍ لاَ يَشْكُو فَقْرَهُ.

(موضوع)

"Dunia ditegakkan dengan empat tiang: Dengan orang alim yang tidak bakhil dengan ilmunya, dengan orang jahil yang tidak sombong untuk belajar, dengan orang dermawan yang tidak mengungkit-ungkit dengan pemberiannya dan dengan orang miskin yang tidak mengadu akan kemiskinannya."

Hadith ini maudhu' [256]

258. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar ra. bahawa

---

(254) HR. Asy-Sirazi. Tanzihusy-Syari'ah 1/65/274.

(255) HR. Abu Nu'aim. Maudhu'at Kubar 601, Kasyful-Khafa' 2/3147 Tanzihusy-Syari'ah 1/64/274.

(256) HR. Ibnu An-Najjar. Tanzihusy-Syari'ah 1/95/278.

Rasulullah SAW bersabda:

لاَ خَيْرَ فِى قِرَاءَةٍ إِلاَّ بِتَدَبُّرٍ وَلاَ فِىْ عِبَادَةٍ إِلاَّ بِفِقْهٍ وَمَجْلِسُ فَقِيْهٍ خَيْرٌ مِنْ عِبَادَةِ سِتِّيْنَ سَنَةً.

(موضوع)

"Tidak ada kebaikan pada bacaan melainkan dengan tadabbur, tidak ada kebaikan dalam ibadat melainkan dengan fikah dan majlis orang fakih adalah lebih baik daripada ibadat enam puluh tahun."

Hadith ini maudhu'(257)

259. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ رَجُلٍ يَمُوْتُ وَيَتْرُكُ وَرَقَةً مِنَ الْعِلْمِ إِلاَّ تَقُوْمُ تِلْكَ الْوَرَقَةُ سِتْرًا بَيْنَهُ وَبَيْنَ النَّارِ، وَإِلاَّ بَنَى اللّٰهُ لَهُ بِكُلِّ حَرْفٍ فِى تِلْكَ الْوَرَقَةِ مَكْتُوْبٍ مَدِيْنَةً فِى الْجَنَّةِ أَوْسَعَ مِنَ الدُّنْيَا سَبْعَ مَرَّاتٍ.

(موضوع)

"Tiada seorang lelaki yang mati dan ia meninggalkan sehelai kertas ilmu melainkan lembaran itu bangun menjadi penutup di antaranya dan neraka, dan jika tidak maka Allah membinakan untuknya bagi tiap-tiap huruf yang tertulis dalam lembaran itu sebuah bandar dalam syurga yang lebih luas daripada dunia tujuh kali."

Hadith ini maudhu'(258)

260. Diriwayatkan daripada Ibnu 'Amru r.a bahawa

(257) HR. Al-Khatib. Tanzihusy-Syari'ah 1/96/278.

(258) HR. Ad-Dailami. Tanzihusy-Syari'ah 1/107/280.

Rasulullah SAW bersabda:

قَلِيْلُ الْفِقْهِ خَيْرٌ مِنْ كَثِيْرِ الْعِبَادَةِ، وكَفَى بِالْمَرْءِ فِقْهًا إِذَا عَبَدَاللّٰه، وكَفَى بِالْمَرْءِ جَهْلاً إِذَا أَعْجَبَ بِرَأْيِهِ، وإِنَّمَا النَّاسُ رَجُلاَنِ: مُؤْمِنٌ وَجَاهِلٌ فَلاَ تُؤْذِ الْمُؤْمِنَ ولاَ تُحَاوِرِ الْجَاهِلَ.

(ضعيف جدا)

"Sedikit fikah adalah lebih baik daripada banyak ibadat dan cukuplah seseorang itu memahami agama apabila ia menyembah Allah, dan cukuplah seseorang itu jahil apabila ia ujub dengan pendapatnya atau fikirannya, dan sesungguhnya manusia itu hanyalah dua orang lelaki iaitu mukmin dan orang jahil, maka janganlah engkau menyakiti orang mukmin dan janganlah engkau bercakap-cakap dengan orang jahil."

Hadith ini sangat dha'if[259]

261. Diriwayatkan daripada Basyir bin an-Nahhas bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا اسْتَرْذَلَ اللّٰهُ عَبْدًا إِلاَّ حُرِمَ الْعِلْمَ.

(موضوع)

"Allah tidak menghinakan seseorang hamba melainkan Ia mengharamkan ilmu."

Hadith ini maudhu'[260]

262. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

(259) HR. Ath-Thabarani. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4111.

(260) Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4997.

مَا اسْتَرْذَلَ اللّٰهُ تَعَالَى عَبْدًا إِلاَّ حَظَّرَ عَلَيْهِ الْعِلْمَ وَالأَدَبَ.

(موضوع).

"Allah Taala tidak menghinakan seorang hamba melainkan Ia melarang ilmu dan adab ke atasnya."

Hadith ini maudhu'(261)

263. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خُيِّرَ سُلَيْمَانُ بَيْنَ الْمَالِ وَالْمُلْكِ وَالْعِلْمِ فَاخْتَارَ الْعِلْمَ فَأُعْطِيَ الْمُلْكَ وَالْمَالَ لاخْتِيَارِهِ الْعِلْمَ.

(موضوع)

"Sulaiman diberi pilihan di antara harta dan kekuasaan dan ilmu, beliau pilih ilmu, maka beliau diberikan kekuasaan dan harta kerana ia memilih ilmu."

Hadith ini maudhu' (262)

264. Diriwayatkan daripada Ali r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ الْعِلْمُ كُلَّمَا قَيَّدَ حَدِيْثًا طَلَبَ إِلَيْهِ آخَرَ.

(موضوع)

"Barang kehilangan orang mukmin itu ialah ilmu, tiap-tiap kali ia mencacat Hadith ia minta yang lain lagi kepadanya."

Hadith ini maudhu'(263)

265. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

---

(261) Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4998, Maudhu'at Kubra 400.

(262) HR. Ibnu Asakir dan ad-Dailami. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 2933.

(263) HR. Ad-Dailami. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3584.

وَقِّرُوا مَنْ تَعَلَّمُوْنَ مِنْهُ الْعِلْمَ ووَقِّرُوا مَنْ تُعَلِّمُوْنَهُ الْعِلْمَ.

(موضوع)

"Hendaklah kamu muliakan atau menghormati orang yang engkau belajar ilmu daripadanya dan hormatilah orang yang engkau ajar ilmu kepadanya."

Hadith ini maudhu'[264]

266. Diriwayatkan daripada Umar r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا اكْتَسَبَ مُكْتَسِبٌ مِثْلَ فَضْلِ عِلْمٍ يَهْدِىْ صَاحِبَهُ إِلَى هُدًى أَوْ يَرُدُّهُ عَنْ رَدًى وَلاَ اسْتَقَامَ دِيْنُهُ حَتَّى يَسْتَقِيْمَ عَقْلُهُ.

(ضعيف جدا)

"Tiada sesuatu yang diperolehi oleh seorang pengusaha seperti kelebihan ilmu yang memberi petunjuk kepada tuannya kepada hidayah atau yang menolaknya dari kebinasaan, dan tiada tegak agamanya sebelum lurus akalnya."

Hadith ini sangat dha'if[265]

267. Diriwayatkan daripada Ali r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

هَدِيَّةُ الْمُعَلِّمِيْنَ وكَرَامَةُ الْعُلَمَاءِ وَحُبُّ أَصْحَابِى مِنْ أَفْعَالِ الأَنْبِيَاءِ.

(موضوع)

"Hadiah kepada para guru dan kemuliaan kepada para ulama dan cintakan sahabatku adalah sebahagian dari perbuatan-

(264) HR. Ibnu an-Najjar. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6126.
(265) HR. Ath-Thabarani. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5009.

perbuatan para Anbia'."

Hadith ini maudhu'(266)

268. Diriwayatkan daripada Jabir r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

سَاعَةٌ مِنْ عَالِمٍ مُتَّكِئٍ عَلَى فِرَاشِهِ يَنْظُرُ فِى عِلْمِهِ خَيْرٌ مِنْ عِبَادَةِ الْعَابِدِ سَبْعِيْنَ عَامًا. (موضوع)

"Sesaat dari bertekannya seorang alim di atas tempat tidurnya melihat kepada ilmunya adalah lebih baik daripada ibadat orang abid tujuh puluh tahun."

Hadith ini maudhu'(267)

269. Diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُوْنُوا لِلْعِلْمِ رُعَاةً وَلاَ تَكُوْنُوْالَهُ رُوَاةً. (موضوع)

"Hendaklah kamu menjadi pemelihara ilmu dan janganlah kamu menjadi perawi ilmu."

Hadith ini maudhu'(268)

270. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا آتَى اللّٰهُ عَالِمًا عِلْمًا إِلاَّ أَخَذَ عَلَيْهِ الْمِيْثَاقَ أَنْ لاَ يَكْتُمَهُ.

(موضوع)

"Allah tidak mendatangkan ilmu kepada seorang alim melainkan Ia mengambil perjanjian ke atasnya bahawa

(266) HR. Ad-Dailami. Tanzihusy-Syari'ah 1/177/275.
(267) HR. Ad-Dailami. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3205.
(268) HR. Abu Nu'aim. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4282.

janganlah ia menyembunyikan ilmu."

Hadith ini maudhu'[269]

271. Diriwayatkan daripada Abdur-Rahman bin 'Amru al-Anshari r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مِنْ اقْتِرَابِ السَّاعَةِ كَثْرَةُ الْقَطْرِ وَقِلَّةُ النَّبَاتِ وَكَثْرَةُ الْقُرَّاءِ وَقِلَّةُ الْفُقَهَاءِ وَكَثْرَةُ الأُمَرَاءِ وَقِلَّةُ الأُمَنَاءِ.

(موضوع)

"Di antara tanda-tanda hampir kiamat ialah banyak hujan, sedikit tumbuh-tumbuhan, banyak para qari', sedikit para fuqaha', banyak para umara' dan sedikit orang-orang yang amanah."

Hadith ini maudhu'[270]

272. Diriwayatkan daripada Uthman r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَشْفَعُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثَلاَثَةٌ: الأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الْعُلَمَاءُ ثُمَّ الشُّهَدَاءُ.

(موضوع)

"Tiga orang akan memberi syafaat pada hari kiamat, iaitu: para Anbia', kemudian para ulama dan kemudian para syuhada'."

Hadith ini maudhu'[271]

273. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

(269) HR. Ibnu Nazif dan Ibnul-Jauzi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4974.

(270) HR. Ath-Thabarani. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5284.

(271) HR. Ibnu Majah. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6428, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1978, Al-Misykat 5611, Dha'if Sunan Ibnu Majah 4313-939.

نُقْطَةٌ مِنْ دَوَاةِ عَالِمٍ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْ عَرَقِ مِائَةِ ثَوْبِ شَهِيْدٍ.

(موضوع)

"Setitik dakwat orang alim adalah lebih aku sukainya daripada peluh seratus pakaian orang syahid."

Hadith ini maudhu' [272]

274. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

مِدَادُ الْعُلَمَاءِ أَفْضَلُ مِنْ دَمِ الشُّهَدَاءِ.

(موضوع)

"Tinta para ulama lebih utama daripada darah syuhada'

Hadith ini maudhu' [273]

275. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

وُزِنَ حِبْرُ الْعُلَمَاءِ وَدَمُ الشُّهَدَاءِ فَرَجَحَ عَلَيْهِمْ.

(موضوع)

"Tinta ulama ditimbang dengan darah para syuhada' maka tinta para ulama lebih berat daripada darah syuhada'

Hadith ini maudhu' [274]

276. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

(272) Al-Fawaidul-Majmu'ah 53/287.

(273) Al-Fawaidul-Majmu'ah 57/287, Kasyful-Khafa' 2/2276.

(274) HR. Al-Khatib. Al-Fawaidul-Majmu'ah 53/287, Kasyful-Khafa' 2/2276.

يُوزَنُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِدَادُ الْعُلَمَاءِ بِدَمِ الشُّهَدَاءِ فَيَرْجَحُ مِدَادُ الْعُلَمَاءِ عَلَى دَمِ الشُّهَدَاءِ.

(موضوع)

"Pada hari kiamat tinta para ulama ditimbang dengan darah para syuhada' maka tinta para ulama lebih berat daripada darah syuhada'."

Hadith ini maudhu'[275]

277. Diriwayatkan daripada al-Hasan r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

هِمَّةُ الْعُلَمَاءِ الرِّعَايَةُ وَهِمَّةُ السُّفَهَاءِ الرِّوَايَةُ.

(موضوع)

"Hemah para ulama ialah menjaga dan hemah orang-orang bodoh ialah riwayat."

Hadith ini maudhu'[276]

278. Diriwayatkan daripada Samurah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا تَصَدَّقَ النَّاسُ بِصَدَقَةٍ أَفْضَلَ مِنْ عِلْمٍ يُنْشَرُ.

(ضعيف جدا)

"Manusia tidak memberi satu sedekah yang lebih utama daripada ilmu yang disebarkannya."

Hadith ini sangat dha'if[277]

279. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a bahawa

(275) Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6447.
(276) HR. Ibnu Asakir. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6099.
(277) HR. Ath-Thabarani. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5044.

Rasulullah SAW. bersabda:

ذَنْبُ الْعَالِمِ ذَنْبٌ وَاحِدٌ وَذَنْبُ الْجَاهِلِ ذَنْبَانِ. (ضعيف جدا)

"Dosa orang alim hanya satu dosa dan dosa orang jahil adalah dua dosa."

Hadith ini sangat dha'if[278]

280. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

هَلاَكُ أُمَّتِي عَالِمٌ فَاجِرٌ وَعَابِدٌ جَاهِلٌ. (لا أصل له)

"Kebinasaan umatku ialah kerana orang alim yang jahat dan orang abid yang jahil."

Hadith ini tiada asalnya[279]

281. Diriwayatkan daripada Abu Sa'id r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

كَاتِمُ الْعِلْمِ يَلْعَنُهُ كُلُّ شَيْءٍ حَتَّى الْحُوْتَ فِي الْبَحْرِ وَالطَّيْرَ فِي السَّمَاءِ. (موضوع)

"Orang yang menyembunyikan ilmu akan dikutuk segala sesuatu sampai-sampai ikan dalam laut dan burung-burung di langit."

Hadith ini maudhu'[280]

282. Diriwayatkan daripada Wathilah r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

(278) HR. Ad-Dailami. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3050.

(279) Maudhu'at Kubara 580.

(280) HR. Ibnul-Jauzi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4146.

كُلُّ بُنْيَانٍ وَبَالٌ عَلَى صَاحِبِهِ إِلاَّ مَا كَانَ هَكَذَا وَأَشَارَ بِكَفِّهِ، وَكُلُّ عِلْمٍ وَبَالٌ عَلَى صَاحِبِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلاَّ مَنْ عَمِلَ بِهِ.

(ضعيف جدا)

"Semua binaan adalah kebinasaan ke atas tuan empunyanya melainkan bangunan seperti ini lantas beliau mengisyaratkan dengan telapak tangannya, dan semua ilmu adalah kebinasaan atas tuan empunyanya pada hari kiamat melainkan orang yang mengamalkannya."

Hadith ini sangat dha'if[281]

283. Diriwayatkan daripada Hausyab al-Fihri bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

لَوْ كَانَ جُرَيْجُ الرَّاهِبَ فَقِيْهًا عَالِمًا لَعَلِمَ أَنَّ اجَابَتَهُ دُعَاءَ أُمِّهِ أَوْلَى مِنْ عِبَادَةِ رَبِّهِ.

(موضوع)

"Jika Juraij paderi itu seorang fakih yang alim tentulah ia tahu bahawa menyahut panggilan ibunya adalah lebih utama daripada ibadatnya kepada Tuhannya."

Hadith ini maudhu'[282]

284. Diriwayatkan daripada Anas r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

مَنْ أَذَلَّ عَالِمًا بِغَيْرِ حَقٍّ أَذَلَّهُ اللّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى رُؤُوْسِ الْخَلاَئِقِ.

(موضوع)

---

(281) HR. Ath-Thabarani. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4221.

(282) HR. Al-Hassan bin Sufian, Al-Hakim at-Tirmizi, Ibnu Qani' dan al-Baihaqi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4839.

"Barangsiapa tanpa hak menghina orang alim nescaya Allah menghinanya pada hari kiamat di tengah-tengah orang ramai."

Hadith ini maudhu'[283]

285. Diriwayatkan daripada Wathilah r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

مَا مِنْ شَيْءٍ أَقْطَعُ لِظَهْرِ اِبْلِيْسَ مِنْ عَالِمٍ يَخْرُجُ فِي قَبِيْلَةٍ.

(موضوع)

"Tiada sesuatu yang lebih mampu memotong belakang iblis daripada seorang alim yang keluar dalam satu qabilah."

Hadith ini maudhu'[284]

286. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

مَوْتُ الْعَالِمِ ثُلْمَةٌ فِي الاِسْلاَمِ لاَ تُسَدُّ مَا اخْتَلَفَ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ.

(موضوع)

"Kematian orang alim itu merupakan satu lubang dalam Islam yang tidak dapat ditutup selama ada perbezaan siang dan malam."

Hadith ini maudhu'[285]

287. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

مَا قَبَضَ اللّٰهُ تَعَالَى عَالِمًا مِنْ هَذِهِ الأُمَّةِ إِلاَّ كَانَ ثَغْرَةً فِي الاِسْلاَمِ

(283) HR. Ibnu An-Najjar. Maudhu'at Kubra 453.

(284) HR. Ad-Dailami. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5183.

(285) HR. Al-Bazzar. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5894.

لاَ تُسَدُّ ثُلْمَتُهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ. (موضوع)

"Allah tidak akan mengambil nyawa seseorang alim dari umat ini melainkan kematian itu menjadi satu lubang dalam Islam yang tidak boleh ditutupnya sampailah hari kiamat."

Hadith ini maudhu'(286)

288. Diriwayatkan daripada Mu'az bin Jabal r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

مَا مِنْ عَالِمٍ أَتَى صَاحِبَ سُلْطَانٍ طَوْعًا إِلاَّ كَانَ شَرِيكَهُ فِي كُلِّ لَوْنٍ يُعَذَّبُ بِهِ فِي نَارِ جَهَنَّمَ. (موضوع)

"Tiada seorang orang alim yang mendatangi pemerintah secara sukarela melainkan ia menjadi sekutunya dalam semua macam azab yang diazabkan dengannya dalam neraka jahannam."

Hadith ini tidak sah/maudhu'(287)

289. Diriwayatkan daripada Anas r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

لاَ تَطْرَحُوا الدُّرَّ فِي أَفْوَاهِ الْكِلاَبِ. (ضعيف جدا)

"Janganlah kamu melontar mutiara dalam mulut anjing."

Hadith ini sangat dha'if(288)

290. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

(286) HR. As-Sijzi dan al-Murhibi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5119.
(287) HR. Ad-Dailami. Al-Maqashidul-Hasanah 983.
(288) HR. Al-Mukhlis. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6242.

فِكْرَةُ سَاعَةٍ خَيْرٌ مِنْ عِبَادَةِ سِتِّيْنَ سَنَةً. (موضوع)

"Fikiran satu saat lebih baik daripada ibadat 60 tahun."

Hadith ini maudhu'(289)

291. Al-Ghazali meriwayatkan dalam al-Ihya' bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

قَلِيْلٌ مِنَ التَّوْفِيْقِ خَيْرٌ مِنْ كَثِيْرٍ مِنَ الْعِلْمِ. (لا أصل له)

"Sedikit dari taufiq lebih baik daripadanya banyak ilmu."

Hadith ini tidak berasal(290)

292. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

قُلُوْبُ الشُّعَرَاءِ خَزَائِنُ الرَّحْمَنِ. (موضوع)

"Hati para penyair adalah khazanah ar-Rahman."

Hadith ini maudhu'(291)

293. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar ra. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

يَأْتِىْ عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ لاَ يَبْقَى مِنَ الْقُرْآنِ إِلاَّ رَسْمُهُ وَلاَ مِنَ الاِسْلاَمِ إِلاَّ اسْمُهُ يُقْسِمُوْنَ بِهِ وَهُمْ أَبْعَدُ النَّاسِ مِنْهُ، مَسَاجِدُهُمْ عَامِرَةٌ، فَرَابٌ مِنَ الْهُدَى، فُقَهَاءُ ذَلِكَ الزَّمَانِ شَرٌّ فُقَهَاءٍ تَحْتَ ظِلِّ السَّمَاءِ، مِنْهُمْ خَرَجَتِ الْفِتْنَةُ وَإِلَيْهِمْ تَعُوْدُ.

(موضوع)

(289) HR. Abu Asy-Syaikh. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3988.
(290) Maudhu'at Kubra 333, Kasyful-Khafa' 2/1883.
"Akan ada sesudahku satu kaum dari umatku membaca Al-Quran dan mereka mendalami agama yang didatangi syaitan seraya berkata: Jika kamu mendatangi sultan/penguasa lalu ia memperbaiki sebahagian dari dunia kamu dan hendaklah kamu mengasingkan mereka dengan agama kamu. Yang demikian ini tidak mungkin, sebagaimana tidak akan dapat dipetik dari pokok berduri melainkan durinya, maka demikian pula tidak akan dapat dipetik daripada menghampiri mereka melainkan kesalahan-kesalahan jua."

Hadith ini dha'if[373]

375. Diriwayatkan daripada Al-Ahwah bin Hukaim katanya:

---

(372) HR. Ad-Dailami. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3279.

(373) HR. Ibnu Asakir. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3313, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 2625.

سَأَلَ رَجُلٌ النَّبِيَّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الشَّرِّ فَقَالَ: لاَ تَسْأَلُوْنِي عَنِ الشَّرِّ وَسَلُوْنِي عَنِ الْخَيْرِ، يَقُوْلُهَا ثَلاَثًا ثُمَّ قَالَ: أَلاَ إِنَّ شَرَّ الشَّرِّ شِرَارُ الْعُلَمَاءِ وَإِنَّ خَيْرَ الْخَيْرِ خِيَارُ الْعُلَمَاءِ.

(ضعيف)

"Seorang lelaki bertanyakan Nabi SAW mengenai kejahatan, maka beliau bersabda: Janganlah kamu bertanya kepadaku mengenai kejahatan, tetapi bertanyalah aku mengenai kebaikan. Beliau bersabda demikian tiga kali. Kemudian beliau bersabda: Ketahuilah bahawa sesungguhnya sejahat-jahat kejahatan itu ialah ulama yang jahat dan kebaikan yang paling baik ialah ulama yang terbaik."

Hadith ini dha'if[374]

376. Diriwayatkan daripada Mu'az r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

شِرَارُ النَّاسِ شِرَارُ الْعُلَمَاءِ فِي النَّاسِ. (ضعيف)

"Manusia yang paling jahat ialah ulama yang paling jahat pada manusia."

Hadith ini dha'if[375]

377. Diriwayatkan daripada Jabir r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

سَارِعُوْا فِي طَلَبِ الْعِلْمِ، فَالْحَدِيْثُ مِنْ صَادِقٍ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا

(374) HR. Ad-Darimi. Al-Misykat 267.

(375) HR. Al-Bazzar. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1418, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3381.

عَلَيْهَا مِنْ ذَهَبٍ وفِضَّةٍ. (ضعيف)

"Hendaklah kamu bersegera mencari ilmu, maka hadith daripada orang yang benar adalah lebih baik daripada dunia dan isinya dari emas dan perak."

Hadith ini dha'if[376]

378. Diriwayatkan daripada Hasan bin Abi Sinan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَالِبُ الْعِلْمِ بَيْنَ الْجُهَّالِ كَالْحَيِّ بَيْنَ الْأَمْوَاتِ.

(ضعيف)

"Pelajar ilmu di antara orang-orang jahil bagaikan orang hidup di antara orang-orang mati."

Hadith ini dha'if[377]

379. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَالِبُ الْعِلْمِ تَبْسُطُ لَهُ الْمَلَائِكَةُ أَجْنِحَتَهَا رِضًا بِمَا يَطْلُبُ.

(ضعيف)

"Pelajar ilmu itu akan dibentangkan oleh para Malaikat akan sayap-sayapnya kerana redha dengan apa yang dituntutnya."

Hadith ini dha'if[378]

380. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

---

(376) HR. Ar-Rafi'iy. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1574, Dha'ifati al-Jamiush-Shaghir 3202.

(377) HR. Al-Baihaqi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3608.

(378) HR. Ibnu Asakir. Dha'if al-Jamisuh-Shaghir 3609.

طَالِبُ الْعِلْمِ طَالِبُ الرَّحْمَةِ، طَالِبُ الْعِلْمِ رُكْنُ الْاِسْلَامِ يُعْطَى أَجْرَهُ مَعَ النَّبِيِّيْنَ. (ضعيف)

"Penuntut ilmu itu adalah pencari rahmat. Penuntut ilmu adalah rukun Islam dan pahalanya diberikan bersama-sama dengan para Anbia'."

Hadith ini dha'if (379)

381. Diriwayatkan daripada Ammar dan Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَالِبُ الْعِلْمِ لِلّٰهِ كَالْغَادِيْ وَالرَّائِحِ فِي سَبِيْلِ اللّٰهِ عَزَّوَجَلَّ.

(ضعيف)

"Orang yang menuntut ilmu kerana Allah adalah seperti orang yang pergi pagi dan petang di jalan Allah Azza wa Jalla."

Hadith ini dha'if (380)

382. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَالِبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ وَاللّٰهُ يُحِبُّ إِغَاثَةَ اللَّهْفَانِ.

(ضعيف)

"Menuntut ilmu itu wajib atas tiap-tiap orang Islam dan Allah suka menolong orang yang berdukacita/menyesal."

Hadith ini dha'if (381)

---

(379) HR. Ad-Dailami. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 3822, Dha'ifati al-Jamiush-Shaghir 3610.

(380) HR. Ad-Dailami. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3612.

(381) HR. Al-Baihaqi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3625.

385. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طُوبَى لِمَنْ يُبْعَثُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَجَوْفُهُ مَحْشُوٌّ بِالْقُرْآنِ وَالْفَرَائِضِ وَالْعِلْمِ. (ضعيف)

"Kebahagiaanlah bagi orang yang dibangkitkan pada hari kiamat sedangkan dadanya berisi dengan Al-Quran, faraidh dan ilmu."

Hadith ini dha'if[382]

386. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طُوبَى لِلْعُلَمَاءِ طُوبَى لِلْعُبَّادِ، وَيْلٌ لأَهْلِ الأَسْوَاقِ.

(ضعيف)

"Kebahagiaanlah bagi para ulama dan kebahagiaanlah bagi para abid dan kecelakaanlah bagi pekedai-pekedai."

Hadith ini dha'if[383]

387. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ سَبْعُونَ دَرَجَةً. (ضعيف)

"Kelebihan orang Mukmin yang alim atas Mukmin yang abid ialah tujuh puluh darjah."

Hadith ini dha'if[384]

(382) HR. Ad-Dailami. Dha'if al-Jamisuh-Shaghir 3645, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 3837.

(383) HR. Ad-Dailami. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3635.

(384) HR. Abu Ya'la. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3967.

386. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَلَيْكُمْ بِهَذَا الْعِلْمِ قَبْلَ أَنْ يُقْبَضَ وَقَبْلَ أَنْ يُرْفَعَ، الْعَالِمُ وَالْمُتَعَلِّمُ شَرِيْكَانِ فِى الْأَجْرِ وَلَا خَيْرَ فِى سَائِرِ النَّاسِ بَعْدُ.

(ضعيف)

"Hendaklah kamu mengambil ilmu ini sebelum ia ditarik dan sebelum ia diangkat. Orang alim dan pelajar itu bersekutu adalah pahala dan tiada kebaikan pada semua manusia selepasnya."

Hadith ini dha'if[385]

387. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَلَيْكَ بِالْعِلْمِ فَإِنَّ الْعِلْمَ خَلِيْلُ الْمُؤْمِنِ وَالْحِلْمُ وَزِيْرُهُ وَالْعَقْلُ دَلِيْلُهُ وَالْعَمَلُ قَيِّمُهُ وَالرِّفْقُ أَبُوهُ وَاللِّيْنُ أَخُوهُ وَالصَّبْرُ أَمِيرُ جُنُودِهِ.

(ضعيف)

"Hendaklah engkau mencari ilmu kerana ilmu itu adalah kawan baik orang mukmin manakala kesantunan adalah wazirnya, akal petunjuk jalannya, amalan adalah tonggaknya, ramah-tamah bapanya, lemah-lembut saudaranya dan sabar adalah ketua tenteranya."

Hadith ini dha'if[386]

388. Diriwayatkan daripada Abu Umamah r.a. bahawa

(385) HR. Ibnu Majah. Dha'if Sunan Ibnu Majah 47-228, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3792, at-Targhib 1/59.

(386) HR. Al-Hakim at-Tirmizi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3743.

Rasulullah SAW bersabda:

عَلَيْكُمْ بِهَذَا الْعِلْمِ قَبْلَ أَنْ يُقْبَضَ وَقَبْضُهُ أَنْ يُرْفَعَ. وَجَمَعَ بَيْنَ إِصْبَعَيْهِ الْوُسْطَى وَالَّتِي تَلِي الْإِبْهَامَ هَكَذَا ثُمَّ قَالَ: الْعَالِمُ وَالْمُتَعَلِّمُ شَرِيكَانِ فِي الْأَجْرِ وَلَا خَيْرَ فِي سَائِرِ النَّاسِ. (ضعيف)

"Hendaklah kamu mengambil ilmu ini sebelum ia diambil dan diambilnya ilmu ialah diangkatkan. Beliau mengumpulkan di antara dua jari tengah dengan jari telunjuknya begini dan beliau bersabda: Orang alim dan pelajar itu bersekutu pada pahala dan tidak ada kebaikan pada semua manusia yang lain."

Hadith ini dha'if(387)

389. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عِلْمُ النَّسَبِ عِلْمٌ لَا يَنْفَعُ وَجَهَالَتُهُ لَا تَضُرُّ. (ضعيف)

"Ilmu Nasab adalah satu ilmu yang tidak berguna dan jahil mengenainya tidaklah membahayakan."

Hadith ini dha'if(388)

390. Diriwayatkan daripada Mujahid bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَلِّمُوا رِجَالَكُمْ سُورَةَ الْمَائِدَةِ وَعَلِّمُوا نِسَاءَكُمْ سُورَةَ النُّورِ.

(ضعيف)

(387) HR. Ibnu Majah. Dha'if Sunan Ibnu Majah 228-43 Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3792, At-Targhib 1/59.

(388) HR. Ibnu Abdil-Barri. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 3872, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3725.

"Hendaklah kamu ajar lelaki kamu akan surah Al-Maidah dan ajarlah wanita-wanita kamu akan surah An-Nur."

Hadith ini dha'if[389]

391. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَلِّمُوا نِسَاءَكُمْ سُوْرَةَ الْوَاقِعَةِ فَإِنَّهَا سُوْرَةُ الْغِنَى.

(ضعيف)

"Hendaklah kamu ajar wanita-wanita kamu akan surah Al-Waqi'ah kerana ianya surah kekayaan."

Hadith ini dha'if[390]

392. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَلِّمُوا وَلَا تُعَنِّفُوا فَإِنَّ الْمُعَلِّمَ خَيْرٌ مِنَ الْمُعَنِّفِ. (ضعيف)

"Hendaklah kamu mengajar dan janganlah kamu berlaku kasar kerana guru itu adalah lebih baik daripada orang yang kasar sifatnya."

Hadith ini dha'if[391]

393. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ خَرَجَ فِيْ طَلَبِ الْعِلْمِ فَهُوَ فِي سَبِيْلِ اللّٰهِ حَتَّى يَرْجِعَ.

(ضعيف)

(389) HR. Sa'id bin Mansor dan al-Baihaqi. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 3879, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3729.

(390) HR. Ad-Dailami. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 3870, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3730.

(391) HR. Al-Harith. Ibnu 'Adiy dan al-Baihaqi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3731. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 2635.

"Barangsiapa yang keluar mencari ilmu maka dia di jalan Allah sampailah ia kembali."

Hadith ini dha'if[392]

394. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ فَهُوَ فِي سَبِيْلِ اللهِ حَتَّى يَرْجِعَ.

(ضعيف)

"Barangsiapa yang menuntut ilmu maka ianya di jalan Allah sampailah ia pulang."

Hadith ini dha'if[393]

395. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَعَلَّمَ عِلْمًا لِغَيْرِ اللهِ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

(ضعيف)

"Barangsiapa mempelajari ilmu untuk selain Allah, maka bersedialah mengambil tempatnya dalam neraka."

Hadith ini dha'if[394]

396. Diriwayatkan daripada Ali r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ زَهُدَ فِي الدُّنْيَا عَلَّمَهُ اللهُ بِلاَ تَعَلُّمٍ وَهَدَاهُ بِلاَ هِدَايَةٍ وَجَعَلَهُ

(392) HR. At-Tirmizi dan Adh-Dhia'. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5570, Al-Misykat 220, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 2037, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5570, Dha'if Sunan At-Tirmizi 494-2798.

(393) HR. Abu Nu'aim. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5685.

(394) HR. At-Tirmizi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5530, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 5017, At-Targhib 1/69.

بَصِيرًا وكَشَفَ عَنْهُ الْعَمَى.

(ضعيف)

"Barangsiapa yang zahid di dunia nescaya Allah mengajarnya tanpa belajar dan Allah memberinya petunjuk tanpa hidayah dan menjadikannya celek dan menghilangkan kebutaannya."

Hadith ini dha'if[395]

397. Diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللّٰهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّيْنِ وَيُلْهِمْهُ رُشْدَهُ.

(ضعيف)

"Barangsiapa yang dikehendaki Allah kebaikan untuknya nescaya Ia memberikannya kefahaman dalam agama dan memberikannya ilham akan petunjuknya."

Hadith ini dha'if[396]

398. Diriwayatkan daripada Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللّٰهُ يَهْدِيَهُ يُفَقِّهْهُ.

(ضعيف)

"Barangsiapa yang dikehendaki Allah untuk memberinya petunjuk nescaya Ia memberikannya kefahaman."

Hadith ini dha'if[397]

(395) HR. Abu Nu'aim. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5612, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 4600.

(396) HR. Abu Nu'aim. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 2129, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5889.

(397) HR. As-Sijzi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5890.

399. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَعَلَّمَ عِلْمًا لِغَيْرِ اللّٰهِ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ. (ضعيف)

"Barangsiapa yang mempelajari ilmu untuk selain Allah atau ia menghendaki keredhaan selain Allah, maka bersedialah mengambil tempatnya dari bahagian neraka."

Hadith ini dha'if(398)

400. Diriwayatkan daripada Al-Hasan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ جَاءَهُ الْمَوْتُ وَهُوَ يَطْلُبُ الْعِلْمَ لِيُحْيِيَ بِهِ الْاِسْلاَمَ فَبَيْنَهُ وَبَيْنَ النَّبِيِّيْنَ دَرَجَةٌ وَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ. (ضعيف)

"Barangsiapa yang kedatangan mati di kala ia sedang menuntut ilmu untuk menghidupkan Islam, maka di antaranya dengan para Anbiak ialah satu darjat dalam syurga."

Hadith ini dha'if(399)

401. Diriwayatkan daripada Umar bin Al-Khaththab r.a. katanya:

مَنْ أَرْبَابُ الْعِلْمِ؟ قَالَ: الَّذِيْنَ يَعْمَلُوْنَ بِمَا يَعْلَمُوْنَ. قَالَ: فَمَا أَخْرَجَ الْعِلْمَ مِنْ قُلُوْبِ الْعُلَمَاءِ؟ قَالَ: الطَّمَعُ. (ضعيف)

"Siapakah pemilik-pemilik ilmu? Pemilik-pemilik ilmu itu

---

(398) HR. At-Tirmizi. Dha'if Sunan at-Tirmizi 498-2806, Dha'if Sunan Ibnu Majah 258, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5530 dan 5687.

(399) HR. Ad-Darimi. Al-Misykat 249.

ialah orang yang beramal dengan apa yang mereka ketahui. Maka apakah yang mengeluarkan ilmu dari hati para ulama? Beliau berkata: Ialah tamak."

"Hadith ini dha'if[400]

402. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْهُوْمَانِ لاَ يَشْبَعَانِ: مَنْهُوْمٌ فِي الْعِلْمِ لاَ يَشْبَعُ مِنْهُ وَمَنْهُوْمٌ فِي الدُّنْيَا لاَ يَشْبَعُ مِنْهَا.

(ضعيف)

"Ada dua kerakusan yang tidak kenyang-kenyangnya, iaitu; kerakusan kepada ilmu tidak kenyang-kenyangnya dan kerakusan pada dunia tidak akan kenyang-kenyangnya.

Hadith ini dha'if[401]

403. Diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَتَمَ عِلْمًا عَنْ أَهْلِهِ أُلْجِمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لِجَامًا مِنْ نَارٍ.

(ضعيف)

"Barangsiapa menyembunyikan ilmu dari ahlinya maka pada hari kiamat ia dikekang dengan pengekang dari neraka."

Hadith ini dha'if[402]

404. Diriwayatkan daripada Abu Sa'id r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

(400) HR. Ad-Darimi. Al-Misykat 266.

(401) HR. Al-Baihaqi. Al-Misykat 250.

(402) HR. Ibnu 'Adiy. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5813.

مَنْ كَتَمَ عِلْمًا مِمَّا يَنْفَعُ اللَّهُ بِهِ النَّاسَ فِي أَمْرِ الدِّينِ الْجَمَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِلِجَامٍ مِنَ النَّارِ. (ضعيف)

"Barangsiapa menyembunyikan satu ilmu yang Allah akan memberinya manfaat kepada manusia dalam urusan agama nescaya Allah mengekangnya pada hari kiamat dengan pengekang dari neraka."

Hadith ini dha'if[403]

405. Diriwayatkan daripada Abu Sa'id r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ عَلَّمَ أَيَةً مِنْ كِتَابِ اللَّهِ أَوْ بَابًا مِنْ عِلْمٍ أَنْمَى اللَّهُ أَجْرَهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ. (ضعيف)

"Barangsiapa mengajar satu ayat dari Kitabullah ataupun satu bab dari ilmu nescaya Allah menyuburkan pahalanya sampailah hari kiamat."

Hadith ini dha'if[404]

406. Diriwayatkan daripada 'Uqbah bin 'Amir r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَعَلَّمَ الرَّمْيَ ثُمَّ تَرَكَهُ فَقَدْ عَصَانِيْ. (ضعيف)

"Barangsiapa yang belajar memanah kemudian ia meninggalkannya maka sesungguhnya ia telah

(403) HR. Ibnu Majah. Dha'if Sunan Ibnu Majah 56-265, Dha'if Al-Jamiush-Shaghir 5814, At-Targhib 1/73.

(404) HR. Ibnu Asakir. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5704.

menderhakaiku."

Hadith ini dha'if[405]

407. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ جَادَلَ فِي خُصُومَةٍ بِغَيْرِ عِلْمٍ لَمْ يَزَلْ فِي سُخْطِ اللَّهِ حَتَّى يَنْزِعَ.

(ضعيف)

"Barangsiapa yang berbantah-bantah dalam satu perdebatan tanpa ilmu ia terus menerus dalam kemurkaan Allah sampailah ia menariknya."

Hadith ini dha'if[406]

408. Diriwayatkan daripada Ali r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَفْتَى بِغَيْرِ عِلْمٍ لَعَنَتْهُ مَلاَئِكَةُ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ.

(ضعيف)

"Barangsiapa yang mengeluarkan fatwa tanpa ilmu nescaya ia dilaknat para Malaikat langit dan bumi."

Hadith ini dha'if[407]

409. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

(ضعيف)

"Barangsiapa yang membicarakan Al-Quran dengan

(405) HR. Ibnu Majah. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5528, at-Targhib 2/172.

(406) HR. Ibnu Abu Ad-Dunya. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 4580, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5541.

(407) HR. Ibnu Asakir. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5459.

fikirannya maka bersedialah mengambil tempatnya dari neraka."

Hadith ini dha'if(408)

410. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَالَ فِى الْقُرْآنِ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

(ضعيف)

"Barangsiapa yang membicarakan pada Al-Quran tanpa ilmu maka bersedialah mengambil tempatnya dari neraka."

Hadith ini dha'if(409)

411. Diriwayatkan daripada Jundub r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَالَ فِى الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ فَقَدْ أَخْطَأَ. (ضعيف)

"Barangsiapa yang membicarakan Al-Quran dengan fikirannya lalu ia betul maka sesungguhnya ia telah melakukan kesalahan."

Hadith ini dha'if(410)

412. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَكَلَ بِالْعِلْمِ طَمَسَ اللّٰهُ عَلَى وَجْهِهِ وَرَدَّهُ عَلَى عَقِبَيْهِ وَكَانَتِ النَّارُ أَوْلَى بِهِ.

(ضعيف)

(408) HR. At-Tirmizi. Dha'if Sunan at-Tirmizi 569-3134, Al-Misykat 234.

(409) HR. At-Tirmizi. Dha'if Sunan at-Tirmizi 569-3134, Al-Misykat 234, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5737.

(410) HR. At-Tirmizi dan Abu Daud. Dha'if Sunan At-Tirmizi 571-3136, Dha'if Sunan Abu Daud 789-3652, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5736.

"Barangsiapa makan dengan ilmu nescaya Allah menghapus cahaya di atas mukanya dan menolaknya ke belakangnya dan neraka adalah lebih utama dengannya."

Hadith ini dha'if(411)

413. Diriwayatkan daripada Ibnu 'Amru r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا أَهْدَى الْمَرْءُ الْمُسْلِمُ لأَخِيْهِ هَدِيَّةً أَفْضَلَ مِنْ كَلِمَةِ حِكْمَةٍ يَزِيْدُ اللّٰهُ بِهَا هُدًى أَوْ يَرُدُّهُ بِهَا عَنْ رَدًى.

(ضعيف)

"Tidak ada satu hadiah yang dihadiahkan oleh seorang muslim kepada saudaranya lebih utama daripada kalimah hikmah yang dengannya Allah menambahkan petunjuk ataupun menolak dari kebinasaan."

Hadith ini dha'if(412)

414. Diriwayatkan daripada Ali r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا جُمِعَ شَيْءٌ إِلَى شَيْءٍ أَفْضَلُ مِنْ عِلْمٍ إِلَى حِلْمٍ.

(ضعيف)

"Tidak dikumpulkan sesuatu kepada sesuatu lebih utama daripada ilmu kepada kesantunan."

Hadith ini dha'if(413)

415. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa

(411) HR. Asy-Syirazi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5475.
(412) HR. Al-Baihaqi dan Abu Nu'aim. Dha'f al-Jamiush-Shaghir 5030.
(413) HR. Ath-Thabarani. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5051.

Rasulullah SAW bersabda:

مَا عُبِدَ اللّٰهُ بِشَيْءٍ أَفْضَلَ مِنْ فِقْهٍ فِي الدِّيْنِ وَنَصِيْحَةٍ لِلْمُسْلِمِيْنَ.

(ضعيف)

"Tiada disembah Allah dengan sesuatu yang lebih utama daripada faham dalam agama dan nasihat untuk Muslimin."

Hadith ini dha'if[414]

416. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا عُبِدَ اللّٰهُ بِشَيْءٍ أَفْضَلَ مِنْ فِقْهٍ فِي دِيْنٍ.

(ضعيف)

"Tiada disembah Allah dengan sesuatu yang lebih utama daripada kefahaman dalam agama."

Hadith ini dha'if[415]

417. Diriwayatkan daripada Mu'az r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ عَالِمٍ أَتَى صَاحِبَ سُلْطَانٍ طَوْعًا إِلاَّ كَانَ شَرِيْكَهُ فِي كُلِّ لَوْنٍ يُعَذَّبُ بِهِ فِي نَارِ جَهَنَّمَ.

(ضعيف)

"Tiada orang alim yang mendatangi penguasa dengan secara sukarela melainkan ia bersekutu dengannya dalam semua jenis yang diazab dengannya dalam neraka Jahannam."

Hadith ini dha'if[416]

(414) HR. Ubnu an-Najjar. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5105.
(415) HR. Al-Baihaqi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5106.
(416) HR. Al-Hakim. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 5193.

418. Diriwayatkan daripada Jabir r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلرِّفْقُ رَأْسُ الْحِكْمَةِ. (ضعيف)

"Lemah lembut adalah kepala hikmat"

Hadith ini dha'if(417)

419. Diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

رَأْسُ الْحِكْمَةِ مَخَافَةُ اللّٰهِ. (ضعيف)

"Kepala hikmat ialah takut kepada Allah."

Hadith ini dha'if(418)

420. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كَادَ الْحَكِيْمُ أَنْ يَكُوْنَ نَبِيًّا. (ضعيف)

"Hampir-hampirlah Hakim (cendekiawan) itu menjadi Nabi."

Hadith ini dha'if(419)

421. Diriwayatkan daripada Abu Darda' r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كَيْفَ أَنْتَ يَا عُوَيْمَرُ إِذَا قِيْلَ لَكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعَلِمْتَ أَمْ جَهِلْتَ؟

(417) HR. Al-Qudha'iy. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3159, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 1574.

(418) HR. Al-Hakim at-Tirmizi dan Ibnu Lal. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 2060, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 3066.

(419) HR. Al-Khatib. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4147.

فَإِنْ قُلْتَ: عَلِمْتُ، قِيلَ لَكَ فَمَاذَا عَمِلْتَ فِيمَا عَلِمْتَ؟ وَإِنْ قُلْتَ: جَهِلْتُ، قِيلَ لَكَ فَمَا كَانَ عُذْرُكَ فِيمَا جَهِلْتَ، أَلاَ تَعَلَّمْتَ؟.

(ضعيف)

"Bagaimana keadaan engkau wahai Uwaimar apabila pada hari kiamat dikatakan kepadamu: Apakah anda alim ataukah anda jahil? Jika engkau katakan: Saya orang alim, nescaya dikatakan kepadamu: Apakah yang engkau buat dalam perkara yang engkau tahu? Jika engkau katakan: Saya jahil nescaya dikatakan kepadamu: Apakah halangannya yang menyebabkan engkau jahil? Mengapakah engkau tidak belajar?"

Hadith ini dha'if[420]

422. Diriwayatkan daripada Masruq bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كَفَى بِالْمَرْءِ عِلْمًا أَنْ يَخْشَى اللّٰهَ وَكَفَى بِالْمَرْءِ جَهْلاً أَنْ يُعْجَبَ بِنَفْسِهِ.

(ضعيف)

"Cukuplah ilmu seseorang itu bahawa ia takutkan Allah dan cukuplah kejahilan seseorang itu ia 'ujub dengan dirinya sendiri."

Hadith ini dha'if[421]

423. Diriwayatkan daripada Ibnu 'Amru r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

(420) HR. Ibnu Asakir. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4288.
(421) HR. Al-Baihaqi. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4178.

كَفَى بِالْمَرْءِ فِقْهًا إِذَا عَبَدَ اللّٰهَ وَكَفَى بِالْمَرْءِ جَهْلاً إِذَا أَعْجَبَ بِرَأْيِهِ. (ضعيف)

"Cukuplah seseorang itu faham apabila ia menyembah Allah dan cukuplah kejahilan seseorang itu apabila ia 'ujub dengan fikiran/pendapatnya sendiri."

Hadith ini dha'if[422]

424. Diriwayatkan daripada Mu'az r.a. katanya:

كُنْتُ أَطُوفُ مَعَ رَسُولِ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللّٰهِ، مَنْ أَشَرُّ النَّاسِ؟ فَأَعْرَضَ عَنِّي، ثُمَّ سَأَلْتُهُ فَأَعْرَضَ عَنِّي، ثُمَّ سَأَلْتُهُ فَقَالَ: شِرَارُ الْعُلَمَاءِ.

(ضعيف)

"Aku bertawaf bersama-sama dengan Rasulullah SAW maka aku bekata: Ya Rasulullah! Siapakah manusia yang paling jahat? Beliau berpaling dariku. Kemudian aku bertanya beliau dan beliau berpaling dariku. Dan kemudian aku bertanya lagi lalu beliau bersabda: Ialah ulama yang jahat."

Hadith ini dha'if[423]

425. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

قَلْبٌ لَيْسَ فِيهِ شَيْءٌ مِنَ الْحِكْمَةِ كَبَيْتٍ خَرِبٍ فَتَعَلَّمُوا وَعَلِّمُوا

(422) HR. Abu Nu'aim. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4179.

(423) HR. Ibnu 'Adiy. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifatul wal-Maudhu'ati 1418.

وَتَفَقَّهُوا وَلاَ تَمُوتُوا جُهَّالاً فَإِنَّ اللّٰهَ لاَ يَعْذُرُ عَلَى الْجَهْلِ.

(ضعيف)

"Hati yang tidak mempunyai sesuatu hikmah adalah seperti rumah yang roboh, maka oleh kerana itu hendaklah kamu belajar dan mengajar dan hendaklah kamu mendalami agama kamu dan janganlah kamu mati dalam keadaan jahil kerana Allah tidak memberi uzur atas kejahilan."

Hadith ini dha'if(424)

426. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَيْسَ مِنِّى إِلاَّ عَالِمٌ أَوْ مُتَعَلِّمٌ.

(ضعيف)

"Bukanlah dari golonganku melainkan orang alim ataupun pelajar."

Hadith ini dha'if(425)

427. Diriwayatkan daripada Abu Sa'id r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَنْ يُشْبَعَ الْمُؤْمِنُ مِنْ خَيْرٍ يَسْمَعُهُ حَتَّى يَكُونَ مُنْتَهَاهُ الْجَنَّةُ.

(ضعيف)

"Orang mukmin tidak akan kenyang daripada kebaikan yang ia dengarnya sehinggalah kesudahannya syurga."

Hadith ini dha'if(426)

(424) HR. Ibnu as-Sinni. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4107.

(425) HR. Ibnu an-Najjar. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4942.

(426) HR. At-Tirmizi dan Ibnu Hibban. Dha'if Sunan at-Tirmizi 505-2839.

428. Diriwayatkan daripada Qais bin Sa‘ad r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَوْ كَانَ الْعِلْمُ مُعَلَّقًا بِالثُّرَيَّا لَتَنَاوَلَهُ قَوْمٌ مِنْ أَبْنَاءِ فَارِسَ.

(ضعيف)

"Jikalah ilmu itu tersangkut di bintang Surayya tentulah ia akan dicapai oleh satu kaum dari penduduk Farsi."

Hadith ini dha'if[427]

429. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

ثَلاَثَةٌ لاَ يَسْتَخِفُّ بِحَقِّهِمْ إِلاَّ مُنَافِقٌ بَيِّنُ النِّفَاقِ: ذُوْ الشَّيْبَةِ فِي الاِسْلاَمِ، وَالاِمَامُ الْمُقْسِطُ وَمُعَلِّمُ الْخَيْرِ.

(ضعيف)

"Tiga orang yang tidak akan memandang mudah akan hak mereka melainkan orang munafiq yang terang nifaqnya; orang yang beruban dalam Islam, iman yang adil dan orang yang mengajar kebaikan."

Hadith ini dha'if[428]

430. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَيْلٌ لِأُمَّتِي مِنْ عُلَمَاءِ السُّوْءِ. (ضعيف)

"Kecelakaanlah bagi umatku daripada ulama yang jahat."

Hadith ini dha'if[429]

(427) HR. Abu Nu'aim. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4835.

(428) HR. Abu asy-Syaikh dalam at-Taubikh. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 2600.

(429) HR. Al-Hakim. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6139.

431. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَيْلٌ لِلْعَالِمِ مِنَ الْجَاهِلِ وَوَيْلٌ لِلْجَاهِلِ مِنَ الْعَالِمِ.

(ضعيف)

"Kecelakaanlah untuk orang alim dari orang jahil dan kecelakaanlah bagi orang jahil dari orang alim."

Hadith ini dha'if[430]

432. Diriwayatkan daripada Huzaifah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَيْلٌ لِمَنْ لاَ يَعْلَمُ وَوَيْلٌ لِمَنْ عَلِمَ ثُمَّ لاَ يَعْمَلُ.

(ضعيف)

"Kecelakaanlah bagi orang yang tidak tahu dan kecelakaanlah bagi orang yang tahu kemudian ia tidak beramal."

Hadith ini dha'if[431]

433. Diriwayatkan daripada Jabalah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَيْلٌ لِمَنْ لاَ يَعْلَمُ وَلَوْ شَاءَ اللّٰهُ لَعَلَّمَهُ وَاحِدٌ مِنَ الْوَيْلِ، وَوَيْلٌ لِمَنْ يَعْلَمُ وَلاَ يَعْمَلُ سَبْعٌ مِنَ الْوَيْلِ.

(ضعيف)

"Kecelakaanlah bagi orang yang tidak tahu, jika dikehendaki Allah nescaya Ia mengajarkannya, iaitu satu dari kecelakaan,

(430) HR. Abu Ya'la. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6141.

(431) HR. Abu Nu'aim. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6147.

dan kecelakaanlah bagi orang yang tahu dan tidak beramal iaitu tujuh dari kecelakaan."

Hadith ini dha'if[432]

434. Diriwayatkan daripada Abu Zar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَا أَبَا ذَرٍّ! لأَنْ تَغْدُوَ فَتَعَلَّمَ آيَةً مِنْ كِتَابِ اللَّهِ خَيْرٌلَكَ مِنْ أَنْ تُصَلِّيَ مِائَةَ رَكْعَةٍ، وَأَنْ تَغْدُوَ فَتَعَلَّمَ بَابًا مِنَ الْعِلْمِ عُمِلَ بِهِ أَوْ لَمْ يُعْمَلْ خَيْرٌلَكَ مِنْ أَنْ تُصَلِّيَ أَلْفَ رَكْعَةٍ تَطَوُّعًا. (ضعيف)

"Wahai Abu Zar! Jika engkau keluar di pagi hari lalu engkau mempelajari satu ayat dari Kitabullah adalah lebih baik bagimu daripada engkau bersolat seratus rakaat, dan jika engkau keluar pagi-pagi hari lalu engkau mempelajari satu bab ilmu sama ada diamalkan ataupun tidak adalah lebih baik bagimu daripada engkau bersolat sunat seribu rakaat."

Hadith ini dha'if[433]

435. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يُوشِكُ أَنْ يَضْرِبَ النَّاسُ أَكْبَادَ الإِبِلِ يَطْلُبُوْنَ الْعِلْمَ فَلاَ يَجِدُوْنَ أَحَدًا أَعْلَمَ مِنْ عَالِمِ الْمَدِيْنَةِ. (ضعيف)

"Hampir-hampir manusia akan membelah hati-hati unta kerana mencari ilmu, maka mereka dapati tiada seorangpun

(432) HR. Sa'id bin Mansor. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6146.

(433) HR. Ibnu Majah. Dha'if Sunan Ibnu Majah 40-219, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6373, At-Targhib 1/56 dan 11/211.

yang lebih tahu daripada orang alim Madinah."

Hadith ini dha'if[434]

436. Diriwayatkan daripada Yazid bin Salamah katanya: Aku berkata kepada Rasulullah SAW:

يَا رَسُوْلَ اللّٰهِ إِنِّيْ قَدْ سَمِعْتُ مِنْكَ حَدِيْثًا كَثِيْرًا أَخَافُ أَنْ يُنْسِيْنِيْ أَوَّلَهُ آخِرُهُ فَحَدِّثْنِيْ بِكَلِمَةٍ تَكُوْنُ جِمَاعًا ، فَقَالَ: إِتَّقِ اللّٰهَ فِيْمَا تَعْلَمُ. (ضعيف)

"Ya Rasulullah! Sesungguhnya saya telah mendengar Hadith yang banyak daripada Rasulullah SAW yang saya takut yang akhirnya akan melupakan saya kepada yang mula-mulanya, maka oleh kerana itu beritahulah kepada saya dengan kalimah yang menjadi pengumpul semuanya. Rasulullah SAW lantas bersabda: Bertaqwalah kepada Allah dalam perkara yang engkau ketahui."

Hadith ini dha'if[435]

437. Diriwayatkan daripada Abu Sa'id r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَأْتِيْكُمْ رِجَالٌ مِنْ قِبَلِ الْمَشْرِقِ يَتَعَلَّمُوْنَ ، فَإِذَا جَاؤُوْكُمْ فَاسْتَوْصُوْا بِهِمْ خَيْرًا . (ضعيف)

"Akan datang kepada kamu lelaki dari pihak musyrik untuk belajar, maka apabila mereka datang kepada kamu hendaklah

(434) HR. At-Tirmizi dan al-Hakim. Dha'if Sunan at-Tirmizi 502-2833, Al-Misykat 246, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6848.

(435) HR. At-Tirmizi, Abdun bin Hamid dan al-Baihaqi. Dha'if Sunan at-Tirmizi 504-2836, Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifatul wal-Maudhu'ati 1696, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 108.

kamu berpesan-pesan supaya berbuat baik dengan mereka."

Hadith ini dha'if(436)

438. Diriwayatkan daripada Ali r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يُوْشِكُ أَنْ يَأْتِيَ عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ لاَ يَبْقَى مِنَ الْاِسْلاَمِ إِلاَّ اسْمُهُ وَلاَ يَبْقَى مِنَ الْقُرْآنِ إِلاَّ رَسْمُهُ، مَسَاجِدُهُمْ عَامِرَةٌ وَهِيَ خَرَابٌ مِنَ الْهُدَى، عُلَمَاؤُهُمْ شَرٌّ مِنْ تَحْتِ أَدِيْمِ السَّمَاءِ، مِنْ عِنْدِهِمْ تَخْرُجُ الْفِتْنَةُ وَفِيْهِمْ تَعُوْدُ. (ضعيف)

"Hampir-hampir akan datang kepada manusia satu zaman yang tiada tinggal dari Islam melainkan namanya, dan tidak kekal dari Al-Quran melainkan tulisannya, masjid-masjid mereka makmur tetapi keruntuhan dari petunjuk, para ulama mereka adalah sejahat-jahat makhluk di bawah muka langit, dari mereka keluarnya fitnah dan kepada merekalah kembalinya fitnah."

Hadith ini dha'if(437)

439. Diriwayatkan daripada Abu Salam daripada seorang khadam lelaki Rasulullah SAW katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا حَدَّثَ حَدِيْثًا أَعَادَهُ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ. (ضعيف)

(436) HR. At-Tirmizi. Dha'if Sunan at-Tirmizi 497-2802, Dha'if al-Jamiush-Shaghir 6411, al-Misykat 215.

(437) HR. Al-Baihaqi. Al-Misykat 276.

"Bahawasanya Nabi SAW apabila beliau bercakap dengan satu percakapan beliau mengulanginya tiga kali."

Hadith ini dha'if[438]

440. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لِكُلِّ شَيْءٍ طَرِيْقٌ وَطَرِيْقُ الْجَنَّةِ الْعِلْمُ.

(ضعيف)

"Tiap-tiap sesuatu ada jalan dan jalan syurga ialah ilmu."

Hadith ini dha'if[439]

441. Ibnul-Jauzi menyebutkan daripada Ibnu Abbas r.a. katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

يَا اِخْوَانِيْ تَنَاصَحُوْا فِي الْعِلْمِ وَلاَ يَكْتُمُ بَعْضُكُمْ بَعْضًا فَإِنَّ خِيَانَةَ الرَّجُلِ فِي عِلْمِهِ أَشَدُّ مِنْ خِيَانَتِهِ فِيْ مَالِهِ.

(موضوع)

"Wahai saudara-saudara! Hendaklah kamu saling nasihat menasihati dalam ilmu dan janganlah sebahagian kamu menyembunyikan kepada sebahagian yang lain kerana pengkhianatan seorang lelaki dalam ilmunya lebih keras daripada pengkhianatannya dalam hartanya."

Hadith ini maudhu'[441]

442. Ibnul-Jauzi menyebutkan daripada Abu Musa r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

---

(438) HR. Abu Daud. Dha'if Sunan Abu Daud 790-3653.

(439) HR. Ad-Dailami. Dha'if al-Jamiush-Shaghir 4728.

(440) Al-Maudhu'at 1/231.

يَبْعَثُ اللّٰهُ الْعُلَمَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَيَقُوْلُ: يَا مَعْشَرَ الْعُلَمَاءِ إِنِّيْ لَمْ أَضَعْ فِيْكُمْ إِلاَّ لِعِلْمِيْ بِكُمْ، وَلَمْ أَضَعْ عِلْمِيْ فِيْكُمْ لأُعَذِّبَكُمْ، انْطَلِقُوْا فَقَدْ غَفَرْتُ لَكُمْ. وَيَقُوْلُ اللّٰهُ عَزَّوَجَلَّ لاَ تَحْقُرُوْا عَبْدًا آتَيْتُهُ عِلْمًا فَإِنِّيْ لَمْ أَحْقُرْهُ. (ضعيف)

"Allah membangkitkan para ulama pada hari kiamat lalu berfirman: Wahai para ulama, sesungguhnya Aku tidak meletakkan ilmu Ku pada kamu melainkan kerana aku kenal mengenai kamu. Aku tidak meletakkan ilmu Ku pada kamu untuk mengazabkan kamu. Pergilah, sesungguhnya Aku telah memberikan keampunan kepada kamu. Dan Allah Azza Wa Jalla berfirman: Janganlah kamu menghina seseorang hamba yang Aku berikannya ilmu ('alim) kerana sesungguhnya Aku tidak menghinakannya."

Hadith ini maudhu'(441)

443. Diriwayatkan daripada Jabir r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ بَلَغَهُ عَنِ اللّٰهِ شَيْءٌ فِيْهِ فَضِيْلَةٌ فَأَخَذَبِهِ إِيْمَانًا بِهِ وَرَجَاءَ ثَوَابِهِ أَعْطَاهُ اللّٰهُ ذٰلِكَ وَإِنْ لَمْ يَكُنْ كَذٰلِكَ.

(موضوع)

"Barangsiapa yang sampai kepadanya dari Allah yang padanya ada keutamaan lalu ia mengambilnya kerana beriman dengannya dan mengharapkan pahalanya nescaya

(441) Al-Maudhu'at 1/263.

Allah memberikannya pahalanya walaupun ianya bukanlah demikian."

Hadith ini maudhu'[(442)]

444. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ بَلَغَهُ عَنِ اللهِ فَضْلٌ فَأَخَذَ بِذَلِكَ الْفَضْلِ الَّذِى بَلَغَهُ أَعْطَاهُ اللّهُ مَا بَلَغَهُ وَإِنْ كَانَ الَّذِى حَدَّثَهُ كَاذِبًا .

(موضوع)

"Barangsiapa yang sampai kepadanya dari Allah satu kelebihan lalu ia mengambil kelebihan (keutamaan) yang sampai kepadanya itu nescaya Allah memberikan kepadanya (pahala) apa yang sampai kepadanya walaupun yang disampaikan itu dusta."

Hadith ini maudhu'[(443)]

445. Diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ بَلَغَهُ عَنِ اللهِ فَضِيلَةٌ فَلَمْ يُصَدِّقْ بِهَا لَمْ يَنَلْهَا .

(موضوع)

"Barangsiapa yang sampai kepadanya dari Allah satu keutamaan lalu ia tidak membenarkannya maka ia tidak akan mencapai fadilat itu."

Hadith ini maudhu'[(444)]

(442) HR. Al-Hasan bin 'Arafah, Abu Muhammad al-Khallal, Al-Khatib dan Muhammad bin Thulun. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 451.

(443) HR. Al-Baghawi, Ibnu Abdil-Barri, Abu Ismail as-Samarqandi, Ibnu Asakir. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 452.

(444) HR. Ibnu Adiy. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati 453.

446. Abu Nu'aim meriwayatkan daripada Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَعَلَّمُوا الْعِلْمَ وَتَعَلَّمُوا لِلْعِلْمِ الْوَقَارَ. (ضعيف جدا)

"Belajarlah ilmu dan belajarlah mengenai sifat hormat untuk ilmu."

Hadith ini sangat dhaif[445]

447. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَرَادَ الدُّنْيَا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ وَمَنْ أَرَادَهُمَا مَعًا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ. (لا أصل له)

"Barangsiapa yang menghendaki dunia hendaklah dengan ilmu, barangsiapa yang menghendaki akhirat hendaklah dengan ilmu dan barangsiapa yang menghendaki dunia dan akhirat bersama hendaklah dengan ilmu."

Saya berpendapat ungkapan di atas tidak berasal daripada Nabi SAW. Ia tidak dijumpai dalam mana-mana kitab Hadith sahih, kitab Hadith dhaif dan kitab-kitab Hadith maudhu' tetapi ia sangat terkenal sehinggakan ia dibaca dalam khutbah-khutbah Jumaat. Saya berharap sesiapa yang menemui Hadith ini dalam mana-mana sumber dan ianya sahih atau hasan silalah hubungi saya bagi pembetulan dan saya ucapkan banyak-banyak terima kasih.

Wallahu a'lam bish-Shawab.

(445) HR. Abu Nu'aim. Silsilatul-Ahadith adh-Dha'ifatul wal-Maudhu'ati.

AL-MASHADIRU WAL-MARAJI'

1. *Mukhtashar Shahih al-Bukhari:* Al-Imam Zainuddin Ahmad bin Abdul-Latif Az-Zubaidi - Darun-Nafais.
2. *Talkhis Shahih Imam Muslim:* Al-Imam al-Faqih, Abu Al-Abbaas, Ahmad bin Umar al-Qurthubi - Darus-Salam.
3. *Mukhtashar Shahih Muslim:* Al-Imam, al-Hafiz, Abdul-Adzim bin Abdul-Qawiy, Zakiyuddin, al-Munziri - Daru Ibnu Khuzaimah.
4. *Al-Lu'lu-u wal-Marjan:* Muhammad Fuad Abdul-Baqi. Darul-Hadith.
5. *Shahih Sunan an-Nasai:* Muhammad Nashiruddin al-Albani - Maktabat-Tarbiah.
6. *Shahih Sunan Abu Daud:* Muhammad Nashiruddin al-Albani - Maktabat-Tarbiah.
7. *Shahih Sunan at-Tirmizi:* Muhammad Nashiruddin al-Albani - Maktabat-Tarbiah.
8. *Shahih Sunan Ibnu Majah:* Muhammad Nashiruddin al-Albani - Maktabat-Tarbiah.
9. *Shahih al-Jamiush-Shaghir:* Muhammad Nashiruddin al-Albani - Maktabat-Tarbiah.
10. *Shahih at-Targhib wat-Tarhib:* Muhammad Nashiruddin al-Albani - Maktabat-Tarbiah.
11. *Silsilatul-Ahadith ash-Shahihati:* Muhammad Nashiruddin al-Albani - Maktabat-Tarbiah.

12. *Shahih at-Targhib wat-Tarhib:* Muhammad Nashiruddin al-Albani - Maktabat-Tarbiah.
13. *Irwaul-Ghalil:* Muhammad Nashiruddin al-Albani. Maktabat-Tarbiah.
14. *At-Targhib wat-Tarhib:* Al-Imam, al-Hafiz, Zakiyuddin, Abdul-Adzim bin Abdul-Qawiy, Al-Munziri - Darul-Fikri.
15. *Riadhush-Shalihin:* Al-Imam, al-Hafiz Muhyiddin. Abu Zakaria, Yahya bin Syaraf an-Nawawi - Maktabah al-Jumhuriah al-Arabiah.
16. *Sunan Abu Daud:* Al-Imam al-Hafiz Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy'ath as-Sajistani - Darul-Janan.
17. *Misykatul-Mashabih:* Al-Imam Muhammad bin Abdullah al-Khatib at-Tibrizi - Al-Maktabul-Islami.
18. *Al-Maudhu'at:* Al-Imam al-Allamah Abu al-Faraj Abdur-Rahman bin Ali bin al-Jauzi al-Qurasyi - Darul-Fikri.
19. *Al-La-aa-li' al-Mashnu'ah:* Al-Imam, Jalaluddin, Abdur-Rahman as-Sayuthi - Darul-Makrifah.
20. *Tanzihusy-Syaria'til-Marfu'ati:* Al-Allamah Abu al-Hasan Muhammad bin Iraq - Darul-Kutubil-Ilmiah.
21. *Al-Mughni'an Hamlil-Asfar fil-Asafar:* Al-Imam, al-Hafiz Abu al-Fadhli, Zainuddin, Abdur-Rahim bin Al-Hussain al-'Iraqi - Maktabah Daru Thabariah.
22. *Risalah fil-Ahadith al-Maudhu'ati:* Abu al-Fadhaili Al-Hasan bin Muhammad bin al-Hasan ash-Shaghani - Maktabah an-Nahdhah al-Mishriah.
23. *Al-Athar al-Marfu'ati fil-Ahadith al-Maudhu'ati:* Abdul-Hayyi bin Muhammad Abdul-Halim Al-Laknawi - Darul-Kutubil-Ilmiah.

24. *Kasyful-Khafa':* Al-Mufassir, al-Muhaddith asy-Syaikh Ismail bin Muhammad al-Ajaluni - Muassasah ar-Risalah.

25. *Al-Fawaidul-Majmu'ah:* Syaikhul-Islam, Muhammad bin Ali asy-Syaukani - Darul-Kutubil-Ilmiah.

26. *Al-Maqashidul-Hasanah:* Al-Imam, asy-Syaikh Syamsuddin, Muhammad bin Abdur-Rahman as-Sakhawi.

27. *Al-Maudhu'at al-Kubra:* Al-Allamah Nuruddin Ali bin Muhammad bin Sulthan-Al-Mulla Ali al-Qari - Al-Maktabul-Islami.

28. *Tamamul-Munnah:* Asy-Syaikh Muhammad Nashiruddin Al-Alban - Al-Maktabatul-Islamiah.

29. *Dha'if Sunan Abu Daud:* Asy-Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani - Al-Maktabul-Islami.

30. *Dha'if Sunan at-Tirmizi:* Asy-Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani - Al-Maktabul-Islami.

31. *Dha'if Sunan an-Nasai:* Asy-Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani - Al-Maktabul-Islami.

32. *Dha'if Sunan Ibnu Majah:* Asy-Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani - Al-Maktabul-Islami.

33. *Dha'if al-Jamiush-Shaghir:* Asy-Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani - Al-Maktabul-Islami.

34. *Ghayatul-Maram:* Asy-Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani - Al-Maktabul-Islami.

35. *Sisilatul-Ahadith adh-Dha'ifati wal-Maudhu'ati:* Asy-Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani - Al-Maktabul-Islami.

36. *Mizanul-Iktidal:* Al-Imam, al-Hafiz Abu Abdullah, Muhammad bin Ahmad bin Uthman az-Zahabi - Darul-Fikril-Arabi.

37. *Mukhtarush-Shihah:* Al-Imam Muhammad bin Abu Bakar ar-Razi - Darul-Fikri.

38. *Tartib Qamus al-Muhith:* Al-Ustaz Ath-Thahir Ahmad az-Zawi - Darul-Fikri.

39. *An-Nihayah:* Al-Imam Majduddin Al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari - Darul-Fikri.

40. *Al-Munjid:* Abu Luis Ma'luf - Al-Mathba'ah al-Kathulikiah.